



ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM

# PENGAJIAN DAKWAH DAN USULUDDIN



(SIRI 5) 2024

PENYUNTING:

AEMY ELYANI MAT ZAIN . MUHAMMAD FAIZ MUKMIN ABDUL MUTALIB

**ISU-ISU KONTEMPORARI  
DALAM PENGAJIAN DAKWAH  
DAN USULUDDIN DALAM  
MEMELIHARA  
KEHARMONIAN SOSIAL  
(SIRI 5) 2024**

**PENYUNTING**  
AEMY ELYANI MAT ZAIN  
MUHAMMAD FAIZ MUKMIN ABDUL MUTALIB

**PENERBIT FPPI**  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
2024

# HAK CIPTA

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), UIS, 2024

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku digital ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)

Universiti Islam Selangor (UIS)

Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

<http://www.kuis.edu.my/fppi/>

03-89117000 ext: 7167

e ISBN 978-967-2808-46-6

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN DAKWAH DAN  
USULUDDIN DALAM MEMELIHARA KEHARMONIAN SOSIAL (SIRI 5)  
2024

---

## ISI KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
<b>KATA PENGANTAR</b>	v
<b>PRAKATA</b>	vi
<b>PENDAHULUAN</b>	vii
<b>BAB 1 KONSEP SAKINAH, MAWADDAH DAN RAHMAH (S-MAWAR) DALAM PEMBENTUKAN KELUARGA MUSLIM MENURUT AL QURAN</b> Safinah Ismail, Abur Hamdi Usman, Mariam Abd Majid, Rosmawati Mohamad Rasit, Abdul Wahab Md Ali, Zulkefli Aini & Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah	8
<b>BAB 2 PENDEKATAN PSIKOLOGI DAKWAH TERHADAP SASARAN NON- MUSLIM MELALUI NGO-I DI MALAYSIA</b> Nor Syahida Binti Hashim, S. Salahudin Suyurno, Amiratul Munirah Yahaya & Mohd Ridhuan Bin. Mohd Jamil	18
<b>BAB 3 NILAI KEBEBASAN MANUSIA DARI PERSPEKTIF ISLAM DALAM KELESTARIAN KEHARMONIAN MASYARAKAT</b> Siti Nurbalqis Baharuddin, Nur Uswah Ahmad Fauzi, Raziah Omar & Mohd Shariff al-Faateh Che Alias	37
<b>BAB 4 TOLERANSI ANTARA AGAMA DALAM PENERBITAN: ANALISIS DESKRIPTIF MENGGUNAKAN BIBLIOMETRIK</b> Aemy Elyani Mat Zain, Nazneen Ismail, Haslina Ibrahim, Nur Aisyah Abu Hassan & Safinah Ismail <sup>1</sup>	44
<b>BAB 5 PENDIDIKAN PELESTARIAN ALAM SEKITAR DALAM PENGAJIAN DAKWAH: PERANAN PENDAKWAH</b> Nur Uswah Ahmad Fauzi, Siti Nur Balqis Baharuddin & Muhammad Syakir Sulaiman	60
<b>BAB 6 KAEDAH PENGURUSAN EMOSI DALAM ISLAM</b> Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Md Zin, Nurzatil Ismah Azizan, Nurhanisah binte Senin, Dharatun Nisa Puad Mohd Kari @ Fuad Mohd Karim & Nur Asya Farhanim Ibrahim <sup>1</sup>	70
<b>BAB 7 PENAWARAN PROGRAM USULUDDIN DI FAKULTI PENGAJIAN ISLAM (FIS), UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) : SATU ANALISIS KEPERLUAN</b> Habibah Artini Ramlie, Sarip Adul, Dg. Hafizah Ag. Basir & Nor Fatin Syuhaidah Nayan	87

<b>BAB 8</b>	<b>AMALAN DAKWAH YANG DILAKSANAKAN KEPADA PESAKIT DIALISIS</b> Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mariam Abd Majid, Halim Mokhtar, Ahmad A'to'a Mokhtar & Mohd Rozalie Zahari	98
<b>BAB 9</b>	<b>ANALISIS PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP PENGIJRAHAN GOLONGAN LGBT</b> Mohd Hakim Arshad & Ulfat Zakaria <sup>2</sup>	106
<b>BAB 10</b>	<b><i>ISTIGHATHAH</i>: SUATU ANALISIS BERDASARKAN PIAWAIAN PERBANDINGAN</b> Mohamed Fairouz b. Mohamed Fathillah & Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir	110
<b>BAB 11</b>	<b>KAEDAH PSIKOTERAPI ISLAM BERASASKAN AMALAN <i>AL-KHALWAH</i> DALAM ILMU TASAWUF</b> Ahmad A'toa' Mokhtar, Ahmad Naja' Mokhtar & Siti Nasuhah Baharudin	119
<b>BAB 12</b>	<b>MEMBANGUN KEHARMONIAN SOSIAL MELALUI MEDIUM PENGUBATAN ISLAM RUQYAH SYARIYYAH: APLIKASI METODE DAKWAH AYAT 125 SURAH AN-NAHL DALAM KONTEKS KOMUNITI ORANG ASLI SELANGOR</b> Mohamad Haslan Mokhtar, Syarul Azman Shahrudin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah & Zulkefli Aini	131
<b>BAB 13</b>	<b>PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP GOLONGAN AL-RIQĀB: ANALISIS BERSANDARKAN SURAH AN-NAHL AYAT 125</b> Syarul Azman Shahrudin, Nur Uswah Ahmad Fauzi, Norsaleha Mohd Salleh, Abur Hamdi Usman, Alawiyah Tengah, Aemy Elyani Mat Zain & Raden Saidatul Akmar Hasnan	144
<b>BAB 14</b>	<b>PERBAHASAN TEODISI MENURUT SA'ID RAMADAN AL-BUTI</b> Nurhanisah Senin, Hamidun Mohamad Husin, Nazneen Ismail, Mustafa Kamal Amat Misra & Norsaleha Mohd Salleh <sup>2</sup>	153
<b>BAB 15</b>	<b>ELEMEN ETIKA KERJA ISLAM DALAM ORGANISASI : SATU SOROTAN</b> Norsyahila Asikin Azmi, Halim Mokhtar & Muhammad Yusuf Marlon Abdullah	163

<b>BAB 16</b>	<b>TERMINOLOGI FALSAFAH ISLAM DAN PERANANNYA DALAM MEMBANGUNKAN PERADABAN</b>	168
	Norsaleha Mohd Salleh, Kamal Azmi Abd Rahman & Amar Ismat Mohd Nasir	
<b>BAB 17</b>	<b>PERANAN KOMUNIKASI IBU BAPA DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK ANAK-ANAK</b>	183
	Noraini Mohamad, Safinah Ismail & Nazneen Ismail	
<b>BAB 18</b>	<b>PEMIKIRAN POLITIK IBNU TAIMIYYAH: KONSEP KESEIMBANGAN</b>	193
	Muhammad Faiz Mukmin, Hamzah Omar & Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad	
<b>BAB 19</b>	<b>TAHAP PENGETAHUAN AQIDAH DI KALANGAN MUALAF DAN FAKTOR KEMBALI MURTAD. KAJIAN DI DAERAH KLUANG</b>	198
	Siti Umiyati binti Mas'od & Dr Abdul Basit bin Samat @ Darawi	
<b>BAB 20</b>	<b>APLIKASI ELEMEN HIFZ AL-NAFS DALAM INOVASI MAKANAN HALAL DI MALAYSIA</b>	215
	Ain Khadeeja Zainuzzaman & Sumayyah Abdul Aziz	
<b>BAB 21</b>	<b>SUMBANGAN UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS) TERHADAP DAKWAH KEPADA ETNIK ORANG ASLI</b>	223
	Halim Mokhtar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah & Abdul Haiy Mahmud	

## KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

أما بعد

Rasa syukur tiada hingga dipanjatkan ke hadrat ilahi atas segala limpah kurniaNYA, Universiti Islam Selangor (UIS) menerusi Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) berjaya menerbitkan buku “Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah (Siri 5)” versi digital yang memuatkan koleksi kertas kerja yang telah dibentangkan di dalam seminar *International Conference on Islamic Civilizational Studies* (IConICS 2024).

Buku versi digital ini menghimpunkan intisari penulisan hasil penyelidikan berkaitan isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Sunnah melibatkan pelbagai skop dan batasan kajian. Korpus perbincangan antara lain menyentuh isi *maqasid al-Quran*, pengajaran dan pembelajaran hafalan al-Quran dalam talian, pengurusan emosi menurut al-Quran, kefahaman masyarakat tentang al-Quran dan al-Sunnah, aplikasi ICT istilah hadis, mukjizat saintifik ibadah puasa dalam mengubati penyakit menurut al-Sunnah serta kajian berkaitan tokoh tempatan dan antarabangsa.

Setinggi-tinggi penghargaan di ucapkan kepada Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Pelaksana serta semua pihak yang terlibat dalam proses penerbitan buku digital ini, sama ada atas kapasiti sebagai penerbit, penyunting dan penyumbang artikel. Penglibatan semua pihak merupakan dokongan utama kepada pihak fakulti dan pihak universiti dalam melastarikan pembudayaan ilmu-ilmu pengajian Islam terutama al-Quran dan al-Sunnah agar terus kekal relevan serta berdaya saing sepanjang zaman.

Besar harapan kami agar penerbitan buku versi digital ini dapat menjadi satu wadah diskusi untuk merencanakan lagi momentum kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Sunnah pada masa kini.

Sekian, Salam hormat.

**DR. ROSNI WAZIR**

Dekan,

Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)

Universiti Islam Selangor (UIS)

## **PRAKATA**

*Bismillahirrahmanirrahim.*

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat serta salam ke atas junjungan mulia Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda SAW, para sahabat RA, tabiin serta umat Islam seluruhnya. Buku “Peranan Pengajian Dakwah Dan Usuluddin Dalam Memelihara Keharmonian Sosial (Siri 5) 2024” versi digital ini mengandungi kompilasi kertas-kerja seminar *International Conference on Islamic Civilizational Studies (IConICS 2024)* yang bertemakan disiplin pengajian Dakwah dan Usuluddin. Buku digital ini menggabungkan penulisan hasil kajian para penyelidik Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berlatarkan kepakaran dalam bidang Dakwah, Usuluddin dan Perbandingan Agama.

Bab-bab dalam buku digital ini memaparkan data-data penyelidikan yang terperinci menyentuh isu-isu kontemporari berkaitan bidang Dakwah dan Usuluddin. Rangkuman isu-isu yang dikupas antaranya tertumpu kepada pendekatan dakwah dalam pelbagai konteks dan isu, pemikiran tokoh dan falsafah Islam, hubungan antara agama dan ilmu kalam, kekeluargaan, cabaran semasa yang dihadapi muallaf.

Pada kesempatan ini juga, pihak penyunting ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Universiti Islam Selangor (UIS), pihak penerbit iaitu Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) dan tidak lupa juga para penulis selaku penyumbang kertas kerja atas segala kerja sama yang dihulurkan untuk memudahkan penerbitan buku versi digital ini.

Besar harapan kami agar buku digital ini membawa manfaat yang besar kepada pembaca terutamanya pelajar, pensyarah, penyelidik dan masyarakat awam.

Sekian, selamat membaca.

**Aemy Elyani Mat Zain**  
**Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib**  
Penyunting



## **PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan kepelbagaian topik penting dalam Pengajian Islam. Ia memfokuskan kepada isu-isu kontemporari serta peranan ajaran Islam dalam pembentukan masyarakat yang harmoni dan beretika. Artikel-artikel yang terkandung dalam bab ini mencerminkan usaha para penulis untuk meneroka dan menghubungkan konsep-konsep agama Islam dengan cabaran dan keperluan masyarakat moden. Justeru, kajian bertemakan skop dan disiplin ilmu Dakwah dan Usuluddin konsisten dihasilkan serta dibentangkan terhadap khalayak dalam pelbagai seminar pada setiap tahun.

Buku 'Peranan Pengajian Dakwah Dan Usuluddin Dalam Memelihara Keharmonian Sosial (Siri 5) 2024' versi digital ini tidak terkecuali sebagai kelangsungan siri yang menghimpunkan bab-bab penulisan bertemakan penyelidikan dalam pengajian Dakwah dan Usuluddin. Bab-bab penulisan ini merupakan suntingan daripada kertas-kerja yang pada asalnya telah dibentangkan dalam seminar *Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies (IConICS 2024)* anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) yang diadakan pada 7 Ogos 2024 di Hotel Movenpick KLIA, Malaysia. Tema utama seminar kali ini adalah "Pengajian Islam Melestarikan Keharmornian Masyarakat". Pengajian Dakwah dan Usuluddin merupakan salah satu sub-tema yang diketengahkan dalam seminar tersebut.

Buku versi digital ini memuatkan bab-bab penulisan yang bertujuan untuk memberikan pemahaman lebih mendalam mengenai peranan Islam dalam menangani pelbagai isu kontemporari, sambil mengekalkan prinsip-prinsip yang telah lama dipegang dalam tradisi Islam. Bab ini juga berfungsi sebagai platform untuk memperkaya wacana akademik dan menawarkan solusi yang berasaskan ajaran Islam bagi cabaran yang dihadapi oleh masyarakat hari ini. Justeru kandungan buku ini istimewa dalam mengupas dan membicarakan permasalahan, penyelesaian serta hasil kajian berlandaskan metodologi ilmiah menurut kacamata bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunnah. Dengan itu, buku digital ini diharapkan dapat menjadi naskhah bermutu untuk rujukan pelajar, pensyarah, penyelidik serta masyarakat awam.

## **BAB 1**

### **KONSEP SAKINAH, MAWADDAH DAN RAHMAH (S-MAWAR) DALAM PEMBENTUKAN KELUARGA MUSLIM MENURUT AL QURAN**

Safinah Ismail<sup>1</sup>, Abur Hamdi Usman<sup>1</sup>, Mariam Abd Majid<sup>1</sup>, Rosmawati Mohamad Rasit<sup>2</sup>, Abdul Wahab Md Ali<sup>3</sup>, Zulkefli Aini<sup>2</sup>, Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>2</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

<sup>3</sup> Universiti Teknologi MARA (Dungun)

#### **Pengenalan**

Kajian ini membincangkan tentang konsep *Sakinah, Mawaddah dan Rahmah* (S-MawaR) dalam pembentukan Keluarga Muslim Menurut Al Quran. Dalam sesebuah keluarga, Sakinah, Mawaddah dan Rahmah (S-MawaR) ini menjadi keutamaan dalam membentuk keluarga yang harmoni. Keluarga merupakan institusi utama dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan berilmu serta melahirkan warga yang cemerlang untuk mencapai wawasan yang seimbang antara kemajuan dan pembangunan modal insan (Zulkifli et al. 2011). Keluarga adalah sistem sosial semula jadi yang mempunyai keunikan tersendiri. Dalam sistem ini, individu disatukan dengan ikatan emosi yang kuat, bersatu hati dan kekal selama-lamanya (Sadeghi et al. 2014). Menurut Enung (2012), keluarga merupakan sebuah institusi yang dibina berdasarkan ikatan perkahwinan, hidup bersama pasangan suami isteri yang sah, membentuk keluarga bahagia dan sejahtera, saling mempengaruhi, memberi perhatian, menyerahkan diri dan melengkapkan antara satu sama lain.

Roslan dan Siti Nor Shuhada (2013) berpandangan bahawa keluarga adalah gabungan beberapa orang ahli yang mempunyai tanggungjawab dan hak bersama dalam menentukan hala tuju dan kejayaan bagi sesebuah keluarga. Keluarga terbentuk kesan daripada penyatuan lelaki dan wanita mengikut hukum syarak dan hidup di bawah satu bumbung. Terdapat keluarga asas dan keluarga luas. Keluarga asas terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak. Manakala keluarga luas terdiri daripada suami, isteri, anak-anak dan saudara-mara yang lain. Dalam institusi keluarga, ibu bapa merupakan individu yang paling hampir dengan anak-anak. Mereka yang mencorakkan perkembangan peribadi anak-anak bermula dari peringkat kelahiran sehingga peringkat dewasa (Zuklifli et al. 2011). Berkeluarga dituntut dalam Islam dan setiap ahli keluarga berusaha untuk mencapai kebahagiaan, keredaan Allah SWT dan kejayaan di dunia dan akhirat (A'dawiyah 2016).

Enung (2012) pula menjelaskan bahawa keluarga adalah tempat untuk memupuk ketaatan beragama. Sifat komunikasi keluarga yang terbuka memberi peluang untuk melaksanakan ajaran agama. Justeru, keluarga yang dibina berdasarkan perkahwinan yang sah mampu

memenuhi keinginan kerohanian dan kebendaan untuk saling berkasih-sayang dan serasi bersama serta mampu mengamalkan dan memupuk nilai-nilai keimanan, ketakwaan dan akhlak mulia. Keluarga merupakan tonggak dalam membentuk peribadi manusia dan berdasarkan rasa cinta, saling menghormati, memuliakan dan terbuka dalam menerima teguran. Sementara itu, Bahrami dan Khoshbakht (2015) menjelaskan keluarga merupakan institusi suci yang berperanan sebagai pusat pendidikan dan penjagaan pasangan yang menyediakan keperluan emosi dan rohani, termasuk mencapai kedamaian dan ketenangan. Keluarga adalah satu masyarakat kecil yang menjadi tapak pertama dalam pembentukan perkembangan masyarakat dan negara.

Institusi keluarga merupakan institusi pendidikan pertama dalam kehidupan seorang insan. Keluarga juga merupakan lingkungan sosial pertama bagi anak-anak untuk berinteraksi dengan ibu bapa dan ahli keluarga. Setiap ahli keluarga memainkan peranan masing-masing. Suami bertindak sebagai pemimpin keluarga dan pencari nafkah utama. Manakala isteri pula berperanan sebagai pengurus rumah tangga dan turut bertanggungjawab bersama suami dalam urusan keluarga. Anak-anak merupakan pelengkap yang melaksanakan konsep ihsan terhadap ibu bapa (Norhafilah & Asmak 2015). Islam menganjurkan umat manusia membentuk dan membangunkan keluarga Muslim bagi mewujudkan rasa gembira, tenang dan bahagia. Sistem kehidupan yang dianjurkan oleh Islam telah mengatur waktu untuk beribadat, bekerja, berehat dan bersama keluarga (Adawiyah 2007). Institusi keluarga Muslim menjadi asas bagi melahirkan generasi soleh dan dinamik pada masa hadapan. Allah SWT menggalakkan keluarga untuk mewujudkan komunikasi yang harmoni dan mengembangkan nilai-nilai kebersamaan sesama ahli keluarga (Hanif et al. 2013; Samsinar 2019). Selain itu, individu-individu lain dalam keluarga, kawasan perumahan, persekitaran dalam dan luar rumah, sistem pengangkutan, interaksi dengan masyarakat sekitar turut memainkan peranan yang besar dalam membentuk kesejahteraan keluarga Muslim (Wan Mohd Yusuf et al. 2018a). Keluarga Muslim mempunyai matlamat hidup yang jelas iaitu untuk mencapai keredaan dan mendapat keampunan Allah SWT serta kesejahteraan dalam kehidupan sebenar di akhirat kelak (Khalil 2018). Menurut Habibie et al. (2018), institusi kekeluargaan akan bertambah kukuh apabila ibu bapa dan anak-anak mampu berkomunikasi dengan baik sehingga menyebabkan keseluruhan ahli keluarga merasakan diri mereka disayangi, dikasihi, dihargai dan dihormati

Walau bagaimanapun, kajian lepas menunjukkan bahawa umat Islam di Malaysia semakin kerap menghadapi ketidakseimbangan emosi, psikologi, dan kognitif sehingga menimbulkan masalah kecelaruan jiwa. Dan memerlukan kepada bidang psikoterapi bagi menyuntik elemen agama untuk meningkatkan aspek kesejahteraan diri dan keluarga (Abdul Rashid Abdul Aziz.2023). Menurut Nabilah et al 2020, kepincangan dalam institusi keluarga pada masa kini terutamanya dalam kes penderaan seksual kanak-kanak serta sumbang mahram dalam kalangan ahli keluarga amat membimbangkan. Di samping itu, keganasan rumah tangga berlaku kerana beberapa sebab antaranya lelaki kerana lelaki mempertahankan kuasanya kerana dianggap mempunyai kelebihan berbanding wanita, Oleh itu, mereka mendiskriminasi wanita dan melakukan sekatan dalam bidang ekonomi agar isteri bergantung kepada suami (Al Ahyar et al 2021). Oleh itu, bagi membincangkan perkara tersebut, artikel ini dilakukan bagi mengemukakan konsep *sakinah, mawaddah dan rahmah* (S-MawaR) dalam pembentukan *keluarga muslim*.

## Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan perancangan umum sesuatu penyelidikan yang dilaksanakan bagi menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat dalam menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Chua 2014). Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kualitatif. Instrumen pengumpulan data adalah berdasarkan analisis kandungan yang diperolehi daripada kitab-kitab tafsir, jurnal dan buku. Manakala analisis data bagi kajian ini adalah secara tematik. Tematik merupakan penelitian terhadap kandungan kitab, memahaminya dan menganalisis isi-isi penting yang berkaitan dengan tajuk kajian (Cosmas 2020).

## Dapatan Kajian

Keluarga merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan negara (Ratna Roshida et al. 2007). Rahmawati (2018) menyatakan bahawa keluarga merupakan komponen utama yang bertanggungjawab dalam mendidik, mengasuh dan membimbing anak-anak bagi menempuh kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, al-Quran telah membahaskan tentang penyelarasan ahli keluarga berkaitan hak dan tugas pasangan dan anak-anak dalam mencapai kebahagiaan. Islam telah menempatkan institusi keluarga pada kedudukan yang sangat penting dalam pembangunan peribadi dan masyarakat (Romero-Ruiz et al. 2017). Setiap ahli menitikberatkan suasana kerohanian dalam keluarga. Hal ini dapat memberi kesan kepada anak-anak dalam pembentukan peribadi dan menjadi panduan hidup pada masa akan datang. Antara perintah Allah SWT ialah mewajibkan setiap ahli keluarga melaksanakan ibadat fardu seperti solat, puasa, zakat dan haji (A'dawiyah 2016).

Al-Quran banyak membincangkan tentang kesejahteraan keluarga. Al-Maliki (tth) menyebutkan bahawa hukum-hukum berkaitan keluarga ini kadang-kadang diturunkan dalam bentuk umum, kadang-kadang dalam bentuk terperinci dalam ayat dan surah yang pelbagai mengikut keperluan ketika ia diturunkan[1]. Antara surah yang dilihat banyak menyentuh berhubung kekeluargaan Islam ialah Surah surah al-Nur. Pemahaman berhubung kesejahteraan keluarga juga boleh difahami secara umum daripada kandungan surah al-Baqarah, 'Ali Imran dan al-Nisa' yang banyak menyentuh perihal hukum-hukum dalam kehidupan Muslim sama ada sebagai seorang individu mahupun sebagai sebuah keluarga.

Ayat-ayat kesejahteraan keluarga secara umum seperti ayat 21 surah al-Rum. Pemahaman terhadap ayat ini akan membawa kepada pembentukan sebuah keluarga Muslim yang memberi penekanan terhadap *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* atau ringkasannya *S-MawaR*. istilah yang merujuk kepada *sakinah* (ketenangan), *mawaddah* (cinta) dan *rahmah* (rahmat) seperti dalam ayat 21 Surah al-Rum yang menjadi panduan kepada suami dan isteri dalam mencapai perkahwinan yang ideal berlandaskan prinsip Islam (Siti Zubaidah & Awang Mat 2016). Firman Allah SWT (al-Quran, al-Rum 30:21):

Maksudnya:

*Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.*

Menurut Ibn ‘Ashur (1984) , ayat ini memberikan gambaran tentang sistem hidup manusia secara umum iaitu sistem kekeluargaan serta asas dalam perkembangan zuriat dan keturunan (sistem pembiakan). Ia merupakan suatu sistem yang sangat menakjubkan serta menjadi tunjang utama dalam hidup. Tiada sesiapa yang mampu mempertikaikannya melainkan individu-individu yang sudah menyimpang akhlaknya. Justeru, ketika menafsirkan ayat ini, Ibn ‘Ashur (1984) merungkakan beberapa petunjuk yang sangat baik dalam menjelaskan kehidupan keluarga yang sejahtera dan sempurna. Antaranya:

i. Dijadikan bagi manusia itu suatu undang-undang iaitu undang-undang pembiakan (*nÉmus al-tanÉsul*).

ii. Dijadikan pembiakan manusia berlaku melalui perkahwinan bukannya seperti pembiakan tumbuh-tumbuhan yang berlaku dengan sendirinya tanpa perkahwinan.

iii. Dijadikan pasangan-pasangan manusia itu daripada jenis mereka sendiri bukan daripada jenis yang lain kerana ikatan kemesraan dan ketenangan tidak terhasil dengan jenis yang berbeza.

iv. Dijadikan dalam perkahwinan itu perasaan mesra sesama pasangan bukannya keganasan atau kemudaratan seumpama proses perkahwinan (pembiakan) katak.

v. Dijadikan sesama pasangan itu perasaan cinta dan kasih sayang yang mana pasangan suami isteri lazimnya tidak mengasihi antara satu sama lain sebelum perkahwinan. Lalu dengan perkahwinan akan lahirlah kasih sayang.

vi. Dijadikan sesama pasangan perasaan belas kasihan. Sebelum perkahwinan, tiada sebarang perasaan sedemikian seperti mana belas kasihan seorang ibu dan bapa.

Dalam ayat 21 surah al-Rum, ciri pertama sebuah keluarga yang sejahtera iaitu *al-sakinah* merujuk kepada kalimah (تسكنوا) yang bermaksud ‘untuk memberi ketenangan’. *al-sakinah* dari segi bahasa bermaksud *al-Wadi‘ah* (kelembutan) dan *al-Waqir* (ketenangan) (Ibnu Mandzur (2003). Selain ayat ini, kalimah (تسكنوا) disebut sebanyak tiga kali di tempat berbeza dalam al-Quran iaitu surah Yunus ayat 67, surah al-Qasas ayat 73, dan surah Ghafir ayat 61. Manakala penggunaan kalimah lain seperti (السكينة) sebanyak dua kali dalam surah al-Fath ayat 4 dan 18, kalimah (سكينة) sebanyak sekali dalam surah al-Baqarah ayat 248, kalimah (سكيتته) sebanyak 3 kali dalam surah Al-Taubah ayat 26 dan 40 serta surah al-Fath 26[5]. Secara zahirnya, kesemuanya merujuk kepada makna yang hampir sama iaitu ketenangan, kelembutan dan ketenteraman.

## Sakinah

Al-Sha'rawi (1997) menyebutkan bahawa ketenangan inilah yang menjadi matlamat utama dan terpenting dalam sebuah ikatan perkahwinan. Setiap pasangan berperanan untuk memberikan ketenangan kepada pasangannya. Ketenangan takkan terjadi tanpa interaksi dua hala (al-Syakrawi 1997). Jika diperhatikan kepada pemilihan kalimah dalam mengungkapkan nilai kesejahteraan sebuah keluarga dalam ayat ini, kita akan mendapati beberapa *ijaz al-'ilmi* berhubung balaghah al-Quran. Sebagai contoh, Allah SWT menggunakan kalimah (تَسْكُنُوا إِلَيْهَا) yang bermaksud 'untuk memberi ketenangan kepadanya'. Menurut kaedah bahasa Arab, kalimah yang lebih tepat digunakan di situ ialah (تَسْكُنُوا عِنْدَهَا) iaitu 'untuk memberi ketenangan di sisinya'. Namun, apabila digunakan kalimah 'ila' (kepada) menggantikan 'inda' (di sisi) ia menyerlahkan keindahan bahasa Arab yang mana sekaligus membawa maksud ketenangan yang menyeluruh serta lebih daripada yang sedia ada sehingga menjadi cenderung kepadanya. Perhatikan juga kalimah 'daripada jenis kamu sendiri' yang digunakan dalam ayat. Ia bermaksud ketenangan dalam perkahwinan hanya boleh terhasil daripada jenis yang sama sahaja iaitu sesama manusia. Kalimah 'pasangan' yang digunakan dalam ayat itu sendiri merujuk kepada sesuatu daripada jenis yang sama dengannya dan akan menyebabkan satu menjadi dua. Dalam ayat ini, ia merujuk kepada pasangan suami isteri.

Ibn Qayyim menghuraikan ayat 21 surah al-Rum dengan menyatakan bahawa Allah SWT telah menjadikan 'illah ketenangan seorang lelaki terhadap isterinya dengan menjadikan isteri tersebut daripada jenis dan *jaw'lar* (struktur tubuh) seperti. 'illah sebenar ketenangan ialah masing-masing merupakan sebahagian daripada yang lain, bukannya kerana rupa paras, tubuh badan, persepakatan dalam kehendak dan tindakan, serasi akhlak dan perangai. Namun begitu, semua itu merupakan sebahagian daripada elemen dalam ketenangan dan daripada ketenangan inilah akan melahirkan cinta atau *al-mawaddah* (Al-Jawziyyah 2008)

Al-Baghāwī (1997) dalam *Ma'alim al-Tanzil* menerangkan ayat tersebut bahawa kamu adalah daripada Nabi Adam AS. Dikatakan Hawa daripada tulang rusuk Nabi Adam AS. Dijadikan pasangan agar sentiasa berkasih-sayang dan rahmah. Tiada sesuatu yang disukai oleh mereka kecuali kerana rahmat di antara mereka. Menurut Sayyid Qutb (2000) dalam *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*, ayat ini menjelaskan keperluan manusia kepada kasih sayang, ketenangan dan kebahagiaan. Perasaan kasih sayang dan belas kasihan tersebut dapat menghasilkan dorongan positif kepada ibu bapa bagi memelihara keturunan berdasarkan syariat Allah SWT. Cinta dan kasih sayang merupakan rahmat daripada Allah SWT kepada pasangan suami isteri. Perasaan kasih sayang, rahmah dan ketenangan yang wujud dalam sesebuah keluarga membuktikan kekuasaan Allah SWT. Kasih sayang dapat membantu suami isteri bagi menyempurnakan amanah Allah SWT dalam proses pendidikan anak-anak agar terbentuk keluarga yang baik. Manakala Ibnu Kathir (1999) menyatakan ketenangan jiwa. Begitu juga al-Qurtubi 2014 menjelaskan maksudnya adalah mendapat kesenangan.

## Mawaddah

Mawaddah bermaksud al-mahabbah iaitu kasih sayang dan cinta. Ia juga diterjemahkan dengan makna al-kitab oleh Ibn al-A'rabi dan sesetengah ulama tafsir ketika menafsirkan ayat pertama surah Al-Mumtahanah[1]. Dalam konteks ayat 21 surah Al-Rum, ia merupakan kata terbitan daripada kalimah 'al-wuddu' yang bererti kasih sayang atau cinta. Ibn Sidah

mendefinisikan 'al-wuddu' sebagai cinta yang meliputi segala aspek kebaikan (Ibnu Mandzur 2003).

Mawaddah bermaksud kasih sayang, pasangan suami isteri dan ahli keluarga saling kasih-mengasihi dan tolong-menolong antara satu sama lain (Ibn Kathir 1999). Manakala al-Qurtubi (2014) membahaskan kasih sayang adalah cinta seorang lelaki kepada isterinya, Secara umumnya, kalimah *al-Mawaddah* disebut sebanyak lapan kali dalam al-Quran (Muhammad Fuad 2003). Hanya dua tempat yang membicarakan berhubung kasih sayang dalam konteks keluarga iaitu dalam surah al-Rum ayat 21 (yang menjadi titik perbincangan di sini) dan surah al-Shura ayat 23. Firman Allah SWT:

Maksudnya:

*Katakanlah: 'Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upah pun atas seruanku kecuali kasih sayang dalam kekeluargaan (Al-Shura: 23)*

Ayat ini menegaskan bahawa Nabi SAW tidak meminta sebarang ganjaran dalam berdakwah kepada kaum Quraisy. Apa yang baginda inginkan ialah rasa kasih sayang dan toleransi mereka selaku orang Quraisy yang merupakan kaum kerabat dan ahli keluarga terdekat. Begitu juga harapan agar mereka tidak mengganggu perjalanan dakwah atas dasar hubungan kekerabatan (Al-Qurtubi 2014). Justeru, ayat ini tidak hanya membataskan kasih sayang dalam konteks perhubungan suami isteri, bahkan ia melibatkan kasih sayang dalam perhubungan dengan kaum kerabat. Kasih sayang bukan hanya kepada suami isteri sahaja bahkan dipupuk dalam semua ahli keluarga menerusi layanan yang baik, pergaulan yang mesra, dan hubungan yang rapat antara ibu bapa dan anak-anak bagi mewujudkan keluarga yang harmoni (Roslan & Siti Nor Shuhada 2013). Firman Allah SWT (al-Quran, al-Nisa 4:1)

Maksudnya:

*Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya- Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut nama-Nya serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.*

al-Ṭabari (2000) dalam *Jamī' al-Bayan fī Ta'wīl al-Qur'an* menjelaskan ayat tersebut menyuruh setiap manusia agar berhati-hati daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Abu Ja'far telah berkata, berhati-hatilah wahai manusia daripada menyalahi suruhan dan larangan. Hal tersebut mengakibatkan kamu ditimpa hukuman yang kamu tidak akan mampu menanggungnya. Allah SWT menyifatkan bahawa dirinya yang esa telah mencipta semua manusia daripada satu individu dan menjelaskan bagaimana permulaan ciptaannya daripada seorang individu. Allah SWT juga menyedarkan mereka bahawa semua manusia adalah anak cucu daripada bapa dan ibu yang satu dan hak sebahagian mereka terhadap yang lain adalah wajib sebagaimana kewajipan seorang saudara terhadap saudaranya yang lain kerana semua mereka adalah daripada keturunan yang sama iaitu daripada bapa dan ibu yang sama. Justeru, kewajipan kepada semua untuk menjaga sesama mereka .

## **Rahmah**

Rahmah pula merujuk kepada perasaan belas kasihan, tola ansur, dan lemah-lembut yang sering kali diikuti oleh ketinggian budi pekerti dan akhlak yang mulia. Menurut Ibnu Kathir (1999) belas kasihan supaya dia mendapat zuriat atau memerlukan nafkah. Tanpa kasih sayang dan perasaan belas kasihan, keharmonian sesebuah keluarga boleh tergugat sehingga boleh membawa kepada kehancuran. Kebahagiaan tidak akan tercapai tanpa ada rasa belas kasihan sesama ahli keluarga. Keharmonian masyarakat bermula daripada institusi keluarga yang mampu mewujudkan ketenangan dan kemantapan hidup bersama berasaskan kepada hubungan baik dan rasa kasih sayang antara satu sama lain (Zahidah & Raihanah 2011). Rahmah memberi makna yang luas, merangkumi kasih sayang, belas kasihan, dan perlindungan. Hubungan suami isteri perlu mempunyai rasa kasih sayang yang tulus dan saling memahami, sehingga mampu mendukung ke arah kebaikan.

Pengurniaan zuriat merupakan antara hasil *sakinah* dan *mawaddah*. Kewujudan zuriat melahirkan perasaan *rahmah* seterusnya menambahkan lagi kasih belas antara suami dan isteri dan kepada anak-anak. Sifat *rahmah* ini apabila dilaksanakan dalam sesebuah keluarga akan membentuk sikap individu yang mempunyai belas kasihan dalam kehidupan seharian dan akhirnya akan menjadi tabiat apabila berinteraksi dengan orang sekelilingnya. (Nur Faezah et al 2020)

Keluarga Muslim yang bahagia menurut Islam lahir melalui akhlak dan amal yang mulia. Setiap keluarga mencontohi kehidupan berkeluarga Rasulullah SAW dan para sahabat. Justeru, setiap individu memelihara keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW melalui akidah serta meningkatkan ilmu pengetahuan sebagai inspirasi utama dalam menjaga hubungan antara manusia, termasuk sesama ahli keluarga. Amal yang baik dimulakan dengan niat, ditonjolkan dengan akhlak yang mulia, dan dilaksanakan dengan sebaiknya. Di samping itu, keselamatan jasmani dan ekonomi juga dipelihara dalam membentuk keluarga *mawaddah*, *sakinah* dan *rahmah* (Zahidah & Raihanah 2011).

Konsep *Sakinah*, *Mawaddah*, dan *Rahmah* (S-MawaR) merupakan prinsip-prinsip yang penting dalam pembentukan keluarga Muslim, sebagaimana yang dinyatakan dalam Al Quran. *Sakinah* merujuk pada kedamaian dan ketenangan yang ada dalam hubungan suami isteri. Al Quran mengajarkan bahawa Allah SWT menanamkan *sakinah* di antara suami isteri sebagai bukti kekuatan hubungan yang dibangun di atas cinta dan kasih sayang yang tulus. Manakala *mawaddah*, atau kasih sayang, adalah aspek penting dalam kehidupan berumah tangga Muslim. Al Quran menekankan pentingnya cinta dan kasih sayang antara suami isteri, ibu bapa dan anak bagi menguatkan ikatan mereka. *Mawaddah* juga mengandungi makna saling memahami, menghargai, dan mendukung satu sama lain dalam segala hal, baik dalam kebahagiaan maupun kesulitan. Seterusnya prinsip *Rahmah*. *Rahmah* merupakan belas kasihan, yang perlu ada pada suami isteri terhadap satu sama lain serta terhadap anggota keluarga yang lain. Al Quran mengajarkan bahawa dalam hubungan suami isteri, belas kasihan harus sentiasa hadir bagi menciptakan keluarga yang penuh dengan kebaikan, toleransi, dan pengampunan. *Rahmah* juga mencakupi pengertian bahawa setiap tindakan dalam rumah tangga harus dilandasi dengan perhatian yang tulus. Dalam konteks pembentukan keluarga Muslim, konsep *Sakinah*, *Mawaddah*, dan *Rahmah* menggariskan tentang kepentingan membangun hubungan yang kukuh berdasarkan prinsip-prinsip yang diajarkan oleh Al Quran. Ketiga konsep ini tidak hanya menciptakan keharmonian dalam keluarga, tetapi juga menegaskan bahawa setiap langkah dan keputusan yang diambil oleh suami



isteri , ibu bapa terhadap anak haruslah mengikuti pedoman Allah SWT untuk mencapai keberkatan dalam hidup.

## Penutup

Pembentukan keluarga Muslim memberi penekanan terhadap *sakinah, al-mawaddah* dan *rahmah*. Dalam al-Quran, terdapat beberapa istilah yang merujuk kepada *al-sakinah* (ketenangan), *al-mawaddah* (cinta) dan *al-rahmah* (rahmat). Konsep Sakinah, Mawaddah, dan Rahmah (S-MawaR) dalam keluarga Muslim, sebagaimana diajarkan oleh Al Quran, memiliki makna yang mendalam dan penting dalam membentuk hubungan yang harmonis dan berkat dalam perkahwinan. Pertama, Sakinah adalah ketenangan. Dalam rumahtangga ketenangan diharapkan oleh setiap pasangan kerana ketenangan dapat mengelakkan berlakunya konflik dalam keluarga. mengacu pada kedamaian, ketenangan, dan keharmonisan dalam hubungan suami isteri. Allah SWT berfirman dalam Al Quran bahwa Dia menjadikan antara suami dan isteri "mawaddah wa rahmah" (QS. Ar-Rum: 21), yang menandakan bahawa Sakinah hadir kerana adanya kasih sayang dan belas kasihan di antara keduanya. Sakinah membuat keluarga menjadi tempat yang aman dan nyaman, di mana setiap anggota keluarga merasa dihargai dan dihormati.

Kedua, mawaddah merujuk pada kasih sayang dan cinta yang tulus antara suami dan isteri. Melalui al-mawaddah, pasangan suami isteri dan ahli keluarga saling kasih mengasihi, tolong-menolong antara satu sama lain. Al Quran menekankan pentingnya cinta dalam rumah tangga sebagai asas yang kuat dalam membangun hubungan yang langgeng dan bermakna. Mawaddah tidak hanya mencakup rasa sayang secara emosional, tetapi juga sikap saling pengertian, perhatian, dan dukungan dalam kehidupan seharian. Ketiga, rahmah menunjukkan sikap belas kasihan dan kepedulian yang harus dimiliki oleh setiap anggota keluarga. Al-Rahmah adalah perasaan belas kasihan, tolak ansur dan lemah-lembut. Suami dan istri dituntut untuk bersikap lembut, penuh pengertian, dan saling menghormati satu sama lain. Al Quran mengajarkan bahwa belas kasihan tidak hanya terbatas pada hubungan suami isteri, tetapi juga meluas kepada seluruh anggota keluarga dan masyarakat. Secara keseluruhan, konsep-konsep ini menegaskan bahawa sebuah keluarga Muslim yang berdasarkan Al Quran akan menjadi landasan yang kukuh bagi membangun masyarakat yang beradab dan sejahtera. Dengan Sakinah, Mawaddah, dan Rahmah sebagai prinsipnya, diharapkan setiap keluarga Muslim dapat menjalani kehidupan berumah tangga dengan penuh harmoni

## Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2022. No. Geran: FRGS/1/2022/SSI13/KUIS/03/5, Universiti Islam Selangor (UIS) yang bertajuk 'Model Komunikasi Ibu Bapa Muslim dalam Acuan Keluarga Malaysia'.

## Rujukan

Al-Quran

Adawiyah Ismail (2007). *Kaunseling Islam : Kearah Pembentukan Keluarga Dinamik*. Selangor: Karisma Publication Sdn Bhd.

A'dawiyah Ismail (2016). *Keluarga Berkualiti dalam kalangan Wanita Berkerjaya*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Baghāwī, Abu Muhammad al-Husain Ma'ud (1997). *Ma'alim al-Tanzil*. Beirut: Dar 'Taiyyibah li

- al-nasyr wa al-Tauzi<sup>c</sup>.
- Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. (2008). *INĪĒm al-MuwaqqiNĒN Nān Rabb al-NŌlamĒn*. Saudi: DĒr Ibn al-Jawzi
- Al-Maliki, SayyĒd MuĀammad ‘Alawi. (T.th). *Adab al-IslĒm fi NĒĒm al-Ushrah*, Surabaya
- Al- Qurṭubī, Abi Abd Allah MuĀammad ibn Aĥmad ibn Abi Bakr (2014). *al-Jami’ li- Abkam al-Qur’an*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyah.
- Al-Sha‘rawi, MuĀammad Mutawalli (1997). *Tafsir al-Sha‘rawi*. Jil 18. Kaherah: MaĒĒbi’ al-Yawm,
- al-Ṭabari, Muhammad bin Jarir bin Yazid (2000). *Jami’ al-Bayan fi Ta’wil al-Qur’an*, juz 24. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Bahrami, M & Khoshbakht, F.(2015). The effect of family communication patterns on shiraz secondary school students’ self-concept. *Journal of Family Research* 11(2), 237–256.
- Enung Asmaya. (2012). Implementasi agama dalam mewujudkan keluarga sakinah. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi* 6(1): 1-11.
- Habibie Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad & Nurul Hudani Md Nawī. (2018). Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam pengasuhan anak dan remaja. *Asian Social Work Journal* 3(5): 18–24..
- Haniff Hassan, Jusang Bolong, Narimah Ismail, Siti Zobidah Omar & Musa Abu Hasan. (2013). Implikasi penggunaan komputer terhadap pola komunikasi keluarga dan masa berkomunikasi dalam keluarga petani Melayu di Malaysia. *Jurnal Elektronik* 4: 1–20.
- Ibn ‘Ashur. MuĀammad al-Asyur (1984). at-Tahrir wa at-Tanwir. Tunisia. Daar at-Tunisiyah li al-Nasr..
- Ibn Kathīr, Abu Fida’ Isma‘il. (1999). *Tafsir Ibn Kathīr*, Jil 1. Riyad: Maktabah Dar al- Salam.
- Ibn Mandzur, MuĀammad bin Makram. (2003). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sader,
- Khalil, Amal Ibrahim Abd El-Fattah (2016). The islamic perspective of interpersonal communication. *Journal of Islamic Studies and Culture* 4(2016): 22–37.
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom (2007). *Pendidikan dan pembangunan keluarga cemerlang*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- MuĀammad Fu’Ēd ‘Abd al-BĒqi. (2007). *Al-Mu’jam al-Mufahras li AlfaĒ al-Qu’ran al-KarĒm*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Naemah Hamzah, Ismail Mustari & Bushrah Mohd Basiron (2015). Model Pendidikan Kerohanian Terhadap Anak-anak dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam. *GJAT* 5(1): 105–117.
- Norhafilah Musa, Mumtaz Nawī & Asmak Husin (2015). Dasar keluarga mawaddah kelantan – penghayatan prinsip kekeluargaan dalam al-Quran ke arah pembinaan ummah terbaik. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa*, hlm 1-12.
- Nur Faedah Musthapar, Raihanah Hj Azahari, Bahiyah Ahmad (2020). Sakinah, Mawaddah Dan Raĥmah Dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur. *Jurnal Syariah*, 28 (1), 81-104.
- Nur Zahidah Jaapar & Raihanah Azahari. (2011). Model keluarga bahagia menurut Islam. *Journal of Fiqh* 8: 25–44.
- Roslan Mohamed & Siti Nor Shuhada Mohamad. (2013). *Keluarga muslim menurut Imam Hassan Al-Banna*. Kuala Lumpur: Hijjaz Records Publisher.
- Ratna Roshida Abd. Razak & Nik Haslinda Nik Hussain. (2007). Peranan institusi keluarga dalam penjaan bangsa bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan* 9,73–82.
- Rahmawati & Muragmi Gazali. (2018). Pola komunikasi dalam keluarga. *al-Munzir* 11(2), 163–181.
- Romero-ruiz, K., Echeverri-sánchez, L., Peña-plata, J., Vásquez-, S., Aguilera-cardona, M., Herazo-avendaño, C. & Valencia-, A. (2017). Information and communication technologies impact on family relationship. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 237(June), 30–37.

- Saeidi, M., Ajilian, M., Farhangi, H & Hasan Khodaei, G. (2014). Rights of children and parents in holy Quran. *International Journal of Pediatrics* 3-2(8), 103-113.
- Samsinar S.(2019). Pola komunikasi keluarga dalam perspektif Islam. *Jurnal Dakwah dan Sosial Keagamaan* 5(1), 1–15.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*. Jil 1. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Ahmad Jazlan Mat Jusoh & Abdul Wahab Md. Ali (2018) 'Kesejahteraan Keluarga Berdasarkan Surah Al-Tahrim Ayat 6,' Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, 15-16 September).
- Zulkifli Abd Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail. (2011). Hubungan antara penglibatan ibubapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2), 31–40.

## BAB 2

### PENDEKATAN PSIKOLOGI DAKWAH TERHADAP SASARAN NON-MUSLIM MELALUI NGO-I DI MALAYSIA

Nor Syahida Binti Hashim<sup>1</sup>, S. Salahudin Suyurno<sup>2</sup>, Amiratul Munirah Yahaya<sup>3</sup>, Mohd Ridhuan Bin. Mohd Jamil<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

<sup>2</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

<sup>3</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

<sup>4</sup> Faculty Of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak, Malaysia

#### Pengenalan

Islam merupakan agama yang dapat mempengaruhi sesuatu kelompok dengan mengubahnya ke arah kebaikan tingkah laku manusia. Menurut Syed Muhammad Naquib (1972) penghayatan Islam secara holistik bukan sahaja akan mengubah struktur zahir masyarakat, bahkan juga struktur batin mereka. Setelah kedatangan Islam di Tanah Melayu, pengaruh Islam tersebar luas dalam entiti masyarakat Melayu serta berjaya mengubah nilai, pemikiran serta kepercayaan sehingga berjaya membentuk peradaban yang berbeza daripada sebelumnya. Disebabkan itu entiti Melayu dan Islam saling berkaitan sehingga ia membentuk sosiobudaya masyarakat Melayu (Omar & H., 2014)

Secara realitinya, entiti masyarakat di Malaysia adalah hasil pembentukan multi-kultural, multi-lingual serta multi-agama. Kewujudan kumpulan dan komuniti berbeza yang lama hidup bersama-sama dan masih mengekalkan identiti mereka sendiri dalam masyarakat (Asma & Pedersen 2003). Sehubungan itu masyarakat tempatan yang terbentuk daripada hubungan etnik serta integrasi nasional menuntut suatu pendekatan yang membolehkan kesemua etnik ini dapat hidup bersama dan berusaha memajukan negara tanpa perasaan syak wasangka dan tidak selamat (kpwkm.gov.my). Hasilnya masyarakat bersifat multikulturalisme yang berinteraksi sesama mereka secara semulajadi. Hakikat sebuah keadaan multikulturalisme adalah ciptaan Allah SWT seperti mana penciptaan flora dan fauna untuk mencapai keseimbangan hidup. Ia juga merupakan langkah dan proses kenal mengenali antara satu sama lain serta dapat menyesuaikan diri dalam kelompok masyarakat yang hidup bersama (Ibrahim, G. A., 2004). Sehubungan itu, multikulturalisme bertindak sebagai proses transaksi pengetahuan dan pengalaman dalam masyarakat untuk mentafsir pandangan dunia yang berbeza serta bergerak ke arah pembaharuan budaya (Agustini, 2019).

Pengetahuan mengenai masyarakat kepelbagaian juga terdapat dalam surah al-Hujurat ayat ke 13 iaitu :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ □ وَأُنْثَى □ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا □ ا □ وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا □ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ  
اللَّهِ أَتْقَاكُمْ □ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ □ ۱۳

*Maksudnya:*

*“Wabai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih*

*takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)”*

*Al-Hujurat 49:13*

Menerusi ayat di atas, jelas membuktikan bahawa al-Quran sangat prihatin terhadap semua budaya dan tradisi (*uruf*) dalam kalangan manusia. Bahkan al-Quran menyuruh manusia bergaul, kerjasama serta berhubung dengan baik dengan entiti yang berbeza ke arah membina tamadun manusia yang lebih baik. Merujuk tafsir al-Misbah menjelaskan ayat di atas melalui peristiwa haji *wada'*(perpisahan), Rasulullah SAW menyampaikan sebuah pesanan iaitu “*Wahai manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu sama (Yang Esa), bapa kamu sama (Adam). Ketahuilah! Tiada kelebihan orang Arab ke atas ‘ajam (yang bukan Arab), atau ‘ajam ke atas Arab, atau yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, atau yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan ketakwaan di antara kamu”* [Musnad Ahmad, Kitab Majma’ Zawaid, no Hadis 22391]

Meskipun negara ini telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 60 tahun dengan berjalan seiring perkembangan dakwah Islamiah, namun masih terdapat jurang perbezaan dikotomi yang jelas antara masyarakat Bumiputera dan non Bumiputera, Muslim dan non-Muslim serta Melayu dan bukan Melayu telah membentuk persepsi dalam kalangan masyarakat berbilang anutan kepercayaan (Halim & Awang., 2016). Selain itu, berlaku fenomena dominasi kaum atau etnik tertentu terhadap sesuatu agama yang seringkali mempengaruhi interaksi sosial antara masyarakat kepelbagaian dalam negara. Menurut pengalaman perhubungan masyarakat kepelbagaian di Malaysia terdapat faktor pencetus konflik dan ketegangan yang ketara seperti aspek ketidakseimbangan sosioekonomi dan kelemahan kerajaan pemerintah yang gagal menawarkan polisi yang komprehensif dalam menangani isu masyarakat semasa. Sehingga faktor tersebut telah memanipulasikan faktor etnik dan agama sebagai pencetus ketegangan dalam masyarakat (Meerangani et al., 2020).

Pasca kemerdekaan berdepan cabaran pertambahan serta keragaman masyarakat yang memerlukan pendekatan dakwah lebih berhikmah. Ia bagi membentengi pelbagai anasir luar daripada asbab kepesatan teknologi yang terjana. Pendekatan secara berhikmah merujuk segala konteks usaha dan cara berdakwah yang harus sesuai dan menepati sasaran untuk dipengaruhi (Ab.Aziz Mohd Zin., 2001). Tafsir Hamka (1990) menjelaskan berhikmah hendaklah selari dengan kebijaksanaan membuat keputusan dengan mengutamakan perihal agama melebihi kepentingan diri dan keluarga sendiri. Maka pendakwah khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu terpaksa bersedia menempuh isu dan cabaran dakwah dalam kepelbagaian masyarakat di Malaysia (Anwar 2004). Juteru itu, Yusuf al-Qaradawi (1978) telah menyenaraikan persiapan ilmu dalam kitab *thaqafah al-Da`iyah* sebagai persiapan serta keperluan pendakwah turun ke medan. Terdapat keperluan bagi pendakwah untuk menguasai disiplin ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan merangkumi disiplin ilmu psikologi, sosiologi, falsafah dan sejarah sebagai pelengkap dalam menguruskan kehidupan bermasyarakat. Hal ini turut berhubung dengan realiti semasa serta kedudukan umat Islam yang hidup bersama masyarakat beragama/agutan serta kepelbagaian kumpulan idealogi politik dan fahaman (*isme*) di seluruh dunia (Aini, Z., & Suyurno S. S., 2014)

### **Kajian Lepas**

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana lalu mengenai pendekatan dakwah dari aspek psikologi dakwah mahupun NGO-i. Dalam artikel ini diuraikan tiga tema berikut:

- i. Kajian mengenai definisi ilmu dakwah dan psikologi dakwah
- ii. Kajian mengenai pendekatan al-Quran dalam dakwah para anbiya’
- iii. Kajian mengenai dakwah NGO-i di Malaysia

### **Definisi Ilmu Dakwah dan Psikologi Dakwah**

Makna dakwah merujuk kebanyakan ahli bahasa berasal daripada perkataan *da'aa* (دعا), *yad'uu* (يدعو), *da'watan* (دعوة) yang terbentuk dari *isim masdar*. Ibn Manzur (1994) memberi maksud hasil perkataan *da'aa* membawa kepada isim berikut iaitu دعا يدعو - دعوة yang bermaksud memanggil, menyeru, mengajak, pertolongan, memandu, menjemput, melaung dan beribadat. Makna dari sudut etimologi iaitu suatu seruan, panggilan, ajakan, undangan, doa, dorongan, permintaan, menjamu, dan memohon sesuatu (Ba'albaki.,1982). Menurut Jalal et al (2018) pemakaian istilah semasa leksikologi bagi dakwah adalah sebuah ajakan/seruan kepada dakwah tersebut memerlukan pengajak atau penyeru, yang diajak atau diseru serta yang mempunyai tujuan. Dalam konteks al-Quran, Allah SWT telah menggunakan perkataan *yad'uu* (يدعو) iaitu mengajak kepada makhlukNya. Dengan ini seruan atau ajak daripada Allah SWT sendiri sebagai penyeru/pengajak sekaligus jempunan khusus hambaNya ke syurga ( دَارِ السَّلَامِ ). Berikut firman Allah SWT membicara mengenainya ;

وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya:

*(Itulah dia kesudahan kehidupan dunia), dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sejahtera, dan Dia sentiasa memberi petunjuk hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) ke jalan yang betul lurus (yang selamat itu)*

Yunus (10: 25)

Kajian makna dakwah dari sudut terminologi memberi pengertian lebih meluas dengan mengikut bidang kepakaran sarjana yang menterjemahkan istilah dakwah tersebut. Berikut merupakan analisis maksud ilmu dakwah daripada para sarjana berkaitan dakwah:

<b>Maksud Dakwah</b>	<b>Huraian</b>	<b>Rujukan Sarjana</b>
Dakwah sebagai ajakan manusia kenal Allah SWT sebagai Tuhan	Dakwah berperanan sebagai medium menyampaikan akidah Islam kepada manusia yang sebelum ini bertuhankan selain Allah SWT. Dengan potensi dakwah akan mengajar dan merealisasikan syariat ke seluruh aspek kehidupan	Al-Bayanuniy, 1991;Hasjmy, 1994)
Dakwah sebagai agen perubahan	Dakwah telah berupaya mengubah paradigma, individu, situasi, organisasi mahupun masyarakat ke arah fitrah ciptaan Allah SWT. Setiap perubahan yang berlaku perlu berasaskan kesedaran daripada kekufuran. Dakwah bukan sekadar meningkatkan kefahaman dalam perihal agama, bahkan mampu mengubah sikap, pemikiran dan pandangan hidup individu. Namun sebagai agen perubahan, dakwah terus memainkan peranan yang lebih besar iaitu pelaksanaan ajaran Islam secara holistik	Ab. Aziz Mohd Zin, 2001; Abu Za'id Ahmad Mahmud, 2003
Dakwah sebagai pemberi kekuatan dan	Dalam proses menyampaikan dakwah, seringkali berlaku perasaan lemah dan putus asa. Namun, dengan pengertian dakwah adalah tujuan utama hanya Allah SWT, maka dengan sendirinya pendakwah akan memotivasi manusia agar sentiasa	Mustoto,2019;Ali Mahfuz, 1984

motivasi.	berbuat kebaikan. Hal ini kerana kegiatan dakwah mampu memotivasi dua pihak iaitu pendakwah dan sasaran dengan Basirah. Dengan bermatlamatkan memperoleh kebahagiaan dunia hingga akhirat. Dunia dakwah dipenuhi dengan sebaran kebaikan serta menjauhi kemungkar.	
Dakwah sebagai manifestasi keimanan kepada Allah SWT	Pelaksanaan dakwah akan melahirkan keimanan yang jitu dalam diri mukmin. Sementara itu, kemantapan iman kukuh dalam diri pendakwah akan berjaya mempengaruhi kegiatan hidup bermasyarakat seperti cara berfikir, bertingkah laku dan bertindak. Natijah berdakwah dapat menguatkan keimanan serta membimbing masyarakat sehingga membangunkan negara menurut acuan Islam dalam seluruh aspek kehidupan	Quraish Shihab., 1994
Dakwah berjaya membina akhlak Islamiah	Matlamat dakwah merupakan hasil keberkesanan mesej dakwah yang telah disampaikan kepada sasaran. Seruan dakwah utama menyeru persekitarannya melakukan kebaikan dan menghindari perbuatan tercela menatijahkan Muslim yang berakhlak. Sehubungan irtu, seruan akhlak Islamiah yang terpupuk dalam diri pendakwah akan turut tersebar dalam institusi keluarga, masyarakat dan negara. Dengan itu jelas berdakwah akan berjaya membentuk akhlak Islamiah ke atas seluruh masyarakat,justeru menyakini prinsip kesempurnaan dalam Islam.	Zain, 2019; Rachmat bin Badani Tempo et al., 2019

Sumber: Penulis 2024

Berdasarkan definisi yang telah diberikan oleh para sarjana di atas, jelas berdakwah merupakan instrumen paling signifikan dalam proses penyebaran Islamiah secara sejagat. Di samping itu terdapat beberapa disiplin ilmu yang dapat melancarkan proses berdakwah dengan mengambil kira faktor geografi, sosio-ekonomi, sosio-budaya juga pendidikan golongan sasaran. Menurut Abu Ali Ammar Hussein (2023) pendakwah yang memahami keadaan semasa/persekitaran banyak mempengaruhi cara berfikir, sikap serta pemahaman sasaran. Justeru mempelajari ilmu pelengkap seperti ilmu psikologi memudahkan mesej dakwah sampai kepada secara sasaran dengan tepat dan berkesan. Firman Allah SWT menerusi surah Ibrahim ayat ke 4 menyatakan:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ...

Maksudnya :

*Dan kami tidak mengutus seorang rasul pun, melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya dia dapat memberi penjelasan dengan terang kepada mereka...*

*Ibrahim (14:4)*

Sarana ayat di atas menjelaskan kepentingan pendakwah dalam menyampaikan mesej Islam dengan jelas dan terang. Menurut Ibnu Katsir tanda kelembutan Allah SWT terhadap hambaNya adalah dengan mengutuskan para *anbiya'* selari dengan bahasa kaum tersebut bagi memudahkan umat memahami risalahNya (ibnukatsironline.com). Menurut Ismail, A.M., (2014) terdapat beberapa faktor dalam menentukan penerimaan mesej dakwah dengan baik antaranya seperti akhlak pendakwah yang mulia, bergerak kerja dakwah secara berkumpulan atau berorganisasi, pemilihan masa dan tempat yang bersesuaian serta pengisian mesej dakwah yang bersesuaian dengan peringkat sasaran.

Ab. Aziz Mohd Zin (2001) turut membentangkan enam prinsip asas (*dawabit*) yang perlu dipenuhi dalam berdakwah terhadap sasaran non-Muslim iaitu i) penjelasan yang nyata dan terang, ii) ia mesti mudah, iii) pelaksanaan berperingkat-peringkat iv) dapat menjinakkan hati, v) menerangkan sebab munasabah di sebalik sesuatu suruhan dan larangan, vi) bersesuaian dengan keadaan sasaran. Mewujudkan interaksi dengan sasaran non-Muslim juga memerlukan prinsip toleransi dan tasamuh iaitu ia tidak terikat dengan kefahaman sesuatu mazhab sahaja. Selain mengutamakan perkara yang lebih utama serta tidak membawa isu-isu khilaf seterusnya memberi contoh imej Muslim yang baik (Mohammad Nidzam Abdul Kadir (2009). Dalam kajian Kamal Pasha Lakim (1997) memfokuskan pendekatan dakwah kepada sasaran non-Muslim orang Asli memerlukan metode dakwah *bil hal* iaitu menerapkan beberapa elemen seperti menunjukkan keikhlasan dan kemesraan, mempengaruhi ketua atau orang yang berpengaruh antara mereka, menjaga kebajikan dari aspek kesihatan dan pendidikan dan menziarahi masyarakat bagi menunjukkan keprihatinan terhadap mereka.

Kajian berkaitan psikologi dengan dakwah turut bermaksud suatu kajian mengenai ilmu pengetahuan yang mempelajari serta membahaskan mengenai segala kehidupan yang melibatkan kejiwaan dalam proses pelaksanaan dakwah (H.M. Arifin.,1991). Hal ini kerana ilmu psikologi jika digandingkan dengan pendekatan (*uslub*) dakwah mempunyai keterikatan erat dalam menghasilkan keberkesanan memahami mesej dakwah. Setiap disiplin ilmu mengkaji manusia mempunyai matlamat tertentu, bagi malamat kajian ilmu psikologi adalah mengkaji tingkah laku manusia dan proses-proses yang berlaku terhadap jiwa manusia. Merujuk terma 'psikologi dakwah adalah hasil gabungan dua perkataan iaitu 'psikologi' dan 'dakwah' yang mempunyai keterikatan antara satu sama lain. (Fariza Md Sham.,2015;Nursyafia et al., 2022).

Sasaran dakwah memiliki ciri-ciri khusus tersendiri yang memerlukan usaha menggabungkan unsur psikologi dan *uslub* dakwah mengikut tahap penerimaan yang berbeza. Misalnya dalam konteks penyampaian maksud hadis Rasulullah SAW turut menggunakan konteks yang berbeza mengikut kondisi kefahaman sahabat yang bertanya meskipun dalam isu perkara yang sama. Justeru itu, Ilmu psikologi amat bermanfaat kepada pendakwah bagi meneliti tingkah laku atau kegiatan manusia dalam mengekspresikan respon terhadap persekitaran. Al-Qaradawi (1996) menjelaskan kepentingan ilmu psikologi kepada pendakwah dapat memahami jiwa golongan sasaran, serta menumpukan kepada cara mempengaruhi jiwa mereka.

Oleh hal demikian, ia menuntut kemahiran pendakwah dalam hal ehwal mengurus manusia seperti aspek psikologi untuk menyampaikan mesej dakwah. Selain menjadi salah satu ilmu pelengkap proses dakwah, ilmu psikologi turut berperanan penting kepada diri pendakwah sendiri. Mubarak Achmad (2001) membentangkan kajian psikologi terhadap mempengaruhi sasaran merupakan kebiasaan yang telah lama diaplikasikan oleh tokoh-tokoh agama dari pelbagai agama/kepercayaan. Mereka turut usaha mempengaruhi sasaran ke arah bersikap dan bertingkah laku yang selari dengan pegangan/motif ajaran kepercayaan mereka. Justeru amat wajar bagi pendakwah menguasai teori asas mengenal pasti karenah sasaran dakwah, di samping bijak memilih metodologi dakwah yang efektif terhadap golongan sasaran tersebut (Ab. Aziz., 2003).

### ***Pendekatan al-Quran dalam dakwah Para Anbiya'***

Sejarah tamadun manusia bermula semenjak Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS serta keturunannya. Kemudiaanya mereka berkembang biak dengan pelbagai keturunan dan bangsa sehingga membina tamadun kemanusiaan yang berbeza dari pemikiran dan keperluan. Maka Allah SWT telah mengurniakan kebijaksanaan syariat sesuai pada zaman nabi itu sahaja. Seterusnya syariat terakhir menerusi kebangkitan Rasulullah SAW merupakan paling lengkap sehingga hari kiamat. Dengan lengkapnya seluruh syariat agama, maka tiada lagi keperluan



diutuskan nabi atau rasul ke dunia ini. Seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-maidah ayat 3 bermaksud “pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah mencukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redha akan Islam itu menjadi agama untuk kamu”. Berdasarkan *mafhum* lain menerusi surah Ibrahim ayat 4 “ Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia menjelaskan (bukum-bukum Allah) kepada mereka”. Dalil ini menunjukkan para *anbiya'* menggunakan bahasa yang difahami umat mereka dalam menyampaikan mesej risalah dakwah.

Menurut Shihab (2007) hubungan mesej dakwah berbentuk kalam iaitu ayat al-Quran merupakan perkataan yang mengandungi maklumat serta pengetahuan yang bermanfaat sehingga ia dapat mempengaruhi, membina idea serta mengubah cara berfikir seseorang. Misalnya pendekatan dalam al-Quran menggunakan ayat-ayat dengan kata '*qaulan*' iaitu kemampuan dalam berbicara atau berkomunikasi terhadap sasaran. Hal ini kerana kemampuan berbicara terhadap seseorang melibatkan potensi yang ada dalam diri manusia seperti roh, akal, emosi, hati dan keinginan (Fahriansyah, 2018). Merujuk makna '*qaul*' dalam al-Quran mengandungi pengertian segala perkataan mahupun ucapan yang diucapkan yang bertujuan untuk memberi makna kepada pendengar yang menerimanya. Sehubungan itu, *qaul* yang dipandu oleh al-Quran mengandungi prinsip kebaikan yang membawa manfaat serta tidak bercanggah dengan prinsip agama. Beberapa *qaulan* yang dinyatakan dalam al-Quran iaitu *qaulan tsaqila* (surah muzzamil ayat 5), *qaulan layyina* (surah taha ayat 3), *qaulan ma'rufa* (surah al-Ahzab ayat 5), *qaulan baligha* (surah an-Nisa' ayat 63), *qaulan sadida* (surah an-Nisa' ayat 6), *qaulan karima* (surah al-Isra' ayat 7), *qaulan maisura* (surah al-Isra' ayat 4) dan *qaulan ma'rufa* (surah al-Ahzab ayat 5) (Hefni, 2015; Ainissyifa et al., 2022).

Dalam al-Quran juga terkandung banyak kisah teladan serta cara pendekatan dakwah secara teladan ditunjukkan oleh para nabi dan rasul seperti Nabi Nuh AS, Nabi Ibrahim AS, Nabi Musa AS, Nabi Isa AS dan Nabi Muhammad SAW sebagai *khatam al-Anbiya'*. Berikutan keberkatan, kesungguhan, kesabaran, bertawakal serta bersyukur para *anbiya'* kepada Allah SWT dalam mengharungi perjalanan dakwah secara mental dan fizikal, mereka telah dikurniakan gelaran *Ulul Azmi*. Makna *Ulul Azmi* merujuk hamba pilihan Tuhan yang memiliki tingkat kesabaran paling tinggi, bersungguh-sungguh serta berpendirian teguh (Don & Kawangit., 2011; Saidah Asro Fauziah Siregar., 2021). Berikut merupakan analisis cabaran dakwah Rasul *Ulul Azmi* beserta pendekatan dakwah mereka dalam menghadapi sasaran dakwah mereka :

Rasul Ulul Azmi	Cabaran Dakwah	Pendekatan Dakwah
Nabi Nuh AS	Kaum Bani Rasib sangat fanatik serta obses dalam kesesatan sehingga melebihi batasan agama. Mereka berada dalam menentang kebenaran, serta berlebihan dalam kesombongannya. Selain itu mereka mencela Nabi Nuh AS dengan pelbagai ejekan seperti gila dan sesat. Sebagai Rasul pertama yang ditugaskan menyampaikan wahyu, ketika baginda berumur 50 tahun telah mengusahakan dakwah kepada kaum dan ahli keluarganya sendiri sehingga berumur 905 tahun, namun seruan dakwah baginda tetap ditolak. Kaumnya dengan jelas serta terang-terangan menolak dan menghina Nabi Nuh dengan menyatakan baginda membawa ajaran sesat.	Pendekatan dakwah Nabi Nuh AS menggunakan kaedah nasihat memberikan khabar gembira dalam masa yang sama memberikan rasa takut kepada sasaran ( <i>bi al taghdib dan bi al tarhib</i> )  (Surah al-A' raf: 7: 59)

	(Muhammad Ali Ash-Shabuni,2021), ( Surah al-A'raf: 7:60-61), (surah al-Qamar:54:9)	
Nabi Ibrahim AS	<p>Kisah dakwah Nabi Ibrahim AS terhadap keluarganya dan kaumnya. Keadaan ayah serta kaumnya menyembah berhala, bintang, bulan dan matahari dan percaya semua sebagai sebagai tuhan.</p> <p>Ideologi animisme yang dianuti oleh kaumnya membuatkan baginda berfikir bagaimana untuk membawa mereka kembali ke jalan yang betul. Nabi Ibrahim kemudiannya berdakwah dengan memberikan kefahaman kepada masyarakat dan keluarganya tentang Tuhan yang berhak disembah ialah Allah</p> <p>Nabi Ibrahim mula juga mengajak ayahnya meninggalkan berhala dan menyembah serta mentaati Allah SWT. Namun, pelawaan ditolak mentah-mentah oleh bapanya serta kaumnya. Peristiwa Nabi Ibrahim menghancurkan berhala-berhala menimbulkan kemarahan kaumnya maka baginda dibakar dikhalayak ramai (Ratnasari, 2011;Mustofa &amp; Syarifah, 2020).</p>	<p>Pendekatan dakwah Nabi Ibrahim AS yang sentiasa menjadikan dirinya sebagai contoh al-Qudwah al-Hasanah dalam menyampaikan dakwah kepada keluarga dan kaumnya.</p> <p>Ketika berhadapan dengan keingkaran kaumnya yang ingkar, Nabi Ibrahim menggunakan pendekatan perbincangan secara soal jawab.</p> <p>Ketika menyampaikan ajaran Agama Tauhid, Nabi Ibrahim AS menggunakan banyak persoalan secara logik bagi membina persepsi terhadap kaumnya agar mereka berfikir mengenai Tuhan yang sebenar bukanlah berhala (Hasyimah &amp; Khazri Os, 2022). (Surah As-Syuara':70-80)</p>
Nabi Musa AS	<p>Kisah Bani Israil banyak diceritakan oleh al-Quran antara kaum yang paling banyak menerima utusan Allah SWT (Nabi dan Rasul). Namun kesombongan kaum Bani Israil bukan sekadar tidak menerima perutusan tersebut bahkan ingkar, takbur, menentang apa yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul mereka.</p> <p>Ketika zaman Nabi Musa dianugerahkan Kitab Taurat sebagai panduan. Namun mereka mengubahnya, menganti serta menakwil dengan takwilan mengikut nafsu dan akal mereka. Sekalipun setelah kewafatan Nabi Musa AS Allah SWT mengutuskan beberapa Nabi dan Rasul yang masih mengikut syariat Nabi Musa AS, namun Kaum Bani Israil terus mengingkari utusan Allah SWT (al-Ma'idah, 5: 44).</p>	<p>Seruan dakwah Nabi Musa AS dan pembantunya Nabi Harun AS kepada Firaun merupakan perintah Allah SWT sebagai peringatan. Pendekatan yang diambil oelh kedua-dua Nabi ini adalah dengan berdebat dengan cara berhemah (<i>qaulan layyinan</i>).</p> <p>Selain itu, mereka terus menyampaikan mesej dakwah melalui khabar gembira (<i>tabshir</i>) dan khabar peringatan (<i>inzar</i>). Ketika sesi <i>jidal</i> berlangsung, kedua dua Nabi memberikan hujah</p>

		yang berilmu serta berfikiran kritis kerana mereka ingin mempengaruhi ahli sihir Firaun dengan hujah. (Nurul Nabilah Tompong & Khazri Osman, 2022). (Taha: 20:43-44).
Nabi Isa AS	<p>Kisah dakwah Nabi Isa bin Maryam ketika perutusan baginda dengan Kitab Injil yang sebahagian hukumnya terdapat bertentangan dengan Kitab Taurat. Golongan Nasrani merupakan golongan yang beriman dengan ajaran Nabi Isa AS yang merupakan kesinambungan ajaran Nabi Musa AS. Biar pun Allah SWT mengukuhkan peranan Nabi Isa AS dengan banyak kelebihan mukjizat yang tiada tandingan akal manusia ketika itu, namun Kaum Bani Israil bertambah keras mendustakannya serta ingkar kerana hasad dengki mereka terhadap utusan Allah SWT. Tambahan lagi mereka telah tersesat dan menyesatkan risalah Nabi Isa AS. Sesetengah daripada mereka mendakwa bahawa Nabi Isa AS adalah tuhan dengan pelbagai dakwaan ajaran yang tiada aslinya dalam kitab agama mereka. (A Irwan Santeri Doll Kawaid, 2021) (Ali ‘Imran, 3: 50)</p>	<p>Al-Quran turut membentangkan mukjizat baginda AS sejak bayi bagi membuktikan kerasulan kepada kaumnya. Ketika itu metode dakwah <i>bil lisan</i> menerusi pendekatan taaruf memperkenalkan diri sebagai utusan Allah. Pada masa sama, keadaan turut membawa metode <i>bil hal</i> menerusi pendekatan berfikir rasional seorang bayi dapat berkata-kata kecuali dengan izin Allah SWT. Selain itu baginda turut menggunakan metode <i>jidat</i> menerusi penghujahan dalam meyakinkan mereka tentang kebenaran Allah SWT (al- ‘Ankabut 29:46.) (Anshory et al., 2023).</p>

Sumber : Penulis 2024

Meskipun berdepan dengan pelbagai berhadapan dengan sasaran berbeza dalam penerimaan dakwah tauhid seperti golongan *al-Mala'* (golongan elit), *al-Jumbur* (orang awam) dan *al-A'si* (pelaku maksiat) dan golongan non-Muslim (kaum Yahudi dan Kristian). namun prinsip seruan para *anbiya'* masih mengekalkan iaitu seruan kepada mentauhidkan Allah SWT. Keberkesanan dalam dakwah para *anbiya'* telah membuktikan perubahan dari aspek kepercayaan serta amalan masyarakat tersebut. Hal ini kerana para *anbiya'* menuruti jalan yang sama dalam mengajar serta membimbing ummah. Menerusi surah Yusuf ayat 108 menjelaskan :

قُلْ هُدِيَهُ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعِيَ وَسَبِّحْ لِلَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ١٠٨

Maksudnya:

*Katakanlah (wahi Muhammad): Inilah jalanku dan orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain*

Yusuf 12:108

Seterusnya Rasulullah SAW berperanan sebagai *kebatam al-Anbiya'* iaitu penutup risalah kenabian dalam meneruskan usaha dakwah ke seluruh umat manusia. Perjalanan dakwah Rasulullah SAW sepanjang 13 tahun di Mekah merupakan fasa pembinaan ketahanan diri golongan awal dengan pendekatan dakwah ahli keluarga terdekat setelah turunnya suruhan Allah SWT daripada surah Asy-Shu'araa ayat 214 "Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat", Rasulullah SAW paling mengetahui tradisi dan adat jahiliyyah serta kesukaan mereka, maka baginda SAW telah menggunakan medium jamuan agar mereka berkumpul untuk mendengar permulaan dakwah Islam.

Al-Sabuni (1981) menyatakan telah berlaku dialog antara Rasulullah SAW bersama golongan pemimpin non-Muslim ketika proses penyebaran Islam. Sekurang-kurangnya tiga rombongan besar daripada golongan non-Muslim pernah berdialog dengan Rasulullah SAW iaitu i) Pihak Musyrikin Mekah ii) Kristian dan iii) Yahudi. Pihak rombongan daripada pendeta Kristian dari Habsyah (Ethiopia) telah datang berjumpa Rasulullah SAW untuk bertanyakan tentang Islam. Lalu Baginda SAW membacakan surah Yassin kepada rombongan tersebut sehingga mencapai matlamat mereka memeluk Islam dalam perbincangan yang singkat sahaja. Begitu juga kedatangan pihak non-Muslim bertemu dengan Rasulullah SAW dengan berbagai tujuan, ada yang ingin penjelasan, ada yang memberikan amaran, ada yang hanya menguji kebenaran Rasulullah SAW, serta ada yang ingin mencari penjelasan mengenai percanggahan dengan agama anutan mereka.

Hasil kejayaan dakwah Rasulullah SAW di fasa Mekah berjaya mendokong dakwah Rasulullah SAW pada fasa Madinah dengan penyebaran lebih terbuka terutama hubungan diplomatik bersama dengan pemimpin Rom, Mesir, Habshah, Parsi serta Raja-Raja Negara Madinah. Di fasa Madinah, pelbagai kombinasi pendekatan dakwah diaplikasikan dalam menghubungkan kerajaan Islam kepada pemerintah Kristian mahupun Musyrik. Sehingga akhirnya wujud gelombang *Futubat Islamiyyah* (zaman kegemilangan Islam) melalui perluasan wilayah di luar Semenanjung Tanah Arab semakin berkembang sebaik sahaja kerajaan Islam ditadbir oleh *Khulafa' al-Rashidin* (Muhammad Hamidullah, 1969; Rozali & Ab Rahman, 2017).

Demikian beberapa pendekatan dakwah dalam al-Quran menerusi pendekatan para *anbiya'* terdahulu yang wajar diberikan perhatian oleh para pendakwah masa kini. Dalam sirah Rasulullah SAW membentangkan terdapat interaksi atau perhubungan Islam dengan golongan Yahudi serta golongan non-Muslim lain yang tertakluk dalam Piagam Madinah. Secara jelasnya segala pendekatan dakwah terhadap golongan non-Muslim hanyalah berasaskan hubungan kemanusiaan yang tidak melibatkan aspek akidah pendakwah.

### ***Dakwah NGO-I di Malaysia***

Sekitar tahun 1960 -1990an, pengaruh gerakan Islam dari luar mula mencetus fenomena kebangkitan Islam dalam negara yang dikenali sebagai *Islamic assertiveness, Islamic resurgence atau Islamic revivalism*. Kesan reformis kebangkitan Islam yang berlaku di negara-negara timur tengah serta luar lain seperti di Mesir, Iraq, Syria, Pakistan, Turki, Iran dan Indonesia telah meninggalkan kesan gerakan kebangkitan Islam di Malaysia. Pelbagai perspektif cuba diamati dari aspek antropologi, sosiologi serta politik negara (Chandra Muzaffar 1987), namun apa yang pasti kesan

besar daripada kebangkitan Islam dari luar telah membawa gerakan progresif khususnya bidang dakwah Islamiah serta mengubah sudut pandang orang Melayu terutamanya dalam pengamalan dan nilai hidup Islam (Siti Ruzana Ab Ghani & Rahilah Omar, 2019).

Perkembangan dakwah Islam turut mengalami perubahan setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Setelah itu pengiktirafan Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dalam perkara 3(1) iaitu 'Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan, manakala ajaran agama lain boleh diamalkan secara aman'. Oleh hal demikian, terdapat keistimewaan kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjelaskan bahawa hanya Agama Islam sahaja diangkat menjadi agama persekutuan. Dengan ini jelas meletakkan undang-undang tertinggi seperti mahkamah, menjadi ketua agama negara serta hanya undang-undang amalan dalam negara ini adalah agama Islam serta diperuntukkan sebagai rujukan yang terpakai terhadap orang-orang Islam. Maka sebaliknya tiada penggunaan undang-undang agama lain dalam pengamalan tertinggi di Malaysia (Abdul Hamid, 2002).

Setelah itu Revolusi Iran pada tahun 1979 turut menyumbang kepada dasar Islamisasi dalam negara dengan menggerakkan penubuhan banyak NGO bersifat *religious* bagi menjaga kepentingan Islam. Bertitik tolak daripada kelebihan tersebut, beberapa peruntukan telah dijana oleh kerajaan memerintah dan disalurkan kepada NGO-i untuk menjalankan kerja-kerja dakwah Islamiah. Secara asasnya penubuhan NGO adalah sebuah badan yang bebas daripada mana mana autoriti serta tidak bermotifkan keuntungan serta bersifat sukarela. Dengan pemberian kuasa dalam perlembagaan persekutuan Perkara 12(2) hal.8 kerajaan boleh memberikan peruntukan kewangan kepada NGO-i bagi memenuhi kemaslahatan agama Islam dalam negara, maka kelebihan ini digunakan bagi mengembangkan peranan dakwah Islamiah. Selain itu kejayaan Malaysia dalam menguruskan dakwah turut diiktiraf diperingkat dunia Islam kerana menjadi pusat rujukan Islam serantau dan antarabangsa (Ismail.,A.M, 2014).

Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2001) sekurang-kurangnya terdapat tiga pihak utama yang terlibat secara langsung terhadap perkembangan gerakan dakwah di Malaysia iaitu pihak kerajaan, ilmuan Islam (secara individu) serta NGO Islam (NGO-i). Keistimewaan pelaksanaan dakwah di Malaysia boleh dijalankan secara individu mahupun berkumpulan. Kajian Abdul Munir Ismail, (2014) mendapati dakwah paling berkesan dalam konteks Malaysia adalah gerakan secara berkumpulan. Berikutan sokongan positif daripada kerajaan dengan komitmen yang diberikan terutama dalam peruntukan kewangan, maka pelbagai NGO-i muncul sebagai pertubuhan rasmi seperti PERKIM - 20 Ogos 1960, PKPIM -1961, HIKMAH - 1969, USIA - 1969, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah PBMITT (1969), ABIM - 6 Ogos 1971, Persatuan Ulama Malaysia (1972), KIMMA ( 1976), Persatuan Puteri Islam Malaysia 1981, Darul Fitrah (1990), MACMA -1994, Talibgh - Pertengahan 1952, JIM - Pertengahan 1980, PERMIM – 1973.

Gerakan dakwah yang bergerak secara NGO-i atau berkumpulan (*jamaie*) menjalankan misi seperti pendidikan, kebajikan, dakwah bil hal, kesihatan dan keagamaan (Ab. Aziz Mohd Zin et al.,2006; Mohamad Nasir Bin Noor Azemy, 2022). Mereka bertindak sebagai agen penyebar dakwah Islamiah di Malaysia serta membantu pihak kerajaan menyebarkan Islam dengan menggunakan kekuatan organisasi masing-masing. Sri Hartini Mad Noh (2015) menyatakan peranan NGO-i adalah membina masyarakat muslim ke arah yang lebih baik (*islah*). Selain turut membina perancangan dakwah yang komprehensif dalam membimbing pendakwah bagi menyampaikan dakwah kepada golongan non-Muslim. Oleh yang demikian NGO-i perlu berusaha lebih gigih menjadikan diri relevan dalam media sosial dengan menghubungkan kerjasama dengan pihak media agar dapat menyiarkan kandungan mesej Islam yang menarik serta mendapat perhatian pelbagai pihak Muslim dan non-Muslim dari seluruh dunia (Rahmah bt

Ahmad H.Osman, 2017)

Kajian Muhamad A'riff bin Khushairi (2021) membariskan beberapa NGO-i yang disenarai pendek sebagai pelaksana dakwah aktif terhadap sasaran non-Muslim dalam negara. Antaranya seperti PERKIM, MACMA, IOA, MRM, HCF, dan UNITY. Dalam sesi temu bual bersama informan yang bergerak aktif dalam dakwah terhadap sasaran non-Muslim di Malaysia kajian tersebut membentangkan program dan pendekatan yang digunakan oleh NGO- i terpilih dalam mendekati non-Muslim sebagai sasaran mereka;

NGO-i Terpilih	Program utama NGO-I	Kelebihan NGO-i Terpilih
1. PERKIM	i. Masjid <i>Tour Guide</i>	✓ Mempunyai kelebihan
	ii. <i>Street</i> Dakwah	NGO paling awal
	iii. Dakwah di Perkampungan Orang Asli	penubuhan
	iv. Dialog Harmoni (Antara Agama)	✓ Mempunyai jumlah cawangan yang banyak
	v. Majlis Sambutan Tahun Baru Cina	✓ Mempunyai dana yang mencukupi
	vi. Khidmat Nasihat Agama di Premis PERKIM	✓ Mempunyai hubungan yang baik dengan pihak kerajaan
2. MACMA	i. Masjid <i>Tour Guide</i>	✓ Mempunyai jumlah ahli yang ramai (data pada tahun 2014, jumlah ahli seramai 2568 orang)
	ii. Majlis Sambutan Tahun Baru Cina	
	iii. Program Penghayatan Islam	✓ Mempunyai program dakwah di setiap cawangan
	iv. Khidmat Nasihat Agama di Premis MACMA	
3. IAO	i. Masjid <i>Tour Guide</i>	✓ Mempunyai keupayaan menjalankan kelas-kelas agama Islam di Masjid sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan beberapa negeri lain
	ii. Ziarah Hospital	
	iii. Dakwah di Perkampungan Orang Asli	
	iv. Rumah Terbuka	
	v. Khidmat Nasihat Agama di Premis IAO	
4. HCF	i. Majlis Sambutan Tahun Baru Cina	✓ Mempunyai latihan berperingkat kepada pendakwah
	ii. Raya Harmoni	
	iii. <i>Open Your Eyes Dinner</i>	✓ Mempunyai dana yang mencukupi
	iv. Khidmat Nasihat Agama di Premis HCF	
5. MRM	i. Street Dakwah	✓ Mempunyai kemahiran dakwah di lapangan
	ii. Dakwah dari Rumah ke Rumah	
	iii. Seminar Open Talk	✓ NGO-i baru yang aktif di media
	iv. <i>Reverted Gathering</i>	
	v. Khidmat Nasihat Agama di Premis MRM	

6. UNITY	i. Dialog Harmoni ( Antara Agama)	✓ Mempunyai hubungan yang rapat dengan non-Muslim ( <i>non-Muslim friendly</i> )
	ii. Raya Harmoni	
	iii. Majlis Berbuka Puasa	
	iv. Khidmat Nasihat Agama di Premis UNITY	

Sumber: Muhamad A'riff bin Khushairi (2021) (Temu bual bersama penggerak NGO terpilih)

### Metodologi

Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan kajian teks dengan cara mengumpulkan data melalui topik yang diperbincangkan iaitu psikologi dakwah dalam al-Quran dengan pengamalan dakwah NGO-i tempatan. Beberapa dokumen diteliti dalam bentuk bercetak mahupun dalam talian seperti tafsir al-Quran, hadith dan buku-buku sirah yang muktabar. Penulis turut memastikan ketulian fakta sebelum mengambil sebagai rujukan dalam penulisan artikel ini. Seterusnya penulis meletakkan tema mewakili sub topik yang diperbincangkan dalam penulisan ini sebagai analisa secara induktif dan deduktif. Kaedah induktif banyak digunakan bagi menghasilkan analisis terhadap kajian pendekatan psikologi dakwah terhadap NGO-i tempatan. Dapatan kajian mendapati terdapat beberapa nilai atau pengamalan yang relevan terhadap situasi dakwah terhadap sasaran non-Muslim di Malaysia. Justeru pendekatan psikologi menjadi medium penyebaran dakwah Islamiah dalam konteks multi etnik di Malaysia.

### Analisa Dapatan

#### *Analisis Pendekatan Psikologi Dakwah Terhadap Sasaran Non-Muslim Melalui NGO-i di Malaysia.*

Dakwah dalam negara mula menunjukkan perkembangan semakin positif dengan penjaan daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuklah pihak NGO-i. Menurut Syamsul Bahri A Galigo (2006) prioriti berdakwah kepada sasaran non Muslim sebagai usaha menyebarkan konsep rahmatan lil a'lam dalam masyarakat kepelbagaian. Biarpun setiap pendekatan NGO-i melaksanakan pendekatan uslub, manhaj dan wasilah dakwah berbeza dengan cara masing-masing (Khairul Azhar, 2019), namun ia masih dalam kerangka metodologi dakwah menerusi surah an-Nahl ayat 125.

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَادِهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ  
هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya :

*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk*

*An-Nahl (16:125)*

Sayyid Qutub (1979) menyatakan keadaan berhikmah memerlukan beberapa aspek perhatian antaranya i) persekitaran sosial dan masyarakat sasaran ii) kesesuaian bahan dakwah terhadap sasaran tersebut dan iii) menggunakan pendekatan paling sesuai dan munasabah untuk membuka hati sasaran. Salamon (2009) memperincikan metode *al- Hikmah* merupakan metode para *anbiya'* paling mendekati kehendak wahyu. Para *anbiya'* mengamalkan sabar, lemah lembut, adil,

bijaksana dan benar dapat menghuraikan kekeliruan sama ada dari sudut strategi mahu pun sasaran dakwah.

Keduanya menerusi metode *al-Mauizah al-Hasanah* adalah metode penyampaian perlu melihat dari aspek suasana, budaya, masa dan kuantiti sasaran dakwah. Ini menjelaskan tidak semua keadaan pendakwah perlu bersuara lemah lembut saja dalam setiap keadaan. Keutamaan melihat keadaan semasa untuk menggunakan metode *al-Mauizah al-Hasanah*. Pendakwah perlu memilih perkataan yang memberi nilai nasihat yang dapat menembus hati pendengar. Sebaiknya para pendakwah menghindari daripada perkataan sindiran yang menyebabkan salah faham. (al-Syaukani)

Manakala metode *al-Mujadalah* adalah metode yang sesuai digunakan bagi menghadapi sasaran mad'u yang tidak tercapai oleh cara al-Hikmah serta tidak pula sesuai dilayan dengan *al-Mauizah al-Hasanah*. Maka ciri golongan yang berkesan dengan metode *al-Mujadalah* mempunyai sifat suka berbahas tentang sesuatu tapi masih dalam batas dan tidak terlalu mendalam. Golongan sasaran sebegini sesuai diaplikasikan metode *al-Mujadalah* agar bertukar pandangan dan fikiran secara sihat. Komentor Al-Qaradawi (1982) menyatakan *al-Mujadalah* haruslah dilaksanakan dengan dua cara iaitu *al-Mujadalah basan* dan *absan* (baik dan terbaik) sahaja.

### ***Non-Muslim di Malaysia***

Sasaran dakwah Islamiah mempunyai dua kelompok utama iaitu golongan non-Muslim dan golongan Muslim. Secara dasar makna 'non-Muslim' tidak diperincikan daripada aspek khusus terminologi. Namun secara umumnya, boleh dinyatakan definisi non-Muslim sebagai mereka yang belum/tidak mengesakan Allah SWT sebagai Tuhan serta tidak mengakui kerasulan Rasulullah SAW sebagai utusan Allah SWT (Khairul Azhar, 2016). Istilah 'non-Muslim' juga didapati dalam pemakaian makna *al-Musyrikun* atau *al-Kafirun* bagi merujuk golongan bukan Islam atau yang ingkar dengan Allah SWT. Para sarjana kontemporari turut memperkenalkan istilah non-Muslim dengan '*Ghayr al-Muslimin*' dengan tujuan dapat mengambil semangat atas saranan al-Quran dalam dakwah agar menyeru dengan pendekatan paling berhikmah (Abdul Ghafar Don., 2009).

Dalam konteks kepelbagaian di Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum utama seperti kaum Cina, Melayu dan India yang telah menetap selama lebih 5 abad. Setelah itu, terdapat juga kira-kira 80 kaum etnik yang telah pun menghuni Malaysia antaranya masyarakat Baba Nyonya, Kadazan, Dusun dan Iban dan orang asli mengikut lokaliti tertentu. Dari aspek peratusan kaum mengikut agama pula terdapat empat agama yang mendominasi kaum tertentu iaitu agama Islam (Melayu : 90.1%), agama Buddha (Cina : 97.8% dan agama Hindu (India : 98.7%). Agama Kristian pula lebih menonjol di Sabah dan Sarawak dengan memperlihatkan dominasi kaum Bumiputera lain seperti Iban dan Kadazan-Dusun menyumbang kepada 64.7% daripada jumlah penganut Kristian di Malaysia (Ahmad Tarmizi, 2014).

Berdasarkan realiti terdapat beberapa cabaran dakwah Islamiah untuk mendekati sasaran non-Muslim dalam negara antaranya, cabaran menyampaikan kefahaman Islam kepada golongan non-Muslim, cabaran memecah fahaman etnosentrisme yang berlaku dalam kelompok kaum sendiri yang masih menebal, cabaran menangkis salah faham dan persepsi negatif terhadap agama Islam serta cabaran menghadapi *Islamophobia* dan pengaruh luar (Azman et al., 2018). Selain itu daripada pihak pendakwah juga perlu memperbaiki cabaran tersebut dengan bijak menangani isu etnik dan agama dalam negara, menitik berat atau mengambil tahu elemen budaya dalam masyarakat agar dapat membina toleransi bersama, menguasai media massa dan ilmu alat seperti ilmu psikologi seterusnya menguruskan organisasi dakwah seperti NGO-i agar dapat mencapai keseragaman matlamat demi menghasilkan gerak kerja dakwah yang jitu (Khairul Azhar, 2019)



Maka tanggungjawab bagi setiap Muslim adalah berdakwah kepada golongan non-Muslim dalam kerangka pendekatan yang mampu dan fleksible. Pendekatan psikologi dakwah kepada non-Muslim dengan mengutamakan teknik psikologi dilihat lebih komprehensif dengan menonjolkan aspek kecantikan Islam, menjelaskan isu atau konsep Islam secara jelas dan nyata, menonjolkan aspek kemukjizatan, keajaiban atau kelainan, menggunakan pengulangan bagi sesuatu perkara yang penting dan utama serta menonjolkan pengamalan Islam agama yang mudah dan fleksible (Mahmood, N., 1992). Sehubungan itu, dapatan kajian ini membariskan empat pendekatan psikologi dakwah terhadap sasaran non-Muslim yang diamalkan oleh NGO-i di Malaysia.

### **1. Bantuan dan perkhidmatan**

Seruan dakwah dapat diterjemahkan dengan pelaksanaan kebajikan, menghormati nilai kemanusiaan serta menghayati kesempurnaan selari tuntutan kemanusiaan. Aktiviti dakwah yang digerakkan secara *jamaie* atau kolektif oleh NGO-i biasanya dikendalikan oleh ahli yang berpengalaman serta berkeupayaan. Antara dakwah secara *jamaie* oleh NGO-i merangkumi berbagai misi seperti kebajikan, pendidikan, keselamatan, dakwah *bil hal*, kesihatan, keagamaan dan lain-lain (Abdullah et al., 2016). NGO-i banyak menggunakan pendekatan menyalurkan bantuan dan khidmat kepada sasaran masyarakat Orang Asli dan peribumi bagi menarik minat serta membaiki kefahaman Islam ke arah lebih baik.

Masyarakat Orang Asli dan peribumi khususnya bersedia menerima Islam menerusi beberapa daya penarik iaitu kebajikan dan penghayatan agama Islam yang mudah dan benar (Hasbullah et al., 2023). Melalui aktiviti kebajikan pula ia dapat menjadi penghubung antara mereka dengan mesej Islam. Misalnya bantuan dan khidmat disampaikan kepada sasaran dakwah semasa menjalankan misi tersebut. Begitu juga dengan mesej Islam yang disampaikan secara tak langsung melalui aktiviti kemasyarakatan seperti ziarah, gotong-royong, bersukan, kesenian dan kebudayaan lebih menarik dan sejahtera. Selanjutnya ia mampu meluaskan hubungan kepada sasaran lebih luas merangkumi kekeluargaan atau kekerabatan, membangunkan persekitaran, hubungan sosial serta kemanusiaan (Nasih Ulwan, 2004).

Pendekatan seumpama menghulurkan bantuan tergolong sebagai dakwah *bil-hal* dari perspektif akhlak, memberikan khidmat serta membangunkan prasarana membentuk masyarakat sebagai modal insan dalam kehidupan bernegara (Latif et al., 2022). Dakwah *bil-hal* merangkumi segala bentuk aktiviti atau kegiatan yang dapat dirasabi dengan nyata, secara positif dan cepat. Selain bertujuan untuk mengubah atau memperbaiki kualiti kehidupan, ia turut berperanan membasmi kemiskinan, kemunduran mahupun kejahilan dalam komuniti masyarakat Justeru itu, metodologi dakwah *bil-hal* lebih cenderung menimbulkan rasa puas hati dihati sesama insan (Bah Dahdah 1419 H). Sehubungan itu, tindakan menghulurkan kebaikan, khidmat dan bantuan kepada sasaran non-Muslim adalah bertujuan mewujudkan keharmonian (*al-taayush al-silmi*) dalam situasi negara ini namun tidak bermaksud menggadaikan prinsip utama dalam Islam (Mohd Zuhdi et. al 2020).

### **2. Dialog Harmoni**

Pendekatan melalui perbincangan bersama sasaran non-Muslim merupakan cara pendekatan yang munasabah untuk memperkenalkan Islam. Ia sebagai tuntutan realiti masyarakat Malaysia masa kini terdiri daripada pelbagai bangsa merangkumi bahasa dan agama telah menyuburkan budaya dialog. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat banyak agensi kerajaan, NGO dan institusi pengajian tinggi yang terlibat dalam dialog agama secara harmoni di Malaysia. Medium dialog mengikuti perkembangan masa dan zaman sehingga ia berkembang dan meningkatnya tahap pemikiran dan keadaan sesuatu masyarakat. Banyak faktor tercetusnya budaya dialog dalam negara antara yang drastik perlaksanaan dialog antara agama mula dikesan

menjelang awal tahun 80-an atas rasa ketidakpuasan hati masyarakat non-Muslim terhadap pelaksanaan Dasar Islamisasi yang dilancarkan oleh pihak kerajaan memerintah. (Ramli & Awang, 2013)

Peranan berdialog dapat mengukuhkan integrasi serta memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk. Sekaligus telah memupuk sikap toleransi, bertolak ansur saling menghormati tanpa mengambil kesempatan atas pepecahan kaum dan agama (Ahmad Faizuddin & Jaffary.,2018). Dialog boleh berlaku dalam bentuk formal seperti forum atau diskusi ilmiah bagi tujuan membuka minda dan fikiran non-Muslim untuk mengkaji sendiri seterusnya mengetahui kebenaran agama Islam. Proses berdialog secara harmoni turut berlaku komunikasi antara budaya (*da`wah syu`ubiyyah qaba`iliyyah*) yang terhasil apabila interaksi antara pendakwah dengan sasaran non-Muslim yang terdiri daripada pelbagai suku, etnik dan budaya (Jemkhairil.,2010).

Berdialog juga boleh berlaku secara spontan dalam interaksi kehidupan seharian, sama ada di tempat kerja, atau di kawasan kejiranan. Menurut kajian (Sintang et al., 2013) berdialog merupakan kaedah sangat relevan untuk menjelaskan dilema yang dihadapi oleh saudara baru pada fasa awal pengukuhan. Hubungan harmoni saudara baru dengan keluarga asal memerlukan penjelasan kerana ahli keluarga mereka yang masih non-Muslim amat terhad pemahaman mengenai ajaran Islam. Mereka mendapati perubahan gaya hidup ahli keluarga yang telah memeluk Islam sebagai pelik dan luar biasa. Hal ini kerana rutin harian yang dibatasi dengan syariat Islam seperti memakan makanan yang halal, menutup aurat, mengerjakan solat, berpuasa di bulan Ramadhan, membaca al-Quran dan lain-lain lagi. Kebanyakan daripada non-Muslim menganggap ia perubahan yang ganjil yang drastik. Oleh itu kepentingan dialog secara berhikmah dalam hubungan Muslim–non-Muslim mampu menjana keharmonian. Hal ini kerana dalam konsep berhikmah sendiri telah menawarkan kaedah terbaik untuk menyampaikan syiar Islam terhadap golongan sasaran.

Menurut Rahimin Affandi Abd. Rahim et.al (2011) dialog yang lazim dianjurkan oleh non-governmental organisation (NGO) Islam dan bukan Islam seperti Dialog Melalui Tindakan Bersama dan Dialog Wacana Intelektual selaras dengan konseptual. Dalam proses berdialog mereka memilih untuk bersatu memperjuangkan isu-isu membabitkan kemanusiaan sejagat. Semua pihak bersetuju dengan peranan setiap agama dalam pelbagai nilai dan formula bagi menyelesaikan permasalahan masyarakat. Manakala dari sudut penglibatan, dilihat kebanyakan peserta yang menyertai dialog antara agama terdiri dalam kalangan penganut Kristian dan Buddha berbanding jumlah penganut Islam berbangsa Melayu yang masih sedikit. Sehubungan itu, berlaku dominasi kaum atau etnik tertentu dalam pengaruh agama serta ia dapat mempengaruhi interaksi sosial antara masyarakat majmuk di Malaysia (Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled., 2008).

Justeru itu, dialog secara harmoni dilihat sebagai wadah efektif bagi membina persefahaman dan sikap toleransi seterusnya menangkis persepsi negatif masyarakat non-Muslim terhadap agama Islam. Dalam berdialog ia menuntut seorang pendakwah membina hubungan serta keterampilan personaliti dengan akhlak terpuji. Berdialog dengan cara berhikmah seperti mana yang diaplikasikan para *ambiya'* iaitu menggunakan bahasa yang difahami, mudah dan menarik, menggunakan pendekatan yang berbeza mengikut tahap sasaran dakwah akan mudah mempengaruhi sasaran.

### **3. Masjid Tour**

Sejarah perkembangan Islam telah meletakkan institusi masjid merupakan platform utama pembentukan peradaban serta pembangunan ummah sejagat. Masjid bukan sekadar tempat untuk melaksanakan ibadah wajib seperti solat lima waktu, bahkan masjid merupakan pusat penyebaran

dakwah Islamiah. Dalam usaha mengimarahkan sesebuah masjid, aspek utama adalah penyertaan daripada seluruh lapisan masyarakat agar dapat menghasilkan pembangunan ummah yang berkesan. Menurut (Ab. Aziz Mohd Zin, 2009), terdapat sembilan golongan masyarakat yang wajar disantuni oleh pihak masjid seperti kanak-kanak, remaja, wanita, warga emas, orang kelainan upaya, musafir, gelandangan, transgender dan non-Muslim Masjid yang berperanan sebagai mesra ummah sentiasa memiliki ciri-ciri mendekati jemaah dengan aktiviti dan program yang dianjurkan oleh pihak masjid. Signifikan dalam menggerakkan aktiviti pengimarahkan masjid turut mengambil kira persoalan kepelbagaian pendidikan, usia, pendapatan serta agama dalam komuniti masyarakat setempat (Mohamad Rozaini et. al., 2014; Saleh, 2019).

Selain menunjukkan manifestasi penyebaran Islam yang kukuh secara langsung menggambarkan identiti Muslim yang bersifat majoriti disesebuah negara (Aziz et al, 2016), masjid turut melambangkan syiar Islam yang dapat menyatupadukan kesatuan ummah. Selain itu, unsur seni bina yang unik dan menarik dapat menjadi faktor penarik bagi pelancong untuk mengunjungi masjid. Dalam industri pelancongan Islam, masjid menjadi salah satu identiti atau subset kepada teras kemajuan pelancongan. Antara masjid yang menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara seperti Masjid Zahir di Kedah, Masjid Putra di Putrajaya, Masjid Kuala Kangsar, dan Masjid Kristal di Kuala Terengganu, Masjid Ulul Albab (Masjid Kayu Seberang Jerneh), Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam Selangor, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya, Masjid Negara dan banyak lagi. Gaya seni bina masjid di Malaysia mempamerkan ilham karya yang pelbagai dari reka bentuk klasik seni bina Melayu tradisional. Sebahagian besar daripada masjid yang dibina menggabungkan unsur-unsur tempatan dalam motif reka bentuk. Sebahagian daripada masjid ini diiktiraf di peringkat global seperti Masjid Kristal Terengganu dan Masjid Ubudiah Perak tersenarai antara masjid tercantik di dunia ([itc.gov.my](http://itc.gov.my))

Melihat potensi besar masjid-masjid di Malaysia yang menjadi destinasi Islam terkenal di seluruh dunia kerana persekitaran Islam yang sedang dibangunkan oleh ramai pihak (Shafei & Mohamed, 2015), maka Malaysia dikenali sebagai negara mesra Muslim seterusnya dapat menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak umat Islam dan pengunjung non-Muslim termasuklah makanan dan minuman halal, penginapan dan kemudahan seperti masjid dan surau. Justeru itu pendekatan masjid *tour* dalam konteks dakwah terhadap sasaran non-Muslim dapat menerusi platform ini semakin relevan.

#### **4. Street dakwah**

*Street* dakwah merupakan suatu medium kesedaran umat Islam dalam menyampaikan mesej Islam kepada non-Muslim. Ia merupakan pendekatan popular yang kian menjadi perhatian NGO-i sejak tahun 2011 di pasaran dakwah Malaysia. Aktiviti *Street* dakwah dapat membantu usaha penyebaran Islam dalam negara di samping isi penyampaian dakwah dalam bentuk santai di jalanan dapat menarik minat sasaran untuk mendapat informasi mengenai Islam (Zulkifli Ani 2013; Halim Mokhtar, 2015). Aplikasi *street* dakwah telah pun bermula fasa permulaan dakwah Rasulullah SAW ketika di Mekah. Peringkat awal dakwah Rasulullah SAW mencatatkan pendekatan dakwah secara penawaran (*manhaj al Ardhiyyah*) iaitu Rasulullah SAW mendekati sasaran dakwah yang kebanyakan dari luar Mekah datang menziarahi Mekah untuk berniaga dan urusan haji. Mekah mempunyai pasar-pasar tumpuan ramai seperti Pasar Ukaz, Pasar Dzul Majaz serta Pasar Majnah terletak di kawasan Mina. (Al Umari, A. D., 2022).

Umumnya pasar adalah tempat kepentingan ekonomi di Mekah begitu juga urusan haji yang menjadi tradisi sejak zaman Nabi Ibrahim AS mengunjungi Mekah. Tanpa melepaskan peluang tersebut Rasulullah SAW menggunakan peluang ini menyeru Masyarakat dengan kata-kata yang menguntungkan seperti "*Hai sekalian manusia, katakanlah bahawa tiada Tuhan selain Allah SWT,*

*jika kalian mahu mengatakannya, maka kalian akan beroleh kebahagiaan serta dapat menguasai bangsa Arab. sementara orang-orang asing lain akan tunduk dibawah kalian, Apabila kalian mahu beriman, maka kalian akan menjadi raja-raja di syurga”* (Ibnu Saad 1980). Pendekatan tawaran ini Rasulullah SAW menggunakan saban tahun, meskipun menerima banyak tantangan daripada para pemuka Mekah, namun pada tahun ke 11 kenabian, Baginda SAW memperoleh kejayaan dengan menerima baiat daripada khabilah Khazraj sebagai salah satu bangsa terkemuka di Yathrib (Madinah) ketika itu. Seterusnya melalui permulaan tersebut berlakunya perjanjian Aqabah pertama dan kedua dan seterusnya siri hijrah Rasulullah SAW ke Madinah dengan kejayaan pembinaan sebuah negara (Mohd Nasir, 2022 ).

## Penutup

Peranan dakwah Islamiah menggunakan pendekatan psikologi merupakan elemen mustahak dalam menggerakkan perubahan kepada sasaran non-Muslim menuju kesejahteraan dunia dan akhirat. Selain ia bertindak sebagai jalan penyelesaian kepada penyakit atau masalah sasaran, ia turut mendorong pendakwah bagi mengoptimumkan keberkesanan mesej dakwah kepada golongan non-Muslim. Pendekatan psikologi dakwah menjadi *uslub* dalam melancarkan gerak kerja dakwah NGO-i terhadap sasaran non-Muslim dalam menyebarkan ajaran Islam. Sehingga kini usaha dakwah perlu bergerak berterusan sehingga penilaian terakhir iaitu mengubah dasar keimanan sasaran kembali mentauhidkan Allah SWT

## Rujukan

- A. Hasjmy (1994), *Dustur Dakwah Menurut Al-Quran*, Jakarta, Bulan Bintang, Cetakan ketiga
- Ab.Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001
- Abdul Munir Ismail, (2014) *Dakwah suatu tuntutan dalam Islam*, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Abdullah, A., & Pederson, P. B. (2003). *Understanding multicultural Malaysia delights, puzzles and irritations*. Pearson Malaysia Sdn. Bhd
- Abdullah, B., Laki, A. F., Yusoff, Z., & Mansor, N. S. A. (2016). Pelaksanaan dakwah kepada masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 12(1), 59–70.
- Abu Ali Ammar Hussein (2023), *Da'wah Strategy According To The Qur'an*, Blurb Incorporated,
- Abu Za'id, Ahmad Mahmud. (2003). *Pendakwah masa kini: sikap & pendekatan*. Terjemahan. Usamah Hussein. Kuala Lumpur:
- Agustini, S. (2019). *Pendidikan multikultural dalam kitab tafsir al-Misbah dan al-Azhar (studi komparatif surah al-Hujurat ayat 13)*. Institut Agama Islam Negeri Palangka Raya.
- Ahmad Faizuddin & Jaffary Awang. (2018). Sejarah Dialog Antara Agama di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 10(2), 169-190.
- Aini, Z., & Suyorno, S. S. (2014). *Hubungan Antara Pendakwah Dengan Mad'u Dalam Komunikasi Insan*. Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan. Anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat. Johor.
- Ainissyifa, H., Jamaluddin, D., Farham Hikam, F., & Kusuma Nindyah, I. (2022). Analysis of the qaulan concept in the Qur'an as a communication model for educators and learners. *International Journal of Islamic Khazanah*, 12(1), 72–85. <https://doi.org/10.15575/ijik.v12i1.16610>
- 'Ali Mahfuz (1984), *Fan al-Khitabah wa 'Idad al- Khatib*, Qaherah: Dar al-Nasr. Ali Muhammad Mokhtar (1420H), *Daur al- Masjid fi al-Islam*, Makkah
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1996). *Thaqafah al-da'iyah*. Cairo: Maktabah Wahbah

- Anwar Ibrahim. (2004). Koleksi Ucapan dlm. *Meniti Sejarah Melakar masa Depan Islami*. Unit Perpustakaan Audio/Visual. ABIM Kedah. pada 28 November 2004. Anjung Rahmat. Gombak: Selangor.
- Azman, S., Shaharuddin, B., Yusuf, M., Bin, M., Sahlawati, A., Abu, B., Siti, B., Binti, K., & Hamzah, M. (2018). Persepsi masyarakat non-Muslim terhadap dakwah Islam di Malaysia. *International Conference on Islamiyyat Studies*.
- Bah Dahdah, Ahmad. 1419H. *Muqanwamāt al-Da'iyah al-Najīb*. Jedah: Dar Andalus.
- Fahriansyah, F. (2018). Filosofis Komunikasi Qaulan Syakila. Alhadharah: *Jurnal Ilmu Dakwah*, 17(34), 16-27.
- Fariza Md. Sham. (2015). Kemahiran psikologi dakwah kepada golongan remaja. *Jurnal Hikmah*. Vol. 7 No. 1 muka surat 33.
- Galigo, S. B. A. (2006). *Anjakan paradigma dakwah dalam menghadapi pelampau agama*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- H.M. Ariffin (1991). *Psikologi Dakwah*, Pengantar Studi. Jakarta,
- Haji Kamal Pasha Lakim. (1997). Dakwah Kepada Puak Asli di Negara Brunei Darussalam: Suatu Kajian Dari Sudut Metode, Cabaran dan Harapan. *Human Sciences* 2(1): 087-098
- Halim, M. N. A., & Awang, J. (2016). Tahap persepsi Muslim dan non-Muslim mengenai hubungan interaksi antara agama: kajian tinjauan di Negeri Kedah dan Selangor. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 104–124.  
<http://www.ibnukatsironline.com/2015/06/tafsir-surat-ibrahim-ayat-4.html>  
<https://itc.gov.my/mosque-trails-in-malaysia/> Retrived 13 June 2024
- Ibn Manzur. 1994. *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Sadir/ Dar Al-Fikr.
- Ibrahim, G. A. (2004). *Mengelola pluralisme*. Grasindo Jakarta dan Unkhair Ternate.
- Jalal, B., Saayah, A., Sayuti, I., & Ghani, A. (2018). Dinamika pendakwah melaksana dakwah pelbagai etnik. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(1).
- Khairul Azhar, M. (2019). Cabaran dakwah terhadap golongan non Muslim di Malaysia. *Jurnal Mam"izah*
- Khambali, K. M., & Haled, M. H. M. (2008). Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81-92.
- Laporan Akhir “Kajian Inventori Penyelidikan Pembangunan Sosial di Malaysia 2001-2005” – Kajian Mengenai Hubungan Etnik dan Integrasi Nasional, Retrived 25 June 2024
- Latif, M. N. H. A., Aisyah Dollah @ Abdullah, A. D. @ A., Ariffin, I., Ramli, M. F. M., Salleh, S. F., Embong, R., Mansor, N. S. A., & Abdullah, B. (2022). Penerapan konsep dakwah bi al-Hal dalam mendepani dunia siber di kalangan masyarakat Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* Volume, 5(3), 80–93.  
<https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/324/261>
- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Pengantar psikologi satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Meerangani, K. A., Rosele, M. I., & Marinsah, S. A. (2020). Pendekatan wasatiyyah dalam interaksi inter-agama di Malaysia. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 31(2), 19.
- Mubarok, A. (2005). Pencegahan Terorisme Dengan Pendekatan Islamic Indegenous Psychology. *Jurnal Psikologi Islam*, 1(1), 55-72.
- Muhamad A'riff bin Khushairi (2021)Penilaian terhadap program dakwah NGO Islam kepada non Muslim ( Sarjana Disertasi, Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Muhammad Hamidullah. 1969. *Majmu'at al-wathaiq al-siyassiyah*. Beirut: Dar al-Istiqamah
- Mustoto. (2019). Dakwah multikultural (metode dakwah Nabi Muhammad kepada non muslim). *Jurnal Dakwah Dan Ilmu Komunikasi*, 61(1).

- Nursyafia, K., Abdul, K., & Osman, K. (2022). Peranan psikologi dalam berdakwah kepada masyarakat non- Muslim. *ResearchGate*, August.
- Pendekatan psikologi dakwah dalam al-Quran : kajian terhadap dakwah Nabi Musa A.S. dan Nabi Ibrahim A.S. / Ahmad Jafri bin Bahar. Tesis (Sarjana Pengajian Islam) - Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011
- Omar, B. bin H. P., & H., M. N. bin. (2014). Islam dan kebudayaan Melayu di era globalisasi di Malaysia. *Sosial Budaya: Media Komunikasi Ilmu-Ilmu Sosial Dan Budaya*, Vol.10, 115–123.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2011. Dialog Antara Agama: Realiti Dan Prospek Di Malaysia. *Kajian Malaysia* 29(2): 91-110.
- Rahmah bt Ahmad H.Osman. (2017). The efforts of Malaysian muslim NGOs in spreading the message of peace in Malaysia: activities and challenges. *Asiatic*, 11(2), 92–101.
- Ramli, A. F., & Awang, J. (2013). Amalan dialog antara agama dalam kalangan ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor Dan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI). *Jurnal Hadhari*, 6(2), 35–53. [www.ukm.my/jhadhari](http://www.ukm.my/jhadhari)
- Rozali, E. A., & Ab Rahman, Z. (2017). Kecemerlangan futuhat Islamiyyah era Khulafa' al-Rashidin. *Journal of Al-Tamaddun*, 12(2), 25–40
- Saleh, M. S. B. M. (2019). Pengimaran masjid : Masjid Mesra Ummah – Isu dan cabaran. *Conference on Mosque, Zakat and Waqf Managemen*, October, 297–305.
- Shihab, M. Q. (2002). *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati, 2, 52-54.
- Sintang, S., Khambali, K. M., Baharuddin, A., Senin, N., Shahrudin, S., Yon, W. A. W., Malek, B., Ahmad, M., & Nor, M. R. M. (2013). The dialogue of hikma: generating harmony in muslim-non-Muslim relations. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 24(2), 213–224. <https://doi.org/10.1080/09596410.2013.772328>
- Siti Ruzana Ab Ghani, Rahilah Omar, A. M. E. & R. K. (2019). Struggle of da'wa by Abim in Malaysia 1971-2000: Perjuangan dakwah gerakan Islam Abim Di Malaysia 1971-2000. *Al-Qanair: International Journal of Islamic Studies*, 13(2), 14–39. <http://al-qanair.com>
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan*, ABIM, Petaling Jaya.
- Tempo, R. B. B., Yunta, A. H. D., & Anshor, S. B. (2019). Tinjauan Fikih Terhadap Nasihat kepada Penguasa. Nukhbatul'ulum: *Jurnal Bidang Kajian Islam*, 5(2), 106-124.
- Zakaria, I. (2015). “Watak Damai dan Toleran Islam di Nusantara.” *Umran: The Journal of Muslim Affairs* 1.1 (2015): 17-40.

## BAB 3

### NILAI KEBEBASAN MANUSIA DARI PERSPEKTIF ISLAM DALAM KELESTARIAN KEHARMONIAN MASYARAKAT

Siti Nurbalqis Baharuddin,<sup>1</sup> Nur Uswah Ahmad Fauzi,<sup>2</sup> Raziah Omar,<sup>3</sup> Mohd Shariff al-Faateh Che Alias<sup>4</sup>

<sup>1,2,3</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>4</sup> Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI)

#### Pengenalan

Kebebasan merupakan antara nilai kemanusiaan dalam Islam yang telah menyelamatkan manusia dari segala bentuk tekanan, paksaan, kediktatoran dan penjajahan. Kebebasan secara umumnya meliputi kebebasan beragama, kebebasan berfikir, kebebasan berpolitik, kebebasan *madaniyyah* dan segala bentuk kebebasan yang hakiki dalam mencari kebenaran. Umat Islam diberi pilihan dalam menggunakan kebebasan dengan menggunakan akal, disamping mengelakkan perkara yang dimurkai oleh Allah s.w.t.. Kebebasan yang sering disalah erti ialah bebas melakukan setiap perkara bagi memenuhi keinginan hati dan nafsu, meskipun bercanggah dengan landasan agama atau bertentangan nilai kemanusiaan. Hal ini telah menodai fitrah semula jadi manusia yang sebenar atas alasan kebebasan yang dilaungkan.

Umat Islam bersifat terbuka terhadap setiap perkara yang mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada agama Islam. Oleh itu, kepentingan untuk memahami nilai kebebasan menurut perspektif Islam amat diperlukan dengan menilai perbezaan konsep-konsep kebebasan yang lain seperti kepentingan kebebasan individu sehingga mengabaikan prinsip agama untuk memiliki kebebasan mutlak seperti yang diperjuangkan kebanyakan masyarakat Barat.

#### Nilai Kebebasan dari Perspektif Islam

Nilai kebebasan berkaitan dengan kecenderungan manusia untuk membentuk jati diri melalui autonomi manusia sebagai simbol kedewasaan manusia. Kebebasan adalah nilai khas kemanusiaan dan makhluk lain tidak memilikinya. Namun kebebasan manusia tetap terbatas dalam lingkungan rasa kebergantungan terhadap Allah s.w.t.. telah menyatakan bahawa nilai kebebasan manusia dalam konsep Islam dari aspek sosial manusia adalah seperti berikut (Zubair A. C., 1994):

1. Kebebasan jasmani, apabila tidak berada di bawah sebarang paksaan.
2. Kebebasan rohani, apabila bebas dari tekanan psikologi.
3. Kebebasan normatif, apabila tidak berada di bawah tekanan atau ancaman untuk melakukan kewajiban dan larangan.

Rajah 1. Nilai Kebebasan Manusia dalam Konsep Islam dari aspek sosial

Kombinasi antara kebebasan jasmani dan rohani mewujudkan hubungan yang erat bahawa kebebasan jasmani bersandarkan pada kebebasan rohani, sekaligus membuktikan manusia mampu dan sanggup untuk melakukan setiap sesuatu tindakan. Manakala kebebasan normatif merujuk pada konsep kebebasan yang berdasarkan prinsip-prinsip atau norma-norma moral dan etika yang diakui oleh masyarakat. Maka gangguan terhadap kebebasan jasmani dan rohani akan memberi kesan terhadap kecenderungan individu melakukan sesuatu kerana kebebasan normatif menjadikan manusia mempunyai upaya melakukan sebarang tindakan.

Justeru, manusia adalah makhluk terbaik yang diciptakan oleh Allah kerana mempunyai kelebihan berbanding makhluk lain yang ditaklifikan sebagai *kebalifatuallah fi al-ard* sepertimana yang dinyatakan di dalam surah al-Baqarah ayat 30-34. Pengetahuan manusia diperoleh dari kekuatan pancaindera, naluri, akal dan petunjuk yang berasal dari wahyu (hidayah). Bahkan akal mendapat kedudukan yang istimewa kerana mengatasi tingkat kebenaran pancaindera dan naluri, sekaligus dapat membantu kebenaran wahyu. Perspektif Islam menjelaskan bahwa akal adalah daya rohani untuk memahami kebenaran. Ia bekerja dengan menggunakan fikiran dan qalbu dan saling berhubungan secara teratur. Perkataan *al-aql* di dalam bahasa Arab selain bererti fikiran dan intelek, ia juga bermaksud ikatan iaitu yang mengikat manusia dengan Tuhan (Hamka, 2004).

Akal membezakan manusia dengan makhluk lain menyebabkan manusia bertanggungjawab atas perbuatannya, ia juga sebagai penentu kebebasan manusia. Akal manusia dijadikan Allah sebagai pedoman dalam menentukan pemberian pahala atau hukuman (dosa) kepada manusia. Makhluk selain manusia yang tidak dianugerahi akal tidak bertanggungjawab atas hasil tindakannya. Bahkan manusia yang akalnya tidak berfungsi juga tidak bertanggungjawab atas perbuatan dan keputusan tindakannya. Oleh itu, manusia mempunyai kemampuan untuk mengembangkan potensi diri untuk memenuhi tugas kekhilafahan di bumi bergantung kepada batas keterbukaan perbuatan manusia untuk memenuhi tanggungjawab terhadap Allah sebagai pencipta (al-'Ajamy, 2017).

### Nilai Kebebasan berdasarkan Tiada Paksaan dalam Islam

Allah s.w.t. telah memberikan jaminan kepada seluruh manusia mengenai nilai kebebasan yang betul di dalam ajaran agama Islam. Bukti ini telah dinyatakan oleh Allah menerusi firman-Nya di dalam surah al-Baqarah ayat 256:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۗ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ  
ۚ ۲۵۶ ۗ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya:


***Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percaya Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus, dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.***

Al-Qur'an menegaskan bahawa semua makhluk diciptakan dengan ukuran, qadar atau taqdir tertentu. Taqdir merupakan ketentuan Allah terhadap makhluk dan tidak dapat ditolak oleh kemampuan makhluk. Taqdir membezakan manusia dengan makhluk lain kerana taqdir merupakan ketundukan yang bersifat alami. Hubungan manusia terhadap ketentuannya tidak sekadar merupakan hubungan pasif, bahkan ia mempunyai *ikhtiyar* (pilihan). Taqdir dan pilihan



merupakan suatu kesinambungan yang seimbang dalam diri manusia kerana ia berkait rapat dengan elemen kemanusiaan (Abu Hilalah, 1988).

Jelas di dalam kehidupan manusia terdapat qadar dan ikhtiar. Hal ini menunjukkan perbezaan manusia dan makhluk tidak berakal yang sepenuhnya diikat oleh batas kebebasan terhadap ketundukan pada taqdir. Manusia mempunyai kebebasan moral untuk berkehendak dan memilih, namun tidak bererti manusia boleh memutuskan setiap perkara secara sembarangan. Keterbatasan ini disebabkan oleh kewujudan sistem normatif yang harus dipatuhi dan dipertanggungjawabkan oleh manusia. Terdapat dua faktor yang menentukan kebebasan manusia, iaitu (Abu Hilalah, 1988):



Rajah 2. Faktor penentu kebebasan manusia

Gabungan kedua-dua faktor ini dapat membentuk kesungguhan dan usaha (*al-wus'u*) manusia, yang merupakan dasar tanggungjawab manusia. Oleh itu, kadar kebebasan dari aspek kesungguhan dan usaha tersebut diukur mengikut kemampuan dan kemungkinan-kemungkinan ikhtiar manusia. Manakala petunjuk (*huda*) bagi manusia merupakan salah satu alat untuk mencapai kebenaran Ilahi melalui jalan wahyu dengan perantaraan para nabi dan rasul. Akal pula merupakan pengantaraan untuk menuju kebenaran wahyu tersebut. Tanggungjawab setiap individu adalah berbeza mengikut keupayaan masing-masing. Sebagai contoh, seorang manusia yang akalnya belum atau tidak sempurna adalah tidak dibebani tanggungjawab mendapatkan kebenaran termasuk kewajipan-kewajipan di dalam agama (Zulkifli, 2014).

Ajaran agama Islam telah menegaskan bahawa kebebasan perlu selaras dengan fitrah semulajadi manusia, tiada unsur paksaan sepertimana yang sering menjadi persoalan dan perbincangan mengenai kebebasan beragama, iaitu kebebasan dalam beraqidah (berkeyakinan) dan kebebasan melakukan ibadah. Maka tidak diterima keIslaman seseorang jika dipaksa untuk meninggalkan agama yang dianuti atau dipaksa untuk memeluk agama yang tidak disukai. Bahkan di dalam Al-Qur'an secara jelas melarang tindakan tersebut sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam surah al-Baqarah ayat 256. Masyarakat non-Muslim yang berada di bawah pentadbiran Islam tetap mendapat hak yang sama seperti umat Islam secara umum, dengan beberapa pengecualian seperti tidak wajib melakukan kewajipan kaum Muslim dan tidak diharamkan dengan batasan syariat Islam (al-Qaradawi, 1995).

Tidak seperti agama lain di dunia, Islam mengambil kira kebebasan individu dan masyarakat dalam kebanyakan urusan kehidupan. Islam menonjolkan ciri keistimewaan dan keunikannya yang meliputi kesejahteraan dengan memaparkan kesyumulannya yang tersendiri. Contohnya, dalam bab kebebasan beragama, Islam memerintahkan umatnya melaksanakan pendekatan dakwah secara berhikmah dan penuh dengan nasihat. Ini selaras dengan firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۚ وَجَدِّدْ لَهُم بِآيَاتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ  
١٢٥

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

Oleh itu, ayat ini jelas menunjukkan tiada unsur paksaan di dalam dakwah Islam sebagaimana dakwaan orientalis Barat dan musuh Islam yang memutar-belitkan fakta mengenai ajaran agama Islam.

### Nilai Kebebasan dengan Konsep *Amar Ma'ruf Nahī Munkar*

Konsep *amar ma' ruf* dan *nahi munkar* telah dinyatakan oleh Allah s.w.t. di dalam surah Ali-Imrān ayat 114 seperti berikut:

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ  
١١٤

Maksudnya:

“Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah dari orang-orang yang soleh.”


Antara kebebasan yang menjadi perhatian ialah kebebasan bersuara, menyatakan pendapat, buah fikiran, teguran dan kritikan, termasuk kebebasan akhbar menyalurkan maklumat tepat kepada masyarakat. Namun, kebebasan itu masih terikat dengan garis panduan syarak iaitu berada di atas landasan *amar ma' ruf* dan *nahi munkar*. Islam memerintahkan umatnya menyatakan kebenaran sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Barangsiapa terlibat kemungkar di hadapan kamu maka hendaklah kamu mengubah dan mencegahnya dengan tangan kamu (dengan kuasa yang ada pada kamu), sekiranya kamu tidak mampu (dengan tangan kamu) maka hendaklah kamu ubahnya dengan lidah kamu. Jika kamu masih lagi tidak mampu, maka hendaklah kamu ubahnya dengan hati kamu, itu adalah selemah-lemah iman.”  
(Muslim, Hadith al-Arba'in)

Demikian Islam menangani isu kebebasan bersuara mengikut salurannya supaya keharmonian dan kesejahteraan umat sejagat dipelihara. Penyakit sosial seperti maksiat dan amalan keji yang dilarang Allah s.w.t. adalah penyakit ummah yang berupaya menggugat kerukunan dan kesatuan bangsa yang berdaulat. Oleh itu, kewajipan amar makruf dan nahi mungkar melalui medium kebebasan bersuara wajar dijulung serta diangkat sebagai wadah perantaraan bagi menjamin ketelusan pihak bertanggungjawab dan kesejahteraan umat manusia sejagat. Kebebasan merupakan antara nilai kemanusiaan dalam Islam yang telah menyelamatkan manusia dari segala bentuk tekanan, paksaan, kediktatoran dan penjajahan. Kebebasan secara umumnya meliputi kebebasan beragama, kebebasan berfikir, kebebasan berpolitik, kebebasan *madaniyyah* dan segala bentuk kebebasan yang hakiki dalam mencari kebenaran (al-Qaradawi, 1995).

Umat Islam bersifat terbuka terhadap setiap perkara yang mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada agama Islam. Oleh itu, kepentingan untuk memahami nilai kebebasan menurut perspektif Islam amat diperlukan dengan menilai perbezaan konsep-konsep kebebasan yang lain seperti kepentingan kebebasan individu sehingga mengabaikan prinsip agama untuk memiliki kebebasan mutlak seperti yang diperjuangkan kebanyakan masyarakat Barat. Manusia adakalanya menghadapi persoalan berkaitan kebebasan dan kebergantungan dalam hidupnya kerana berhadapan dengan konflik untuk menentukan keputusan-keputusan dalam setiap tindakan.

Asas nilai kebebasan adalah kemampuan manusia untuk menentukan keputusan tindakannya sendiri secara sedar dan bersifat amanah, serta unsur rohani pula menghidupkan dan menggerakkan fizikal manusia sebagai satu makhluk yang berkemahuan dan berkeinginan. Menurut al-Ghazali, entiti kerohanian manusia terdiri daripada empat unsur, iaitu (Nik Yusri & Azman, 2020):



Rajah 3. Unsur kerohanian manusia

Keempat-empat unsur ini merupakan medium yang menggerakkan nilai kebebasan manusia dengan berpandukan sumber Ilahi supaya sentiasa berada di landasan yang benar dan berada di dalam keterbatasan norma manusiawi. Unsur-unsur kerohanian ini juga jika digunakan sebaiknya dapat membentuk jati diri yang positif dan membantu meningkatkan kecerdasan minda yang berjaya.


### **Keharmonian Masyarakat Menerusi Nilai Kebebasan Acuan Islam**

Akhlag dan moral merupakan elemen penting dalam membimbing nilai kebebasan untuk membentuk masyarakat yang harmoni. Para sarjana Islam dan barat telah banyak berdiskusi tentang kepentingan akhlak dan moral. Jika disorot dengan terperinci akhlak adalah merupakan satu kelakuan diri yang baik serta bertepatan dengan akal dan syarak. Manakala moral pula ditafsirkan sebagai sikap yang baik dan diterima oleh masyarakat. Dalam konteks pembentukan masyarakat lestari, pembangunan akhlak dan moral adalah wajib ditekankan kerana ia adalah

suatu elemen dalam membentuk modal insan ke dalam diri setiap insan. Oleh itu, pembentukan masyarakat lestari ini haruslah dibentuk berdasarkan beberapa aspek yang meliputi kelestarian alam sekitar, kelestarian ekonomi, dan kelestarian sosial (Zaharah, Saedah, Hazreen, Ridhuan, Arifin & Nurulrabihah, 2015).

Jika diselusuri nilai kebebasan terhadap perspektif Islam pula, terdapat tiga tunjang utama yang menjadi teras di dalam proses pembinaan dan pembentukan masyarakat lestari iaitu akidah, syariat dan akhlak yang harus dihayati oleh setiap manusia. Menerusi teras akidah, setiap insan perlu sedar bahawa tugas mentadbir alam ini adalah suatu bentuk amanah yang besar daripada Allah s.w.t. Menerusi teras syariat pula, prinsip *Maqāṣid Syari'ah* perlu diperkasakan dengan melaksanakan perkara-perkara yang bersangkutan dengan pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan pemeliharaan harta. Hal yang demikian diyakini mampu untuk membantu setiap insan untuk mencapai matlamat akhir iaitu ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat (Zaharah, Saedah, Hazreen, Ridhuan, Arifin & Nurulrabihah, 2015).

Justeru, kajian menyimpulkan bahawa perspektif Islam dalam membentuk nilai kebebasan yang betul dalam diri manusia adalah menerusi teras berikut:



Rajah 4. Tiga teras utama perspektif Islam dalam membentuk nilai kebebasan

Oleh itu, teras akidah, syariah dan akhlak merupakan elemen yang sangat penting dalam melestarikan keharmonian masyarakat agar nilai kebebasan manusia tidak mengalami pengabaian dan tidak melangkaui batasan norma manusia.

## Penutup

Dalam perspektif Islam, nilai kebebasan manusia diintegrasikan dengan rasa tanggungjawab dan prinsip moral yang tinggi untuk memastikan kelestarian dan keharmonian masyarakat. Beberapa kesimpulan utama yang dapat dirumuskan adalah:

- Kebebasan dalam lingkungan batasan Syariah: Islam mengakui kebebasan individu tetapi perlu di dalam kerangka syariah yang melibatkan aturan dan hukum Islam. Kebebasan

ini bukan tanpa batas, melainkan dibimbing oleh norma-norma dan etika Islam untuk mencegah perilaku yang merosakkan diri sendiri dan masyarakat.

- Tanggungjawab Sosial: Kebebasan individu harus disertai dengan rasa tanggungjawab sosial. Setiap orang memiliki kewajiban untuk menjaga hak dan kesejahteraan orang lain. Prinsip ini tercermin dalam ajaran Islam yang mendorong umatnya untuk berbuat baik, berzakat, beramal jariah dan sebagainya.
- Keseimbangan antara Hak dan Kewajiban: Islam menekankan keseimbangan antara hak-hak individu dan kewajiban terhadap keluarga, masyarakat, dan negara. Hak untuk bebas berpendapat misalnya, harus dipertimbangkan dengan kewajiban untuk tidak menyebarkan fitnah atau kebencian.
- Prinsip Keadilan: Kebebasan dalam Islam juga berkaitan rapat dengan prinsip keadilan. Setiap individu harus diperlakukan secara adil dan memiliki kesempatan yang sama dalam masyarakat. Hal ini mencakupi terhadap hak-hak ekonomi, sosial dan politik.
- Penghormatan terhadap Hak Asasi Manusia: Islam mengajarkan penghormatan terhadap hak asasi manusia, termasuk hak untuk hidup, hak atas pendidikan dan hak untuk memilih agama. Ini menunjukkan komitmen Islam terhadap penghormatan terhadap martabat manusia.
- Pendidikan dan Kesedaran: Pendidikan adalah kunci untuk memahami dan menghargai kebebasan dalam Islam. Melalui pendidikan, individu diajarkan tentang nilai-nilai moral, etika dan tanggung jawab yang datang dengan kebebasan.

Perspektif Islam di dalam menilai kebebasan manusia bukanlah tertakluk kepada kebebasan mutlak semata-mata, tetapi kebebasan yang diatur oleh prinsip-prinsip moral dan hukum Islam yang bertujuan untuk memastikan kelestarian dan keharmonian masyarakat. Kombinasi antara kebebasan dan tanggungjawab ini adalah asas untuk membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera mengikut panduan wahyu Ilahi.

## Rujukan

- Abu Hilālah, Y. M. (1988). *Da'wah al-Fitrah*. Riyad: Dar al-‘Āṣimah.
- Al-‘Ajamy, A. Y. A. Z. (2007). *Haqiqat al-Insan bayn al-Mas’uliyat wa al-Takrim*. Kaherah: al-Mu’assasah, al-‘Arabiyyah al-Hadithah.
- Al-Bakri, Z. M. (2014). Maksud Qada’ dan Qadar capaian daripada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan website: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/2011-2>
- Al-Qaraḍāwī Y. (1995). *Syumūl al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Hamka (2004). *Pandangan Hidup Muslim*. Selangor: Pustaka Dini.
- Hussin, Z., Siraj, S., Hazreen, Z., Ridhuan, M., Arifin, A., & Mat Noh, N.. Pembangunan Akhlak dan Moral ke Arah Masyarakat Lestari. *Jurnal al-Hikmah*, Vol 7 No 2: Al-Hikmah 7(2) 2015.
- Musa, N. Y., & Bidin, A. (2020). Psikologi dan Sosiologi (Konsep Insani I) di dalam *Modul Falsafah dan Isu Semasa* oleh Md Nawi, N. H.. Kelantan: Penerbit UMK.
- Zubair, A. C. (1994). Kebebasan Manusia Menurut Konsep Islam. *Jurnal Filsafat*. doi: 10.22146/jf.31427

## BAB 4

### TOLERANSI ANTARA AGAMA DALAM PENERBITAN: ANALISIS DESKRIPTIF MENGGUNAKAN BIBLIOMETRIK

Aemy Elyani Mat Zain<sup>1</sup>, Nazneen Ismail<sup>1</sup>, Haslina Ibrahim<sup>2</sup>, Nur Aisyah Abu Hassan<sup>1</sup>, Safinah Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>2</sup>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

#### Pengenalan

Toleransi antara agama merupakan istilah yang lazim ditujukan kepada golongan yang hidup dalam kepelbagaian. Umumnya istilah ini merujuk kepada beberapa sinonim sama ada daripada bahasa Arab seperti *tasamub*, dan bahasa Inggeris seperti *religious tolerance*. Kamus Pelajar Edisi Kedua menjelaskan toleransi ialah sikap sabar dan bertolak ansur atau berlebih kurang, sikap yang dapat menerima atau menghormati pendapat, fikiran dan kepercayaan orang lain (Dewan Bahasa dan Pustaka 2017).

Seseorang yang mampu menjalani hidup secara bertoleransi akan melahirkan masyarakat yang aman dan bersatu padu. Menurut kamus *Maqayis al-Lughab* oleh Ibnu Faris pada tahun 1004, kata yang terdiri daripada huruf (ح – م – س) mempunyai makna kemudahan dan kelonggaran dalam bahasa Arab. Kata *tasamuh* bermakna mudah, menurut Ibnu Hajar al-‘Asqalani pada tahun 1449. Agama yang *tasamuh* ialah agama yang dibina pada kemudahan.

Menurut Nasir (2016) terdapat tiga bentuk toleransi iaitu toleransi antara agama, toleransi antara kaum dan toleransi antara aliran atau mazhab dalam sesebuah agama. Bagi toleransi agama, ia merujuk kepada hubungan baik antara kaum Muslimin dengan bukan Islam dalam sebuah negara sama ada ia negara Islam mahupun bukan. Hubungan baik ini dibina di atas asas Islam dan meraikan kemaslahatan semua pihak dalam urusan kehidupan. Asasnya, toleransi adalah melibatkan kepelbagaian hubungan dan komunikasi sama ada antara agama, antara kaum dan antara aliran atau mazhab yang berbeza.

#### Komponen Toleransi Antara Agama

Terdapat beberapa komponen toleransi antara agama menurut perspektif Islam yang dibincangkan dalam kajian lepas, antaranya keunggulan agama Islam, kebebasan beragama bagi setiap penganut agama, keadilan, kasih sayang dan persamaan di sebalik perbezaan. Perkara ini menjadi prinsip kehidupan bertoleransi dalam Islam bagi melahirkan masyarakat harmoni dan aman walaupun hidup dalam kepelbagaian.

#### Keunggulan Agama Islam

Manusia sebagai khalifah bertanggungjawab untuk memakmurkan bumi dari segi material mahupun maknawi. Maka dengan akal yang dikurniakan, manusia perlu menggunakannya dengan sebaik-baiknya agar keharmonian dapat dicapai. Antara perkara yang perlu diberi perhatian termasuklah hubungan baik sesama kaum Muslimin dan hubungan baik dengan mereka yang berlainan agama (Husain, 2014). Agama diturunkan dengan dua tujuan iaitu meluruskan dan membenarkan akidah serta pengeesaan, dan kedua untuk memperbaiki jiwa agar memiliki niat yang ikhlas dan tulus hanya kepada Allah SWT (al-Zuhaili, 2016).

Berhubung konteks kepelbagaian agama, dalam al-Quran jelas menyatakan bahawa agama yang benar dan diterima di sisi Allah SAW hanyalah Islam. Firman Allah SWT:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ  
بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya:

*Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam. Tiada berselisih orang-orang yang telah diberi Al-Kitab kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka, kerana kedengkian (yang ada) di antara mereka. Barangsiapa yang kafir terhadap ayat-ayat Allah maka sesungguhnya Allah sangat cepat hisab-Nya. (Ali Imran: 19)*

Islam dijelaskan sebagai agama yang diredai Allah SWT kerana asas utamanya adalah kesejahteraan dan keamanan, penyerahan diri serta ketaatan kepada Allah SWT. Sedangkan agama seumpama Yahudi dan Nasrani merupakan agama yang tertolak di sisi Allah SWT akibat sikap dengki dalam kalangan Ahli Kitab yang kekal berselisih meskipun telah diberikan khabar oleh para Rasul mereka serta telah terbukti di hadapan mereka tentang perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi yang terakhir. Perasaan dengki, kebencian dan permusuhan ini timbul berpunca daripada kecintaan mereka terhadap dunia sehinggakan sebahagian mereka terus menutup pintu hati mereka untuk menerima pandangan orang lain meskipun mengetahui kebenarannya (al-Zuhaili, 2016).

Walaupun begitu, Islam tidak mengajar umatnya untuk melakukan diskriminasi terhadap penganut agama lain. Umat Islam dituntut untuk hidup secara harmoni di dunia dengan mengamalkan sikap toleransi dengan tertakluk kepada syarat dan keterbatasan tertentu. Sikap toleransi ini tidak bermaksud sehingga perlu mengorbankan kesucian Islam dan dalam pada masa yang sama juga tidak sampai kepada mengabaikan kewujudan agama-agama yang lain di dunia ini. Pengiktirafan yang diberikan hanya dalam aspek kewujudan agama selain Islam dan bukan keabsahan agama tersebut (Khadijah & Mohd Herzali, 2008).

Perkara ini dinyatakan dalam al-Quran seperti firman Allah SWT:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً ً وَاحِدَةً ۗ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ  
لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Maksudnya:

*Jikalau Tuhanmu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat, kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menciptakan mereka. Kalimat Tuhanmu (keputusan-Nya) telah ditetapkan: sesungguhnya Aku akan memenuhi Neraka Jahannam dengan jin dan manusia (yang durhaka) semuanya. (Hud: 118-119)*

Ayat ini menunjukkan bahawa sekiranya Allah SWT berkehendak maka Dia Maha Kuasa untuk menjadikan manusia sebagai satu umat sama ada kesemuanya beriman atau sebaliknya. Tetapi, penciptaan manusia dengan adanya kebebasan memilih agama juga termasuk dalam kehendak dan kekuasaan Allah SWT. Maka, ada di antara umat manusia yang memilih kebenaran

sedangkan sebahagiannya memilih kebatilan. Perbezaan pilihan ini menatijahkan perselisihan yang berpanjangan dalam kalangan manusia melainkan umat Islam yang dirahmati Allah SWT dan diberikan petunjuk agar mengikuti agama yang benar (al-Zuhaili, 2016).

### Kebebasan Beragama Bagi Setiap Penganut Agama

Setiap penganut agama boleh mengamalkan keyakinan ajarannya masing-masing dan dalam pada masa yang sama mereka tidak boleh mengganggu hak pegangan, kepercayaan dan cara hidup penganut agama lain. Kenyataan ini bukanlah bermaksud Islam mengakui kebenaran doktrin dan falsafah ajaran yang terkandung di dalam agama lain. Sebaliknya Islam sekadar mengiktiraf kewujudan agama-agama lain di dunia ini sebagai suatu sunnatullah (Khadijah & Mohd Herzali, 2008). Firman Allah SWT:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِي دِينِ

Maksudnya:

*Untukmu agamamu, dan untukkulah, agamaku.* (al-Kafirun: 6)

Menurut tafsir al-Munir, maksud ayat ini merupakan ancaman dan bukan keredhaan dengan agama lain. Asy-Syafi'i dan lainnya menggunakan dalil ayat ini *لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِي دِينِ* dengan menganggap bahawa semua kekufuran adalah satu agama. Orang Yahudi diwarisi daripada Orang Kristian dan begitu juga sebaliknya. Ini kerana keduanya mempunyai perhubungan atau saling mewarisi antara mereka. Seluruh agama selain Islam merupakan satu dalam kebatilan (al-Zuhaili, 2016).

Ahmad bin Hambal dan orang-orang yang sependapat dengannya berpendapat bahawa orang Nasrani tidak mewarisi Yahudi dan begitu juga sebaliknya. Beliau berkata ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud dan Ibn Majah daripada Amr bin Shuaib dan diturunkan daripada bapanya kepada datuknya, (al-Zuhaili, 2016).

لَا يَتَوَارَثُ أَهْلُ مِلَّتَيْنِ شَيْءٍ.

Dua orang berbeza agama tidak saling mewarisi apa pun ." Ar-Razi berkata, 'Adat manusia mempraktikkan ayat ini *لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِي دِينِ* ketika hendak saling meninggalkan. Hal itu tidak boleh karena Allah SWT tidaklah menurunkan Al-Quran untuk dipraktikkan seperti itu akan tetapi untuk ditadabburi dan dipraktikkan sesuai isi kandungannya' (al-Zuhaili, 2016).

### Keadilan

Berlaku adil dan berkelakuan baik terhadap orang lain yang berbeza keyakinan merupakan sebahagian daripada syarat terpenting yang membawa kepada sifat toleransi. Setiap individu mempunyai hak untuk memilih kepercayaan atau keyakinan agamanya sendiri dengan berbekalkan akal dan wahyu yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T (Khadijah & Mohd Herzali, 2008). Firman Allah SWT:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا  
أَنْفَصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya:



*Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Karena itu barangsiapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.* (al-Baqarah: 256)

Berhubung ayat ini, al-Zuhaili (2016) menjelaskan bahawa larangan memaksa orang lain untuk memeluk Islam adalah disebabkan oleh bukti dan dalil kebenaran Islam yang sangat jelas sehingga tidak perlu memaksa sesiapa pun untuk menerimanya. Tambahan pula, iman adalah berdasarkan kesedaran dan kerelaan, hujah dan bukti, maka sebarang bentuk paksaan tidak berguna.

Ayat ini adalah hujah yang paling jelas dan kuat salah prasangka bahawa Islam disebarkan dengan pedang dan kekerasan. Umat Islam sebelum Hijrah bukanlah kaum yang mampu memerangi atau memaksa orang kafir. Setelah kaum Muslimin memiliki kekuatan di Madinah dan selama berabad-abad yang silam, mereka tidak pernah memaksa seorang pun untuk masuk Islam, tidak seperti orang Kristian dan penganut agama lain. Ayat ini diturunkan pada awal tahun ke-4 Hijrah, ketika umat Islam telah menjadi umat yang kuat, mulia, dan berdaulat (al-Zuhaili, 2016).

Dalam sejarah Islam, peperangan berlaku bertujuan untuk melawan ancaman musuh, mempertahankan diri, mewujudkan kebebasan beragama dan menyebarkan risalah Allah SWT ke seluruh dunia. Malah, umat Islam sentiasa terbuka untuk menerima perjanjian damai dengan syarat membayar jizyah atau cukai dan memberi kebebasan kepada musuh untuk memilih antara mengadakan perjanjian damai atau peperangan (al-Zuhaili, 2016).

Ini menunjukkan bahawa antara komponen penting bagi toleransi agama juga ialah pemeliharaan hak setiap individu. Berdasarkan sirah Rasulullah SAW, perkara ini ditunjukkan melalui pembentukan Piagam Madinah yang dipersetujui bersama antara Rasulullah SAW, kaum Muslimin dan kaum-kaum lain di Madinah termasuk Yahudi. Justeru, sebarang bentuk pencabulan perjanjian tidak dipandang mudah bahkan Rasulullah SAW bertindak tegas untuk mengekang penularan usaha khianat ini. Antaranya ialah tindakan menghalau Bani Qainuqa' dan Bani Nadir daripada Madinah kerana melakukan kesalahan yang mengakibatkan terlucutnya hak kewarganegaraan mereka. Selain itu, Rasulullah SAW juga pernah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Yahudi Bani Quraizah serta merampas harta mereka kerana telah berlaku khianat dengan membantu pihak musuh dalam Peperangan Ahzab (Husain, 2014).

### **Kasih Sayang**

Kasih sayang atau mahabbah mempunyai perkaitan yang begitu rapat dengan toleransi (tasamuh) yang memerlukan setiap individu untuk bersikap berlapang dada, rasional dan profesional dalam sesuatu perkara. Ini adalah sebagaimana difahami bahawa pengutusan Nabi Muhammad SAW ke dunia dan intipati ajaran yang dibawanya adalah suatu rahmat kepada sekalian alam. Dengan kata lain, Islam juga ingin mengingatkan umatnya bahawa ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW tidak terbatas kepada sesuatu bangsa tertentu. Bahkan kandungan ajarannya juga mengandungi prinsip-prinsip universal yang mampu mewujudkan keadilan kepada penganut-penganut agama lain di dunia (Khadijah & Mohd Herzali, 2008). Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya:

Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam. (al-Anbiya': 107)

Ini menunjukkan bahawa perutusan Rasulullah SAW menjadi satu rahmat kepada umat manusia dengan adanya syariat al-Quran, petunjuk dan hukum-hakamnya. Rahmat ini dapat dirasai oleh mereka yang menerima dan mensyukurinya sedangkan bagi sesiapa yang mengingkarinya maka mereka hanya akan beroleh kerugian semata (al-Zuhaili, 2016). Firman Allah SWT:

﴿أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ بَدَّلُوا نِعْمَتَ اللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا قَوْمَهُمْ دَارَ الْبَوَارِ جَهَنَّمَ يَصْلَوْنَهَا وَبِئْسَ الْقَرَارُ﴾

Maksudnya:

*Tidaklah engkau melihat (dan merasa ajaib) terhadap orang-orang kafir yang telah menukar kesyukuran nikmat Allah dengan kekufuran, dan yang telah menempatkan kaum mereka dalam kebinasaan? (Iaitu) neraka Jahannam yang mereka akan menderita bakarannya; dan (ingatlah), seburuk-buruk tempat tetap ialah neraka Jahannam. (Ibrahim: 28-29)*

Atas sebab kerugian hakiki yang dijanjikan Allah SWT ini, umat Islam dianjurkan agar berdakwah dengan rasa kasih sayang kepada seluruh manusia supaya mereka terselamat daripada neraka dan mendapat syurga Allah SWT. Justeru, ketika usaha ini digiatkan adalah dituntut agar umat Islam menghormati kewujudan agama lain. Antaranya dengan tidak mencaci sembah agama lain. Firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ﴾

Maksudnya:

*Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, karena mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan merekalah kembali mereka, lalu Dia memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan. (al-An'am: 108)*

Al-Zuhaili (2016) dalam menafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa ia merupakan larangan Allah SWT terhadap para rasulNya dan orang beriman agar tidak mencaci Tuhan orang musyrik meskipun terdapat manfaat di dalamnya. Ini kerana perbuatan ini akan mengundang implikasi yang lebih besar iaitu cacian terhadap Allah SWT Tuhan Yang Maha Esa. Malah, tidak mustahil mereka akan bersikap melampaui batas dalam hal ini dalam keadaan mereka tidak mengetahui kebesaran dan keagungan Allah SWT. Ini menunjukkan bahawa sesebuah ketaatan atau kemaslahatan yang menyebabkan kemaksiatan atau kerugian harus ditinggalkan. Ini selari dengan perintah Allah SWT kepada Nabi Musa AS dan Nabi Harun AS yang diperintahkan untuk bersikap lembut dalam berbicara dengan Firaun (Taha: 44).

Ayat ini mengajar umat Islam untuk berpandangan jauh dan tidak dibelenggu dengan sikap taksub. Sifat menghormati kepercayaan orang lain ini menjamin keharmonian dalam sesebuah masyarakat. Malah dengan meninggalkan perbuatan mencaci sembah agama lain merupakan langkah untuk mengelakkan daripada berlakunya kemudaratan yang lebih besar dalam masyarakat. Maka, menjadi kewajipan umat Islam bertoleransi dengan orang bukan Islam selagi mana pemikiran dan perbuatan mereka tidak menyalahi norma masyarakat dan hukum zahir ditetapkan dalam syarak (Husain, 2014).

## Persamaan di Sebalik Perbezaan

Atas nama kemanusiaan, maka setiap mereka mempunyai persamaan meskipun zahirnya pelbagai perbezaan boleh dilihat. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا  
وِنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya:

*Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempgunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu. (al-Nisa': 1)*

Ayat ini mengandungi seruan Allah SWT kepada semua orang bertaqwa yang mentaati perintahNya dan menjauhi laranganNya agar juga menginsafi bahawa mereka diciptakan oleh Allah SWT dari jiwa yang satu iaitu Adam AS. Daripada Nabi Adam AS dan isterinya, manusia berkembang biak dan terbentuklah ikatan kekeluargaan dan silaturahmi yang mendorong mereka untuk saling mengasihi dan saling tolong-menolong. Justeru, sebagai manusia yang bersaudara atas nama kemanusiaan mereka diharuskan untuk mematuhi dan menghormati batas-batas tertentu dengan menyebarkan kasih sayang dan menghindari kebencian (al-Zuhaili, 2016).

Maka, manusia perlu bersifat proaktif dan positif iaitu bersedia untuk mencari nilai “persamaan” di sebalik perbezaan demi menghargai prinsip hidup dan keyakinan individu lain dan seterusnya dapat dizahirkan melalui interaksi yang telus dan rasional. Keanekaan ras, bangsa dan budaya merupakan suatu keadaan yang telah ditetapkan Allah SWT kepada manusia agar bersikap pluralistik dengan saling mengenali dan memahami antara satu dengan yang lain (Khadijah & Mohd Herzali, 2008). Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا ۖ وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya:

*Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal. (al-Hujurat: 13)*

Keanekaan agama merupakan satu realiti kehidupan yang perlu diakui. Kepelbagaian ini mengandungi tuntutan dan keperluan yang perlu diadili dengan sebaiknya. Pendekatan yang baik akan menghasilkan situasi yang baik dan begitu juga sebaliknya (Nur Farhana & Khadijah, 2016). Islam melarang sikap asabiyah yang cenderung untuk memusuhi golongan yang tidak sama atau tidak sefahaman dengannya serta menjadikan perbezaan sebagai alasan untuk menindas orang lain (Husain, 2014)


## Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis bibliometrik iaitu metodologi semakan saintifik berbantuan komputer yang boleh mengenal pasti asas penyelidikan atau penulis-penulis, serta hubungannya, dengan merangkumi semua penerbitan berkaitan dengan topik atau bidang

tertentu (Han et al., 2020). Kajian bibliometrik yang dilakukan dengan baik dapat membina asas yang kukuh untuk menambahbaik sesuatu bidang dan membolehkan para penyelidik mendapatkan gambaran keseluruhan, mengenal pasti jurang kajian, memperoleh idea baru untuk menjalankan penyelidikan dan memberikan sumbangan dalam bidang masing-masing (Donthu et al., 2021). Data diperolehi daripada pangkalan data Scopus kerana ia merupakan antara pangkalan data abstrak dan petikan terbesar dengan liputan global dan serantau yang luas bagi jurnal saintifik, prosiding, dan buku. Data dari Scopus juga menggunakan data berkualiti tinggi yang diindeks melalui penilaian yang ketat. Oleh itu, kebolehpercayaan Scopus telah membuatnya menjadi sumber data bibliometrik untuk menganalisis sesebuah kajian (Baas et al., 2020). Selain itu juga, pangkalan data Scopus memudahkan proses menganalisis data kerana kata kunci yang digunakan menghasilkan data yang telah dikelaskan kepada kategori tertentu beserta jumlah dan peratus. Data yang dihasilkan dapat dijana dalam pelbagai bentuk seperti carta, graf dan jadual.

Kaedah carian artikel pada data Scopus ialah dengan menggunakan kata kunci dan Boolean operators "and" dan "or" untuk menyambungkan kata kunci tersebut (Khurshid et al., 2021). Carian ini dilakukan pada tarikh 2 Jun 2024 dan hasil carian yang diperolehi tidak menggunakan sebarang tapisan dan telah berjaya mengeluarkan sebanyak 944 dokumen penerbitan. Kata kunci yang diggunakan ialah 'TITLE-ABS-KEY ("religious tolerance" OR "toleransi antara agama" OR "tasamuh" OR "toleransi beragama")'. Data yang telah diperolehi akan dianalisis berdasarkan tujuh perkara utama iaitu (1) Jenis penerbitan, (2) Bidang kajian, (3) Tahun penerbitan, (4) Kata kunci dan (5) Jurnal dan penerbitan.

### Dapatan Kajian



Rajah 1 menunjukkan kata kunci yang dimasukkan ke pangkalan data Scopus. Hasil carian mendapati 944 penerbitan yang telah diterbitkan sejak tahun 1946 hingga 2024.

**Rajah 1. Jumlah penerbitan menggunakan kata kunci**

## Analyze search results


[< Back to results](#)

TITLE-ABS-KEY ("religious tolerance" OR "toleransi antara agama" OR "tasamuh" OR "toleransi beragama")

944 document results

Sumber carian: Scopus


**Graf 1. Peratusan mengikut jenis penerbitan**



Sumber: Excel

Graf 1 menunjukkan peratusan mengikut jenis penerbitan data yang diperolehi daripada pengkalan data Scopus. Kajian mendapati penerbitan tertinggi berkaitan toleransi antara agama di Malaysia adalah dalam bentuk artikel jurnal iaitu sebanyak 76.69% berbanding penerbitan lain seperti buku (18.86%), buku bersiri (3.60%), dan prosiding seminar (0.74%) dan lain-lain (0.11%).


**Graf 2. Peratusan penerbitan mengikut bidang kajian**



Sumber: Excel

Graf 2 pula menunjukkan peratus penerbitan berdasarkan kepada bidang kajian. Kajian mendapati bidang yang paling banyak menjalankan kajian berkaitan toleransi antara agama ialah bidang Seni dan Kemanusiaan (Art and Humanities) iaitu sebanyak 69.28 % diikuti bidang Sains Sosial (Social Sciences) (58.58%). Bidang lain seperti bidang Ekonomi dan Kewangan (Economics, Econometrics and Finance), bidang Psikologi (Psychology), bidang Perniagaan, Pengurusan dan Perakaunan (Business, Management and Accounting), bidang Kejuruteraan (Engineering), bidang Perubatan (Medicine), bidang Sains Komputer (Computer Science), bidang Sains Alam Sekitar (Environmental Science) dan bidang sains cakerawala (Earth and Planetary Sciences) dan lain-lain mempunyai peratus terendah iaitu di bawah 5%.


**Graf 3. Peratus penerbitan mengikut tahun**



**Sumber: Excel**


Graf 3 menunjukkan perubahan secara beransur-ansur pada bilangan penerbitan berkaitan toleransi antara agama tahun dari 1946 hingga 2024. Ini menunjukkan kajian ini semakin meningkat walaupun bermula dengan perlahan. Fasa permulaan dapat dilihat daripada tahun 40-an sehingga 2002, bilangan penerbitan sekitar satu sehingga lapan penerbitan. Seterusnya, fasa seterusnya semakin meningkat iaitu sekitar tahun 2003 sehingga 2008 kepada belasan penerbitan. Manakala tahun 2009 sehingga kini, 2024 mengalami peningkatan mendadak dalam penerbitan berkaitan toleransi antara agama. Jumlah penerbitan tertinggi yang dihasilkan adalah pada tahun 2023 iaitu sebanyak 85 penerbitan. Kemudian diikuti dengan 84 penerbitan pada tahun 2020. Manakala sebanyak 66 penerbitan pada tahun 2021.

**Graf 4: Visualisasi Kata Kunci**



**Sumber: Excel**

**Rajah 2: Peta Visualisasi melalui Rangkaian Kata Kunci dalam Penerbitan**



Sumber: VOSviewer

Graf 4 menunjukkan 10 kata kunci utama yang ditemui daripada penerbitan toleransi antara agama. Secara jelasnya telah menggambarkan bahawa kata kunci *religious tolerance* mencapai kedudukan paling tinggi jumlah penerbitan sejak 1946-2024 iaitu sebanyak 178. Manakala kedudukan kedua teratas kata kunci penerbitan ialah *religion* iaitu 108. Dan kedudukan ketiga pula adalah *tolerance* yang mencapai bilangannya sebanyak 101. Kata kunci yang lain seperti Islam, *human rights*, *Christianity*, *religious freedom*, *education*, *human*, Indonesia dan lain-lain bilangannya tidak melebihi 100 jumlah penerbitan.

Tambahan lagi, dengan merujuk rajah 2 gambaran visualisasi rangkaian kata kunci dalam penerbitan lebih jelas kelihatan bahawa kata kunci *religious tolerance* dominan daripada kata kunci lain yang turut digunakan dalam penerbitan. Dalam masa yang sama, daripada *religious tolerance* kelihatan muncul dua kluster utama pada visualisasi rajah 2. Kluster pertama iaitu warna merah menjelaskan bahawa beberapa kata kunci yang digunakan oleh penulis dalam penerbitan terkait dengan *religious tolerance* iaitu *education*, *religion*, *tolerance* dan Islam. Manakala, kluster kedua berwarna hijau pula kata kunci yang terkait dengan *religious tolerance* ialah *human right*, *religious freedom*, *democracy*, *foreign policy* dan *diplomacy*.

Jadual 2: 10 teratas Jurnal dan Penerbitan

Nama Jurnal	Penerbit	Jumlah Penerbitan	% (n=944)
Hts Teologiese Studies Theological Studies	AOSIS	16	1.69%
Review Of Faith And International Affairs	Routledge, Taylor & Francis Group	15	1.59%
Bylye Gody Religions	LLC Integration: Education and Science MDPI	12	1.27%
Journal For The Study Of Religions And Ideologies	The Academic Society for the Research of Religions and Ideologies (SACRI)	12	1.27%
Politics And Religion Journal	Cambridge University Press	11	1.17%
British Journal Of Religious Education	Routledge, Taylor & Francis Group	8	0.85%
European Journal Of Science And Theology	ECOZONE Publishing House	7	0.74%
Journal Of Islamic Thought And	University of Management and	6	0.64%



Civilization	Technology Press		
Studia Islamika	Syarif Hidayatullah State Islamic University (UIN) Jakarta	6	0.64%

Sumber: Excel

Secara umumnya, keseluruhan penerbitan mengenai toleransi antara agama sebanyak 32 sumber penerbitan sama ada daripada jurnal, buku dan bab dalam buku. Walau bagaimanapun, sumber penerbitan daripada jurnal pula keseluruhannya adalah sebanyak 28 sumber penerbitan sejak 1946-2024. Namun, jadual 2 mengambil kira kedudukan sepuluh ke atas sumber penerbitan iaitu jurnal yang menerbitkan artikel tentang toleransi antara agama. Jurnal Hts Teologiese Studies Theological Studies, penerbitnya AOSIS telah mendapat kedudukan teratas iaitu sebanyak 16 penerbitan. Manakala, jurnal *Review Of Faith And International Affairs*, penerbit daripada *Routledge, Taylor & Francis Group* telah mencapai kedudukan kedua teratas iaitu 15 penerbitan. Seterusnya jurnal *Byhe Gody, Religions* dan *Journal For The Study Of Religions And Ideologies*, jumlah penerbitan adalah antara 12 dan 11. Jumlah penerbitan yang mempunyai kedudukan yang rendah adalah daripada jurnal *Politics And Religion Journal, British Journal Of Religious Education, European Journal Of Science And Theology, Journal Of Islamic Thought And Civilization* dan jurnal *Studia Islamika* iaitu antara 6 sehingga 8 jumlah penerbitan.

### Perbincangan

Hasil dari analisis bibliometrik ini menunjukkan bahawa penerbitan mengenai toleransi antara agama telah bermula pada tahun 1946 dan trend penerbitan tema ini sentiasa berevolusi dan mendapat perhatian ramai sarjana daripada pelbagai bidang untuk membincangkan perkara sedemikian. Ini jelas dilihat trend peningkatan tema ini dan menggambarkan bahawa kajian ini penting sehingga ke hari ini. Bahkan hasil pencarian set data berdasarkan Scopus sahaja telah mencatatkan sejumlah penerbitan yang agak besar iaitu 944 penerbitan dan kebanyakan penerbitan ini daripada artikel jurnal.

Trend daripada penerbitan mengenai toleransi antara agama juga melaporkan bahawa negara-negara tertentu yang bertumpu kepada toleransi antara agama sama ada dilihat dari sudut kebebasan beragama, diplomasi, hak asasi kemanusiaan dan juga pendidikan. Ini dapat dilihat penerbitan mengenai toleransi dalam pendidikan dan kesedaran terhadap toleransi antara agama. Contohnya kajian Lintang Elita et al. (2024) meneliti peranan guru dalam menanam sikap toleransi kepada pelajar. Peranan guru yang disebutkan antaranya menanam dan mengembangkan sikap toleransi kepada pelajar sehingga mereka dapat memperoleh pengalaman yang bermakna dalam kehidupan bermasyarakat, guru juga menanamkan nilai keperibadian dan sikap toleransi pada pelajarnya melalui pengajaran yang berulang-ulang sehingga pelajar akhirnya terbiasa dan melahirkan keperibadian yang bertoleransi dalam menjalani kehidupan, dan yang terakhir guru berperanan dalam memberi pemahaman kepada pelajar bahawa setiap orang mempunyai kemampuan yang berbeza-beza dan di situ haruslah saling memahami dan menghormati.

Bukan sahaja guru sebagai pendidik yang merupakan saluran dalam menanam nilai dan sikap toleransi. Tetapi, kajian terhadap golongan muda seperti pelajar juga menjadi perbincangan dalam penerbitan. Contohnya, kajian daripada Sri Suyanti (2024) mencadangkan dua bentuk model dalam pembangunan toleransi kepada pelajar di Aceh iaitu model dual education system (Qadim and Madrasi methods) dan model Inspirational Tolerance (Tasamuh) yang mana kedua-dua model ini mempunyai nilai dan komponen toleransi yang mempunyai persamaan dan juga perbezaan. Hal yang sama, kajian dilakukan kepada pelajar mengenai sikap toleransi oleh pengkaji daripada Indonesia tetapi penerbitannya adalah AOSIS yang mempunyai kedudukan paling teratas. Kajian tersebut juga memperkenalkan model pembangunan kesederhanaan beragama (religious moderation) yang terdapat pada teks agama Islam khususnya aspek kesederhanaan.

Kajian mendapati terdapat lima komponen kesederhanaan beragama dalam teks agama Islam iaitu toleransi, wasatiyyah (kesederhanaan), keadilan, kepelbagaian dan perpaduan.

Begitu juga dari skop bidang kajian yang banyak penerbitannya adalah daripada bidang Sastera & Kemanusiaan dan juga bidang Sains Sosial berbanding bidang lain. Hal ini tentunya dapat memberi manfaat dan dapat membuka ruang yang luas kepada pengkaji dalam bidang seumpama ini menumpukan kajian dan meneliti kelompongan yang boleh diisi daripada kajian-kajian lepas dalam penerbitan pada set data Scopus.

Hal ini kerana kajian toleransi antara agama lebih menumpukan kepada antara agama yang bersifat sosiologi agama dan kemasyarakatan sama ada peringkat ketua-ketua atau pemimpin agama atau dalam kalangan rakyat atau orang awam. Contohnya, kajian Nur Farhana et al. (2023) mengkaji toleransi antara agama dalam perspektif agamawan dan intelektual di Malaysia merumuskan kerangka toleransi antara agama yang disepakati oleh peserta kajian daripada tiga agama besar di Malaysia ialah menerima kepelbagaian agama, meraikan persamaan yang ada dan saling menghormati dan memahami perbezaan antara agama yang wujud.

Toleransi antara agama juga dilihat dan dikaji dari sudut amalan dan praktikaliti dalam kalangan *grassroot* seperti mahasiswa. Antaranya, kajian Mutsalim Khareng et al. (2014) dalam kajiannya tahap toleransi antara agama mahasiswa/i Muslim-Buddha di salah sebuah universiti di Thailand mendapati bahawa sebahagian besar mahasiswa/i di sana mempunyai tahap toleransi yang tinggi dalam menjalani kehidupan harian mereka dan hanya 20% sahaja berada pada tahap sederhana. Secara tidak langsung menjelaskan trend perbincangan toleransi antara agama banyak menumpukan kepada bidang sosial sains dan kemanusiaan iaitu melebihi daripada 50% penerbitan.

Peningkatan tumpuan setiap tahun dalam penerbitan berkaitan toleransi antara agama jelas kelihatan dan naik turun dalam penerbitan tiada di situ. Ini menggambarkan kajian ini dijangka akan terus dijalankan kerana kesedaran tentang kehidupan bertoleransi dalam kalangan penyelidik sentiasa mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. Malahan isu-isu yang mengaitkan antara agama seperti konflik antara agama khususnya di negara yang mempunyai rakyat bersifat majmuk menjadi sebab keperluan penyelidikan mengenai toleransi antara agama sentiasa berkembang. Para penyelidik dan intelektual berusaha mengkaji dan mengesyorkan perkara-perkara tertentu dalam memastikan kehidupan bertoleransi antara agama dapat dikekalkan dan dibugarkan kepada generasi akan datang.

Seterusnya, peranan kata kunci dalam penerbitan memainkan peranan penting dalam pencarian sesuatu kajian dalam bidang kajian tertentu. Kajian mengenai toleransi antara agama mempunyai dua kluster utama dan saling berkait. Pertama, *religions tolerance* yang merupakan dominan kata kunci dalam penerbitan dan mempunyai korelasi dengan beberapa kata kunci lain seperti *education, religion, tolerance* dan Islam. Kluster kedua kata kunci yang dominan dalam penerbitan ialah *human right* yang mempunyai korelasi dengan kata kunci lain iaitu *religious freedom, democracy, diplomacy, foreign policy*. Kedua-dua kluster yang terhasil menunjukkan kepelbagaian tema kata kunci dalam penerbitan toleransi antara agama.

Selain itu, sepuluh senarai jurnal yang tertinggi pada jadual 2 menunjukkan peratusan yang berbeza antara satu sama lain yang disumbangkan oleh setiap jurnal. *Studia Islamika*, penerbit dari Indonesia mendapat kedudukan antara yang tersenarai tinggi menjelaskan bahawa penerbitan di negara Timur turut mengambil perhatian kepada kajian antara agama. Dalam masa yang masa, kelihatan jelas bahawa penerbit utama seperti Routledge, Taylor & Francis Group dan

Cambridge University Press berperanan dalam menyebarkan pengetahuan dalam kebebasan beragama secara umum dan dikaitkan dengan toleransi antara agama. Ini dapat dilihat daripada kajian-kajian yang diterbitkan oleh Routledge, Taylor and Francis Group seperti *Quantifying Persecution: Developing an International Law-based Measurement of Freedom of Religion or Belief* (2019), *Religious Freedom and us Public Diplomacy* (2013), *The Study of Religious Freedom in Indonesia* (2013), *Opportunities and obstacles: Congress and International Religious Freedom Policy* (2013) dan *Us International Religious Freedom Policy from an Egyptian Perspective* (2013).

Namun begitu, tidak dinafikan negara di sebelah Timur seperti Indonesia turut mendapat kedudukan sepuluh teratas dalam penerbitan toleransi antara agama yang berkaitan dengan kata kunci seperti religious tolerance, Islam dan education sebagaimana yang terdapat pada rajah 2. Penerbitan yang melibatkan penulis atau afiliasi daripada Indonesia, kebanyakan kajian adalah secara asasnya menggunakan kata kunci toleransi dan pendidikan. Antaranya *Researching Religious Tolerance Education using Discourse Analysis: A Case Study from Indonesia* (2019), *Analisis Nilai-Nilai Toleransi dalam Kurikulum Pendidikan Agama* (2019), *Creating Religious Tolerance through Quran-Based Learning Model for Religious Education* (2019) dan *Minority Muslim and Freedom of Religion: Learning from Australian Muslim's Experience* (2019).

### **Penutup dan Cadangan Kajian Lanjutan**

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan secara diskriptif terhadap bibliometrik tersebut menjelaskan bahawa bidang kajian antara agama atau perbandingan agama, salah satunya toleransi antara agama merupakan satu kajian yang mendapat perhatian sama ada daripada pengkaji Barat mahupun pengkaji Timur. Masing-masing berbincang mengenai kajian tersebut mengikut aspek tertentu sama ada menyentuh juga kebebasan beragama, diplomasi, pendidikan dan sebagainya. Beberapa cadangan kajian lanjutan yang disyorkan untuk diperincikan lagi iaitu kajian yang menggunakan metodologi DDR yang dapat membangunkan model, aplikasi atau seumpamanya dan seterusnya melakukan penilaian dan kebolehgunaan terhadap model toleransi atau aplikasi yang dibangunkan itu. Selain itu, kajian yang menyasarkan golongan muda khususnya di Malaysia seperti mahasiswa, belia, remaja tanpa mengira agama dan kaum perlu dilakukan bagi meneliti kefahaman mereka tentang toleransi antara agama dan persediaan mereka terhadap perkara ini.

Justeru, penerokaan terhadap kajian toleransi antara agama boleh diperluaskan lagi kepada sasaran tertentu dan penumpuan dalam bentuk lokaliti pada sesuatu komuniti atau sesebuah negara. Bahkan kajian boleh diperincikan dan diperluaskan juga dengan merujuk kepada perbandingan dua komuniti yang berbeza atau negara yang berbeza. Hal ini penting bagi meneliti perkembangan ilmu toleransi secara teori dan amalannya kepada sesuatu komuniti atau sesebuah negara. Ini kerana, hidup bertoleransi merupakan salah satu kunci utama dalam melahirkan masyarakat yang harmoni dan seimbang.

### **Penghargaan**

Ini merupakan satu daripada hasil penyelidikan bagi Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS (GPIU) di bawah projek bertajuk 'Analisis Keperluan dan Panduan Pelaksanaan Aplikasi Digital Terhadap Toleransi Antara Agama Di Malaysia', Kod Projek : 2023/P/GPIU/GPM-008

### **Rujukan**

Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (2016). *Tafsir al-Munir*. Jakarta: Gema Insani.  
Arifin, S., Bachtiar, H., & Fuad, A. N. (2019). Minority Muslims and freedom of religion: learning from Australian Muslims' experiences.

- Asem, S. (2013). Us International Religious Freedom Policy from an Egyptian Perspective. *The Review of Faith & International Affairs*, 11(1), 79-81.
- Baas, J., Schotten, M., Plume, A., Côté, G., & Karimi, R. (2020). Scopus as a curated, high-quality bibliometric data source for academic research in quantitative science studies. *Quantitative Science Studies*, 1(1), 377–386. [https://doi.org/10.1162/qss\\_a\\_00019](https://doi.org/10.1162/qss_a_00019)
- Black, A. E. (2013). Opportunities And Obstacles: Congress And International Religious Freedom Policy. *The Review of Faith & International Affairs*, 11(1), 49-55.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2017. Kamus Pelajar Edisi Kedua <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=toleransi&d=172780&#LIHATSINI>. Akses pada 27 Jun 2024.
- Donthu, N., Kumar, S., Mukherjee, D., Pandey, N., & Lim, W. M. (2021). How To Conduct a Bibliometric Analysis: An Overview and Guidelines. *Journal of Business Research*, 133, 285–296. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2021.04.070>
- Gatti, M., Annicchino, P., Birdsall, J., Fabretti, V., & Ventura, M. (2019). Quantifying persecution: developing an international law-based measurement of freedom of religion or belief. *The Review of Faith & International Affairs*, 17(2), 87-96.
- Han, J., Kang, H. J., Kim, M., & Kwon, G. H. (2020). Mapping the Intellectual Structure of Research on Surgery with Mixed Reality: Bibliometric Network Analysis (2000–2019). *Journal of Biomedical Informatics*, 109. 1-9 <https://doi.org/10.1016/j.jbi.2020.103516>
- Hefner, R. W. (2013). The study of religious freedom in Indonesia. *The Review of Faith & International Affairs*, 11(2), 18-27.
- Ḥusain ‘Ali al-Muṣṭafa. (2014). *Fiqh al-Ta’āyusy fi al-Sirah al-Nabawiyyah*. Lubnan: al-Markaz al-Islāmiy al-Thaqāfiy.
- Ibnu Faris. (1004). *Maqayis al-Lughab*.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 27, 81-92
- Khareng, M., & Awang, J. (2014). Toleransi beragama & implikasinya dalam kalangan mahasiswa/i Muslim dan Buddha di Prince of Songkhla University. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(2), 1-14.
- Khurshid, Z., Tariq, R., Asiri, F. Y., Abid, K., & Zafar, M. S. (2021). Literature search strategies in dental education and research. *Journal of Taibah University Medical Sciences*, 16(6), 799–806. <https://doi.org/10.1016/j.jtumed.2021.05.012>
- Lintang Elita, Mutiara Maulida & Wahyuni Wahyuni. 2024. Penanaman Sikap Toleransi pada Peserta Didik dalam Pembelajaran PKn di Sekolah Dasar. *Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, vol.1.no.3: 1-14.
- Mustaqim, M. (2019). Analisis nilai-nilai toleransi dalam kurikulum pendidikan Agama. *Jurnal pendidikan agama Islam*, 16(1), 75-94.
- Nāṣir bin Sa’īd. (2016). *Al-Ta’āyusy: Anwā’ubu wa Namādbaj Taṭbīqībi*. T.tp: T.p. <http://www.noor-book.com>
- Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Solehah Shapie. 2023. Religious tolerance conceptual framework: Malaysian religious leaders and scholars’ perspective. *International Journal of Islamic Thought*, vol. 24 (Dec.): 168-178.
- Nur Farhana Abdul Rahman dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. (2016). Kesiediaan Pemimpin Agama Muslim dan Kristian. *Afkar* 18 (2), 103-148.
- Rahmat, M., Firdaus, E., & Yahya, M. W. (2019). Creating religious tolerance through quran-based learning model for religious education. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(2), 175-188.
- Seib, P. (2013). Religious freedom and US public diplomacy. *The review of faith & international affairs*, 11(1), 15-21.

- Sri Suyanti, Saifuddin & Syamsul Bahri. 2024. Tolerance Development Model for Students of Dayah Salafiyah in Aceh. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, vol.12,no.2:809-830.
- Wijaya Mulya, T., & Aditomo, A. (2019). Researching religious tolerance education using discourse analysis: A case study from Indonesia. *British Journal of religious education*, 41(4), 446-457.

## **BAB 5**

### **PENDIDIKAN PELESTARIAN ALAM SEKITAR DALAM PENGAJIAN DAKWAH: PERANAN PENDAKWAH**

Nur Uswah Ahmad Fauzi<sup>1</sup>, Siti Nur Balqis Baharuddin<sup>1</sup>, Muhammad Syakir Sulaiman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS)

#### **Pengenalan**

Pendidikan pelestarian alam merupakan satu bidang yang merujuk kepada interaksi antara manusia dengan alam persekitaran sama ada dari aspek cara memelihara, memulihara dan mencintai alam sekitar (M. Harja Efendi, 2020). Dalam pendidikan Islam, hubungan antara dakwah dan pelestarian alam saling berkait untuk melahirkan modal insan (khalifah) yang mampu menzahirkan keseimbangan di antara manusia dan alam, melalui prinsip-prinsip Islam yang menekankan aspek keadilan, kesederhanaan, dan keseimbangan (A. Harris, 2022). Menurut Abu Bakar Yang (2010), pendedahan kepada pendidikan alam sekitar sama ada secara formal atau tidak formal mempunyai kepentingan dalam menangani keupayaan masyarakat untuk menilai dan bersikap peka terhadap pembangunan mapan. Justeru, matlamat pendidikan yang dilaksanakan adalah bagi memupuk rasa menghargai alam sekitar yang dibentuk melalui proses penerapan ilmu pengetahuan.

Pengetahuan tentang pelestarian alam memerlukan perhatian daripada bidang yang pelbagai termasuk pengajian dakwah. Tujuan dakwah merealisasikan usaha seruan kepada kebaikan dan kesejahteraan dunia dan akhirat adalah melalui matlamat yang jelas iaitu menjaga hubungan dengan Allah SWT, manusia serta hubungan dengan alam sekitar (Abu Hassan et al., 2022). Konsep pengajian dakwah melalui pendidikan pelestarian alam dapat dilaksanakan dengan memupuk kefahaman, pengetahuan dan penghayatan kepada para pelajar agar menyeru dan mengajak manusia melalui pelbagai medium seperti media sosial, pendidikan, subjek kesedaran alam sekitar yang menyediakan platform pengisian berbentuk teori dan praktikal dengan mengaitkan topik-topik seperti pengurusan sisa melalui aktiviti kitar semula, penanaman pokok, penjimatan air dan sebagainya.

Oleh sebab itu, peranan pendakwah dalam konteks ini adalah amat penting untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah tindakan yang menyebabkan kemusnahan muka bumi (Noraziah & Latipah, 2010). Sebagai pendakwah, mereka mempunyai potensi yang besar untuk mempengaruhi sikap, nilai dan perilaku masyarakat terhadap alam sekitar. Ini kerana Islam adalah agama yang lengkap dan mengatur semua aspek kehidupan manusia termasuk flora dan fauna demi kelestarian dan keharmonian sejagat. Menurut Zakaria. M (2009), pendakwah yang dilengkapi dengan pendidikan pelestarian alam dalam kurikulum dakwah mereka mampu menyebarkan mesej kesedaran alam sekitar yang lebih efektif. Mereka boleh mengaplikasi ayat-ayat suci seperti al-Quran dan hadis yang menekankan pentingnya menjaga alam sekitar sebagai satu amanah dari Allah SWT. Justeru, pendidikan untuk melestarikan alam sekitar dalam pengajian dakwah melibatkan peranan pelbagai pihak termasuk pendakwah dalam mempromosikan kesedaran terhadap perkara ini.

## Permasalahan Kajian

Kebelakangan ini, isu-isu serius alam sekitar semakin meningkat akibat penggunaan dan eksploitasi sumber alam sekitar sama ada bersifat tempatan atau global. Kesan daripada aktiviti yang tidak sihat ini telah mengakibatkan berlakunya krisis alam sekitar seperti pemanasan global, pencemaran, perubahan iklim, hakisan, kehilangan biodiversiti dan kejadian bencana alam yang menjejaskan kelangsungan hidup manusia dan alam seluruhnya (Abu Hassan et al., 2022). Menurut kajian Rekan, A. A., Tengku Kasim, T. S., & Md Yusoff, Y. (2016) mendapati bahawa salah satu punca utama kegagalan ini adalah kurangnya integrasi antara pendidikan Islam yang holistik sama ada secara formal dan tidak formal, serta kekurangan kerjasama antara institusi pendidikan, kerajaan, dan NGO.

Kepentingan kelestarian alam merupakan ajaran Islam yang terdapat di dalam al-Quran dan Hadis. Aspek ini menekankan bahawa sebagai khalifah di bumi ini manusia memikul tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara alam sekitar (Nasr, 2006). Dalam konteks negara Malaysia, pendidikan pelestarian alam melalui penghayatan agama dan usaha dakwah bukan sesuatu yang asing sama ada melibatkan institusi-institusi kerajaan, badan bukan kerajaan, sekolah-sekolah mahupun universiti. Malah, diperingkat universiti-universiti tempatan juga terdapat usaha-usaha mengintegrasikan pendidikan pelestarian alam sekitar dalam kurikulum mereka (Hashim, 2022). Meskipun terdapat usaha yang signifikan dalam meningkatkan kesedaran mengenai kelestarian alam melalui pendidikan, hasilnya masih belum mencapai tahap yang memuaskan.

Menurut kajian oleh Azrina Sobian (2023), walaupun terdapat kesedaran mengenai pentingnya kelestarian alam, namun terdapat kekurangan dalam pemahaman mendalam dan aplikasi praktikal dalam kalangan pendakwah dan masyarakat umum dan tiada hasil yang efektif. Kajian ini juga mendapati bahawa pendekatan yang digunakan sering kali tidak mencukupi untuk mengubah sikap dan tingkah laku pelajar dan pendakwah. Kajian oleh Rahman (2022) menunjukkan bahawa terdapat jurang yang signifikan antara teori yang diajar dan aplikasi praktikal dalam kehidupan seharian. Ini sebagaimana yang disebut oleh Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dalam sebuah wawancara bersama Berita Harian (2021) bahawa kesedaran mengenai alam sekitar dalam kalangan masyarakat Malaysia memang sudah ada, tetapi tahap pelaksanaan amalan yang berkesan masih belum tercapai. Hal ini juga dapat dilihat dalam amalan kitar semula di Malaysia. Pada tahun 2021, kadar kitar semula di Malaysia adalah 30.5 peratus, meningkat dengan ketara berbanding 10.5 peratus pada tahun 2013 (Noor Atiqah, 2021). Ini menunjukkan bahawa meskipun telah wujud kesedaran alam sekitar di negara ini, usaha masyarakat dalam pemuliharaan alam sekitar masih di skala yang minima.

## Tinjauan Literatur

Pemeliharaan alam sekitar adalah tanggungjawab setiap manusia sesuai dengan peranan manusia sebagai hamba dan khalifah (Djainudin & Sirait, 2016). Sebagai khalifah atau wakil Allah SWT, manusia perlu menegakkan amanah dalam menguruskan alam sekitar sebaik mungkin. Namun, manusia sering mengeksploitasi alam sekitar secara berlebihan, melampaui batas dan had untuk kepentingan diri sendiri. Sebagaimana dalam firman Allah SWT dalam surah ar-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ٤١

Maksudnya:

*“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka*

*sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”*.

Usaha untuk menangani masalah alam sekitar ini, fokus bukan sahaja perlu diberikan kepada penambahbaikan infrastruktur, tetapi perhatian juga perlu diberikan kepada peningkatan tingkah laku etika terhadap penjagaan alam sekitar melalui pendidikan alam sekitar (Tiwi & Samsilah, 2014). Pendidikan adalah kunci utama dalam membangunkan kesedaran tentang peranan setiap individu dalam menangani isu-isu alam sekitar. Pendidikan alam sekitar juga dilihat sebagai medium dan usaha terbaik dalam memupuk tanggungjawab dan pengetahuan mengenai konsep pembangunan lestari untuk menangani krisis alam sekitar (Rahman, 2017).

Antara ilmu pengetahuan yang perlu dikuasai oleh masyarakat Islam dalam memelihara alam sekitar adalah kelestarian alam sekitar, keseimbangan alam atau pengetahuan ekologi serta tafsiran al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan bukti atau dalil kemusnahan alam sekitar dan cara-cara memelihara alam sekitar (Iksan et al., 2015). Penghayatan tafsiran al-Quran yang berkaitan dengan alam sekitar atau merenungkan makna ayat-ayat al-Quran dan menghayatinya (taddabur) perlu dicerminkan melalui pemerhatian terhadap alam sekitar. Melalui taddabur al-Quran, seseorang dapat merasakan kebesaran Allah dan mengambil iktibar daripada peringatan Allah yang terkandung dalam al-Quran. Tambahan pula, dengan merenungkan ibrah dan pengajaran dari al-Quran juga menimbulkan rasa syukur (Iksan et al., 2015). Kepentingan menghargai al-Quran dan hadis juga ditekankan oleh kajian Sharina et al. (2017), iaitu menyatakan bahawa apabila sains yang dijalankan dan dipelajari berasaskan tanggungjawab manusia sebagai khalifah serta dipandu oleh al-Quran dan hadis, ia mampu menghasilkan manusia yang bersemangat, berwawasan dan terdorong untuk melakukan amalan baik serta sentiasa berusaha untuk mendekati diri kepada Allah SWT.

Dalam konteks pemahaman dan aplikasi penjagaan alam sekitar, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjalankan promosi mengenai penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui Pendekatan Islam Hadhari. Salah satu prinsip yang ditekankan dalam Pendekatan Islam Hadhari adalah pemuliharaan alam sekitar (Sani, 2010). Pihak berkuasa agama di Malaysia juga menekankan bahawa tanggungjawab untuk memelihara alam sekitar dipikul oleh semua umat Islam, dari peringkat kerajaan hingga ke peringkat masyarakat pengguna (Mustafar et al., 2020), dan tanggungjawab ini bukan sahaja berlaku di dunia ini tetapi juga akan dipersoalkan di akhirat sebagaimana yang dinyatakan dalam fatwa rasmi mengenai pencemaran alam sekitar (JAKIM, 2016). Selain itu, pengembangan pengetahuan multidisiplin yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar diperluas melalui aktiviti penyelidikan. Pada bulan Mei 2007, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menubuhkan Institut Islam Hadhari sebagai sebuah institut penyelidikan multidisiplin yang mengintegrasikan pengetahuan, termasuk integrasi pengetahuan dalam bidang alam sekitar dengan Islam yang menjadi fokus utama penyelidikan di institut ini (Bakar et al., 2017).

Aktiviti perancangan, tadbir urus, dan pembangunan fizikal negara dipantau, dinilai, dan diberi penilaian oleh Indeks Syariah Malaysia setiap tahun (Unit Indeks Syariah Malaysia, 2015). Pemantauan ini dilakukan supaya alam sekitar tidak rosak, dan aktiviti pembangunan dilaksanakan selaras dengan Maqasid Syariah yang memelihara agama, kehidupan, akal, keturunan, dan harta benda (al-Raysuni, 2010).

Oleh yang demikian, pengajian dakwah memainkan peranan dalam mempengaruhi nilai, motivasi, tingkah laku, dan perubahan dasar dalam menyokong pemeliharaan alam sekitar (Ghazali et al., 2018; Mcleod & Palmer, 2015). Kajian oleh Hancock (2019) mendapati bahawa integrasi nilai-nilai agama seperti konsep *tambid*, *khalifah*, dan *mizan* dengan sains meningkatkan penglibatan



umat Islam sebagai aktivis alam sekitar. Terdapat satu lagi nilai alam sekitar yang berkaitan dengan agama iaitu nilai spiritual (Chowdhury, 2018; Crowe, 2013) dan nilai-nilai Islam yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar seperti *ta'awun*, *mahabbah*, *ibsan* dan *qana'ah*. Berdasarkan Schwartz (2012) dan Stern (2000), terdapat tiga nilai yang mendasari tingkah laku penjagaan alam sekitar, iaitu nilai egoistik, altruistik, dan biosferik. Egoistik adalah nilai yang meletakkan keperluan dan kepentingan peribadi terlebih dahulu, manakala altruistik adalah nilai yang meletakkan keperluan sosial terlebih dahulu seperti orang yang rapat dengan individu termasuk keluarga, rakan, jiran dan komuniti setempat. Nilai biosferik pula adalah nilai yang mengutamakan atau memberi kepentingan kepada alam sekitar dalam setiap tindakan yang diambil. Namun, nilai agama yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar masih kurang dikaji. Oleh itu, kajian ini dapat membantu mengenal pasti peranan pendakwah yang didasari oleh nilai-nilai dominan yang dipegang melalui pendidikan pelestarian alam dengan menunjukkan tingkah laku baik terhadap alam sekitar melalui peranan mereka.

### **Metodologi Kajian**

Makalah ini menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mencapai objektif kajian. Kajian ini berteraskan tinjauan kepustakaan dan bergantung kepada rujukan sekunder seperti buku, jurnal, kertas kerja, laporan, teks khutbah, makalah umum dan sebagainya. Menurut Othman Lebar (2009), analisis kandungan berfungsi sebagai satu penjelasan yang meneliti secara sistematik tentang sesuatu kandungan tersurat berbentuk teks. Berdasarkan maklumat-maklumat yang diperoleh daripada bahan-bahan sekunder ini kemudiannya dinilai, disusun dan dibentangkan dalam penulisan ini bagi menjelaskan pengajian dakwah dalam menerapkan pendidikan pelestarian alam sekitar terhadap pendakwah.

### **Dapatan Kajian**

Hasil penelitian menunjukkan bahawa terdapat lapan peranan yang boleh dimainkan oleh pendakwah dalam pendidikan pelestarian alam sekitar melalui pengajian dakwah. Antaranya berkongsi mesej kesedaran alam sekitar kepada masyarakat, mengamalkan gaya hidup lestari, menjadi contoh teladan, menjalankan kempen, bekerjasama dengan NGO atau pihak berkuasa, mempertingkatkan nilai-nilai Islam dalam diri yang berkaitan dengan alam sekitar, dan menjadi sukarelawan alam sekitar.

#### **a) Berkongsi mesej kesedaran alam sekitar kepada masyarakat umum**

Menyebarkan kesedaran tentang alam sekitar kepada masyarakat sesuai dengan peranan sebagai seorang pendakwah yang sentiasa berdakwah kepada komuniti. Sebagaimana dalam firman Allah SWT dalam surah Az-Zariyat, ayat 55 yang bermaksud: "Dan berilah peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman." Oleh itu, menyampaikan kesedaran dan peringatan kepada komuniti tentang alam sekitar adalah selaras dengan apa yang dituntut oleh Allah SWT. Berdasarkan pandangan Azrina Sobian (2023), golongan pendakwah telah menyampaikan kesedaran kepada komuniti melalui media elektronik Islam seperti IKIM FM, Radio Zayyan, TV al-Hijrah dan sebagainya.

Berdakwah dalam memberi kesedaran kepada komuniti untuk menjaga alam sekitar adalah nilai *ta'awun* (kerjasama) yang mengajar orang lain untuk memelihara alam sekitar, mengurangkan penggunaan sumber semula jadi, mengurangkan bahan buangan, dan melibatkan diri dalam kempen pemuliharaan alam sekitar (Yaacob et al., 2017). Nilai lain yang diterapkan dan diamalkan oleh golongan pendakwah adalah nilai mahabbah yang bermaksud cinta dan penghargaan terhadap alam sekitar. Memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam penjagaan alam sekitar adalah selaras dengan hadith yang diriwayatkan oleh Muslim yang menyatakan

bahawa tugas mencegah kemungkaran harus dilakukan sama ada melalui kuasa dan keupayaan yang kita ada atau keupayaan untuk memberikan teguran dan nasihat.

Menurut Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah & Nurzahidah Jaafar (2019), kaedah yang digunakan oleh pendakwah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat adalah dengan mengaitkannya kepada ayat-ayat relevan dalam al-Qur'an, hadis serta menerapkan nilai-nilai Islam berkaitan pemuliharaan alam sekitar. Antara nilai-nilai Islam berkaitan alam sekitar adalah konsep tawhid yang mengingatkan manusia untuk patuh kepada kata-kata Allah SWT yang terkandung dalam al-Qur'an dan Hadis serta melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah dalam menjaga alam sekitar. Antara yang lain, memberikan kesedaran kepada masyarakat dengan mengaitkannya kepada ilmu *usul fiqh* di mana menjaga alam sekitar adalah penting untuk manfaat dan kepentingan masyarakat. Menjaga alam sekitar juga sama seperti menjaga agama, nyawa, keturunan, akal, dan harta (Yang, 2018). Ini menunjukkan bahawa penjagaan alam sekitar sangat ditekankan dalam Islam.

Terdapat pelbagai saluran yang digunakan dalam menyampaikan kesedaran kepada masyarakat. Antaranya termasuk menggunakan media sosial yang pelbagai seperti *Facebook, Tiktok, Instagram, Thread* dan lain-lain. Perkembangan teknologi telah menjadikan penyampaian kesedaran tentang alam sekitar oleh golongan agama lebih bervariasi dan komprehensif. Kesedaran alam sekitar yang disampaikan melalui khutbah Jumaat juga merupakan platform yang baik dalam mendidik masyarakat tentang penjagaan alam sekitar. Oleh sebab itu, golongan pendakwah harus dididik oleh ahli atau pakar alam sekitar untuk membantu mereka dalam menyusun skrip untuk khutbah (Torabi & Noori, 2019). Ini menunjukkan terdapat keperluan untuk kerjasama antara golongan pendakwah dengan aktivis atau pakar alam sekitar.

#### **b) Mengamalkan gaya hidup lestari**

Pendakwah turut memainkan peranan mereka dengan mempraktikkan gaya hidup lestari seperti menjaga kebersihan dalam pemuliharaan alam sekitar dengan mengamalkannya. Ini menunjukkan bahawa pendakwah bertanggungjawab terhadap tindakan mereka yang dikenali sebagai ihsan dalam nilai Islam (Rekan et al., 2016). Kebersihan yang paling asas bagi mereka ialah menjaga kebersihan dalam dan luar rumah serta di tempat ibadah. Dalam Islam, kebersihan menunjukkan iman seperti dalam Hadis yang menyatakan “Kebersihan adalah sebahagian daripada iman” (Hadis riwayat Muslim).

Selain itu, pendakwah juga berperanan melaksanakan perkara asas dalam pengurusan sisa pepejal seperti membuang sampah, mengasingkan sampah untuk kitar semula serta mengurangkan penggunaan plastik. Tindakan ini selaras dengan nilai kesederhanaan yang diajarkan dalam Islam di mana kesederhanaan dan tidak berlebih-lebihan dalam menghasilkan sisa, yang boleh memberi kesan kepada kesejahteraan manusia, dipromosikan dalam ajaran Islam (Shahrom, Muhammad Imran & Noor Ezlin 2015). Sisa pepejal yang tidak diuruskan dengan baik akan menarik perosak seperti tikus, lipas, dan nyamuk untuk membiak di kawasan tersebut dan ini seterusnya akan menyebarkan penyakit kepada manusia kerana perosak ini bertindak sebagai vektor virus yang boleh mengganggu kesihatan manusia; tambahan pula, perosak ini juga boleh merosakkan pemandangan sekeliling.

Menanam pokok juga merupakan sebahagian daripada gaya hidup lestari yang diamalkan oleh peserta. Selain itu, mereka juga mengamalkan perkongsian kenderaan serta menjimatkan penggunaan elektrik. Melindungi flora dan fauna juga merupakan sebahagian daripada usaha mereka dalam pemuliharaan alam sekitar. Daripada Anas RA, beliau berkata: Nabi SAW bersabda, “Tiada seorang pun di kalangan orang Islam yang menanam pokok atau menabur

benih, dan kemudian burung, atau manusia atau haiwan memakannya, melainkan dianggap sebagai sedekah untuknya”. Jika masyarakat memahami dan menghargai hadis ini, maka masyarakat akan termotivasi untuk menanam pokok dan secara serentak menyumbang kepada tindakan pemuliharaan alam sekitar. Pokok memainkan peranan yang sangat penting dalam membekalkan oksigen untuk pernafasan, mencegah hakisan tanah kerana keupayaannya menyerap air serta menjadi habitat dan perlindungan untuk beberapa haiwan. Pokok juga mampu mengurangkan kesan rumah hijau akibat perubahan iklim yang berlaku di seluruh dunia.

### **c) Menjadi ikon melalui contoh dan teladan**

Sebagai individu beragama, pendakwah dijadikan teladan dan figura yang berpengaruh dalam masyarakat. Oleh itu, mereka perlu menunjukkan akhlak yang baik melalui tingkah laku yang baik terhadap alam sekitar supaya dapat menjadi contoh kepada orang lain dalam menjaga alam sekitar. Dalam Islam, antara dakwah yang paling berkesan adalah “*Dakwah Bil Hal*” iaitu dakwah melalui personaliti atau tingkah laku seseorang yang dilakukan oleh Nabi SAW sendiri sebagai contoh terbaik untuk diikuti oleh umat Islam. Oleh itu, menyertai program atau menganjurkan program yang berkaitan dengan alam sekitar sendiri boleh membantu menangani isu alam sekitar hingga ke tahap tertentu. Terdapat beberapa kaedah yang telah dikaji oleh penyelidik sebelum ini, iaitu peranan sebagai contoh teladan boleh ditunjukkan dengan menjalankan aktiviti pembersihan bersama atau gotong-royong; mewujudkan persekitaran hijau; menanam kesedaran tentang kepentingan pengurusan alam sekitar melalui aktiviti harian, melalui pengajaran atau pendidikan, melalui teladan atau contoh, dan penerapan nilai-nilai Islam (Efendi, 2017).

### **d) Mengadakan kempen Alam sekitar**

Salah satu peranan individu pendakwah menurut pandangan Noraziah Mhd Yusop & Latipah Sidek (2010) ialah menjalankan kempen berkaitan alam sekitar. Aktiviti kempen adalah pelbagai seperti memasang poster dan menanam pokok. Tujuan kempen ini adalah untuk meningkatkan minat dan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai pemuliharaan alam sekitar. Kempen juga merupakan salah satu kaedah untuk memujuk masyarakat supaya turut serta dalam menjaga alam sekitar. Penganjuran kempen secara tidak langsung akan menarik perhatian dan memupuk semangat cinta kepada alam semulajadi terutama dalam kalangan remaja dan kanak-kanak kerana merekalah yang akan membentuk masa depan negara kita. Melalui cara ini, masyarakat tempatan dan orang ramai diberikan peluang dan sokongan serta perhatian penuh dalam menangani isu alam sekitar.

### **e) Menganjurkan kerjasama dengan NGO atau pihak berkuasa**

Berdasarkan pandangan peserta kajian, mereka bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau pihak berkuasa dalam memelihara alam sekitar dengan membuat aduan atau menganjurkan kempen untuk meningkatkan kesedaran dan sebagai gabungan usaha dalam pemuliharaan alam sekitar termasuk kerjasama dengan pakar alam sekitar. Kerjasama antara pendakwah dengan pihak berkepentingan dalam bidang alam sekitar memberi impak yang lebih berkesan terhadap amalan menjaga alam sekitar dalam kehidupan seharian (Bensaid, 2013).

Agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk saling membantu seperti membantu pihak berkuasa dalam mencegah jenayah alam sekitar yang berlaku di sekeliling kita dengan melaporkan jenayah yang berlaku kepada pihak berkenaan. Penganjuran kempen dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar dapat memudahkan lagi tanggungjawab ini. Ini disebabkan kemampuan pihak mereka mewujudkan saluran medium maklumat tentang alam sekitar dengan kerjasama pakar dalam bidang tersebut. Oleh itu, pendakwah perlu bekerjasama dan bersatu dengan pakar ekologi dalam menangani isu alam sekitar mengikut kepakaran mereka dalam bidang masing-masing.

**f) Mempertingkatkan nilai Islam dalam diri berkaitan alam sekitar**

Keperluan menanam nilai-nilai Islam dalam diri pendakwah terlebih dahulu sebelum memberikan kesedaran kepada orang lain. Antara nilai-nilai Islam yang perlu dihargai ialah bersyukur (*qana'ah*) dan sentiasa merenung tentang isu-isu alam sekitar yang berlaku. Mereka juga perlu mengukuhkan iman dan menambah pengetahuan tentang alam sekitar. Bersyukur kepada Allah atas segala nikmat alam yang memberi manfaat kepada manusia perlu diterjemahkan ke dalam tindakan dengan menjaga alam sekitar sebaik mungkin.

Selain itu, alam sekitar adalah nikmat Allah kepada makhluk-Nya sebagai ayatullah atau tanda-tanda kebesaran Allah SWT, sebagai kitab ilmu yang sentiasa sedia untuk dipelajari dan sebagai anugerah Allah SWT kepada makhluk-Nya untuk dimanfaatkan (Djainudin & Sirait, 2016). Ini selaras dengan peranan sebagai individu pendakwah yang mengamalkan ajaran Islam, iaitu sentiasa bersyukur dan merenung diri supaya isu-isu alam sekitar yang menyumbang kepada kemusnahan alam tidak lagi berlaku. Tambahan lagi, dalam menangani isu alam sekitar pendakwah juga perlu memupuk dan mengukuhkan iman. Ini kerana iman yang kuat dapat membantu seseorang mendidik diri mereka untuk sentiasa menjaga dan menghormati ciptaan Tuhan. Islam juga memerintahkan untuk sentiasa berbuat baik kepada sesama makhluk. Selain itu, menjadikan alam semula jadi sebagai sumber ilmu dan untuk memperkuat iman seseorang. Dengan menghargai ciptaan alam, ia akan menimbulkan rasa cinta terhadap alam sekitar dan orang itu akan lebih menghargai ciptaan-Nya. Ia juga membantu mengelakkan diri daripada melakukan kerosakan kepada alam sekitar.

**g) Melibatkan diri sebagai sukarelawan alam sekitar**

Pendakwah juga boleh menyumbang kepada usaha pemuliharaan alam sekitar melalui aktiviti sukarelawan alam sekitar. Berdasarkan kajian sedia ada, manfaat yang diperoleh hasil daripada penglibatan dalam aktiviti sukarelawan alam sekitar termasuklah mewujudkan rasa kesejahteraan dalam diri (Seligman, 2011; Butler & Kern, 2016). Oleh itu, aktiviti sukarelawan alam sekitar bukan sahaja baik untuk alam sekitar, tetapi ia juga memberi manfaat kepada sukarelawan itu sendiri seperti yang dinyatakan dalam ayat al-Qur'an, "Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebaikan dan ketakwaan, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan. Dan bertakwalah kepada Allah; sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya" (Surah al-Maidah 5:2). Selain itu, Nabi SAW juga menekankan aspek tolong-menolong melalui hadisnya, "Sebaik-baik manusia di antaramu adalah yang paling banyak manfaatnya bagi orang lain" (riwayat Ibn Hibban). Oleh itu, tindakan individu pendakwah yang menyertai aktiviti sukarelawan alam sekitar adalah selaras dengan nilai-nilai Islam, iaitu tolong-menolong dalam memelihara alam sekitar.

## **Penutup**

Dalam konteks "Pendidikan Pelestarian Alam Sekitar dalam Pengajian Dakwah: Peranan Pendakwah," pelajar pengajian Islam memainkan peranan penting dalam pemuliharaan alam sekitar. Mereka mampu dilibatkan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat, mengamalkan gaya hidup lestari, dan menjadi teladan melalui kempen serta kerjasama dengan NGO dan pihak berkuasa. Kelebihan pendakwah ialah keupayaan mereka untuk mengintegrasikan ilmu wahyu dari al-Quran dan hadis dalam menyampaikan kesedaran alam sekitar. Ini menunjukkan bahawa pendakwah perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan alam sekitar dan mengaitkan usaha pemuliharaan dengan nilai-nilai Islam. Walaupun terdapat kekangan, ia boleh diatasi dengan bekerjasama dengan agensi berkaitan. Kajian masa depan disarankan untuk menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data bagi memahami lebih lanjut peranan pendakwah dalam usaha ini dan membantu merancang intervensi yang lebih efektif.

## Rujukan

Al-Quran.

- Abu `Abd Allah Muhammad Ibn Isma`il al-Bukhari (1979), al-Jami` al- Sahih al-Musnad min Hadith Rasulullah wa Sunanilah wa Ayyamih, 1: 94
- Abu Bakar Yang. (2010). "Pendidikan Alam Sekitar Asas Pengurusan Berhemah". Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim). [http://www.ikim.gov.my/v5/index.
- Abu Hassan, N. A., Paad, N. S., & Muhamad, A. (2022). Dakwah Pelestarian Alam Sekitar: Analisis Terhadap Keperibadian Dan Strategi Azizan Baharuddin. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 15(1), 107–141. <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol15no1.5>
- al-Raysuni, A. (2010). Madkhal ila Maqaid al-Syariah. Dar al-Kalimat.
- Bensaid, B. (2013). On Islamic dakwah and sustainable development. *World Journal of Islamic History and Civilization*, 3(2), 48–56. <https://doi.org/10.5829/idosi.wjihc.2013.3.2.3201>
- Bakar, M. A., Ibrahim, S. M. I., Said, S. A., Dakir, J., Sham, F., & Jalil, M. H. (2017). Sedekad Kegemilangan Institut Islam Hadhari, Unniversiti Kebangsaan Malaysia 2007-2017. Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chowdhury, R. M. M. I. (2018). Religiosity and Voluntary Simplicity: The Mediating Role of Spiritual Well-Being. *Journal of Business Ethics*, 152, 149-174. <https://doi.org/10.1007/s10551-016-3305-5>.
- Crowe, J. L. (2013). Transforming Environmental Attitudes and Behaviours through Eco-Spirituality and Religion. *International Electronic Journal of Environmental Education*, 3, 75-88.
- Djainudin, H., & Sirait, S. (2016). Pembelajaran Tauhid Berbasis Lingkungan Di SMP IT Alam Nurul Islam Yogyakarta. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 8, 117-132. <https://doi.org/10.14421/jpai.2016.131-08>
- Efendi, M. H. (2017). Islamic View of Environmental Conservation Education in Pondok Pesantren Nurul Haramain Lombok Barat-Indonesia. *Journal of Education and Practice*, 8, 137-140.
- Ghazali, E. M., Mutum, D. S., & Ariswibowo, N. (2018). Impact of Religious Values and Habit on an Extended Green Purchase Behaviour Model. *International Journal of Consumer Studies*, 42, 639-654. <https://doi.org/10.1111/ijcs.12472>.
- Hancock, R. (2019). Environmental Conversions and Muslim Activists: Constructing Knowledge at the Intersection of Religion and Politics. *Social Movement Studies*, 19, 287-302. <https://doi.org/10.1080/14742837.2019.1665505>.
- Hashim, R. (2022). Integrating environmental sustainability in Islamic education. *Asian Journal of Environmental Education*, 33(1), 56-72.
- Iksan, Z., Abdulah, W. N. W., Rambely, A. S., Ahmad, W. J. W., Hazmi, I. R., Hanifah, S. A., & Rahim, F. (2015). Pengintegrasian Sains Tauhidik dan mentaddabur al-Quran melalui Kem Pandang Alam. *International Seminar on Tarbiyah*, Malaysia, March 2015, 5-8.
- Khalif Muammar A. Harris. (2022). Prinsip-Prinsip Umum Falsafah Dan Etika Alam Sekitar Menurut Perspektif Islam: The Philosophical and Ethical Principles of Environment from the Islamic Perspective. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary Malaysian Shariah Index Unit* (2015). Profil Korporat Indeks Syariah Malaysia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mcleod, E., & Palmer, M. (2015). Why Conservation Needs Religion. *Coastal Management*, 43, 238-252. <https://doi.org/10.1080/08920753.2015.1030297>.
- Mustafar, F. W., Hamdan, M. H. D., Jusoh, N., & Mustafar, S. (2020). Penjagaan Alam Sekitar Menurut Maqasid Syariah dan Undang-Undang. *Journal of Law & Governance*, 3, 98-112.

- Mustafar, F. W., Hamdan, M. H. D., Jusoh, N., & Mustafar, S. (2020). Penjagaan Alam Sekitar Menurut Maqasid Syariah dan Undang-Undang. *Journal of Law & Governance*, 3, 98-112.
- Mumamad Harja Efendi. (2020). *Ekologi Islam: Model Pendidikan Konservasi Lingkungan Hidup Dengan Penerapan Nilai Islam*.
- Nasr, S. H. (2006). The Contemporary Islamic World and the Environmental Crisis. *Islamic Thought*, 19–32. <https://doi.org/10.2307/j.ctvkc67q1.7> World, 15(1). <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol15no1.4>
- Noor Atiqah Sulaiman (2021, Dis. 17). Kadar Kitar Semula Meningkatkan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/900014/kadar-kitar-semula-meningkat>.
- Noraziah Mhd Yusop, & Latipah Sidek. (2010). Pendidikan Alam Sekitar Dalam Pendidikan Islam: Peranan Guru. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education, November*, 8–10. [http://file.upi.edu/Direktori/PROCEEDING/UPI-UPSI/2010/Book\\_5/Pendidikan\\_Alam\\_Sekitar\\_Dalam\\_Pendidikan\\_Islam-Peranan\\_Guru.PDF](http://file.upi.edu/Direktori/PROCEEDING/UPI-UPSI/2010/Book_5/Pendidikan_Alam_Sekitar_Dalam_Pendidikan_Islam-Peranan_Guru.PDF)
- Nor Aishah Abu Hassan, Nur Shahidah Paad, & Asmawati Muhamad. (2022). Dakwah Pelestarian Alam Sekitar: Analisis Terhadap Keperibadian Dan Strategi Azizan Baharuddin. *Tafhim: Ikim Journal Of Islam And The Contemporary World*, 15(1). <https://doi.org/10.56389/Tafhim.Vol15no1.5>
- Othman Lebar. (2017). Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode. *Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris*
- Rahman, H. A. (2017). Usaha dan Cabaran dalam Mengaplikasikan Pendidikan Alam Sekitar dalam Sistem Persekolahan di Malaysia. *Asian Journal of Environment*, 1, 61-70.
- Rekan, A. A., Tengku Kasim, T. S., & Md Yusoff, Y. (2016). Pengintegrasian pendidikan Islam Dengan pendidikan Alam Sekitar di Sekolah: Analisis Terhadap adaptasi pendekatan Integrasi Kurikulum Holistik. *Journal of Usuluddin*, 44(1), 117–140. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol44no1.5>
- Rekan, A. A., Tengku Kasim, T. S. A., & Md Yusoff, Y. (2016). Pengintegrasian Pendidikan Islam dengan Pendidikan Alam Sekitar di Sekolah: Analisis Terhadap Adaptasi Pendekatan Integrasi Kurikulum Holistik. *Journal of Usuluddin*, 44(1), 117–140. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol44no1.5>
- Sani, M. A. M. (2010). A Comparative Analysis of Asian Values and Islam Hadhari in Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 8, 11-22.
- Schwartz, S. H. (2012). An Overview of the Schwartz Theory of Basic Values. *Online Readings in Psychology and Culture*, 2. <https://doi.org/10.9707/2307-0919.1116>.
- Sharina, A. H., Faszly, R., Iksan, I., Wan, N., Normazida, R., Muhammad, F. M. E., Ishak, A., Rizafizah, O., Nurul, H. A. K., Nurul, I. H., Rozida, M. K., & Azizah, B. A. A. (2017). Pengintegrasian Sains Tauhidik: Persepsi Peserta. *Ulum Islamiyyah*, 21, 43-60. <https://doi.org/10.33102/uij.vol21no0.24>.
- Sobian, A. (2023). Dakwah Dan Kelestarian Alam Sekitar di Malaysia peluang Dan Cabaran. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 3(1), 1–18. <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v3i1.108>
- Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, & Nurzahidah Jaafar. (2019). Aplikasi Prinsip Islam Dalam Pengurusan Alam Sekitar Lestari Menurut Perspektif Kitab Al-Jidar. *Global Journal Al-Thaqafah*, 9(1), 115–131.
- Tiwi, K., & Samsilah, R. (2014). Pendekatan Ekopsikologi Dalam Pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar. *Universiti Putra Malaysia*.

- Yaacob, M., Nasir, Z. M., Petera, W. S. H. W., Basri, H., Ibrahim, I. A., Othman, M. Y., Kashim, M. I. A. M., Zaharim, A., & Mokhtar, M. (2017). Transformation of Muslim Behaviour towards Sustainable Environment: Perspectives of Non-Governmental Organisations in Klang Valley. *Akademika*, 87, 19-30. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-02>
- Yang, A. B. (2018). *Pengurusan dan Pemuliharaan Alam Sekitar dari Perspektif Islam* (3rd ed.). Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Torabi, M., & Noori, S. M. (2019). Religious Leaders and the Environmental Crisis Using Knowledge and Social Influence to Counteract Climate Change. *The Ecumenical Review*, 71, 344-355. <https://doi.org/10.1111/erev.12434>

## BAB 6

### KAEDAH PENGURUSAN EMOSI DALAM ISLAM

Nazneen Ismail,<sup>1</sup> Siti Mursyidah Md Zin,<sup>1</sup> Nurzatil Ismah Azizan,<sup>1</sup> Nurhanisah binte Senin,<sup>2</sup> Dharatun Nisa Puad Mohd Kari @ Fuad Mohd Karim,<sup>3</sup> Nur Asya Farhanim Ibrahim<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>2</sup> Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

<sup>3</sup> Universiti Putra Malaysia (UPM)

#### Pengenalan

Allah SWT telah menciptakan manusia sebagai satu makhluk yang sempurna di muka bumi ini sama ada dalam aspek fizikal, rohani dan sebagainya. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam surah at-Tin ayat 4:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ۝ ٤

Maksudnya:

*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).*

Al-Zuhaili (2013) menjelaskan bahawa dalam ayat ini Allah SWT menjelaskan bahawa penciptaan manusia adalah dalam sebaik-baik rupa dan bentuk, memiliki anggota tubuh yang sesuai, dilengkapi dengan ilmu, pemikiran, perkataan, perenungan dan hikmah. Kriteria-kriteria ini melayakkan mereka sebagai pemimpin di bumi ini. Walaubagaimanapun, kesempurnaan ini boleh tercemar atau hilang apabila seseorang itu menuruti hawa nafsunya lalu Allah SWT menempatkannya di kedudukan yang paling hina iaitu neraka.

Kejadian yang sempurna ini merangkumi aspek pembangunan emosi, intelek serta akhlak yang mempengaruhi kehidupan mereka. Jika salah satu aspek itu buruk atau tidak seimbang, maka berlakulah kecacatan dan seseorang itu tidak mampu mencapai kesempurnaan sebagai manusia. Pembangunan emosi ini berkait rapat dengan kehidupan manusia kerana ia adalah satu reaksi yang mengandungi aktiviti dengan menunjukkan nilai yang tinggi sehingga mampu mengubah perilaku manusia.

#### Permasalahan kajian

Secara umumnya, ramai masyarakat berpandangan bahawa emosi merupakan perkara yang mudah diatasi sedangkan ia adalah sesuatu yang sukar dilalui kerana setiap orang merasa pelbagai emosi yang berbeza dengan masa yang tidak tertentu. Jika ia tidak dipandu, maka ia mengundang kepada tekanan dalam diri seseorang. Di negara ini didapati tekanan emosi menjadi semakin membimbangkan sehingga perkara ini sukar untuk diatasi. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, tekanan emosi dalam masyarakat yang menjurus kepada tingkah laku bunuh diri meningkat lima kali ganda berbanding tahun-tahun sebelumnya akibat daripada kegagalan mereka dalam mengawal emosi (Farhana, 2024).



Tekanan emosi ini berlaku akibat beberapa faktor seperti faktor kewangan. Faktor ini semakin meruncing bagi masyarakat dalam melalui hidup pasca covid-19. Meskipun wabak itu berlaku pada tiga tahun lepas sehingga mengakibatkan sebahagian masyarakat kehilangan punca pendapatan, namun kesan dari segi ekonomi masih dirasakan sehingga ke hari ini. Selain itu, tekanan emosi juga boleh berpunca daripada trauma atau pengalaman lampau yang menyakitkan seperti isu penderaan, pengabaian, buli dan sebagainya. Di samping itu, masalah keluarga seperti kekurangan perhatian, kasih sayang, masalah komunikasi turut memberi kesan mendalam terhadap emosi seseorang. Kegagalan komunikasi antara pasangan suami isteri sering berakhir dengan perceraian yang menjejaskan emosi seluruh ahli keluarga khususnya anak-anak (Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah, 2020).

Tekanan emosi yang dialami seseorang boleh memberi kesan dari segi psikologi, fizikal dan tingkah laku. Kesan tekanan emosi dari segi psikologi ialah kemurungan, kebimbangan, fobia dan paranoid (Alfiyan et al., 2021). Manakala kesan dari segi fizikal ialah kurang selera makan, mudah mendapat sakit jantung, tekanan darah tinggi, sakit paru-paru kronik, arthritis, daya kognitif yang lemah, sakit kepala berterusan dan sukar tidur (Muhammad Akbar et al, 2018; Kavitha et al, 2022; McLachlan & Gale, 2018). Selanjutnya dari segi tingkah laku, mereka yang berhadapan dengan tekanan emosi akan cenderung mencederakan dan membunuh orang lain atau diri sendiri. Antara contoh tingkah laku yang berpunca daripada tekanan emosi ialah merokok, minum arak dan menunjukkan perilaku agresif (Sharp & Theiler, 2018).

Berdasarkan kesan ini, dapat dirumuskan bahawa tekanan emosi yang tidak dibendung boleh menjejaskan keharmonian masyarakat. Malah, kecelaruan dalam masyarakat juga boleh mengundang kepada tekanan emosi. Ini menunjukkan bahawa keharmonian sosial mempunyai hubungan langsung dengan keupayaan mengurus emosi pada diri seseorang.

### **Definisi dan Fungsi Emosi**

Emosi merupakan salah satu potensi yang dimiliki oleh seluruh manusia di muka bumi sejak lahir lagi bagi menunjukkan tindakan yang akan dilakukan oleh mereka sama ada ke arah kebaikan atau keburukan. Masyarakat pada masa kini, menggunakan serta menyebutkan bahawa emosi itu hanya berhubung dengan perasaan marah dan benci. Namun demikian, definisi emosi ini dapat dijelaskan dalam pelbagai makna oleh pakar psikologi. Perkataan emosi berasal daripada bahasa Latin iaitu *emovere* yang membawa maksud kepada menggerakkan, bergerak dengan jauh dengan menggambarkan bahawa emosi ini memiliki kecenderungan untuk bertindak melakukan sesuatu (Manizar, 2016). Sehubungan itu, emosi ini sebagai keadaan budi rohani kerana ia memperlihatkan diri manusia itu dengan suatu perubahan yang jelas dalam tubuh mereka seperti berlakunya perubahan perilaku yang mana pada awalnya memiliki tingkah laku yang baik bertukar menjadi tingkah laku yang buruk dan sebaliknya.

Di samping itu, emosi juga dapat dijelaskan sebagai *strong feeling deriving from one's circumstances mood* yang membawa maksud kepada suatu perasaan yang sangat kuat berasal dari keadaan jiwa manusia (Alim, 2017). Kebanyakan orang memahami bahawa emosi dan perasaan memiliki makna yang sama sedangkan ia sangat berbeza. Emosi lebih bersifat intens berbanding dengan perasaan yang mana berlaku perubahan jasmani dengan lebih jelas dibandingkan dengan perasaan (Manizar, 2016). Selain itu, emosi adalah suatu perkara yang berlaku secara tiba-tiba melalui pengalaman yang telah dihadapi oleh seseorang seperti trauma, ketakutan, kegembiraan dan kesedihan (Nuur Syafiqah & Najah Nadiah, 2020). Ini bermakna, emosi adalah satu keadaan yang bergejolak, gangguan keseimbangan, respon yang kuat serta tidak teratur terhadap rangsangan (Cahyono, 2011). Emosi bagi setiap orang akan mencerminkan jiwa mereka yang

sebenarnya dengan jelas dan tepat kerana ia melibatkan setiap pergolakan fikiran, perasaan nafsu atau setiap keadaan mental yang hebat. Maka, ia melibatkan perubahan badan dari ciri yang meluas dalam pernafasan, nadi, rebusan kelenjar, dan lain-lain-dan, di sisi mental, keadaan keseronokan atau gangguan, yang ditandakan dengan perasaan yang kuat, dan biasanya dorongan ke arah bentuk tingkah laku yang pasti (Azhar Hj.Wahid & Nordiana, 2013)

Dalam Islam, emosi merupakan unsur kerohanian (spiritual) atau disebut sebagai *psyche* dan ia dihubungkan dengan hati dalam (*inner heart*) atau hati rohani (*spiritual heart*) atau dalam bahasa Arab disebut sebagai "*Qalb rubi*". Justeru, hati emosi (*emotional heart*) atau (*al-Qalb*) dalam konteks spiritual/*psyche* adalah keupayaan emosi (yang disebut sebagai perasaan, mood, afektif) (Wan Azura & Mohamad Fazullah, 2021).

Berdasarkan kepada definisi emosi yang telah dijelaskan di atas, dapat diketahui bahawa emosi ini adalah satu keadaan psikologi yang boleh mendorong manusia untuk bertindak atau melakukan sesuatu diluar jangkauan setelah adanya rangsangan yang berakar dari dalam diri mahupun dari luar dirinya (Manizar, 2016). Dalam pada itu, dapat juga disimpulkan bahawa emosi bukan sekadar sikap yang berhubung kait dengan sifat marah sahaja yang difahami oleh seluruh masyarakat pada zaman sekarang. Malahan emosi ini adalah perbuatan yang berasal dari jiwa dalam diri manusia melalui ekspresi keadaan jasmani (Alim, 2017).

Emosi memiliki kumpulan yang berbeza seperti emosi negatif iaitu sedih, kecewa, marah serta takut dan emosi positif seperti bahagia, teruja, gembira dan lembut. Segala emosi tersebut sentiasa berada pada diri manusia bagi mencapai kemampuan mereka dalam mengawal emosi. Setiap manusia yang boleh mengawal emosi mereka secara tidak langsung kehidupan mereka akan bahagia. Antara fungsi emosi ialah:

- i. Mempertahankan diri dengan menimbulkan respon secara automatik terhadap rangsangan seperti bahaya. Ia juga berfungsi sebagai pendorong atau penolak kepada manusia untuk diberi kekuatan mengubah serta mengawal diri daripada melakukan perkara yang tidak diingini. Contohnya emosi menyebabkan muncul reaksi terkejut apabila melihat ular lalu memberikan tindak balas melompat menyelamatkan diri (Manizar, 2016).
- ii. Memberi kekuatan dan motivasi kepada manusia. Ini melibatkan emosi positif seperti bahagia, cinta dan sayang, semangat dalam melakukan apa sahaja pekerjaan serta semangat untuk meneruskan kehidupan walaupun pelbagai rintangan melanda. Emosi yang dihadapi oleh setiap manusia akan seiring dengan tindakan yang akan dilakukan bagi mencapai tujuan yang mereka ingin capai. Setiap manusia memiliki tujuan dan tindakan yang berbeza walaupun mereka sering menunjukkan emosi yang sama. Contohnya emosi cinta akan menyebabkan diri seseorang sentiasa positif dan ceria sekiranya dapat mengawal emosi tersebut dengan baik sempurna. Namun, sekiranya emosi ini tidak berjaya dikawal, ia mengakibatkan tekanan untuk sentiasa mengejar tujuan yang ingin dicapai (Manizar, 2016).
- iii. Membawa pesan bagi manusia. Emosi akan memberitahu kepada diri manusia mengenai bagaimana keadaan orang-orang yang berada di sekelilingnya terutama sekali orang-orang yang dicintai dan disayangi sehinggalah dapat difahami dengan baik serta dapat menghadapi segala situasi yang akan berlaku (Manizar, 2016). Contohnya sifat simpati dan empati dalam diri seseorang menyebabkannya memahami kesusahan atau kesedihan yang dialami oleh orang lain.

v. Menyesuaikan reaksi dengan keadaan yang khusus. Oleh kerana emosi merupakan perkara yang menunjukkan tindakan atau perasaan dalam diri, maka ia perlu sesuai dengan keadaan tertentu. Contohnya, mereka yang kehilangan orang yang disayangi akan memunculkan emosi sedih atau mereka yang dalam bahaya tentunya akan menunjukkan emosi cemas dan risau. Maka, emosi yang wujud dalam diri akan menyesuaikan reaksi seseorang dengan keadaan yang sedang dihadapi (Manizar, 2016).

vi. Meningkatkan ikatan sosial. Kepelbagaian emosi positif seperti ceria, sayang, gembira akan menjadikan hubungan antara manusia lebih bermakna. Ia juga memudahkan komunikasi antara mereka dan melancarkan pekerjaan dan tugas yang dilakukan. Hasilnya, sokongan sosial yang diperolehi menjadi kuat dan kesejahteraan psikologi juga terpelihara (Manizar, 2016).

Ini bermakna emosi yang ditunjukkan boleh memberikan reaksi sehingga dalam hubungan ini peranan emosi terlibat dalam kegiatan manusia. Reaksi dalaman ini mempengaruhi persepsi, pembelajaran, pemikiran, dan secara umum semua yang kita lakukan. Tidak seperti motivasi, emosi tidak selalu mempunyai tujuan langsung, ia lebih kepada gabungan tindak balas yang tidak teratur terhadap rangsangan luaran atau dalaman (Zulkarnain, 2018).

### Bentuk-Bentuk Emosi dalam al-Quran

Terdapat pelbagai emosi manusia yang diungkapkan dalam al-Quran meliputi emosi seperti gembira, cinta, marah, takut, sedih, putus asa, berharap, takut, belas ihsan, malu, benci dan lain-lain (Wan Azura & Ahmad Fazullah, 2021).

#### i. Gembira atau sukacita

Emosi gembira adalah reaksi yang bebas dari segala masalah dan kesusahan. Kebiasannya gembira ini akan terjadi secara tiba-tiba apabila terdapat sesuatu perkara yang baik telah berlaku seperti mendapat keputusan yang baik, mendapat kejutan hari lahir daripada ahli keluarga dan sebagainya. Antara contoh ayat yang menunjukkan emosi gembira ialah:

Contoh emosi gembira	Surah dan ayat
Kegembiraan dalam hati orang kafir apabila melihat umat Islam ditimpa musibah berpunca daripada kebencian terhadap mereka	Ali Imran: 120
Kegembiraan para syuhada' atas kurniaan yang diberikan Allah SWT kepada mereka	Ali Imran: 170-171
Kegembiraan ahli syurga atas rahmat dan reda Allah SWT serta nikmat syurga	Al-Taubah: 21
Wajah yang berseri-seri dan kegembiraan di dalam hati	Al-Insan: 11
Ketawa kerana menerima berita gembira	Hud: 71

**Jadual 1 Antara ayat berkaitan emosi gembira di dalam al-Quran**

#### ii. Cinta

Cinta bererti perasaan sangat sayang atau terlalu mengingini akan sesuatu (Kamus Dewan, 2002). Dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *love*, *passion* manakala dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-hubb* di samping ada istilah yang pelbagai lagi. Kesemuanya merujuk kepada pengertian yang

sama iaitu keinginan yang bersangatan kerana rasa kasih dan cenderung hati kepada sesuatu. Antara contoh ayat yang menunjukkan emosi cinta ialah:

Contoh emosi cinta	Surah dan ayat
Cintakan keindahan material seperti wanita, anak-anak, emas, perak, kuda, binatang ternak dan ladang tanaman	Ali Imran: 14
Ttunduk kepada perkara yang dicintai dan menjadikannya sebagai tuhan	Al-Baqarah: 165
Cinta kepada sesuatu sehingga menyebabkan seseorang itu lalai daripada selain apa yang dicintainya	Sad: 32
Kecintaan yang melampau menjadikan seseorang itu tidak memenuhi hak orang lain ke atasnya	Al-Fajr: 20
Mabuk cinta menyebabkan seseorang boleh hilang kewarasan akal fikirannya dan mendorong kepadanya melakukan perkara yang di luar kebiasaan	Yusuf: 30
Rasa cinta sesama umat Islam mendorong mereka saling memelihara hubungan baik dan berusaha hidup dalam aman damai	Al-Hujurat: 10

**Jadual 2 Antara ayat berkaitan emosi cinta di dalam al-Quran**

### iii. Marah

Emosi marah pada asalnya merupakan perkara yang normal dan pernah dilalui oleh seluruh manusia. Walaubagaimana pun, kemarahan yang tidak dikawal menyebabkan seseorang itu melakukan perkara yang buruk seperti memukul, menengking, mendera dan sebagainya (Latief, 2015). Emosi ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor ekonomi, keadaan fizikal seperti penat selepas pulang dari kerja, dan sebagainya (Nuur Syafiqah & Najah Nadiah, 2020). Emosi marah merupakan sifat yang tidak senang dalam setiap perkara, merasa gusar dan geram kerana menerima sesuatu yang tidak baik daripada orang sekelilingnya. Dalam bahasa Arab marah dapat diertikan sebagai *gadab* yang bermaksud meluapnya darah sehingga ingin menyiksa diri sendiri (Mahyuddin, 2014). Emosi marah ini akan menunjukkan pelbagai ekspresi dalam diri manusia sehingga sanggup bertindak membahayakan orang lain terutamanya kepada orang yang telah membuat dirinya marah. Akan tetapi, ada juga orang yang terlalu marah dalam perkara yang tertentu tetapi mereka mampu untuk menahan diri mereka dan meredam kemarahan mereka. Antara contoh ayat yang menunjukkan emosi marah ialah:

Contoh emosi marah	Surah dan ayat
Melemparkan barang dan menarik rambut orang yang dimarahi	Al-A'raf: 150
Bermasam muka dan berpaling	Abasa: 1
Membalas semula kezaliman yang dilakukan	Al-Baqarah: 194
Muka menjadi merah padam	Al-Nahl: 58
Perbuatan menghindar diri daripada orang yang dimarahi	Al-Qalam: 48

**Jadual 3 Antara ayat berkaitan emosi marah di dalam al-Quran**

### iv. Takut

Ketakutan merupakan salah satu bentuk emosi yang mendorong seseorang untuk seboleh mungkin menjauhkan diri dari sesuatu (Zulkarnain, 2018; Sirajudin et al, 2023). Ia merupakan ciri psikologi, suatu kecenderungan alami yang ada dalam fikiran manusia dan berperanan penting dalam kehidupan mental manusia. Islam juga tidak menganggap rasa takut yang ada pada manusia sebagai rasa malu yang harus dihilangkan. Malah, perasaan takut manusia dalam kisah-

kisah al-Quran cakupannya sangat luas. Bukan hanya ketakutan dunia seperti kelaparan, kehilangan nyawa dan harta benda, bencana alam, dan kematian, namun juga ketakutan akan kematian di akhirat. Dalam al-Quran, ungkapan takut didapati menggunakan tiga kalimah iaitu *khauf*, *rabbah* dan *khasyyah* (Sirajudin et al, 2023). Antara contoh ayat yang menunjukkan emosi takut ialah:

Contoh emosi takut	Surah dan ayat
Takut hilang kuasa dan pengaruh	Al-Qasas:6
Gementar hati kerana mengingati Allah SWT lalu menimbulkan kepasrahan kepada-Nya	Al-Anfal: 2
Takut berhadapan dengan penguasa yang zalim	Taha: 45
Menutup telinga ketakutan ditimpa azab	Al-Baqarah: 20
Menangis sebagai tanda takut	Maryam: 58

**Jadual 4 Antara ayat berkaitan emosi takut di dalam al-Quran**

#### v. Sedih

Sedih adalah satu emosi yang menunjukkan perasaan susah hati dan merasa sangat pilu. Emosi sedih berlawanan dengan emosi gembira. Sedih ini merupakan satu emosi yang tidak menyenangkan dan boleh mendorong kepada psikologi seseorang. Sedih juga dapat didefinisikan sebagai dukacita, atau kesedihan yang amat dalam (Mahyuddin, 2014). Antara contoh ayat yang menunjukkan emosi sedih ialah:

Contoh emosi sedih	Surah dan ayat
Sedih akibat kehilangan orang yang disayangi seperti ahli keluarga	Yusuf:13
Sedih kerana risau dan merasa malu	Maryam: 24
Menangis	Al-Taubah: 82
Hilang penglihatan kerana terlampau banyak menangis	Yusuf: 84
Merasa sedih dan dada menjadi sempit	Al-Nahl:127

**Jadual 5 Antara ayat berkaitan emosi sedih di dalam al-Quran**

### **Kaedah pengurusan emosi dalam Islam**

Pengurusan emosi adalah sangat penting dalam sesebuah organisasi agar setiap manusia dapat menilai, menerima, mengelola serta mengawal emosinya dan orang sekelilingnya (Maizatul Haizan & Noor Afzaliza, 2017). Apabila seseorang memiliki pengurusan yang baik dalam mengatur emosi memungkin mereka untuk mendapatkan, merasa serta memahami dengan baik untuk menggunakan emosi secara manusiawi. Sebagai contoh, apabila seseorang itu sangat memahami perasaan orang lain yang berada dalam kesedihan, kecewa, takut dan sebagainya secara tidak langsung mereka mampu untuk berkomunikasi dengan baik dan lancar terhadap seseorang. Kesukaran dalam mengurus emosi akan menyebabkan seseorang itu sentiasa berselisih faham dengan orang lain sehingga menjurus kepada masalah yang negatif dan berlarutan sekiranya tidak memiliki penyelesaiannya.

Oleh itu, dalam pengurusan emosi ini memiliki banyak kepentingan yang perlu diambil berat agar setiap manusia mampu untuk mengawal dirinya. Antaranya ialah hubungan menjadi lebih baik bersama orang sekelilingnya. Hal ini demikian kerana, pengurusan emosi ini mampu menjadikan seseorang itu lebih akrab dengan rakan-rakannya dan ahli keluarganya. Tambahan pula, ia juga mampu memberikan kelancaran kepada seseorang untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain dalam sesuatu perkara. Ini kerana, dengan mengawal emosi dapat mengajar individu untuk menggunakan bahasa sopan dan intonasi yang betul dan bersesuaian (Maizatul Haizan &

Noor Afzaliza, 2017). Oleh itu, individu tersebut menjadi lebih berkeyakinan untuk memiliki kenalan yang ramai.

Di samping itu, pengurusan emosi ini sangat penting kerana ia dapat meningkatkan peluang pekerjaan melalui penampilan yang ditunjukkan. Hal ini kerana, pada zaman sekarang untuk mendapat pekerjaan sangat sukar kerana mereka akan melihat kepada perwatakan seseorang adakah mereka mampu untuk menghadapi serta menyelesaikan masalah atau cabaran yang diberikan oleh majikan. Kebiasaannya majikan akan melihat dari pelbagai aspek seperti berkemahiran dalam komunikasi, kreatif, fleksibel, jujur, amanah dan bertanggungjawab semasa perbincangan (Maizatul Haizan & Noor Afzaliza, 2017).

Seterusnya, dapat menjadikan seseorang itu lebih matang dan berkeyakinan dalam segala sesuatu. Kematangan emosi adalah kemampuan individu itu untuk memahami emosi yang dilalui pada masa itu supaya ianya dapat dikawal dengan baik sehingga tidak menimbulkan perkara yang buruk (Noor Afzaliza Nazira, et al., 2022). Selain itu, pengurusan emosi memberikan kepentingan kerana ia memberikan dan meningkatkan kreativiti seseorang. Hal ini demikian, dalam menguruskan emosi ini memerlukan cara serta teknik yang berbeza seperti emosi marah perlu melakukan sesuatu perkara yang lain agar kemarahan yang dilalui reda dan tenang. Akhir sekali, emosi ini perlu diurus dengan baik kerana seseorang yang memiliki kecerdasan emosi yang baik akan menjadikan segala tindakan itu sebagai pengajaran dan sentiasa belajar dari kesilapan. Ini kerana, mereka selalu berfikir untuk mengawal emosi daripada ia berlarutan selamanya (Maizatul Haizan & Noor Afzaliza, 2017).

Antara kaedah pengurusan emosi yang terdapat dalam Islam ialah sabar, pasrah dan memaafkan, berfikir positif, berhijrah, makan makanan yang sihat, membaca al-Quran, melakukan solat malam, berzikir, bergaul dengan orang soleh dan amalan *ruqyah syar'iyah*.

#### i. Sabar

Ujian terhadap manusia merupakan perkara yang pasti berlaku sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran (al-Baqarah: 155) bahawa orang beriman akan diuji dengan ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, kematian, tanam-tanaman dan anak-anak. Maka, barangsiapa yang bersabar dan meletakkan pengharapan kepada Allah SWT maka mereka dikurniakan pahala yang tidak terhitung serta diampunkan segala dosa-dosa. Mereka juga dianugerahkan ketenangan dalam menghadapi ujian seterusnya. Kesedihan atau menangis kerana ditimpa ujian tidak bertentangan dengan kesabaran dan keimanan selagi mana mereka reda dengan takdir Allah SWT atas dirinya (al-Zuhaili, 2013).

Umat Islam juga dilarang sama sekali untuk melakukan perkara-perkara tercela apabila mendapat musibah iaitu menampar pipi, merobek pakaian, meratapi orang mati dan melakukan perbuatan yang dianggap buruk oleh akal seperti mengucapkan perkataan yang menyatakan rasa jengkel dan tidak menerima apa yang ditakdirkan dan diputuskan oleh Allah SWT. Sebaliknya, mereka diajar untuk mengembalikan segalanya kepada Allah SWT dengan ungkapan *Innalillahi wa inna ilaihi raji'un* (al-Zuhaili, 2013). Sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ عَبْدٍ تُصِيبُهُ مُصِيبَةٌ، فَيَقُولُ: إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاغِعُونَ، اللَّهُمَّ اجْزِنِي فِي مُصِيبَتِي، وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا، إِلَّا أَجْرَهُ اللَّهُ فِي مُصِيبَتِهِ، وَخَلَفَ لَهُ خَيْرًا مِنْهَا

[Imam Ahmad, *Musnad, Musnad al-Nisa', Hadith Ummu Salamah Zauj al-Nabi Sallahu Alaibi Wasallam*, no hadis 26635]

Maksudnya:

*“Setiap hamba yang tertimpa musibah lalu mengucapkan 'Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepada-Nya-lah kami akan kembali. Ya Allah, berilah aku pahala dari musibahku dan berilah aku ganti yang lebih baik' pasti akan diberi pahala oleh Allah dalam musibahnya dan pasti diberi ganti yang lebih baik.”*

Allah SWT telah memerintahkan agar seluruh umat manusia untuk sentiasa bersabar dalam melakukan sesuatu pekerjaan supaya mudah untuk diselesaikan. Sabar mempunyai sifat yang sama dengan sikap menahan emosi daripada melakukan kesalahan dan juga kemungkaran yang telah dilarang oleh Allah SWT di sisi Islam. Tambahan pula, sabar dapat dimaksudkan sebagai sifat yang dituntut oleh umat manusia untuk sentiasa serta tetap beribadah untuk mengamalkan segala sesuatu yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk mendapat kerahmatan daripada Allah. Dalam kehidupan seorang manusia, sabar yang dilakukan oleh mereka adalah dengan sentiasa senyum walaupun berada dalam keadaan yang tidak tenang atau kesusahan. Hal ini kerana, segala cabaran dan rintangan telah diatur oleh Allah SWT, maka mereka perlulah meneruskan hidup dengan untuk mencapai masa depan mereka yang akan datang. Sabar dapat disifatkan sebagai hati yang tenang seperti suci dari segala sifat tercela, sentiasa bertakwa kepada Allah, sering melakukan kebaikan dan bersih daripada perkara-perkara kejahatan (Miskahuddin, 2020).

#### ii. Mendirikan solat

Di samping sabar, terdapat perintah agar mendirikan solat (Al-Baqarah: 154). Ini kerana kesabaran memperkuat tekad dan meneguhkan kemahuan dalam menanggung kesukaran, dan Allah SWT sentiasa bersama orang-orang yang sabar dengan memberi mereka pertolongan, perhatian, dan sokongan. Perintah untuk memohon pertolongan dengan solat pula kerana ia merupakan paksi segala ibadah. Melalui solat, seorang hamba itu berhubung dengan Allah SWT, bermunajat kepada-Nya dan merasakan keagungan-Nya. Solat juga merupakan sarana untuk meluahkan harapan dan doa serta meraih ketenangan jiwa (al-Zuhaili, 2013). Sabda Rasulullah SAW:

جُعِلَتْ قُرَّةُ عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ

[al-Tabrani, *Mu'jam al-Saghir, Bab al-Fa', Man Ismuhu al-Fadl*, no hadis 741]

Maksudnya:

*“Dijadikan bagiku penyejuk mata (ketenangan hati) dalam solat.”*

Maka, Islam menekankan kepentingan pengurusan emosi dari segi luaran dan dalaman sebagaimana sabar merupakan faktor mental yang paling kuat pengaruhnya terhadap jiwa, maka solat merupakan amalan jasmani yang paling besar pengaruhnya terhadap manusia kerana tumpuannya hanya kepada Allah SWT ketika dalam solat (al-Zuhaili, 2013).

#### iii. Reda dan syukur atas takdir Allah SWT.

Reda dan pasrah mempunyai kedudukan yang tinggi selepas sabar kerana sifat ini menerima segala ketentuan yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT kepada umatnya (Nuur Syafiqah & Najah Nadiyah, 2020). Ia terkait dengan keimanan kepada takdir Allah SWT seperti yang telah dinyatakan dalam al-Quran (al-Hadid 22-23) bahawa segala yang berlaku ke atas manusia sama ada ia baik atau buruk adalah ketetapan daripada-Nya. Segala nikmat yang diperolehi perlu disyukuri manakala segala nikmat yang hilang perlu diredai kerana kesemuanya datang daripada Allah SWT. Keyakinan ini menjadikan hati manusia lapang dan tenang kerana mereka tidak pernah merasa sombong atas nikmat dan tidak merasa kecewa atas kehilangannya (al-Zuhaili, 2013). Sabda Rasulullah SAW:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَصَابَتَهُ سَرَاءُ شَكَرٍ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتَهُ ضَرَاءٌ، صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ»

[Muslim, *Sahih, Kitab al-Zuhd wa al-Raqa'iq, Bab al-Mu'min Amrubu Kullubu Khayr*, no hadis 64]

Maksudnya:

*“Ajaib bagi urusan orang mukmin, sesungguhnya semua urusannya baik, hal ini tidak terjadi kepada seorang pun melainkan bagi orang mukmin. Apabila dia beroleh kebahagiaan, dia bersyukur, maka hal itu baik baginya dan apabila dia beroleh kesukaran, dia bersabar, maka hal itu baik baginya.”*

#### iv. Memaafkan

Memberi maaf dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-'afw* ( العفو ) yang bermaksud memaafkan kesalahan dan tidak menghukumnya. Asalnya ialah *al-mahw* yang bermaksud memadamkan dan menghilangkan. Seiring dengan kalimah *al-'afw* juga ialah *al-safh* ( الصفح ) . Ia bermaksud berpaling daripada kesalahan dan meninggalkan kesan kesalahan (orang lain) kepada diri (al-Saqqaf, t.th). Memaafkan adalah pusat bagi mengarahkan manusia kepada perkara yang sihat bagi memulihkan keadaan yang berlaku supaya menjadi situasi yang menenangkan (Khasan, 2017). Apabila seseorang itu bijak mengawal emosi mereka, secara tidak langsung tidak merasa tersinggung serta mudah untuk memaafkan orang lain terhadap penghinaan, fitnah dan kutukan yang sering diberikan oleh masyarakat. Orang sentiasa memaafkan orang lain terhadap perbuatan jahat mereka merupakan orang yang memiliki budi pekerti yang tinggi.

Sifat pemaaf ini juga telah dijelaskan di dalam al-Quran (al-A'raf 199). Ia bermaksud memberi kemudahan atau berlapang dada dalam berhadapan dengan sikap dan perbuatan manusia tanpa menyusahkan mereka dan mengintip-intip kesalahan mereka. Termasuk dalam memaafkan juga adalah menyambungkan hubungan mereka yang berselisih, memaafkan orang yang melakukan kesalahan, berlemah lembut dengan orang mukmin dan lain-lain sifat orang yang taat. (al-Zuhaili, 2013). Sebaik-baik kemaafan ialah yang diberikan ketika seseorang mempunyai kemampuan untuk membalas satu-satu kejahatan yang dilakukan orang ke atasnya. Membalas semula merupakan keadilan tetapi memaafkan merupakan satu kemuliaan. Maka, Islam mengajar umatnya untuk memaafkan dan berlapang dada. Ia bermakna memaafkan tanpa diiringi dengan kata-kata nista seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam peristiwa pembukaan Kota Mekah (al-Haddad, 2020).

Sifat memaafkan dapat memanjangkan hubungan perkahwinan antara suami dan isteri, menyumbang kepada kesihatan fizikal, sebagai tanda penghayatan agama bagi seseorang, menjadi asas pembinaan masyarakat yang sejahtera, mengekang pengulangan perilaku buruk, menghapuskan permusuhan sesama manusia dan menyuburkan rasa mengutamakan orang lain (*itbar*). Selain itu, sikap memaafkan ini juga menjadikan seseorang mencapai kepuasan hidup (al-Sayyid Kamil, 2009) dan menggalakkan kesan positif dalam diri kerana ia berkesan dalam memulihkan penyakit emosi, kerisauan (*anxiety*), kemurungan dan pamarah (Akhtar & Barlow, 2018).

#### v. Berfikir secara positif.

Berfikir positif atau optimis ini bermaksud melihat sesuatu isu secara positif dan realistik. Pemikiran ini menimbulkan perasaan dalam diri bahawa segala sesuatu akan membawa kepada kebaikan. Ia menatijahkan keyakinan pada diri sendiri dan kemampuan yang dimiliki. Mereka yang berfikir secara positif ini tidak melihat kegagalan sebagai suatu yang bersifat kekal dan



menyeluruh. Justeru, mereka akan berusaha mengubah kegagalan itu agar tidak berterusan dan memberi kesan kepada kehidupan, Orang yang tidak mempunyai pemikiran positif akan sukar dalam menjalani kehidupannya kerana mereka mempunyai tanggapan yang buruk dan salah tentang kehidupan dan persekitarannya. Maka, mereka berhadapan dengan jalan buntu dan tidak mampu mengubah diri ke arah lebih baik (Willytiyo, 2019).

Dalam Islam, berfikiran positif ini dikaitkan dengan sifat berharap kepada Allah SWT dan tidak berputus asa sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 40:

إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ لَمْ تَرَوْهَا

Maksudnya:

*..ketika keduanya berada dalam gua, di waktu dia berkata kepada temannya: "Janganlah kamu berduka cita, sesungguhnya Allah beserta kita". Maka Allah menurunkan keterangan-Nya kepada (Muhammad) dan membantunya dengan tentera yang kamu tidak melihatnya..*

Ayat ini mengisahkan tentang kekhuatiran Saidina Abu Bakar RA akan keselamatan Rasulullah SAW ketika mereka bersembunyi di dalam gua. Ini kerana kaum musyrikin telah pun berada di pintu gua dan mereka begitu hampir menemukan kedua-dua sahabat ini. Walaubagaimanapun, Rasulullah SAW menenangkan sahabatnya dengan mengingatkan kepadanya tentang pemeliharaan Allah SWT ke atas mereka serta bantuan daripada para malaikat dalam saat genting demikian (al-Zuhaili, 2013). Ungkapan ini menenangkan Saidina Abu Bakar RA kerana yakin kepada jaminan dan kekuasaan Allah SWT mengatasi segala makhluk-Nya. Ini menunjukkan pemikiran positif boleh mempengaruhi emosi dan tindakan seseorang. Ia juga menjadikan seseorang itu merasa tenang, rileks dan dapat menyesuaikan dirinya untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Apabila seseorang itu menumpukan perhatian pada sisi positif dalam menghadapi satu keadaan, dia akan lebih mampu mempertahankan emosi positifnya dan mencegah emosi negatif serta membantu dalam menghadapi situasi bahaya dan menimbulkan stres (Tentama, 2010).

vi. Berhijrah ke tempat baru atau suasana yang mendamaikan.

Al-Quran juga telah menunjukkan bahawa orang yang berhadapan dengan gangguan emosi atau tekanan perlu mencari tempat atau persekitaran yang sesuai dengan diri mereka seperti dalam kisah Maryam (Maryam: 22) yang telah mengasingkan diri ketika beliau hamil bagi menghindari fitnah daripada masyarakat sekeliling. Ini kerana beliau merupakan wanita suci yang ditakdirkan hamil tanpa suami sebagai tanda kekuasaan Allah SWT (al-Zuhaili, 2013). Dalam ilmu tasawuf, pengasingan diri daripada masyarakat ini disebut sebagai *uzlah*. Kaedah ini juga boleh dilihat dalam kisah para pemuda Ashab al-Kahfi (al-Kahfi: 16) yang telah melarikan diri dan bersembunyi di dalam gua bagi mempertahankan keimanan mereka dan menjauhkan diri daripada fitnah raja yang zalim. Di dalam gua tersebut, mereka tekun beribadah dan bermunajat kepada Allah SWT dengan menyerahkan segala urusan kepada-Nya (al-Zuhaili, 2013).

Ini bermakna sepanjang proses hijrah atau mengasingkan diri ini, seseorang itu hendaklah beriltizam dengan ibadah kepada Allah SWT dan berniat ikhlas semata-mata untuk memperbaiki keimanan kepada-Nya. Tindakan ini wajar sebagaimana ulasan Imam Ibn Hajar terhadap hadis perumpamaan sahabat baik seperti penjual minyak wangi manakala sahabat buruk seumpama tukang besi. Menurut beliau, hadis ini mengisytarkan larangan duduk bersama dengan mereka yang mengganggu atau menyakiti mukmin baik dari segi agama mahupun dunianya. Sebaliknya, ia menganjurkan agar orang mukmin mencari lingkungan atau kelompok yang memberi manfaat

dari segi agama dan dunia (Muhammad Fahmi, 2020). Ini kerana sepatutnya seorang Muslim itu memelihara lisan dan anggotanya daripada menyakiti orang lain seperti dalam hadis:

المُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

[Bukhari, *Sabih, Kitab al-Iman, Bab al-Muslim man Salima al-Muslimun min Lisanibi wa Yadibi*, no hadis 10]

Maksudnya:

“Seorang Muslim itu ialah apabila orang Muslim lain merasa selamat daripada (kejahatan) lisan dan tangannya.”

Selain itu, aktiviti tafakkur dan muhasabah juga boleh dilakukan sepanjang tempoh pengasingan diri ini kerana ia membantu seseorang untuk memelihara pancaindera dan hatinya daripada perkara-perkara yang merosakkan, sebagai ruang masa untuk melatih diri berakhlak mulia, memberikan kerehatan fizikal dan rohani daripada dunia sehingga diri menjadi tenang, serta menjauhi fitnah yang berpunca daripada manusia (Nazneen & Mohd Noorikhwan, 2014).

#### vii. Makan makanan yang berkhasiat.

Makan makanan yang berkhasiat dan seimbang juga adalah satu cara bagi mengurus emosi seseorang daripada keterlaluhan. Ini kerana pemakanan juga memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seseorang sebagaimana dalam kisah Maryam (Maryam: 25) yang telah diperintahkan Allah SWT untuk memakan buah kurma yang masak agar sentiasa dalam keadaan yang baik dan sihat (Siti Aisyah Yusof & Muhammad Saiful Islami, 2012).

Kepentingan pemilihan makanan dalam keadaan tertekan juga ditunjukkan dalam kisah para pemuda *Ashab al-Kahfi*. Meskipun dalam keadaan takut dan melarikan diri daripada penguasa zalim, ketika mereka bangun daripada tidur perkara yang dititikberatkan adalah soal pemakanan sehingga ada antara mereka yang mengungkapkan “*surublah salah seorang di antara kamu untuk pergi ke kota dengan membawa wang perakmu ini, dan hendaklah dia lihat manakah makanan yang lebih baik, maka hendaklah ia membawa makanan itu untukmu*” (al-Kahfi: 19). Penelitian Siti Norlina et al (2019) mendapati pola pemakanan yang baik mempengaruhi kekuatan spiritual dan fizikal seseorang. Pemilihan sumber makanan yang halal, baik lagi seimbang akan mewujudkan masyarakat yang sihat dan produktif. Ini membuktikan makanan mempengaruhi emosi dan perasaan seseorang.

#### viii. Mendiamkan diri

Antara kaedah menguruskan emosi yang diajarkan adalah dengan menahan marah. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 134:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكُظُمِينَ وَالْعَفَايِنَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ١٣٤

Maksudnya:

(iaitu) orang-orang yang menafkahkan (hartanya), baik di waktu lapang maupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan.

Antara ciri-ciri penduduk syurga adalah mereka yang berusaha menahan marah dan tidak melampiaskannya walaupun mampu (al-Zuhaili, 2013). Ia sebagaimana hadis Rasulullah SAW:

لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرَعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْعَضْبِ

[Bukhari, *Sahih, Kitab al-Adab, Bab al-Hadhr min al-Ghadab*, no hadis ٦١١٤]

Maksudnya:

*“Orang yang kuat bukanlah kerana kekuatan tubuhnya, akan tetapi orang yang kuat adalah orang yang mampu menguasai dan mengawal dirinya tatkala marah.”*

Selain itu, Rasulullah SAW mengajarkan umatnya untuk mendiamkan diri ketika mereka marah. Sabda baginda SAW:

إِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْكُتْ»

[Bukhari, *Kitab al-Adab al-Mufrad, Bab al-Inbisat ila al-Nas*, no hadis 245]

Maksudnya:

*“Apabila salah seorang kamu marah, maka bendaklah dia diam.”*

Tindakan yang sama juga diperintahkan kepada Maryam ketika beliau pulang ke kampung halaman setelah melahirkan (Maryam: 26). Tujuannya agar beliau tidak penat berdialong, berdebat dan menjawab semula tuduhan-tuduhan masyarakat ke atasnya. Ini menjadi dalil kewajipan untuk mendiamkan diri di hadapan orang yang bodoh atau tidak mengetahui perkara sebenar. Malah, umat Islam yang berpuasa juga diajar untuk mendiamkan diri apabila diajak bertengkar atau dicaci oleh orang lain (al-Zuhaili, 2013).

#### ix. Membaca dan merenung ayat al-Quran

Menjadikan al-Quran sebagai pendorong untuk mengubah diri menjadi lebih baik. Akan tetapi, al-Quran perlu dibaca dengan memahami makna yang tersirat agar lebih berkesan kerana ia merupakan terapi paling utama dalam usaha untuk mengawal emosi (Imam Mukhlis & Muhammad Syahrul Munir, 2023). Bacaan dengan memahami segala makna yang tersirat di dalam ayat al-Quran itu mampu menajamkan pandangan seseorang yang tumpul serta sebagai ubat kepada hati yang tersakiti (Mohd Rumaizuddin, 2016). Beberapa kajian membuktikan kesan daripada pembacaan al-Quran terhadap psikologi manusia termasuklah dari segi menurunkan tahap stress (Nur ‘Ajjah 2020; Dian et al 2018).

Malah, kajian Danendra (2021) mengemukakan bahawa pembacaan al-Quran adalah kaedah sesuai untuk sesi tafakur bagi mendapatkan ketenangan jiwa lebih-lebih lagi jika ia dilakukan di waktu sepertiga malam seperti perintah Allah SWT kepada Rasulullah SAW (al-Muzammil: 4). Bacaan secara perlahan-lahan (tartil) yang dilakukan dalam keheningan malam memberi kesan kepada jiwa manusia. Ia kerana gaya pembacaan begini membolehkan seseorang untuk menghayati maknanya. Ia dicapai apabila setiap huruf dibaca secara jelas dan menepati haknya. Selain itu, termasuk dalam sunnah Rasulullah SAW adalah memperelokkan suara ketika membaca al-Quran. Melalui penghayatan dan perenungan ini, para pembaca dapat menyedari akan kepentingan al-Quran sebagai pembawa mesej kerana di dalamnya terkandung perintah dan larangan Allah SWT kepada manusia (al-Zuhaili, 2013).

#### x. Melakukan solat sunat di malam hari

Seterusnya, melakukan solat malam juga adalah salah satu yang diajarkan dalam tasawuf sekiranya mahu mengawal emosi dengan baik. Solat malam ini adalah satu terapi yang memiliki beberapa aspek terapeutik seperti aspek olahraga kerana aspek ini adalah aspek yang banyak dipakai dalam

proses terapi gangguan jiwa. Selain itu, sebagai aspek meditasi (Imam Mukhlis & Muhammad Syahrul Munir, 2023). Hal ini demikian kerana, solat adalah satu proses yang menuntut seseorang itu dalam kekhushyukan yang boleh menghilangkan rasa takut, cemas atau trauma. Solat tahajud di sepertiga malam juga merupakan perintah Allah SWT kepada Rasulullah SAW sebagai bekal dalam menghadapi tekanan di awal dakwah baginda (Muzammil: 2-6).

Pemilihan waktu ini adalah kerana suasananya yang lebih sesuai untuk mencapai rasa khusyuk, ikhlas dan keseiringan antara hari dan lailah. Pada waktu ini juga lebih banyak ketenangan diperolehi berbanding waktu siang yang disibukkan dengan urusan-urusan duniawi lain. Bacaan al-Quran pada ketika ini juga lebih mantap dan seimbang bagi diri manusia (al-Zuhaili, 2013). Ketenangan malam menjadikan hati tenang, tenteram dan damai dalam beribadah. Pada ketika ini, doa dipanjatkan kepada Allah SWT dengan tulus dan bersungguh-sungguh serta yakin akan diperkenankan di samping rasa takut kepada hukuman dan penuh pengharapan kepada rahmat Allah SWT dan pahala (al-Sajadah: 16).

xi. Berzikir kepada Allah SWT.

Di samping itu, kaedah yang terbaik juga dalam mengawal emosi adalah sentiasa berzikir kepada Allah SWT pada setiap waktu. Bukan itu sahaja, sekiranya berada dalam emosi yang tidak baik perlulah berzikir agar hati sentiasa tenang dan ceria. Zikir adalah merasakan keagungan Allah dalam segala keadaan yang boleh dilakukan dalam pelbagai cara seperti zikir melalui lisan dengan menyebut nama-nama-Nya (Mohd Rumaizuddin, 2016). Umat Islam diperintakan untuk memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT melalui pelbagai cara seperti tasbeih, tahmid, tahlil, membaca al-Quran baik di siang hari mahupun malamnya. Kelangsungan dalam berzikir ini adalah untuk mendapatkan reda Allah SWT dan melepaskan diri daripada bergantung kepada selain Allah SWT yang menjadi punca kecelaruan emosi. Zikir merupakan amalan yang paling mudah untuk dilakukan kerana ia sama sekali tidak mengganggu urusan harian dan boleh dilakukan dalam pelbagai keadaan baik ketika duduk, berdiri mahupun berbaring. Zikir juga tidak mempunyai ketetapan tertentu sebagaimana kewajipan solat. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 103:

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَمًا وَرُغُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ

Maksudnya:

*Maka apabila kamu telah menyelesaikan solat(mu), ingatlah Allah di waktu berdiri, di waktu duduk dan di waktu berbaring.*

Justeru, istiqamah dalam zikir merupakan cara yang mudah dan boleh diamalkan untuk menguruskan emosi dan menenangkan jiwa seperti firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd ayat 28:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ۚ ۲۸

Maksudnya:

*(yaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah-lah hati menjadi tenteram.*

xii. Bergaul dengan orang soleh.

Bergaul dengan orang yang soleh juga adalah salah satu kaedah yang digunakan di dalam aspek tasawuf bagi mengawal masalah emosi. Hal ini demikian kerana, orang yang soleh mampu menyatukan dirinya serta mampu meralisasikan potensinya dalam pelbagai dimensi kehidupan.

Bergaul dengan orang yang sesuai juga memberikan impak yang positif yang baik kerana mereka tahu cara untuk berkomunikasi dan memberikan motivasi dengan baik (Muzakkir, 2018). Dari segi psikologi, sokongan sosial yang baik seperti rakan sebaya (Uly & Jas Laile, 2023), pensyarah (Nor Ba'ayah & Asmawati, 2004) dan keluarga (Eng et al., 2023) menyumbang kepada kesejahteraan subjektif, keceriaan dan kepuasan hidup seseorang.

Kepentingan bergaul dengan orang soleh ini kerana pengaruhnya terhadap keimanan seseorang. Ini dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW:

الْمَرْءُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ

[Imam Ahmad, *Musnad*, Bab *Musnad Abi Hurairah*, no hadis 8417]

Maksudnya:

“Seseorang itu atas agama kawannya. Maka hendaklah seorang kamu memerhatikan dengan siapa dia berkawan.”

#### xiii. Perubatan *ruq'yah syar'iyah*.

*Ruqyah syar'iyah* adalah pengembangan ilmu dan seni penyembuhan dari segala gejala penyakit baik fizikal, psikologi, gangguan makhluk halus mahupun serangan sihir yang telah diajarkan oleh Rasulullah SAW. Antara tujuannya ialah memberi jalan keluar kepada permasalahan yang dihadapi, mengajak umat Islam agar kembali kepada al-Quran dan sunnah dan menyelesaikan masalah tanpa menimbulkan masalah baharu. Selain bacaan doa atau wirid tertentu, perubatan *ruqyah syar'iyah* juga mempunyai sesi penasihatkan kepada pesakit agar kembali kepada kalimah tauhid (Harmuzi, 2020).

Kajian Harmuzi (2020) mendapati pendekatan *ruqyah syar'iyah* berperanan dalam menyembuhkan gangguan mental pesakit dan memberi kesan transformasi kesihatan mental kepada mereka secara signifikan. Penemuan yang sama juga terdapat dalam kajian Arifudin dan Pamungkas (2018) di mana terapi *ruqyah syar'iyah* terbukti menurunkan kadar kebimbangan (*anxiety*), stres dan kemurungan dalam kalangan pelajar. Malah, kajian Noornajihan et al. (2021) menemui amalan ini membantu kanak-kanak autisme dalam pengurusan emosi dan tingkah laku mereka. Selain itu, terapi ini juga berkesan dalam mengubah tingkah laku murid hiperaktif di samping secara tidak langsung dapat memupuk serta membudayakan bacaan serta amalan al-Quran dalam kehidupan sehari-hari (Nik Asilah et al., 2022). Berdasarkan kajian-kajian ini, terapi *ruqyah syar'iyah* boleh diamalkan bagi mereka yang berhadapan dengan isu emosi dalam kehidupan.

### Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, setiap manusia diciptakan dalam sebaik-baik keadaan iaitu keseimbangan antara jasmani dan rohani yang meliputi intelek, emosi, sosial dan psikologi. Walaubagaimanapun, keseimbangan ini boleh terjejas akibat daripada pelbagai faktor seperti sosioekonomi, persekitaran dan pengalaman lampau. Justeru, dalam berhadapan dengan isu-isu yang mengganggu emosi ini pelbagai kaedah telah dijelaskan dalam Islam. Kaedah yang telah dibincangkan dalam kajian ini ialah sabar, reda dan syukur, mendirikan solat, memaafkan, berfikir positif, makan makanan yang seimbang, mendiamkan diri, mengasingkan diri, membaca dan merenung al-Quran, menunaikan solat di malam hari, berzikir, bergaul dengan orang soleh serta penggunaan *ruqyah syar'iyah*. Kesemua kaedah ini meliputi elemen akidah, ibadah, akhlak dan sosial yang menyumbang kepada kesejahteraan psikologi seorang mukmin.

Keunikan kaedah pengurusan emosi dalam Islam ini adalah dari segi ia bersifat holistik dan terpakai dalam semua keadaan baik ketika emosi stabil mahupun sebaliknya. Amalan yang dicadangkan bersifat berterusan kerana ia boleh memberi kekuatan dalaman bagi seseorang dan mendekatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Ini menunjukkan faedah yang diperolehi bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat.

## Penghargaan

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian yang mendapat suntikan dana Geran Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Selangor di bawah projek bertajuk 'Pendekatan Kaunseling Islam dalam Menangani Kecelaruhan Emosi Mahasiswa: Kajian di IPT Islam di Malaysia. Kod Projek: 2023/P/GPIU/GPM-005.

## Rujukan

### Al-Qur'an

- Akhtar, S., & Barlow, J. (2018). Forgiveness Therapy for the Promotion of Mental Well-Being. *Trauma, Violence & Abuse*, 19(1), 107-122. <https://doi.org/10.2307/27010964>
- Alfiyan, A., Purnama, I.N.Z., Yoularde, W. Kaloeti, D.V.S., Sakti, H. (2021). Psychological distress among freshmen university students. *Advanced in Social Science, Education & Humanities Research* 530, 54-59.
- Alim, S. (2017). Manajemen Emosi Dalam Al-Quran (Kajian Surah Yusuf). *Skripsi, Sarjana SI Dalam Ilmu Usuluddin*, 44-48.
- Al-Haddad, Ahmad bin Abd al-Aziz. (2020). Al-afw 'inda al-muqaddarah. *Al-Imarat al-Yawm*. <https://www.emaratalyoum.com/opinion/2020-12-18-1.1433787>
- Al-Saqqaf, Alawi bin Abd al-Qadir. (t.th.). *Mawsu'ah al-Akblaq*. Al-Durar al-Saniyyah. Juz. 10. <https://dorar.net/files/akhlaq10.pdf>
- Al-Sayyid Kamil al-Syarbini, Mansur. (2009). Al-afw wa 'alaqatuha bikulli min al-rida 'an al-hayah wa al-'awamil al-khamsah al-kubra li al-syakhsyyah wa al-ghadab. *Dirasat Arabiyyah fi al-Tarbiyyah wa 'Ilm al-Nafs* 3(2), 29-101. [http://search.shamaa.org/PDF/Articles/EGAsep/AsepVol3No2Y2009/asep\\_2009\\_v3-n2\\_029-100.pdf](http://search.shamaa.org/PDF/Articles/EGAsep/AsepVol3No2Y2009/asep_2009_v3-n2_029-100.pdf)
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (2013). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Terj. Jakarta: Gema Insani.
- Arifuddin, Y.W. dan Pamungkas, A.Y.F. (2018). The effect of ruqyah syar'iyah therapy on anxiety, stress and depression among health science students. *Journal of Holistic Nursing and Health Science* 1(2), 1-9.
- Azhar Hj.Wahid, & Nordiana. (2013). Kajian Emosi dalam Kesusasteraan Melayu: Sumbangan kepada Penghayatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 23-26.
- Cahyono, R. (2011). Dinamika Emosi dan Pengalaman Spiritual Beragama: Studi Kualitatif Pengalaman Perubahan Keyakinan. *Jurnal Insan*, 13(01), 34-35.
- Danendra, A.F. (2021). Membaca al-Qur'an sebagai model tafakkur dalam upaya menenangkan jiwa di masa pandemi Covid 19: Studi takhrij dan syarah hadis. *Jurnal Riset Agama* 1(2), 412-427. [HYPERLINK "https://doi.org/10.15575/jra.v1i2.14708"](https://doi.org/10.15575/jra.v1i2.14708)
- Dian, N. Moh. Iqbal, M., dan Sugiyarta, S. (2018). Efektivitas membaca al-Qur'an untuk menurunkan stres akademik pada siswa kelas XI SMA Negeri 1 Kebumen. *Intuisi* 10 (1),



- Noornajihan, J., Rezki P.S. dan Joni, P.S. (2021). Ruqyah syariyyah and the emotional regulation of children with autism. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 5(1), 18-27.
- Noor Afzaliza Nazira, Maizatul Haizan, Mohd Hafifi, Mohd Sufiean, Nur Shazana, & Khairi Khairuddin. (2022). Kepentingan Kecerdasan Emosi: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), 3-4.
- Nor Ba'yah Abdul Kadir dan Asmawati Desa. (2004). Sokongan sosial dan keceriaan: Tinjauan awal di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal E-Bangi* 3(3), 1-12. [https://journalarticle.ukm.my/868/2/sokongan\\_sosial.pdf](https://journalarticle.ukm.my/868/2/sokongan_sosial.pdf)
- Nuur Syafiqah, & Najah Nadiah. (2020). Kestabilan Emosi dan Cabaran Kehidupan Golongan Armalah. *Jurnal al-Turath*, 5(1), 12.
- Nur 'Ajjah. (2021). *Hubungan intensitas membaca al-Quran bagi ketenangan jiwa*. Skripsi Sarjana Agama Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung.
- Sharp, J. & Theiler, S. (2018). A Review of psychological distress among university students: Persavieness, Implications & Potential points of intervention. *Int J Adv Counselling* (2018) 401, 193-212. doi.org/10.1007/S10447-108-9321-7
- Siti Aisyah Yusof, & Muhammad Saiful Islami. (2012). Pengurusan Emosi Dalam Surah Maryam Ayat 21 hingga 26. *Jurnal Voice of Academia*, 7(02), 42-51.
- Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof, Ahmad Ziyaadi Al-Hatim Mahpuz, Hanisah Abdul Rahman dan Asma Nurul 'Aqilah Mahpuz. (2019). Pola Pemakanan dan kesannya terhadap gaya hidup dan pemikiran individu: Analisis terhadap Surah Al-Kahfi. *Ulum Islamiyah Journal* 26 (Special Issue), 53-61. <https://doi.org/10.33102/ulum.2019.26.07>
- Sirajudin, Barni, M. & Iskandar. (2023). Takut dalam Al Quran dan Hadits. *Al-Manar* 1(2), 108-118. <https://journal.unusida.ac.id/index.php/almanar/article/view/1081/672>
- Tentama. F. (2010). Berpikir positif dan penerimaan diri pada remaja penyandang cacat tubuh.akibat kecelakaan. *Jurnal Psikologi*. [https://eprints.uad.ac.id/94/1/Fatwa\\_Tentama\\_\(Hubungan\\_antara\\_Berpikir\\_Positif\\_dengan\\_Penerimaan\\_Diri\\_pada\\_Remaja\).pdf](https://eprints.uad.ac.id/94/1/Fatwa_Tentama_(Hubungan_antara_Berpikir_Positif_dengan_Penerimaan_Diri_pada_Remaja).pdf)
- Uly, G. dan Jas Laile, J. (2023). Sokongan sosial rakan sebaya sebagai sumber kesejahteraan subjektif: Kajian dalam kalangan remaja sekolah menengah di Yogyakarta, Indonesia. *Jurnal Psikologi Malaysia* 37 (2), 77-92. [https://journalarticle.ukm.my/22171/1/Psikologi\\_37\\_2\\_6.pdf](https://journalarticle.ukm.my/22171/1/Psikologi_37_2_6.pdf)
- Wan Azura, A.A. dan Ahmad Fazullah, M.Z.A. (2021). Emosi dan kesopanan komunikasi dalam al-Qur'an: Tinjauan psikologi dan retorik al-Quran. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia (MEDC 2020)*. Penyunting Hishomudin Ahmad, Noor Saazai Mat Saad, Rahimah Saimin, Kirembwe Rashid Abdul Hamed, Noorhayati Hashim, Sarifah Nurhanum Syed Sahuri, Zarina Ashikin Zakaria, Nur Shahadah Mohd Surbani, 677-690.
- Willytiyo, K. (2019). Relationship between think positive towards the optimism of psychology student learning in Islamic University of Riau. *Jurnal Nathiqiyah* 2(1), 126-147.
- Zulkarnain. (2018). Emosional : Tinjauan Al-Qur'an dan Relevansinya Dalam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(02), 91.



## BAB 7

### **PENAWARAN PROGRAM USULUDDIN DI FAKULTI PENGAJIAN ISLAM (FIS), UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) : SATU ANALISIS KEPERLUAN**

Habibah Artini Ramlie<sup>1</sup>, Sarip Adul<sup>2</sup>, Dg. Hafizah Ag. Basir<sup>3</sup>, Nor Fatin Syuhaidah Nayan<sup>4</sup>

<sup>1234</sup> Universiti Malaysia Sabah (UMS)

#### **Pengenalan**

Bidang Usuluddin menyumbang dalam disiplin ilmu pengajian berteraskan ilmu wahyu. Ia bersumberkan al-Quran dan al-Hadis beserta pandangan para ulama sebagai rujukan utama yang amat penting untuk membangunkan peradaban negara bangsa. Dalam konteks Malaysia dan peradaban, bidang Usuluddin dilihat menjadi tunjang kerana ia merupakan usul atau asas utama dalam disiplin ilmu agama. Bidang Usuluddin memenuhi keperluan tenaga sumber manusia sebagai penggerak dan tonggak kemakmuran dalam menjaga hubungan dengan Allah S.W.T., hubungan sesama manusia serta hubungan sesama makhluk lain; baik ketika berada dalam industri khusus dalam bidang keagamaan mahupun dalam sektor awam dan swasta.

#### **Latar Belakang Penubuhan Program Usuluddin di Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS)**

Fakulti Pengajian Islam (FIS) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) memulakan langkah dengan bernaung di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UMS dari sudut pentadbiran, fasiliti dan pengambilan pelajar bermula sesi akademik 2017/2018. Pada masa tersebut, FIS menawarkan satu program iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Pendarasan Islam dengan Kepujian yang kini telah mendapat Perakuan Akreditasi Penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency* – MQA). FIS berkembang dengan penawaran dua program seterusnya iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Kepujian dan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian bermula sesi akademik 2024/2025 (BPA UMS, 2024). Kedua-dua program baharu tersebut telah mendapat Perakuan Akreditasi Sementara daripada MQA pada tahun 2023.

#### **Objektif dan Matlamat Pendidikan Program Usuluddin, FIS UMS**

Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian yang ditawarkan di UMS bertujuan untuk melahirkan Profesional Islam yang 1) berpengetahuan khusus mengenai Usuluddin dan berkeupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan tersebut dalam kehidupan harian, 2) berkemahiran menyelesaikan isu-isu kontemporari berkaitan Usuluddin melalui latihan bersepadu sejajar dengan perkembangan ilmu dan teknologi semasa, 3) beretika dalam sektor pentadbiran, perkhidmatan, perundangan, pengurusan dan pendidikan dengan mengambil kira keperluan dan perkembangan masyarakat dan negara serta 4) berkeupayaan menjadi pakar dalam bidang Usuluddin agar lebih aktif memberi sumbangan ilmu dan penyelidikan kepada masyarakat dan negara.

Manakala matlamat pembelajaran program ini adalah untuk melahirkan graduan yang 1) mengetahui dan memahami secara mendalam dalam bidang Usuluddin berdasarkan sumber rujukan klasik (*turath*) dan kontemporari, 2) mengaplikasi kemahiran kognitif berkaitan hukum syarak dalam menyelesaikan isu dan permasalahan semasa dalam semua bidang kehidupan, 3)

memiliki kemahiran praktikal, berkebolehan merumus, menilai, mengurus dan menyelesaikan masalah-masalah semasa yang menyentuh isu-isu agama Islam, 4) memiliki kemahiran interpersonal, berkeupayaan mempamerkan sendiri, nilai, sahsiah dan matlamat bersendirian atau secara berkumpulan, 5) memiliki kemahiran komunikasi, menggunakan kemahiran berfikir secara kritis, logik serta efektif dalam mendepani permasalahan sosial semasa, 6) memiliki kemahiran teknologi dan aplikasi digital dalam mendepani cabaran penyebaran dakwah melalui alam maya/multimedia dan arus perdana, 7) memiliki kemahiran kuantitatif dan numerik, berkemahiran dalam bentuk pengkajian, penelitian dalam apa jua bidang yang diceburi, 8) memiliki kemahiran kepimpinan dan tanggungjawab sebagai amanah dan khalifah Allah SWT di atas muka bumi bagi menjaga keharmonian baik terhadap agama, diri, keluarga, masyarakat dan negara, 9) memiliki kemahiran personal, iaitu mempunyai skil tersendiri dalam menerangkan atau menangani sesuatu permasalahan, 10) memiliki kemahiran keusahawanan, berkeupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang kreativiti dan inovasi berkaitan perniagaan dan pekerjaan, serta 11) mengaplikasi akhlak, etika dan amalan profesional serta interaksi sosial dengan tingkah laku dan tindakan individu terhadap sesuatu keputusan yang ditunjukkan dengan penuh perasaan tanggungjawab, tetapi mengikut kemampuan.

Apabila objektif pembelajaran tersebut dihubungkan dengan keperluan sedia ada berkaitan profesion, industri dan disiplin, maka graduan lepasan program Usuluddin diharap 1) mampu menjadi pakar rujuk dalam bidang Usuluddin serta mampu menangani isu-isu kontemporari bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, Ijma ulam dan Qias, 2) mampu merancang, merangka dan menjadi ejen perubahan ke arah kemajuan ummah yang seimbang antara kemajuan duniawi dan ukhrawi dalam berhadapan mengikut perubahan arus perdana, 3) mampu mengurus tadbir serta menjadi idola masyarakat dan pakar rujuk dalam menyelesaikan permasalahan semasa yang berkaitan dengan isu-isu kontemporari, 4) memiliki kemahiran interpersonal yang membolehkan mereka untuk menyampaikan dakwah yang lebih berkesan di samping mampu melahirkan pemimpin masyarakat di masa hadapan, 5) memiliki kemahiran berkomunikasi yang berkesan dengan masyarakat di perbagai peringkat dalam mendepani isu-isu dan permasalahan semasa secara logik dan efektif, 6) mampu menguasai kemahiran teknologi dan dan aplikasi digital dalam mendepani cabaran penyebaran dakwah melalui alam maya/multimedia dan arus perdana hingga menjadikan dakwah lebih efektif dan berkesan serta 7) memiliki kemahiran kuantitatif dan numerik untuk membolehkan mereka membuat pengkajian, penelitian terhadap kemajuan sains dan teknologi mengikut garis panduan al-Quran dan al-Sunnah.

Sejajar dengan objektif dan matlamat program yang digariskan, graduan program Usuluddin kelak berpeluang menceburi kerjaya pendakwah bebas, penceramah, penolong eksekutif, penasihat atau perunding agama, penasihat atau panel akidah, pensyarah dan seumpamanya. Justeru penawaran program ini diharapkan dapat merealisasikan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus membangun dengan adanya modal insan yang bersepadu antara pembangunan nilai intelektual, nilai spiritual serta nilai emosional (*wasatiyyah*) ke arah melahirkan graduan berilmu dalam bidang pengajian Islam, berketrampilan, bermotivasi tinggi, mahir dalam berkomunikasi dan berkeperibadian mulia, berfikiran kritis, kreatif serta inovatif (FIS UMS, 2021a).

### **Kajian Pasaran Program Usuluddin, FIS UMS**

Bagi mengenalipasti keperluan penawaran program Usuluddin di UMS, kajian pasaran telah dijalankan ke atas pemegang taruh untuk meninjau pandangan berhubung penubuhan program tersebut (FIS UMS, 2021b). Kajian pasaran ini dijalankan menggunakan kaedah persampelan berarah (*purposive sampling*). Soal selidik yang diedarkan dalam bentuk *Google Form* telah dijawab oleh seramai 230 orang mewakili pemegang taruh dari pelbagai latar belakang


pekerjaan, industri/organisasi tempatan (dalam dan luar negara), pelajar serta bakal pelajar. Soal selidik mengandungi dua Bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat Responden dan Bahagian B: Kesesuaian Kandungan Program dengan Keperluan Semasa Organisasi. Instrumen soal selidik berkenaan juga dilampirkan dengan Pelan Kursus Pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian untuk rujukan para responden seperti berikut :

<i>Al-Akhlak Wa al-Tasauf</i>	Penghayatan Etika dan Peradaban
<i>Al-Akidah al-Islamiah</i>	Pengurusan dan Pentadbiran Islam
<i>Al-Balaghah</i>	Pengurusan dan Pentadbiran Masjid
<i>Al-Dakwah wa Al-Qiadah</i>	Pengurusan Pelancongan Islam
<i>Al-Falsafah al-Islamiyyah</i>	Pentadbiran dan Pengurusan Makanan Halal
<i>Al-Firaq al-Islamiah</i>	Psikologi Islam
<i>Al-Nabu al-Wazifi Al-annwal</i>	<i>Reading &amp; Writing In English</i>
<i>Al-Nabu al-Wazifi Al-Thani</i>	Seni Kaligrafi
<i>Al-Nuzum Al-Islamiyyah</i>	Sirah Rasulullah
Al-Quran dan Sains	Sistem Tarbiyyah Rasulullah
<i>Al-Sarf al-Wazifi</i>	<i>Tadabbur Al-Quran</i>
Aplikasi Dakwah	Terjemahan Dua Hala
Asas Pembudayaan Keusahawanan	<i>Ulum al-Hadith</i>
Asas Pengajian Kitab Turath	<i>Ulum</i>
<i>Ayat Wa Abadith Al-Abkam</i>	<i>al-Quran</i>
<i>Essential Communication Skills</i>	
Falsafah dan Isu Semasa	
Fiqh Hiburan dan Rekreasi	
<i>Fiqh al-Dakwah</i>	
<i>Fiqh al-Ibadat</i>	
Fiqh Budaya	
<i>Hifz al-Quran Al-Annwal</i>	
<i>Hifz al-Quran Al-Thalith</i>	
<i>Hifz al-Quran Al-Thani</i>	
Isu-Isu Kontemporari Islam	
Kajian Ahli Sunnah Wal Jamaah	
Kajian Ajaran Sesat	
Kajian Futuristik	
Keusahawanan dan Perniagaan Islam	
Ko-Kurikulum	
Latihan Ilmiah	
<i>Mabahith Al-Ayat Al-Mutasyabihat</i>	
<i>Mabarab Al-Istima' wa Al-Kalam</i>	
<i>Mabarab Al-Qira'ah wa Al-Kitabah</i>	
<i>Manahij Al-Mufassirin</i>	
<i>Manahij Al-Muhaddithin</i>	
<i>Manhaj al-Mantiq al-Qadim wa al-Mu'asir</i>	
Metodologi Penyelidikan	
Muamalat Semasa	
<i>Muqaranah Al-Adyan</i>	
<i>Oral Communication in English</i>	
Pembangunan Potensi Insan	
Pemikiran Islam	
Pengantar Pengajian Islam	
Pengantar Usul Fiqh	

### Profil Responden Kajian Pasaran

Profil jenis organisasi responden adalah seperti berikut :

230 responses




Rajah 1 : Jenis organisasi

Jenis Organisasi	Jumlah
Organisasi/Industri Tempatan (Kerajaan)	141 (61.3%)
Organisasi/Industri Tempatan (Swasta)	40 (17.4%)
Organisasi/Industri Luar Negara	2 (0.9%)
Pelajar/Bakal Pelajar	47 (20.4%)
Jumlah responden	230 (100%)

Jadual 1 : Jenis organisasi

Manakala jenis persekitaran responden adalah seperti berikut :

230 responses



Rajah 2 : Jenis persekitaran organisasi

Jenis persekitaran organisasi	Jumlah
Institusi Agama	48 (20.9%)
Pendidikan	119 (51.7%)
Latihan	0 (0%)
Kewangan Islam	5 (2.2%)
Jualan/Pemasaran	6 (2.6%)
Hotel/Restoran	0 (0%)
Sains	0 (0%)
Informasi Teknologi	2 (0.9%)
Lain-lain	50 (21.7%)
Jumlah responden	230 (100%)

Jadual 2 : Jenis persekitaran organisasi

Terdapat 10 item yang dikemukakan dalam soalselidik iaitu :

1. Adakah anda bersetuju dengan cadangan penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah?
2. Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian yang dicadangkan di Universiti Malaysia Sabah sesuai dan selari dengan kehendak pasaran.
3. Andai ada peluang yang diberikan, anda akan mendaftar masuk sebagai pelajar ke Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian.
4. Industri/organisasi anda cenderung untuk menjalinkan hubungan kerjasama bagi projek yang bersesuaian dengan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian.
5. Industri/organisasi anda cenderung untuk memberikan peluang pekerjaan kepada graduan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian.
6. Graduan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian mempunyai peluang pekerjaan yang lebih besar dalam industri berasaskan Islam berbanding program ijazah lain.
7. Penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah dilihat dapat memberi impak positif kepada generasi di Sabah dan Sarawak khususnya dan Malaysia amnya dalam mengembangkan syiar Islam.
8. Penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah memudahkan pelajar Sabah dan Sarawak untuk menyambung pelajaran kerana jarak yang dekat serta lebih jimat.
9. Penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah dapat menjelaskan halatuju dan fokus serta potensi Pengajian Islam pada masa akan datang di negeri Sabah.
10. Penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah boleh menghasilkan graduan yang lebih kompeten, berdaya saing dan mempunyai kebolehpasaran dalam pasaran kerja dalam dan luar negara.

### Analisis Dapatan Kajian Pasaran Program Usuluddin, FIS UMS

Berdasarkan kepada kajian pasaran tersebut, analisis kajian menunjukkan bahawa maklumbalas para responden terhadap program Usuluddin di UMS adalah positif dan memberangsangkan. Pendetailan dapatan kajian adalah seperti berikut:

#### Analisis Item 1

1. Adakah anda bersetuju dengan cadangan penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah?

230 responses



Rajah 3 : Dapatan item 1

Rajah 3 menunjukkan 230 orang (100%) responden bersetuju dengan cadangan penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah

## Analisis Item 2

2. Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian yang dicadangkan di Universti Malaysia Sabah sesuai dan selari dengan kehendak pasaran.

230 responses




**Rajah 4 : Dapatan item 2**

Rajah 4 menunjukkan 230 orang (100%) responden bersetuju bahawa Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian yang dicadangkan di Universiti Malaysia Sabah adalah sesuai dan selari dengan kehendak pasaran.

## Analisis Item 3

3. Andai ada peluang yang diberikan, adakah anda akan mendaftar masuk sebagai pelajar ke Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian?

230 responses




**Rajah 5 : Dapatan item 3**

Rajah 5 menunjukkan 182 orang (79.1 %) responden menyatakan akan mendaftar masuk sebagai pelajar ke Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian andai ada peluang.

## Analisis Item 4

4. Industri/organisasi anda cenderung untuk menjalinkan hubungan kerjasama bagi projek yang bersesuaian dengan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian

230 responses




**Rajah 6 : Dapatan item 4**

Rajah 6 menunjukkan 206 orang (89.6%) responden menyatakan kecenderungan industri/organisasi untuk menjalinkan hubungan kerjasama bagi projek yang bersesuaian dengan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian.

### Analisis Item 5

5. Industri/organisasi anda cenderung untuk memberikan peluang pekerjaan kepada graduan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian  
230 responses




**Rajah 7 : Dapatan item 5**

Rajah 7 menunjukkan 213 orang (93%) responden bersetuju bahawa industri/organisasi cenderung untuk memberikan peluang pekerjaan kepada graduan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian.

### Analisis Item 6

6. Graduan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian mempunyai peluang pekerjaan yang lebih besar dalam industri berasaskan Islam berbanding program ijazah lain.  
230 responses



**Rajah 8 : Dapatan item 6**

Rajah 8 menunjukkan 190 orang (82.6%) responden bersetuju bahawa graduan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian mempunyai peluang pekerjaan yang lebih besar dalam industri berasaskan Islam berbanding program ijazah lain.

### Analisis Item 7

7. Adakah penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah dilihat dapat memberi impak posi...alaysia amnya dalam mengembangkan syiar Islam?

230 responses



**Rajah 9 : Dapatan item 7**

Rajah 9 menunjukkan 230 orang (100%) responden bersetuju bahawa penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah dilihat dapat memberi impak positif kepada generasi di Sabah dan Sarawak khususnya dan Malaysia amnya dalam mengembangkan syiar Islam.

### Analisis Item 8

8. Penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah memudahkan pelajar Sabah dan Sarawak untuk ...ran kerana jarak yang dekat serta lebih jimat.

230 responses



**Rajah 10 : Dapatan item 8**

Rajah 10 menunjukkan 230 orang (100%) responden bersetuju bahawa penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah memudahkan pelajar Sabah dan Sarawak untuk menyambung pelajaran kerana jarak yang dekat serta lebih jimat.



### Analisis Item 9

9. Penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah dapat menjelaskan halatuju dan fokus sert...ian Islam pada masa akan datang di negeri Sabah.  
230 responses




Rajah 11 : Dapatan item 9

Rajah 11 menunjukkan 230 orang (100%) responden bersetuju bahawa penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah dapat menjelaskan halatuju dan fokus serta potensi Pengajian Islam pada masa akan datang di negeri Sabah.

### Analisis Item 10

10. Penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian boleh menghasilkan graduan yang lebih kompeten, berdaya saing dan m...saran dalam pasaran kerja dalam dan luar negara:  
230 responses



Rajah 12 : Dapatan item 10

Rajah 12 menunjukkan 229 orang (99.6%) responden bersetuju bahawa penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Universiti Malaysia Sabah boleh menghasilkan graduan yang lebih kompeten, berdaya saing dan mempunyai kebolehpasaran dalam pasaran kerja dalam dan luar negara.

Sebagai rumusan, dapatan kajian pasaran jelas menunjukkan bahawa penubuhan program Usuluddin di UMS mendapat maklumbalas yang memberangsangkan dari para responden. Ini menunjukkan penawaran program tersebut disambut baik oleh pemegang taruh kerana ia sangat signifikan demi masa depan graduan yang bakal dihasilkan.

### **Kekuatan Program Usuluddin, FIS UMS**

Dapatan kajian pasaran turut menunjukkan bahawa program Usuluddin mempunyai kekuatan sendiri. Antaranya adalah;

1. Kelestarian kurikulum - Kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian dibina berasaskan pengajian Usuluddin tulen tanpa melibatkan mana-mana minor. Walaupun begitu, kursus-kursus yang ditawarkan bersifat komprehensif dan memenuhi keperluan untuk menyediakan pelajar dengan kepelbagaian ilmu yang mencukupi bagi membolehkan pelajar berdakwah dan terlibat dalam industri.
2. Keperluan pasaran pekerjaan khususnya di Sabah dan Sarawak - Sabah dan Sarawak masih memerlukan ramai graduan Pengajian Islam khususnya Usuluddin untuk terlibat dalam sektor pendidikan, pentadbiran, pengurusan dan pendakwah di lapangan. Keperluan tersebut berkembang selari dengan pertumbuhan penduduk.
3. Kolaborasi berterusan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Pejabat Mufti Negeri Sabah - Usaha pihak berkuasa agama dalam menyebarkan dakwah serta menyekat penyelewengan aqidah dan penularan ajaran sesat dilihat membuka ruang kepada Fakulti Pengajian Islam, UMS untuk menjadi peneraju kepada pelbagai bentuk penyelidikan yang bukan hanya melibatkan tenaga pensyarah; bahkan juga pelajar program Usuluddin. Penyelidikan ini akan membantu universiti dan negeri secara khusus dalam memartabatkan syiar Islam di samping memantapkan hubungan antara agama dan kaum di negeri Sabah. Kolaborasi ini pastinya semakin diperlukan dari semasa ke semasa.
4. Program amat diperlukan di Borneo - Selain dari Brunei Darussalam, UMS satu-satunya universiti yang menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian di Borneo. Oleh itu, program ini akan menyediakan ruang kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah agama di Sabah dan Sarawak untuk menyambung pengajian dalam bidang Pengajian Islam khususnya Usuluddin pada peringkat yang lebih tinggi. Terdapat beberapa buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (KPM) di Sabah dan di Sarawak. Begitu juga terdapat Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah. Sekolah di Sabah dan Sarawak ini ada yang menawarkan pengajian peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Para pelajar lepasan sekolah-sekolah ini merupakan sumber utama calon-calon pelajar program Pengajian Islam UMS. Begitu juga terdapat beberapa institusi menawarkan program Diploma dalam Pengajian Islam di Sabah. Antaranya Kolej Yayasan Sabah dan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Keningau. Pelajar-pelajar lepasan dari institusi tersebut layak masuk ke program Pengajian Islam di UMS.
5. Program Usuluddin di Fakulti Pengajian Islam, UMS juga akan menyediakan tempat pengajian bagi pelajar-pelajar antarabangsa dari Indonesia, Filipina dan Brunei di samping pelajar-pelajar dari Semenanjung Malaysia. Permintaan kemasukan ke bidang Usuluddin di IPTA lain membuktikan permohonan kemasukan ke dalam program Sarjana Muda Usuluddin sentiasa mendapat tempat dalam kalangan pelajar.

### **Penutup**

Sebagai penutup, graduan lepasan program Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, UMS diharap mampu menjadi pemimpin masyarakat serta memikul amanah sebagai khalifah Allah SWT di atas

muka bumi bagi memastikan keseimbangan kehidupan masyarakat dari sudut duniawi dan ukhrawi. Ini dapat memacu kemajuan negara yang seimbang dari sudut intelektual dan spritual, melahirkan graduan yang berkemahiran tersendiri untuk mengisi dan memenuhi keperluan masyarakat serta pada masa yang sama mampu menjadi contoh teladan terbaik menerusi etika dan amalan profesional dalam menggalas tanggungjawab yang diberikan.

## **Rujukan**

- Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA), Universiti Malaysia Sabah (UMS). (2024). *Buku Maklumat Kemasukan Program Asasi, Diploma dan Prasiswazah UMS 2024-2025*.
- Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS). (2021a). *Kertas Cadangan Penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian*.
- Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS). (2021b). *Kajian Pasaran Penubuhan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian*.

## BAB 8

### AMALAN DAKWAH YANG DILAKSANAKAN KEPADA PESAKIT DIALISIS

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>1</sup>, Mariam Abd Majid<sup>1</sup>, Halim Mokhtar<sup>1</sup>,  
Ahmad A'to'a Mokhtar<sup>1</sup> & Mohd Rozalie Zahari<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor

#### Pengenalan

Saban hari, kadar peratus pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang di Malaysia adalah semakin membimbangkan. Pesakit yang mengalami masalah kegagalan buah pinggang pada tahap akhir yang memerlukan rawatan hemodialisis atau dialisis antara yang menjadi perhatian sejak akhir-akhir ini. Dunia kesihatan juga tidak terkecuali dalam memandang serius kes kegagalan buah pinggang kronik disebabkan antara masalah utama yang akan timbul berkaitan penyakit ini adalah soal kos rawatannya yang sangat tinggi (Fina Ratih et.al, 2011). Berdasarkan dalam artikel yang ditulis oleh Siti Nuratul Husna dan Hairunnizam (2018) jelas menunjukkan bahawa secara purata berlaku peningkatan jumlah pesakit yang menjalani rawatan dialisis iaitu sebanyak 5 peratus hingga 12 peratus setiap tahun bermula tahun 2006 sehingga tahun 2015. Jumlah pesakit pada tahun 2006 ialah seramai 15,087 ribu orang telah meningkat kepada 36,728 ribu orang pada tahun 2015. Anggaran belanja rawatan yang terlibat untuk rawatan dialisis bagi tempoh sepuluh tahun (2006-2015) telah menelan belanja sebanyak RM4.5 billion. Kuala Lumpur mencatatkan bilangan pesakit yang paling ramai berbanding pesakit di tiga negeri yang lain iaitu seramai 3,631 orang pesakit bagi tahun 2015, diikuti dengan Pulau Pinang seramai 2,952 orang pesakit, Selangor seramai 2,726 orang pesakit dan Terengganu seramai 2,679 orang pesakit. Angka-angka yang ditunjukkan mendatangkan kebimbangan dan meletakkan penyakit kegagalan fungsi buah pinggang yang memerlukan rawatan hemodialisis secara berterusan merupakan penyakit yang memerlukan pemerhatian yang serius oleh banyak pihak ditambah lagi ia melibatkan kos perubatan yang sangat tinggi dan untuk jangka masa yang panjang.

Manakala isu dari aspek amalan dakwah pula merujuk kepada bahan bacaan yang boleh menambah ilmu pengetahuan pesakit tentang Islam, penyebaran ilmu Islam, aspek kebajikan yang disediakan, perkhidmatan kaunseling Islam, budaya dakwah yang diamalkan dan bentuk-bentuk penyucian jiwa di Pusat Dialisis. Dengan adanya aktiviti dan amalan dakwah di Pusat Dialisis maka rohani pesakit dapatlah mengurangkan tekanan emosi dan perasaan dalam menghadapi penyakit sehingga membawa kepada penyakit lain seperti gangguan psikiatri, kemurungan, stress dan depresi (Phipps & Turkington, 2001). Kewujudan aktiviti dan amalan dakwah di Pusat Dialisis diharapkan dapat mengurangkan kewujudan penyakit yang lebih kronik akibat daripada dialisis yang dilakukan. Menurut Raulin (2003) antara kesan dialisis kepada pesakit adalah kemurungan yang membawa kepada kesedihan yang berpanjangan serta tahap kualiti hidup yang rendah dalam kalangan pesakit dan ahli keluarga yang terlibat. Seterusnya menurut Biris, et. al. (2002) melaporkan bahawa insiden kejadian bunuh diri dalam kalangan pesakit yang mendapatkan rawatan akibat daripada tekanan diri. Tidak dinafikan bahawa terdapat pengkaji yang cuba mencari jalan alternatif supaya isu-isu di atas dapat dikurangkan. Antaranya ialah kajian Salim Samsudin (2005) menyatakan bahawa bimbingan spiritual dan rohani para pesakit sangat penting untuk memberi ketenangan kepada jiwa pesakit selain memberikan motivasi untuk menanamkan sifat sabra, tawakkal dan istiqamah dalam ibadah.

#### Metodologi Penyelidikan

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan rekabentuk kajian secara temubual iaitu *focus group* kepada beberapa informan yang terlibat. Kumpulan informan yang terdiri daripada pihak pengurusan Pusat Dialisis iaitu empat orang staf yang melibatkan dua orang pengurusan tertinggi dan dua

orang staf pelaksana manakala seramai tiga orang informan yang terdiri daripada pesakit dialisis. Soalan temubual berstruktur dirangka bersesuaian dengan kehendak objektif kajian iaitu memberi fokus kepada amalan dakwah yang dilaksanakan di Pusat Dialisis.

## **Dapatan Kajian**

Setelah temu bual secara fokus group dilakukan bersama informan kajian yang terdiri daripada pihak pengurusan, staf dan pesakit dialisis maka hasil dapatan kajian adalah seperti berikut:

### **i. Penyediaan Bahan Bacaan Agama**

Penyediaan bahan bacaan agama di Pusat Dialisis merupakan salah satu kaedah yang berkesan untuk memberikan sokongan rohani kepada pesakit. Perkara ini dijelaskan oleh Informan kajian bertujuan membantu mengurangkan tekanan dan kebosanan pesakit disebabkan memakan masa selama 4-5 jam dalam rawatan. Bahkan ia juga memberikan sokongan rohani yang amat penting dalam proses penyembuhan dan pemulihan mereka.

...kita tak spesifik sangat. Tapi memang selalunya buku-buku tentang apa ni adalah dekat ruang bacaan tu. Ada bahan-bahan bacaan tu? Bahan-bahan bacaan tu ada ada apa macam mana cara solat, macam mana benda tu dari segi buku-buku lah. (Minit 36.34)

Setiap wad amat disyorkan untuk mempunyai papan tanda yang jelas menuju ke surau, menunjukkan arah kiblat, dan menyediakan bahan bacaan penting seperti Al-Quran, Surah Yasin, Buku Panduan Solat, Buku Solat Harian dan Risalah. Pihak hospital boleh mengakses bahan rujukan dan garis panduan daripada JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri, dan Jabatan Agama Islam Negeri, termasuk penerangan tentang salah faham, arahan solat, wuduk, dan wuduk kering, panduan bersuci dan bacaan doa, serta panduan prosedur pembedahan, kawalan dadah dan bertayamum (Garis Panduan Pelaksanaan Program Hospital Mesra Ibadah, 2014).

### **ii. Penyebaran Ilmu Islam**

Penyebaran ilmu Islam di Pusat Dialisis kepada pesakit non-Muslim perlu dilaksanakan untuk memperkenalkan Islam tetapi dengan pendekatan yang bijaksana dan penuh hormat, harmoni dan mengutamakan penjagaan sensitiviti terhadap kepercayaan dan latar belakang pesakit. Informan menyatakan bahawa secara amalan memang wujud namun secara tidak langsung.

...sebab kita tak nak over sangat kan, tapi saya rasa secara tak langsung lah dengan program-program dakwah yang kita jalankan itu pun secara tak langsung mendedahkan Islam kepada non-muslim (Minit 37.02)

Menekankan amalan-amalan yang perlu dijadikan rutin oleh pengamal perubatan seperti pengisian kerohanian, salam, selawat, doa, ceramah, tazkirah, poster, risalah dan jadual waktu pesakit semasa menerima rawatan yang membolehkan pesakit melakukan ibadah seperti contoh solat berjemaah bersama ahli keluarga. Mewujudkan persekitaran dan suasana HMI di dalam institusi perubatan. Solat fardhu dilakukan secara berjemaah bersama-sama dengan pesakit disamping kemudahan bilik solat di wad atau berhampiran, bauan aromaterapim hiasan dan poster serta ketersediaan kitab-kitab doa, hadith dan Al-Quran di setiap katil pesakit (Hospital Serdang, 2019).

Hospital Pakar al-Islam melalui konsep HMI telah memperkenalkan satu sistem siaraya dalam membantu pesakit mendapatkan pelbagai ilmu terutamanya ilmu berkaitan agama Islam. "Mesra TV" yang telah disediakan oleh pihak Hospital Pakar al-Islam sebenarnya telah memberi manfaat yang besar kepada setiap pesakit dalam membawa kefahaman mereka terhadap konsep HMI. Mesra TV ini berfungsi sebagai medium utama dalam memberi pencerahan dan pengisian berkaitan agama dalam merawat jiwa pesakit. Dalam pada itu, siaran audio juga dilaksanakan dengan setiap bilik di wad akan dialunkan bacaan al-Qur'an. Secara tidak langsung, pesakit yang dirawat akan menjadi tenang dan mendapat maklumat daripada platform yang telah Hospital Pakar al-Islam sediakan. Rawatan fizikal dilaksanakan tanpa

meninggalkan pembangunan akal pesakit. Oleh itu, konsep HMI ini telah menonjolkan tadbir urus ke arah tuntutan Islam dan berjaya merawat pesakit dan melaksanakan penjagaan akal pesakit (Hospital Pakar al-Islam, 2014)

### **iii. Kebajikan**

Informan menerangkan bahawa penggunaan kebajikan sebagai salah satu kaedah dakwah di pusat dialisis adalah pendekatan yang sangat berkesan. Tindakan kebajikan dapat menunjukkan akhlak mulia dalam Islam dan memberi impak positif kepada pesakit tidak kira sesama Muslim mahupun bukan Muslim.

...kebajikan, untuk dari segi kebajikan tu saya rasa kita takde straightkan muslim atau non muslim pesakit kita, kita layan secara sama rata, Cumanya mungkin dari segi sokongan tu lah Sokongan sebab untuk zakat dan apa ni tu lebih pada yang Islam Muslim kan contohnya (Minit 37.40)

...kalau ikut non-Muslim tu, kalau ikut perayaan diorang lah, kita orang celebrate jugak lah yang mana yang bukan apa ni sumbangan kalau ada apa banjir apa semua tu still kita bagi macam sebelum ni waktu PKP yang mana apa yang terkesan dengan PKP ada bantuan, hadiah-hadiah apa birthday kita ada sambutan birthday lepas tu kalau untuk yang non-muslim ni lebih pada kalau perayaan dorang lah perayaan dorang walau selagi tidak, ni kita akan cuba sambut bersama lah Kita bagi hadiah kat dorang (Minit 38.12)

Zakat perubatan merupakan zakat yang diberikan kepada pesakit yang tidak mampu membayar kos perbelanjaan rawatan. Objektif utama pusat zakat ialah membantu meringankan beban golongan fakir dan miskin yang tidak mampu bagi menampung pembiayaan kos perubatan samada dipusat perubatan kerajaan ataupun swasta. Zakat perubatan boleh dimohon secara terus di pusat zakat dan hospital. Zakat perubatan hanya terhad diberikan kepada golongan asnaf al-gharimin sahaja. Peningkatan kos perubatan telah menyebabkan ramai asnaf telah membuat permohonan di pusat zakat. Keadaan ini telah menyukarkan pihak zakat untuk menyaring pemohon yang benar-benar layak untuk menerima bantuan.

Oleh itu, inisiatif yang telah diambil ialah menyalurkan sebahagian dana bantuan zakat kepada hospital di seluruh Malaysia. Peruntukan inidiberi dengan kadar yang mencukupi sesuai dengan keadaan ekonomi, tempat dan keperluan sebenar asnaf tersebut. Berdasarkan laporan tahunan zakat Selangor 2016 perbelanjaan untuk menyelesaikan masalah perubatan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM 52 juta dan meningkat pada tahun 2016 sebanyak RM 69 juta. Hal ini menunjukan bidang perubatan merupakan salah satu aspek yang amat dititikberatkan dalam institusi zakat untuk memudahkan fakir dan miskin menerima rawatan.

Pemberian wang khairat atau derma sosial kesukarelaan bertujuan untuk menolong sesama manusia yang merupakan suatu pendekatan tradisi yang berasaskan nilai dan ajaran agama (Pathak, 1981). Khairat kematian merupakan salah satu contoh perlindungan sosial yang menggunakan wang khairat anak kariah. Khairat kematian ialah pakatan kebajikan yang dianggotai oleh anak kariah yang menyumbang secara bulanan ke dalam tabung khas. Khairat mati juga merupakan salah satu dari strategi perlindungan sosial yang penting dan menurut Siti Hajar dalam Pathmanathan R. Nalatomy (2013), perlindungan sosial amat diperlukan untuk menjamin dan melindungi kebajikan masyarakat. Wang khairat yang terkumpul akan diagihkan kepada keluarga ahli persatuan khairat yang meninggal dunia. Wang khairat tersebut merupakan bantuan untuk meringankan beban kos mengurus jenazah seperti urusan mandi, kafan, upah penggali kubur, batu nisan, kenderaan jenazah, keranda dan suguhati kepada imam termasuk juga wang ehsan sebagai bantuan segera kepada keluarga ahli khairat mati. Khairat mati ditubuhkan oleh anak-anak kariah dan penyertaan dalam pakatan kebajikan khairat mati merupakan satu bentuk penyertaan sosial. Penyertaan anakanak kariah dalam pakatan kebajikan khairat mati merupakan penyertaan penyertaan sosial yang merujuk kepada aktiviti menyertai atau melibatkan diri dalam aktiviti kehidupan bermasyarakat (Pathmanathan R. Nalatomy, 2013) serta pelbagai termasuk sukan, riadah, keagamaan, kesenian, kesihatan dan keselamatan (Ibhraim, M. R., Harun, M. S., & Mahmood, A. R. (2021).

#### **iv. Perkhidmatan Kaunseling Islam**

Informan kajian menjelaskan bahawa perkhidmatan kaunseling Islam di Pusat Dialisis kepada pesakit adalah satu inisiatif yang sangat bermanfaat dalam memberikan sokongan rohani dan emosi kepada pesakit dan ahli keluarga. Kaunseling Islam boleh membantu pesakit menghadapi cabaran kesihatan mereka dengan lebih tabah dan tenang. Dengan menyediakan perkhidmatan kaunseling Islam yang berstruktur dan profesional, pesakit di Pusat Dialisis dapat menerima sokongan rohani yang mereka perlukan dan membantu mereka untuk mengharungi cabaran kesihatan dengan lebih baik serta penuh keyakinan terhadap ketentuan Allah SWT.

...macam saya cakap tadi, bila soalan bila doktor datang ceramah, untuk apa ni, kadang-kadang even non muslim pun ada yang bertanya juga lah (Minit 39.24).

..kadang-kadang kita tak straight lagi lah.. tak ada ni, cumanya yang patient sendiri minta nak jumpa tu patient sendiri yang jumpa ustaz (Minit 39.45).

...kadang-kadang kami ada ikut masa ke semasa lah. Kita bukan, yang ni memang spesifik Islam kaunseling Islam eh. Kaunseling Islam setakat ni tak adalah. Pada keluarga pesakit lah Tapi apa saya rasa secara tak langsung kalau untuk apa kaunseling macam perawatan pesakit, pesakit tak tak comply mungkin pasien pun down semua kita memang akan ada buat apa family conference lah family conference kita akan panggil ahli keluarga, caregiver, kita ada doktor, kita ada staff nurse yang incharge untuk jumpa dengan family dan pesakit sendiri berkaitan dengan rawatan dia lah, kadang-kadang mungkin dia tak accept dan semua tu kan jadi kita orang terpaksa terangkan, dia orang boleh nampak the whole picture baru dia penerimaan tu ada (Minit 40.08)..

Rasulullah SAW bersabda: Agama itu nasihat. Kami pun bertanya, “Untuk siapa (nasihat itu)? Baginda menjawab: “Nasihat itu adalah untuk Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya, para pemimpin, kaum muslimin dan seluruh muslimin (rakyatnya)” (Imam al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab Qaul al-Nabi “al-Din al-Nasihah).

Tiga pendekatan bimbingan rohani dan spiritual yang boleh dilaksanakan di hospital iaitu nasihat, bimbingan tunjuk cara; dan bantuan pengukuhan emosi dan psikologi (Psikoterapi). Nasihat merupakan perkara asas dalam menjalankan amalan dakwah di hospital. Nasihat yang lazimnya mempunyai fokus berkaitan penerimaan takdir, baik sangka, kembali kepada tuhan dan sebagainya adalah proses membina semula keyakinan pesakit untuk meneruskan kehidupan. Manakala pendekatan bimbingan tunjuk cara adalah satu proses membantu pesakit melakukan amalan ibadah harian dengan lebih sempurna berdasarkan rukhsah agama yang diberikan kerana sakit. Bimbingan tunjuk cara taharah yang betul dan ibadah solat yang sempurna boleh membantu pesakit melakukan amalan ritual ibadah dengan yakin tanpa ragu. Manakala bantuan pengukuhan emosi dan psikologi (Psikoterapi) dapat membantu membangunkan jiwa pesakit dan meningkatkan kembali keyakinan pesakit untuk kembali sembuh mahupun boleh menerima hakikat tahap sakit mereka. Hal ini lebih fokus kepada pembinaan jiwa dan rohani pesakit agar dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik. Bimbingan spiritual ini juga adalah satu usaha yang melibatkan proses bimbingan dan panduan rohani kepada pesakit sebagai usaha menyempurnakan ikhtiar medikal dengan ikhtiar spiritual dengan tujuan memberi ketenangan dan kesejukan hati dengan dorongan dan motivasi untuk tetap sabar, bertawakal dan sentiasa menjalankan kewajibannya sebagai hamba Allah (Salim Samsudin 2005).

Oleh demikian, hal ini menjadi penting kerana pesakit akan dibantu dengan adanya perhatian (attention), sokongan (sustaining), bimbingan (guiding), penyembuhan luka batin (inner-healing), serta doa (praying). Apabila pesakit disantuni aspek rohaninya maka akan terjadi keseimbangan dalam hidup dan impak positif untuk menjalani proses perubahan penyakitnya sebagaimana yang ditegaskan oleh (Agus Riyadi 2014).

Dalam satu hadis, Rasulullah telah membimbing dengan tunjuk cara kaedah berdoa ketika sakit di bahagian tertentu yang dihadapi oleh para sahabat seperti dalam riwayat Imam Muslim dalam Kitab al-Salam, Bab Istihbab Wad yadihi Ala Maudi' al-Alam yang membawa maksud:

Daripada 'Utsman bin 'As Al-Tsaqafi bahawa dia mengadu kepada Rasulullah SAW suatu penyakit yang dideritanya sejak dia memeluk Islam. Maka, Rasulullah SAW bersabda kepadanya: "Letakkan tanganmu di bahagian tubuhmu yang terasa sakit, kemudian ucapkan 'bismillah' sebanyak tiga kali, kemudian baca tujuh kali (Aku berlindung kepada Allah dan kekuasaan-Nya daripada penyakit yang aku derita dan aku cemaskan).

#### **v. Budaya Dakwah di Rumah Sakit**

Membina budaya dakwah di Pusat Dialisis adalah usaha penting yang memerlukan pendekatan yang sensitif dan beretika. Dakwah yang berkesan dalam kalangan pesakit boleh meningkatkan kesejahteraan rohani mereka dan memberikan sokongan emosi yang sangat diperlukan. Dengan strategi dan pendekatan yang beretika, budaya dakwah di Pusat Dialisis dapat dibentuk dengan baik, memberikan sokongan rohani yang mendalam kepada pesakit dan membantu mereka menghadapi cabaran kesihatan dengan lebih tenang dan yakin. Secara jelas, Informan menerangkan perihal perkara ini dengan kenyataannya seperti berikut:

...macam saya terangkan tadi, first sekali yang bismillah tu lah program bismillah Lepas tu selawat Bacaan syifa', doa – doa syifa' semua tu, doa sebelum apa, start rawatan yang tulah zikir-zikir sepanjang 4 jam sepanjang rawatan ni kita boleh mintak kita orang pasang je zikir-zikir sepanjang macam ni, tahlil kita buat tahlil bila ada patient program ceramah-ceramah berkaitan dengan kalau ada. Tahlil pon kita buat online secara ramai-ramai. Bacaan Yasin (Minit 43.42)...

Budaya adalah satu bentuk amalan yang akan dilaksanakan secara berterusan dalam kalangan masyarakat. Budaya adalah salah satu jati diri sesebuah organisasi, maka pentingnya konsep HMI ini untuk menghidupkan budayanya sendiri. Antara budaya HMI yang patut dihidupkan dalam sesebuah hospital ialah "Pekerjaan Sebagai Ibadah", "Senyum dan Salam", "Jom mudahkan", membantu pesakit menunaikan solat dan sentiasa peka terhadap kerohanian pesakit. Secara tidak langsung, dengan budaya HMI maka penerapan nilai Islam akan berlaku dalam kalangan warga kerja di hospital. Penerapan nilai murni sebenarnya akan memberi satu dimensi baharu dalam pekerjaan dan prosesnya adalah untuk mendapat keredhaan Allah SWT (Hospital Pakar Al-Islam: 2014). Oleh yang demikian, untuk menjayakan konsep HMI ini maka perlunya sesebuah hospital itu untuk menghidupkan budaya HMI secara berterusan. Manakala pelaksanaan HMI dalam kalangan warga kerja akan menghilangkan kejanggalan semasa memberi bantuan kepada pesakit yang sedang dirawat.

Zulfikri Bin Ab. Talib (2015) menyatakan bahawa budaya kerja, kepimpinan dan komitmen organisasi dalam kalangan kakitangan adalah penting dalam meningkat perubahan dan pencapaian dalam pelaksanaan sesebuah misi dan visi syarikat. Maka dalam pelaksanaan konsep HMI ini setiap masyarakat terutama kakitangan hospital perlu menghidupkan budaya HMI. Budaya ini akan mempengaruhi masyarakat untuk turut serta dalam pelaksanaan ini tanpa disedari.

Maka produk HMI perlu menekankan kepada lafaz kalimah syahadah dalam segenap prosuder, baik ketika pembedahan dan juga memberi bantuan yang kritikal ketika pesakit nazak. Talqin menjadi syarat utama dalam pelaksanaan HMI ini. Hal ini demikian kerana untuk menterjemahkan HMI ini adalah sesuatu bantuan kepada pesakit dalam mengucap kalimah syahadah ketika menghadapi "sakaratul maut". Maka konsep kehidupan atas dasar Allah SWT yang menciptkan manusia dapat dicapai melalui bantuan talqin ini. Maka visi dan misi kehidupan dapat dicapai oleh setiap pesakit dalam menggapai keredhaan Allah SWT. Di sinilah perlu perawat yang sentiasa mengingatkan diri pesakit kepada Allah SWT. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014).



#### **vi. Ziarah Pesakit**

Informan kajian menjelaskan bahawa ziarah pesakit sebagai kaedah dakwah di Pusat Dialisis adalah cara yang sangat berkesan untuk memberikan sokongan rohani, material dan memberikan motivasi kepada pesakit. Ia juga menunjukkan kasih sayang dan kepedulian terhadap mereka bersesuaian dengan amalan dan ajaran Islam. Dengan melaksanakan ziarah pesakit sebagai kaedah dakwah secara beretika dan penuh kasih sayang, kita dapat memberikan sokongan rohani dan emosi yang sangat diperlukan oleh pesakit, serta memperkenalkan keindahan ajaran Islam melalui tindakan dan interaksi harian kita.

..betul. Ada. Ziarah tu ziarah apa tu? Kita ada ziarah pesakit yang masuk ward pergi ke hospital Kalau bukan sebab kes Covid lah Kita akan buat ziarah ke hospital Kalau macam kadang-kadang yang long term punya Complication, patient sampai tak boleh datang ke Apa? Ke dialisis Kita juga melawat ke rumah Kita juga melawat Ziarah juga untuk pesakit yang meninggal (Minit 42.40).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Asadzandi (2017) mendapati jururawat menggunakan konsep pandangan agama bagi membantu penyakit agar dapat menerima segala ketentuan tuhan agar mereka lebih tenang dan berfikiran positif. Manakala kajian Abdullah (2017) di Banda Aceh, Indonesia pula mendapati bahawa 91 peratus doktor melaporkan bahawa pesakit mereka mencari bantuan spiritual dan kerohanian untuk membantu menyembuhkan penyakit. Tidak sekadar itu terdapat kajian juga yang melaporkan bahawa pesakit yang cenderung 'berhubung' dengan tuhan, dengan meletakkan pengharapan dan menerima segala ketentuan dapat membantu meredakan atau merawat kesakitan yang dialami. Hal ini dilaporkan dalam kajian yang dilakukan oleh Robinson, Kendrick dan Brown (2003) bahawa amalan spiritual yang mampu meningkatkan ketinggian unsur dalaman manusia sangat berperanan dan memberi kesan proses penyembuhan sesuatu penyakit.

Bahkan dalam merealisasikan konsep ini, peranan pegawai agama sangatlah penting, penyediaan pegawai agama telah dijadikan satu asas dalam melaksanakan ziarah pesakit, memberi bimbingan kerohanian dan pelbagai aktiviti agama yang lain (Hospital Pakar Al-Islam, 2014). Daripada Abu Umamah, Rasulullah SAW bersabda: Termasuk kesempurnaan menziarahi orang sakit adalah seseorang dari kalian meletakkan tangannya di atas dahinya, atau bersabda Rasulullah SAW; di atas tangannya lalu menanyakan khabarnya, dan termasuk kesempurnaan penghormatan di antara kalian adalah berjabat tangan (Imam al-Tirmizi: Abwab Al-Isti'zan wa al-Adab 'an Rasulillah, Bab Ma Ja'a fi al-Musafahah).

#### **vii. Mesra Ibadah**

Mewujudkan amalan mesra ibadah di Pusat Dialisis adalah penting untuk membantu pesakit mengekalkan kesejahteraan rohani para pesakit. Informan kajian menekankan bahawa dengan menyediakan persekitaran yang mesra ibadah di Pusat Dialisis, pesakit dapat menunaikan ibadah mereka dengan lebih mudah dan selesa serta dapat membantu mereka mengekalkan kesejahteraan rohani dan memberikan kekuatan tambahan dalam menghadapi cabaran kesihatan mereka.

...baik. Ataupun perkara yang kita boleh sediakan ialah pertamanya berkenaan dengan peralatan untuk solat bermula dengan peralatan wudhuk Contoh seperti kadang-kadang bila mereka memberi rawatan mereka tidak boleh terputus daripada menjalani rawatan tersebut Kerana mereka ada sambungan wire di badan dan sebagainya Jadi antara yang kita cadangkan ialah untuk adakan bedak tayamun yang bolehkan peserta untuk mengambil tayamun ataupun peserta ataupun pesakit mengambil wudhuk siap-siap sebelum rawatan tersebut dijalankan. Jadi bila rawatan tersebut dijalankan, maka pesakit sudah boleh terus menunaikan solat di tempat duduk masing-masing sahaja tanpa sebarang pergerakan. Kerana bila dia dah mulakan rawatan tersebut, jadi dia memerlukan masa 4 jam untuk selesaikan rawatan tersebut dan ia agak menyukarkan pergerakan untuk mengambil wuduk dan sebagainya. Jadi mungkin kita boleh sediakan bedak tayamun ataupun perlengkapan yang sesuai bagi memastikan pesakit dapat melaksanakan ibadah dengan baik (12:22).

Konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) boleh dikategorikan sebagai salah satu produk kepenggunaan perkhidmatan kesihatan yang boleh diketengahkan kepada masyarakat umum. Pelbagai tawaran yang terdapat di dalam konsep HMI ini yang dapat menarik pelanggan terutamanya pesakit dalam wad dan pesakit luar. Menurut SM Mohamed Idris (1987) menyatakan bahawa produk kepenggunaan terdapat tiga elemen asas, iaitu pengguna, pengusaha dan produk barangan dan bukan barangan atau perkhidmatan. Justeru, dalam wacana kepenggunaan bukan hanya menfokuskan pengguna (consumer) samata-mata, sebaliknya ia merangkumi semua pihak seperti pengusaha (manufacturer), peruncit (retailer), peniaga (dealer) dan seumpamanya. Ia juga bukan hanya mengenai hak-hak dan keselamatan pengguna, sebaliknya turut meliputi aspek barangan, perkhidmatan dan sebagainya. Maka boleh difahami bahawa HMI merupakan salah satu produk kepenggunaan dalam konteks perkhidmatan kesihatan. Perkhidmatan yang ditawarkan merangkumi aspek Islamisasi pengurusan perkhidmatan kesihatan yang menekankan kepada aspek penekanan ibadah dalam kalangan pesakit dan pelawat seperti peringatan solat, penyediaan fasiliti ibadah, peringatan solat dan sebagainya. Bahkan pembangunan modal insan kakitangan hospital turut ditekankan dengan mempergiatkan aktiviti kerohanian dalam kalangan mereka seperti kursus fiqh ibadah pesakit, tazkirah, usrah dan sebagainya. Di sinilah, pembangunan akal dan hati dibina sebaik sahaja para kakitangan baru melapor tugas dan dibina kefahaman dari masa ke masa (Hospital Pakar Islami, 2014). Menurut Hammad Mohamad Dahalan, Sharifah Hana Abd Rahman, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Mashitah Nabees Khan & Mohd Zulkifli Awang (2018) menyatakan bahawa pembentukan Hospital Mesra Ibadah (HMI) merupakan satu keperluan oleh masyarakat pada hari ini khususnya dalam aspek prasarana yang disediakan oleh pihak hospital. Kemudahan prasarana yang disediakan membantu melicinkan urusan ibadah pesakit serta pengurusan hospital dalam menyampaikan khidmat rawatan kepada pesakit dan keselesaan kakitangan. Sehubungan dengan itu, menurut Ishak Masud (2016) menyatakan bahawa HMI menyediakan kemudahan untuk melaksanakan ibadah kepada pesakit yang mendapatkan rawatan seperti buku Panduan Ibadah Pesakit, penyediaan fasiliti beribadah seperti tanda arah kiblat, botol semburan, debu tayamum, Al-Quran, telekung, sejadah, Al-Ma'thurat dan peringatan solat; panduan kehamilan (antenatal) dan semasa proses kelahiran serta perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah wanita, informasi berkaitan ibadah pesakit seperti solat, puasa dan lain-lain berkaitan; sokongan, bantuan dan bimbingan kerohanian kepada pesakit dan keluarga semasa di dalam wad, ketika nazak dan membantu memudahcara pengebumian serta memberi sumbangan kepada keluarga si mati; dan membantu pesakit berpuasa semasa menerima rawatan di hospital. Bahkan dalam merealisasikan konsep ini, peranan pegawai agama sangatlah penting, penyediaan pegawai agama telah dijadikan satu asas dalam melaksanakan ziarah pesakit, memberi bimbingan kerohanian dan pelbagai aktiviti agama yang lain. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014).

## **Rujukan**

- Agus Riyadi. (2014). *Dakwah Terhadap Pasien: Telaah Terhadap Model Dakwah Melalui*.
- Dahalan, H. B. M., AWANG, M. Z. B., & HALIM, M. A. A. (2019). *Konsep Hospital Mesra Ibadah: Pengenalan Produk Kepenggunaan Perkhidmatan Kesihatan Di Malaysia*. Kertas Kerja di 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference.
- Hammad Mohamad Dahalan, Sharifah Hana Abd Rahman, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Mashitah Nabees Khan & Mohd Zulkifli Awang. (2018). *Pelaksanaan Hospital Mesra Ibadah di Konsortium Hospital Islam Malaysia (KHIM): Satu Kajian Literatur*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah: KUIS*.
- Hospital Pakar Al-Islam. (2014). *Hospital Mesra Ibadah Hospital Pakar Al-Islam*. Kuala Lumpur: Hospital Pakar Al-Islam.
- Salim Samsudin. (2005). *Bimbingan Rohani Pasien Upaya Mensinergitaskan Layanan Spiritual Di Rumah Sakit*. Semarang: Pustaka Belajar. *Sistem Layanan Rohani Islam Di Rumah Sakit*. *Konseling Religi: Jurnal Konseling Islam*.
- SM Mohamed Idris. (1987). *Masalah dan Prospek Pengguna di Malaysia*. *Persatuan Pengguna Pulau Pinang: Pulau Pinang*.

Zulfikri Bin Ab Talib. (2015). Pengaruh Amalan Budaya Organisasi, Kepimpinan Dan Komitmen Pegawai Pendidikan Daerah Terhadap Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Universiti Utara Malaysia.

## BAB 9

### ANALISIS PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP PENGHIJRAHAN GOLONGAN LGBT

Mohd Hakim Arshad,<sup>1</sup> Ulfat Zakaria<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

#### Pengenalan

Pada era globalisasi kini, media sosial merupakan suatu alat yang amat penting kerana ianya menjadi media perantaraan di antara manusia. Selain dari itu, media sosial merupakan sumber utama untuk penyebaran maklumat. Namun ianya boleh memberi impak negatif jika disalahgunakan oleh individu yang tidak bertanggungjawab malahan ianya akan mendatangkan risiko kepada penyebaran fahaman yang buruk dan tidak tepat (Muhamad Ariffudin Azizan, 2019). Jika dahulu gelaran “mak nyah” sinonim dengan individu lelaki yang menyerupai wanita, “pengkid” individu wanita yang menyerupai lelaki akan tetapi pada zaman kini gelaran itu sudah menjadi suatu kebiasaan bahkan ditambah dengan beberapa gelaran yang turut dilaknat oleh Allah SWT iaitu *gay*, *lesbian*, *bioseksual* dan *transgender* (Mokhtar, Abdullah, Arshad, & Nordin, 2021). Firman Allah di dalam surah Al-araf ayat 80-84:

وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ آلَ فُحْشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنْ آلِ عَالَمِينَ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ  
الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ ۚ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ وَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ  
قَالُوا أَوْخَرِجُوهُمْ مِّنْ قَرْيَتِكُمْ ۖ إِنَّهُمْ أَنَاسٌ يَّتَطَهَّرُونَ فَأَنْجِي لَهُ وَاهِلَهُ إِلَّا أُمَّرَأَتُهُ كَانَتْ مِّنْ  
آلِ عَادٍ وَأَمَّا عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ فَإِنَّهُ كَانَ عَقِبَهُ آلٌ مُّجْرِمِينَ

Maksudnya:

“Dan Nabi Luth (juga Kami utuskan). Ingatlah tatkala dia berkata kepada kaumnya “Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam ini sebelum kamu?”. “Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas”. Dan tiada jawapan oleh kaumnya melainkan mereka berkata “Usirlah mereka (Nabi Luth dan pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) mensucikan diri. Maka Kami selamatkan dia dan ablinya (keluarganya dan pengikutnya) melainkan isterinya, adalah dia tergolong dalam orang-orang yang dibinasakan. Dan Kami telah menghujani mereka dengan hujan (batu yang membinasakan). Oleh itu, libatlah bagaimana akibat orang-orang yang melakukan kesalahan”. “Dan Nabi Luth (juga Kami utuskan). Ingatlah tatkala dia berkata kepada kaumnya “Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam ini sebelum kamu?”. “Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas”. Dan tiada jawapan oleh kaumnya melainkan mereka berkata “Usirlah mereka (Nabi Luth dan pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) mensucikan diri. Maka Kami selamatkan dia dan ablinya (keluarganya dan pengikutnya) melainkan isterinya, adalah dia tergolong dalam orang-orang yang dibinasakan. Dan Kami telah

*menghujani mereka dengan hujan (batu yang membinasakan). Oleh itu, lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang melakukan kesalahan".*

Media sosial pada era kini bukan suatu perkara yang asing, bahkan ianya turut dikenali oleh setiap peringkat umur dari bayi sehinggalah orang tua. Media sosial merupakan suatu inovasi yang diciptakan untuk menghubungkan satu individu dengan individu yang lain (Muhammad Izzuddin Nazir, 2019). Manfaat dan keburukan dari pengaruh media sosial hanya dapat ditafsirkan dan dinilai oleh individu tersebut. Selain dari itu, media sosial merupakan satu rangkaian komunikasi milenium yang semakin meningkat maju dari masa ke semasa. Ia berfungsi sebagai medium komunikasi yang menghubungkan manusia dari jarak jauh serta rangkaian informasi yang terbaik dan canggih. Antara aplikasi yang digunakan adalah Facebook, Twitter, Whatsapp, You Tube, Telegram, TikTok dan banyak lagi (Muhammad Izzuddin Nazir, 2019). Dalam masa itu, media sosial yang digunakan pada hari ini mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri.

Hijrah mempunyai pelbagai makna yang berbeza diantaranya ialah berpindah atau meninggalkan sesuatu yang buruk ke arah yang lebih baik. Menurut pandangan M. Quraish Shihab penghijrahan ialah meninggalkan iaitu merasa tidak senang atau benci terhadap sesuatu perkara. Contohnya, penghijrahan yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan umat Islam dengan berhijrah dari kota Mekah ke kota Madinah (Zuhri, 2019).

Golongan *Lesbian, Gay, Biseksual* dan *Transgender* merupakan singkatan bagi LGBT. Mereka adalah golongan yang telah hidup berbeza mengikut syariah dan fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Allah SWT telah menjadikan fitrah kehidupan setiap manusia iaitu lelaki berpasangan dengan perempuan dan sebaliknya. Mereka yang telah melanggar fitrah semula jadi ini akan dianggap sebagai golongan yang tidak menerima ketentuan Allah dan telah menyeleweng dari aturan yang telah ditetapkan. Kecelaruhan identiti bukanlah suatu isu yang baru muncul pada era moden kini tetapi ianya telah muncul sejak dari zaman Nabi Luth lagi.

## **Pengaruh Media Sosial Terhadap Penghijrahan Golongan LGBT**

Sebahagian kelompok yang melakukan seksual songsang ni datangnya dari keluarga yang berpendapatan rendah. Mereka mula melakukan kegiatan ini untuk mencari duit sampingan dan akhirnya mereka terjerumus di dalam kancuh hubungan sejenis ini. Terdapat inisiatif yang digunakan oleh beberapa pihak antaranya dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Program yang dilakukan adalah Mukhayyam yang telah berjaya membuka mata mereka untuk kembali ke pangkal jalan untuk mengubah nasib keluarga mereka. Golongan ini perlu diberi galakan dan perhatian yang penuh untuk mereka menjalani proses penghijrahannya. Islam amat menitikberatkan umatnya untuk saling bantu membantu dan melakukan kebaikan. Maka sewajarnya kita menyeru mereka agar mereka keluar dari dunia gelap itu (Adnan, 2021). Terdapat beberapa pihak yang bertanggungjawab untuk membantu golongan LGBT berhijrah ke arah yang lebih baik contohnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), di bawah bahagian pemulihan Al-Riqab mereka berperanan untuk memberi perlindungan, pemulihan dan rawatan agar golongan ini dapat kembali ke jalan yang benar dengan semangat yang jitu dan emosi yang stabil (Mokhtar, Abdullah, Arshad, & Nordin, 2021).

Dari sudut perlindungan, bahagian Pemulihan Al-Riqab berperanan untuk menyantuni komuniti LGBT ini dengan memberi perlindungan sebagai contoh, jika pihak bahagian Pemulihan Al-Riqab mengenalpasti mana-mana komuniti LGBT yang dibuang keluarga, tiada tempat tinggal dan tiada punca pendapatan mereka akan diberikan tempat perlindungan dibawah Rumah perlindungan NGO yang telah berdaftar di bawah MAIS. Selain dari itu, mereka juga turut menyalurkan bantuan dari segi makanan dan minuman mengikut keperluan sehingga mereka mampu untuk berdikari. Manakala dari sudut pemulihan, usaha yang dilakukan adalah

menyediakan kelas bimbingan agama yang telah dianjurkan oleh rumah-rumah Pemulihan Al-Riqab pada setiap minggu dan turut mengadakan program-program pemulihan dan sebagainya. Mereka akan mendapat bimbingan yang sepenuhnya daripada guru-guru yang dilantik supaya masalah yang dihadapi oleh mereka dapat dipulihkan dengan sebaiknya. Selain itu, mereka akan dibimbing mengenai kefahaman tentang agama Islam. Di antara topik perbincangan bagi pemulihan mereka adalah dari sudut aqidah, ibadah, tauhid, syariah dan sebagainya. Selain dari mendapat bimbingan agama bimbingan kaunseling juga diberikan secara tidak langsung. Di dalam sesi kaunseling itu, mereka akan berkongsi masalah, cerita mengenai kehidupan dan perbincangan bagi penyelesaian masalah (Mokhtar, Abdullah, Arshad, & Nordin, 2021).

Peranan yang berikutnya ialah MAIS menyediakan bantuan rawatan perubatan bagi komuniti LGBT yang mempunyai masalah kesihatan. Antara bantuan yang mereka terima seperti bantuan yuran perubatan. Sebahagian daripada komuniti ini mempunyai latar belakang yang kurang baik dari sudut kesihatan yang menyebabkan segelintir dari mereka menghidap penyakit HIV atau AIDS. Setelah dikenalpasti tahap keperluan mereka, bantuan rawatan akan segera disalurkan walaupun kos rawatan dan ubat yang diperlukan adalah sangat tinggi. Anggaran bagi kos rawatan penyakit seperti HIV dan AIDS mencecah sehingga RM3000 setahun. Selain dari menerima rawatan di hospital, rawatan Spiritual Islam turut diberikan kerana ianya menjadi tanggungjawab bagi pihak di Bahagian Pemulihan Al-Riqab untuk membantu menyediakan rawatan dai sudut fizikal dan rohani komuniti, sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi memastikan mereka sentiasa dibantu (Mokhtar, Abdullah, Arshad, & Nordin, 2021).

Kajian menunjukkan kebanyakan responden lebih menggemari untuk melayari atau meluangkan masa mereka bersama aplikasi Tik Tok berbanding dengan aplikasi Facebook buktinya nilai (min bagi soalan C01) lebih tinggi berbanding soalan yang lain. Hal ini demikian kerana, aplikasi Tik Tok merupakan aplikasi yang menyediakan *effect* khas yang unik dan menarik yang boleh digunakan oleh pengguna aplikasi ini dengan mudah untuk membuat video pendek yang menarik dan boleh boleh menarik perhatian ramai orang yang melihatnya. Bahkan aplikasi ini mempunyai ribuan hingga jutaan pengguna di sleuruh dunia. Selain dari itu, aplikasi Tik Tok ini juga membawa kesan yang positif kepada masyarakat kerana ia telah menarik perhatian banyak kalangan dalam bidang dakwah untuk berdakwah dengan menggunakan aplikasi tersebut (Nur Fatin Farhanah Mat Saad, 2022).

Sementara itu, sebanyak 37% responden yang gemar melayari atau meluangkan masa bersama aplikasi Facebook dengan jumlah (min 3.33). Jelaslah bahawa, perkataan *Facebook* itu bersesuaian dengan maksudnya ialah “muka buka” yang berfungsi untuk menyimpan gambar-gambar. Selain dari itu, *Facebook* ialah suatu jaringan sosial yang terbesar di saat itu kerana ianya menyediakan berbagai aplikasi untuk memudahkan penggunaannya bagi slaing berhubung dengan pengguna yang lain (Ghazali, 2017). Di samping itu, aplikasi *Facebook* membantu susana belajar dengan mudah dan interaktif. Hal berikutan kerana, sesi pembelajaran yang dinamik membuat para madu“u seolah-olah berada di dalam satu forum atau perbincangan di dalam sebuah *group* dimana di dalamnya terdapat berbagai *tools* iaitu kemudahan yang dapat dignakan untuk berkongsi dengan orang lain. Seterusnya aplikais ini mudah untuk di akses dengan hanya menggunakan *handphione* sahaja justeru itu ianya memmudahkan pengguna untuk mengaksesnya di merata tempat. (Holilah, 90-100).

Seterusnya, purata nilai (min 3.63) iaitu berdasarkan soalan C03 dan nilai (min 3.20) dimana sekurangngnya responden menghabiskan masa untuk melihat media sosial selama 1 jam sehingga 5 jam. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh penulis orang dewasa seharusnya menghadkan tempoh masa terhadap skrin telefon sekurang kurangnya di luar waktu kerja kurang dari dua jam

sehari (Health, 2022). Hal ini menunjukan sekiranya manusia terlalu menghabiskan masa terhadap skrin telefon bimbit ianya akan mendatangkan banyak risiko yang yang bahaya kepada diri sendiri.

### **Penutup**

Pengaruh media sosial boleh terjadi atas faktor yang positif dan negatif. Malahan ianya juga bergantung kepada tahap penggunaan responden kepada media sosial. Kajian yang dilakukan mendapati bahawa media sosial menjadi salah satu platform yang terbaik untuk meyalurkan dakwah dan maklumat yang betul bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan sepanjang menjalani proses penghijrahan mereka. Selain itu, video yang bermanfaat dengan cara penyampaian yang sebenarnya juga dapat menarik minat mereka untuk terus istiqamah melakukan penghijrahan tersebut. Pengaruh media sosial terhadap penghijrahan golongan LGBT menunjukan hasil yang positif dimana, golongan LGBT menggunakannya untuk lebih istiqamah dan kekal tabah sewaktu menjalani proses penghijrahan mereka. Penggunaan media sosial yang lebih lama juga akan mendatangkan kemudharatan sekiranya ianya digunakan lebih tempoh masa yang telah ditetapkan.

### **Rujukan**

- Muhamad Ariffudin Azizan, M. A. (2019). Media Sosial dan Penyebaran Budaya Transeksual Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (pp. 297-312). UTM: Anjuran Akademi Tamadun Islam.
- Mokhtar, A. B., Abdullah, M., Arshad, M., & Nordin, N. B. (2021). Bahagian Pemulihan Al-Riqab: Peranan dan Cabaranya dalam Menyantuni Komuniti LGBT. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 218-230.
- Muhammad Izzuddin Nazir, M. I. (2019). Media Sosial dan Wanita Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (pp. 143- 156). UTM: Anjuran Akademi Tamadun Islam.
- Zuhri, S. &. (2019). Memahami Hijrah Dalam Realitas Al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad . *Jurnal Living Hadis* , 277-307.
- Nur Fatin Farhanah Mat Saad, N. S. (2022). Keberkesanan Aplikasi TikTok Dalam Menyampaikan Nilai Pengajaran Quran dan Sunnah Dalam KAlangan MAsyarakat. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 PASAK* (pp. 1036-1050). Dalam Talian.
- Holilah, P. M. (90-100). Development Of The Knowledge Mangment System Concept Implementation Model At Pt. Dunia Baru Gramindo. *Journal of Global Business and Managment*, 2022.

## BAB 10

### ***ISTIGHATHAH: SUATU ANALISIS BERDASARKAN PIAWAIAN PERBANDINGAN***

Mohamed Fairouz b. Mohamed Fathillah<sup>1</sup>, Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir<sup>2</sup>,

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor,

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Putra Malaysia,

#### **Pengenalan**

Amalan berdo'a kepada Allah SWT merupakan suatu tuntutan ibadat yang diperintah ke atas umat Islam (Al-Ghafir : 60). Berdasarkan panduan hadis Nabi SAW pula, do'a memainkan peranan penting sebagai senjata orang mukmin. Justeru itu, sebahagian ulama menyifatkan do'a sebagai ubat yang sangat bermanfaat, di samping menjadi penawar bagi segala bencana dan musibah yang menimpa kaum Muslimin. Dalam hal berdo'a, umat Islam di Malaysia dan juga seluruh dunia sentiasa melakukannya setiap kali selepas mengerjakan solat sama ada berjemaah atau bersendirian. Jika diperhatikan dalam masyarakat setempat, amalan berdo'a memohon keselamatan dan kesejahteraan menjadi budaya beragama yang dilaksanakan ketika kenduri kesyukuran, kelahiran anak, perkahwinan, kematian, permusafiran ke Tanah Suci dan seumpamanya. Amalan berdo'a tersebut diajar oleh guru-guru setempat berpandukan adab dan panduan berdo'a yang dianjurkan oleh al-Quran dan sunnah Nabi SAW. Namun sejak akhir-akhir ini, didapati wujud kecenderungan berdo'a melalui konsep *istighthab* yang mula menapak dalam kalangan segelintir masyarakat tempatan. Disebabkan itu, beberapa polemik hukum telah terjadi mengenai legatimasi konsep *istighthab* dalam kalangan ulama yang terbahagi kepada golongan yang mengharuskan dan melarangnya. Artikel ini bertujuan untuk meneliti pengertian sebenar *istighthab* dan piawaian yang perlu diambil kira dalam meneliti keharusan *istighthab* dalam neraca prinsip syarak.

#### ***Istighathah***

*Istighthab* berasal dari lafaz Arab iaitu lafaz ( غاث - يغوث - غوثا ) yang bermaksud menolong dan membantu. Manakala lafaz ( استغاث - يستغيث - استغاثة ) bermaksud meminta pertolongan dan meminta bantuan (al-Mu'jam al-'Arabi, t.t). Oleh itu, lafaz *istighthab* bermaksud meminta pertolongan dan meminta bantuan. Manakala dalam istilah pula, *istighthab* ialah meminta sesuatu kepada orang mati (Sirajuddin 'Abbas, 1996). Contohnya seseorang datang ke kubur lalu memohon bantuan daripada jenazah yang berada di dalam kubur. Ada dua lafaz contoh seperti berikut:

“Wahai ahli kubur! Berdoalah kepada Allah agar Allah memberi kemurahan rezeki kepada kami”.

“Wahai ahli kubur! Berilah kemurahan rezeki kepada kami”.

Manakala tawassul ialah berdo'a meminta kepada Allah dengan menyebut wasilah tertentu. Contoh tawassul ialah: (K.H.M. Syafii Hadzami, 2015)

“Ya Allah! Dengan kemuliaan Nabi Muhammad SAW maka ampunilah dosa kami”.

“Ya Allah! Dengan kemuliaan insan soleh ini maka berilah rezeki kepada kami”.



Maka perbezaan besar antara *istighathah* dan tawassul ialah zahir lafaz meminta kepada makhluk yang sudah mati dalam *istighathah*. Manakala dalam tawassul, zahir lafaz ialah berdoa meminta kepada Allah.

### Beberapa Piawaian dalam Penilaian terhadap *Istighathah*

Penilaian terhadap *istighathah* tidak boleh dibuat secara tergesa-gesa dengan hanya melihat daripada sudut yang sempit. Memandangkan isu tersebut suatu amalan lama dilakukan sejak dahulu oleh segelintir kecil kumpulan dalam kalangan umat Islam yang mengundang pelbagai pendapat yang kontradik, maka untuk memperolehi suatu gambaran yang holistik mengenai penilaian isu *istighathah*, artikel ini akan mengambilkira beberapa piawaian seperti yang berikut :

- i. Kesabitan di dalam nas syarak
- ii. Kebiasaan masyarakat
- iii. Kejelasan maksud
- iv. Meminta tolong dengan orang hidup dan orang mati
- v. *Tasyabbuh* zahir
- vi. Kegelinciran aqidah
- vii. Keraguan

#### i. Kesabitan Dalam Nas Syarak

Perbuatan doa dengan cara meminta terus kepada Allah adalah sabit dalam nas syarak. Antaranya pelbagai doa dalam nas al-Quran yang dimulakan dengan lafaz wahai Tuhan kami ( رَبَّنَا ). Dalam al-Quran sahaja, terdapat tujuh puluh ayat al-Quran yang dimulakan dengan lafaz ini. Antaranya ialah doa Nabi Ibrahim AS dalam surah al-Baqarah ayat 126 ( وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا ) dan 127 ( رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا ), 128 ( رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ ) dan 129 ( رَبَّنَا وَأَنْعِثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْهُمْ ). Nas al-Quran yang utama ialah perintah berdoa kepada Allah SWT.

Manakala meminta bantuan kepada orang mati adalah tidak sabit secara soreh (jelas) dalam nas syarak iaitu al-Quran dan riwayat hadis. Namun ada beberapa nas syarak yang difahami sebagai dalil kepada keharusan *istighathah* (Mustafa Abu Yusuf, 1950). Berikut beberapa dalil tersebut dan jawapannya balasny.

DALIL HARUS <i>ISTIGHATHAH</i>	JAWAPAN BALAS
Antaranya nas al-Quran surah al-Nisa ayat 64 menyatakan dengan jelas bahawa orang beriman datang kepada Nabi SAW lalu mereka memohon ampun kepada Allah dan Nabi SAW. juga memohon ampun kepada Allah untuk mereka <p style="text-align: center;">وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ</p>	Namun begitu, nas al-Quran ini tidak menyatakan bahawa orang beriman perlu meminta kepada Nabi SAW. Nas al-Quran ini memberi panduan agar meminta ampun kepada Allah di sisi Nabi SAW atau di kubur Nabi SAW, bukan meminta kepada Nabi SAW.
Nas al-Quran surah Yusuf ayat 97 adalah tawassul dengan orang yang masih hidup di bumi ini agar orang yang hidup berdoa kepada Allah <p style="text-align: center;">قَالُوا يَا أَبَانَا اسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا</p>	Tawassul ini adalah harus dengan kesepakatan para ulama. Ini adalah tawassul dan bukan <i>istighathah</i> .
Nas al-Quran surah al-Anfal ayat 9 menunjukkan permintaan doa atau	Ini adalah <i>istighathah</i> atau meminta kepada Allah, bukan meminta

*istighathah* kepada Allah

إِذْ تَسْتَعِيثُونَ رَبَّكُمْ

Terdapat nas al-Quran bahawa orang mati syahid adalah hidup:

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ ؕ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِنْ لَا

تَشْعُرُونَ

“Janganlah kamu berkata bagi orang yang terbunuh pada jalan Allah bahawa mereka adalah mayat, bahkan mereka hidup akan tetapi kamu tidak menyedarinya”.

Surah al-Baqarah (2) : 154

kepada makhluk yang sudah meninggal dunia.

Nas al-Quran ini menerangkan bahawa orang mati syahid adalah hidup. Walau bagaimanapun, kehidupan orang mati syahid adalah di sisi Allah, bukan di kalangan manusia:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا ؕ بَلْ أَحْيَاءٌ

عِنْدَ رَبِّهِمْ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu menyangka bahawa orang yang terbunuh pada jalan Allah bahawa mereka adalah mayat bahkan mereka hidup di sisi Tuhan mereka...”.

Surah Aali ‘Imran (3) : 169

Terdapat riwayat hadis bagaimana orang buta berdoa meminta kepada Nabi SAW.

Orang buta ini tidak meminta kepada orang mati sebaliknya meminta kepada Nabi SAW yang masih hidup ketika itu.

Dalam lafaz selawat salam, lafaznya ialah ( (السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته). Dalam lafaz ini, dhomir khitob digunakan yang bermaksud kamu. Ia menunjukkan bahawa Nabi SAW masih hidup dan kita berinteraksi dengan Nabi SAW macam hidup.

Lafaz ini tidak menunjukkan bahawa harus meminta doa kepada Nabi SAW. Lafaz ini sama dengan ucapan salam kepada ahli kubur yang menggunakan dhomir khitob ( يا أهل القبور ) namun kita tidak diajar dalam agama Islam untuk memohon doa kepada ahli kubur.

Riwayat hadis tentang permintaan para makhluk dengan para Nabi pada hari akhirat

إن الشمس تدنو يوم القيامة ... استعاثوا بأدم ثم بموسى ثم بمحمد

Hadis yang menyatakan agar meminta bantuan para hamba Allah ( يا عباد الله أعينوني ).

Ia tiada kaitan dengan permintaan orang hidup di bumi ini dengan makhluk yang sudah mati. Riwayat hadis ini adalah cerita alam akhirat.

Riwayat hadis ini tidak menunjukkan dengan soreh bahawa ia meminta kepada orang mati. Ini kerana riwayat hadis tersebut menyatakan dengan jelas bahawa terdapat para hamba Allah yang tidak dapat dilihat oleh sebahagian orang bahkan ada riwayat menyatakan bagi Allah

para malaikat

إن لله ملائكة في الأرض سوى الحفظة ... فليناد  
أعينوا عباد الله

Maka zahir hadis ini menjelaskan bahawa para hamba Allah tersebut adalah para malaikat. Dalam satu riwayat, dinyatakan bahawa seseorang berada di tempat yang tiada orang yang dikenali maka hendaklah seseorang menyeru para hamba Allah.

Terdapat hadis bahawa Nabi SAW memohon ampun untuk umat selepas Nabi SAW wafat

خَيَاتِي خَيْرٌ لَّكُمْ مُحَدِّثُونَ وَمُحَدَّثٌ لَكُمْ ، وَوَفَاتِي خَيْرٌ لَّكُمْ يُعْرَضُ عَلَيَّ  
أَعْمَالُكُمْ ، فَمَا رَأَيْتُ مِنْ خَيْرٍ حَدَّثَ اللَّهُ عَلَيْهِ ، وَمَا رَأَيْتُ مِنْ شَرٍّ  
اسْتَعْفَرْتُ اللَّهَ لَكُمْ

Tiada kenyataan dalam hadis bahawa kita meminta bantuan daripada Nabi SAW. Apa yang dinyatakan dalam hadis ialah Nabi SAW meminta ampun kepada Allah apabila Nabi SAW melihat keburukan.

Maksudnya:

Kehidupanku baik bagi kalian, Aku berbicara kepada kalian, begitu pun kalian dapat berbicara kepadaku. Dan kematianku juga membawa kebaikan bagi kalian, amalan-amalan kalian akan ditampakkan kepadaku, jika amalan-amalan kalian baik, maka aku akan memuji kalian, dan apabilan amalan-amalan itu jelek, maka aku akan memintakan ampun bagi kalian.

Al-Haithami, no 845

Riwayat hadis bahawa Nabi SAW hidup dalam kubur.

Hadis ini tidak menjadi dalil bahawa harus diminta kepada Nabi SAW selepas wafatnya Nabi SAW. Ini kerana hadis ini menyatakan bahawa Nabi SAW hidup di dalam kubur. Jika harus diminta hajat kepada Nabi SAW, sudah tentu ada sambungan riwayat hadis tersebut agar diminta hajat kepada Nabi SAW.

Terdapat riwayat hadis bahawa Nabi SAW menyatakan bahawa mayat mendengar bunyi tapak kasut orang yang beredar. Jika mayat dapat mendengar bunyi tapak kasut maka sudah tentu mayat juga dapat mendengar suara manusia di atas kubur.

Riwayat hadis tersebut tidak menyatakan bahawa Nabi SAW meminta sesuatu kepada mayat atau Nabi SAW menyuruh agar meminta sesuatu kepada mayat. Riwayat hadis hanya menyatakan bahawa mayat mendengar, bukan menyatakan harus meminta sesuatu kepada mayat.

إِنَّ الْمَيِّتَ إِذَا وُضِعَ فِي قَبْرِهِ، إِنَّهُ لَيَسْمَعُ خَفَقَ نَعْلِهِمْ إِذَا انْصَرَفُوا

Maksudnya:

Bahawasanya mayat setelah diletakkan di dalam kubur maka dia mendengar bunyi geseran kasut orang yang mengembumikannya ketika mereka berjalan pulang.

Imam Muslim, no 2870

Terdapat riwayat hadis bahawa Nabi SAW bercakap dengan mayat orang kafir.

يَا أَبَا جَهْلٍ بْنَ هِشَامٍ يَا أُمَيَّةَ بْنَ حَلْفٍ يَا عُثْبَةَ بْنَ رَبِيعَةَ يَا شَيْبَةَ بْنَ رَبِيعَةَ أَلَيْسَ قَدْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا قَالُوا قَدْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَنِي رَبِّي حَقًّا . فَسَمِعَ عُمَرُ قَوْلَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ يَسْمَعُونَ وَأَنَّى يُجِيبُونَ وَقَدْ جِئْتُمَا قَالُوا " وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا أَنتُمْ بِأَسْمَعُ لِمَا أَقُولُ مِنْهُمْ وَلَكِنَّهُمْ لَا يَتَلَدُّونَ أَنْ يُجِيبُوا " .  
ثُمَّ أَمَرَ بِحِمِّ فَسُحِبُوا فَأُلْقُوا فِي قَلْبِ بَدْرٍ

Maksudnya:

Wahai Abu Jahal bin Hisham. Wahai Umayyah bin Khalaf. Wahai 'Utbah bin Rabi'ah. Wahai Syaibah bin Rabi'ah. Adakah kamu semua dapati apa yang dijanjikan oleh berhala-berhala yang kamu sembah itu benar? Maka sesungguhnya aku dapati apa yang Allah janjikan kepada aku itu benar". Maka Umar yang mendengar perkataan Nabi SAW tersebut lalu berkata: "Ya Rasulullah, bagaimana mereka boleh mendengar dan menjawab pertanyaan kamu itu? Sesungguhnya mayat-mayat mereka sedang mereput". Jawab Rasulullah SAW: "Demi nyawaku yang berada di dalam kekuasaan-Nya. Apa yang aku katakan ini tidaklah kamu semua lebih mendengar dari mayat-mayat ini dan tetapi mereka tidak mampu menjawabnya". Rasulullah SAW kemudiannya mengarahkan agar di tanam mayat mereka di telaga di Badar."

Imam Muslim, no 2874

Terdapat beberapa riwayat tentang amalan para Sahabat RA. selepas kewafatan Nabi SAW. Contohnya athar 'Abdullah ibn 'Umar yang sakit pada kaki lalu disaran menyebut nama insan yang paling beliau kasih. Maka beliau menyebut nama Nabi SAW.

Percakapan tersebut bukanlah meminta sesuatu hajat kepada mayat. Maka tiada kesalahan untuk kita bercakap dengan mayat. Bahkan sabit dalam hadis tentang ucapan salam kepada ahli kubur apabila kubur diziarahi. Ia sekadar ucapan salam kepada mayat atau ahli kubur, bukan meminta kepada ahli kubur.

Athar ini hanya menunjukkan bahawa 'Abdullah ibn 'Umar menyebut nama Nabi SAW dan tidak meminta apa-apa kepada Nabi SAW. Pada hari ini, insan akan berasa sedikit kelegaan apabila teringat dan menyebut

<p>Ada riwayat athar bahawa Khalid al-Walid menyebut nama Nabi SAW dengan lafaz ( يا محمداه ) pada peperangan al-Yamamah. Cerita seorang pelaku maksiat yang bermimpi bertemu dengan Nabi SAW lalu memohon Nabi SAW untuk berdoa.</p>	<p>nama insan yang paling dikasihi. Walau bagaimanapun, lafaz ini adalah uslub <i>al-nudbah</i> dan bukan uslub meminta kepada Nabi SAW. Cerita ini tidak dikira sebagai dalil syarak. Manakala amalan-amalan ulama tidak dikira sebagai dalil syarak.</p>
---	--

Berdasarkan pengamatan, semua nas al-Quran, riwayat hadis, riwayat athar dan cerita tidak mempunyai *istidlal* (cara penghujahan) yang tepat untuk dikaitkan dengan amalan *istighathah*. Jika terdapat riwayat yang jelas, namun ia dipertikaikan pula kesahihannya oleh para ulama yang lain (Faisal ibn Qizar al-Jasim, 2007). Justeru itu, meminta kepada mayat adalah tidak sabit dalam nas syarak. Jika sabit dalam nas syarak namun ia masih dalam pertikaian para ulama. Manakala berdoa meminta kepada Allah adalah sabit dalam nas syarak.

### ii. Kejelasan Maksud

Amalan berdoa meminta kepada Allah mestilah mempunyai maksud yang jelas iaitu hamba berdoa meminta kepada Allah. Manakala amalan *istighathah* mempunyai beberapa maksud yang pada zahirnya tidak jelas. Antara maksud zahir yang tidak jelas ialah pengamal *istighathah* meminta hajat kepada mayat agar mayat berdoa pula kepada Allah. Ini kerana pengamal *istighathah* adalah muslim. Justeru itu, hendaklah ditetapkan maksud yang sesuai dengan keimanan muslim.

Dalam hal ini, kesamaran maksud berlaku pada amalan *istighathah*. Dengan meminta kepada mayat agar mayat berdoa pula kepada Allah, ia zahirnya tidaklah berdoa meminta kepada mayat. Ini kerana mayat adalah sebagai perantara sahaja antara pengamal *istighathah* dengan Allah. Namun lafaz terus meminta kepada mayat pula tanpa Allah menunjukkan secara zahir bahawa pengamal *istighathah* tidak lagi meminta doa kepada Allah. Tafsiran sebahagian sarjana bahawa ia masih tetap berdoa meminta kepada Allah adalah tafsiran sahaja sedangkan hakikatnya berkemungkinan tidak sebegitu. Ini kerana hati dan keyakinan setiap insan adalah berbeza.

### iii. Meminta Tolong Dengan Orang Hidup Dan Orang Mati

Meminta pertolongan kepada orang hidup sabit dalam nas al-Quran. Contohnya:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۗ

Maksudnya:

“Dan tolong-menolonglah atas kebaikan dan taqwa”.

(Surah al-Maidah (5) : 2).

Dalam riwayat hadis dan sirah kehidupan Nabi SAW, amalan meminta bantuan dan pertolongan daripada orang hidup diamalkan. Maka terdapat riwayat hadis agar membantu orang yang dizalimi dan orang yang melakukan kezaliman.

Manakala meminta pertolongan kepada orang mati adalah tidak sabit dalam nas al-Quran dan riwayat hadis Nabi SAW.

Terdapat pandangan bahawa tiada perbezaan antara orang hidup dengan orang mati. Ini kerana orang hidup tidak berkuasa sebagaimana orang mati juga tidak berkuasa. Keyakinan bahawa harus meminta pertolongan orang hidup dan tidak harus meminta pertolongan orang mati

seolah-olah orang hidup mampu memberi manfaat . ini juga adalah syirik (Mustaffa Suhaimi, 1994).

Pandangan ini ada asasnya. Walau bagaimanapun, nas al-Quran dan riwayat hadis menunjukkan dengan jelas bahawa Nabi SAW meminta pertolongan daripada orang hidup. Dalam kehidupan dunia sebagai perbandingan, meminta bantuan doktor yang masih hidup adalah diamalkan namun meminta bantuan doktor yang telah mati adalah tidak diamalkan. Dalam Islam, Islam menyuruh agar dilakukan perubatan, maka Nabi SAW menyarankan para Sahabat untuk mendapatkan bantuan ahli perubatan yang hidup pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, tiada riwayat bahawa kaedah perubatan adalah dengan meminta bantuan orang mati.

Oleh itu, ada perbezaan antara orang hidup di bumi dengan orang mati. Islam menganjurkan agar diminta bantuan orang hidup di bumi namun Islam tidak mengajar untuk meminta bantuan orang mati.

#### **iv. *Tasyabbuh* Zahir Dengan Amalan Agama Bukan Islam**

Berdoa kepada Allah tidak mempunyai *tasyabbuh* (persamaan) zahir dengan amalan orang kafir dalam berdoa. Jika wujud *tasyabbuh* sekalipun, ia masih dalam perintah Allah atau perintah agama. Maka tiada kesalahan dalam berdoa kepada Allah walaupun mungkin ada *tasyabbuh* zahir dengan amalan agama yang lain.

Manakala amalan *istighathah* mempunyai ciri *tasyabbuh* dengan amalan orang kafir dalam berdoa. Antaranya ialah berdoa kepada benda yang berada di hadapan. Dalam agama tertentu, berdoa adalah dengan berada di hadapan patung seperti patung Jesus atau patung Dewa tertentu. Manakala amalan *istighathah* pada kebiasaannya adalah dengan berada di hadapan kubur. Ada masanya dengan berdoa meminta kepada orang mati yang tidak berada di situ. Dalam agama tertentu, berdoa kepada patung namun di sebalik patung tersebut terdapat ruh tertentu. Juga berdoa kepada orang soleh yang sudah meninggal dunia. Ini sama dengan amalan *istighathah* di mana ada ruh mayat yang mendengar dan berdoa kepada Allah.

Maka persamaan zahir ialah tidak berdoa kepada Tuhan tetapi berdoa meminta kepada makhluk samada mayat atau patung berhala.

#### **v. Kegelinciran Aqidah**

Berdoa terus kepada Allah adalah tauhid yang suci dan murni. Tiada kegelinciran aqidah. Manakala amalan *istighathah* dibimbangi membawa kepada kegelinciran aqidah. Ini kerana kemungkinan pengamal *istighathah* yakin bahawa mayat tersebut yang mengabulkan doa, bukan Allah. Dalam aqidah ahli sunnah wa al-jamaah, makhluk tidak mempunyai kuasa untuk memberi manfaat dan memberi mudharat. Maka muslim yang melakukan *istighathah* tidak akan melakukan syirik kerana tetap yakin bahawa Allah sahaja. Namun begitu, tidak semua umat Islam memahami perkara ini dengan sebaiknya. Maka dengan amalan *istighathah* ini, amat dibimbangi bahawa muslim yang melakukannya akan berkeyakinan bahawa makhluk yang mati itu dapat memberi manfaat.

Terdapat dua pendapat yang berbeza dalam kalangan para ulama. Satu pendapat menyatakan bahawa amalan *istighathah* adalah harus (Mohd Khafidz bin Soroni, 2021) manakala satu lagi pendapat ulama menyatakan bahawa amalan *istighathah* adalah haram dan syirik (Ibn Rajab al-Hanbali, 1999). Dengan dua pendapat ulama yang berbeza ini, pengamalan *istighathah* perlu kepada penelitian yang ketat.

### vi. Keraguan

Berdoa kepada Allah adalah amalan yang tidak meragukan manakala amalan *istighathah* mempunyai keraguan. Keraguan ini antaranya kerana pertikaian yang wujud dalam kalangan para ulama. Panduan Nabi SAW ialah meninggal perkara yang meragukan ( دع ما يريك إلى ما لا يريك ) (Ibn Rajab al-Hanbali, 1999).

Dalam hadis halal dan haram, ada satu perkara yang disebut perkara meragukan ( مشتهات ). Panduan Nabi SAW adalah meninggalkan perkara yang meragukan (Ibn Rajab al-Hanbali, 1999):

فمن اتقى الشبهات فقد استبرأ لدينه وعرضه ، ومن وقع في الشبهات وقع في الحرام

Maksudnya:

“...maka sesiapa yang memelihara dari kesamaran/keraguan maka dia telah membersihkan bagi agamanya dan maruahnya. Dan sesiapa yang jatuh dalam kesamaran/ keraguan maka dia jatuh dalam keharaman...”.

### Analisa Perbandingan Berdasarkan Beberapa Piawaian

PIAWAIAN	BERDOA KEPADA ALLAH	AMALAN <i>ISTIGHATHAH</i>
Kesabitan dalam nas syarak	Sabit dalam nas syarak.	Tidak sabit secara soreh (jelas) dalam nas syarak.
Kebiasaan masyarakat	Menjadi amalan masyarakat.	Tidak menjadi amalan masyarakat. Jika diamalkan, ia dalam kelompok kecil dan tidak dihebohkan.
Kejelasan maksud	Maksud adalah jelas.	Wujud kesamaran dalam maksud.
Pertolongan diminta kepada siapa	Meminta tolong kepada Allah yang maha hidup.	Meminta tolong kepada mayat yang sudah mati.
<i>Tasyabbuh</i> (persamaan) zahir	Tiada <i>tasyabbuh</i> dengan agama yang lain. Jika wujud <i>tasyabbuh</i> , berdoa kepada Allah adalah disuruh dalam agama.	Wujud <i>tasyabbuh</i> zahir dengan amalan agama lain.
Kegelinciran aqidah	Tiada kebimbangan berlakunya kegelinciran aqidah.	Wujud kebimbangan berlakunya kegelinciran aqidah.
Keraguan	Tiada keraguan.	Wujud keraguan.

Berdasarkan tujuh piawaian ini, adalah jelas bahawa amalan *istighathah* mempunyai masalah. Berdasarkan masalah tersebut, adalah sewajarnya bahkan yang sewajibnya amalan *istighathah* iaitu meminta hajat kepada orang mati dijauhi oleh umat Islam.

### Penutup

Terdapat perbezaan pendapat ulama dalam isu *istighathah* (meminta kepada Nabi SAW selepas kewafatan Nabi dan meminta kepada mayat). Ada pendapat ulama membenarkannya dan ada pendapat ulama mengharamkannya. Bagi keselamatan iman dan aqidah, adalah perlu dan wajar untuk umat Islam kekal berdoa kepada Allah tanpa perlu kepada amalan *istighathah*. Tiada

kerugian bagi umat individu muslim dan umat Islam jika amalan *istighathah* ditinggalkan. Tiada keuntungan bagi individu muslim dan umat Islam jika amalan *istighathah* dilakukan bahkan dibimbangi berlaku kegelinciran aqidah. Para ulama dan para pendakwah sepatutnya menekankan amalan yang jelas dalam agama kepada umat Islam. Pada masa yang sama, tidak seharusnya dituduh syirik terhadap muslim yang memohon bantuan Nabi SAW kerana masih terdapat khilaf para ulama. Namun begitu, amalan terbaik yang tiada khilaf dalam kalangan umat Islam adalah berdoa meminta kepada Allah, bukan meminta kepada Nabi SAW yang sudah wafat atau muslim yang sudah meninggal dunia.

## Rujukan

- Ahmad ibn Syu'aib al-Nasai. (1996). *Sunan al-Nasai*. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Awaludin Hakim. (2017). Doa dalam perspektif al-qur'an kajian Tafsir Ibnu Katsir dan Tafsir Al-Azhar. *Jurnal Al-Fath*, Vol. 11 No. 1, 2017, hal. 50.
- Faisal ibn Qizar al-Jasim. (2007). *Tajrid al-Tauhid Min Daroni al-Syirk wa Syubah al-Tandid*. Kuwait: al-Mibrat al-Khayriyyah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. (1996). *Fath al-Bari*. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Rajab al-Hanbali. (1999). *Jami' al-Ulum wa al-Hikam*. Qaherah: Dar al-Manar.
- al-Mu'jam al-'Arabi al-'Asasi*. (t.t). Munazzomah al-'Arabiyyah: Larus.
- Jalal al-Din al-Suyuti. (1998). *al-Asybah wa al-Nazoir*. Qaherah: Dar al-Salam.
- K.H.M. Syafii Hadzami. (2015). *Soal Jawab Agama*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Mustafa Abu Yusuf. (1950). *Ghauth al-'Ibad bi Bayan al-Rasyad*. Qaherah: Mustafa al-Halabi, 1950.
- Mustaffa Suhaimi. (1994). *Salah-Faham Tentang Bidaah dan Syirik*. Ulu Kelang: Progressive Publishing House.
- Mursalim. (2011). Doa dalam perspektif al-Quran. *Jurnal Al-Ulum*, Vol. 11 No. 1, 2011, Hal. 65.
- Mohd Khafidz Soroni. (2021). Hukum Istighasah kepada Nabi SAW. Fitrah Islami Online. Retrieve from <https://fitrahislami.wordpress.com/tag/istighathah/>.
- Muhammad Shahrulnizam Muhadi. (2018). Hukum berdoa menjadi hebat seperti tokoh besar. Al-Kafi lil al-Fatwa. Retrieve from <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2279-al-kafi-707-hukum-berdoa-menjadi-hebat-seperti-tokoh-besar>.
- Sirajuddin 'Abbas. (1996). *Iktiqad Ahli Sunnah wa al-Jamaah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.



## BAB 11

### KAEDAH PSIKOTERAPI ISLAM BERASASKAN AMALAN AL-KHALWAH DALAM ILMU TASAWUF

Ahmad A'toa' Mokhtar<sup>1</sup>

[ahmadatoa@uis.edu.my](mailto:ahmadatoa@uis.edu.my)

Ahmad Naja` Mokhtar<sup>2</sup>

Siti Nasuhah Baharudin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor. Malaysia. Email: [ahmadatoa@kuis.edu.my](mailto:ahmadatoa@kuis.edu.my)

<sup>2</sup>Pensyarah Kanan Fakulti Kepimpinan Pengurusan USIM, Malaysia. E-mail: [najaa@usim.edu.my](mailto:najaa@usim.edu.my)

<sup>3</sup>Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari UTM, Malaysia.

### Pengenalan

Psikoterapi adalah cabang ilmu psikologi yang berusaha menyelesaikan masalah kemanusiaan atau kesihatan mental. Kesihatan mental dibahagikan kepada pola negatif, iaitu ketiadaan penyakit mental, dan pola positif, iaitu kemampuan individu menyesuaikan diri dengan lingkungan sosial. Masalah seperti ketegangan mental, kegelisahan, gangguan mental, tekanan perasaan, kemurungan, fobia, neurosis, psikopatologi dan psikosis dapat dipengaruhi oleh ciri-ciri individu, persekitaran dan peristiwa kehidupan. Ciri-ciri individu yang mempengaruhi termasuk harga diri, tabiat dan kemampuan daya tindak (Mahmud,1984).

Psikoterapi Islam adalah merupakan kaedah merawat penyakit mental, spiritual, moral, dan fizikal berdasarkan metode yang digariskan oleh Islam, termasuk al-Quran, al-Sunnah, orang soleh dan ilmu pengetahuan Islam (M. Hamdani, 2001). Terminologi ini menunjukkan aplikasi praktikal psikologi spiritual Islam (Che Zarrina Saa'ri dan Joni Tamkin Borhan, 2008). Kaedah ini meningkatkan kepercayaan dan keyakinan diri pesakit melalui pemulihan kekuatan jiwa, yang mempercepat proses penyembuhan berterusan.

Dalam hal ini, Allah SWT ada memberikan petunjuk kepada manusia motede yang terbaik untuk merawat jiwa dengan kaedah perawatan kejiwaan dan kerohanian yang berteraskan amal khalwah kerana didapati mampu membantu membentuk dan membangunkan jati diri sehingga seseorang itu berjaya dunia dan akhirat. Beberapa peristiwa yang direkodkan oleh Allah SWT mengenai konsep amal khalwah di dalam al-Quran. Antaranya peristiwa ashabul kahfi, bahawa Allah SWT memerintah mereka untuk mengasingkan diri (khalwah) demi untuk menyelamatkan urusan agama (akidah) mereka. Firman Allah SWT dalam surah Al-Kahf ayat 16 :

وَإِذْ أَعْتَرَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ فَأَوْرَأْ إِلَى الْكَهْفِ يَنْشُرْ لَكُمْ رُكُومًا مِّن رَّحْمَتِهِ وَيُهَيِّئْ لَكُمْ مِّنْ أَمْرِكُمْ مَّرْفَقًا

Maksudnya :

*Dan oleh kerana kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari apa yang mereka sembah yang lain dari Allah, maka pergilah kamu berlindung di gua itu, supaya Tuhan kamu melimpahkan dari rahmatnya kepada kamu, dan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk (menjayakan) urusan kamu dengan memberikan bantuan yang berguna".*

Begitu juga kisah Nabi Musa AS mengasingkan diri (khalwah) selama 40 hari di bukit Tursina demi untuk mengukuhkan lagi keimanan baginda sehingga baginda dapat menerima kitab Taurat. Firman Allah SWT dalam surah Al-A'raf ayat 142-143 :

وَوَعَدْنَا مُوسَىٰ ثَلَاثِينَ لَيْلَةً وَأَتَمَّمْنَا بِعَشْرِ فِتْنَةٍ مِثْلَ رَبِّهِ ۚ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً وَقَالَ مُوسَىٰ لِأَخِيهِ هَارُونَ أَخْلِفْنِي فِي قَوْمِي وَأَصْلِحْ وَلَا تَتَّبِعْ سَبِيلَ الْمُفْسِدِينَ . وَلَمَّا جَاءَ مُوسَىٰ لِمِيقَاتِنَا وَكَلَّمَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّ أَرِنِي إِلَيْكَ قَالَ لَنْ نَرِيكَ وَلَكِنْ أَنْظُرْ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنِ اسْتَقَرَّ مَكَانَهُ فَسَوْفَ تَرَانِي فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقًا فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحَانَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya :

Dan kami telah janjikan masa kepada Nabi Musa (untuk memberikan Taurat) selama tiga puluh malam, serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh malam lagi, lalu sempurnalah waktu yang telah ditentukan oleh Tuhannya empat puluh malam. Dan berkatalah Nabi Musa kepada saudaranya Nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat): "Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku), dan janganlah engkau menurut jalan orang-orang yang melakukan kerosakan". Dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu, dan Tuhannya berkata-kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku (ZatMu Yang Maha Suci) supaya aku dapat melihatMu". Allah berfirman: "Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, nescaya engkau akan dapat melihatKu", Setelah Tuhannya "Tajalla" (menzahirkan kebesarannya) kepada gunung itu, (maka) "TajalliNya" menjadikan gunung itu hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pingsan. Setelah ia sedar semula, berkatalah ia: "Maha Suci Engkau (wahai Tuhanku), aku bertaubat kepadaMu, dan akulah orang yang awal pertama beriman (pada zamanku).

Selain itu, ada beberapa peristiwa seumpama al-khalwah yang berlaku ke atas Rasulullah SAW. Antaranya peristiwa yang masyhur baginda SAW berkhalwah di dalam Gua Hira' yang terletak di atas Jabal Nur sehingga baginda mendapat wahyu pertama iaitu lima ayat dari surah *al-'Alaq*. Begitu juga peristiwa sesudah baginda SAW berhijrah ke Madinah, baginda sentiasa beriktikaf di dalam masjidnya selama 10 hari 10 malam pada akhir bulan Ramadan dan pada tahun yang terakhir baginda SAW wafat, baginda telah menambahkan jumlah hari beriktikaf selama 20 hari 20 malam di akhir bulan Ramadan pada tahun tersebut (Ibn 'Ajibah.2005). Saidatina Aisyah RAH meriwayatkan bahawa sabda Nabi SAW:

كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّلَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَقَّاهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ ثُمَّ اعْتَكَفَ أَرْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ

Maksudnya:

“Adalah baginda SAW beriktikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan sehinggalah baginda wafat. Kemudian para isteri baginda turut beriktikaf selepas kewafatan baginda”. (HR Muslim.1172)

Al-Khalwah adalah suatu amalan spiritual yang memiliki pengaruh signifikan dalam pembangunan *al-Qalb*. al-Khalwah dapat mencapai pemahaman yang lebih mendalam tentang diri, memperbaiki akhlak dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. al-Khalwah adalah suatu bentuk penyucian diri dan perjalanan spiritual yang melibatkan isolasi diri untuk mencapai pemahaman tentang hakikat hubungan manusia dengan Allah SWT. Amalan ini memberikan

kesempatan bagi individu untuk mengeksplorasi dimensi rohani dengan lebih mendalam untuk menghampirkan (al-qurbah) hubungan dengan Allah SWT disamping berperanan membangunkan Qalb Salim (jiwa sejahtera). Al-Khalwah membantu individu mengatasi pengaruh kebendaan yang dapat mengganggu perkembangan akhlak. Dalam keadaan kesendirian seseorang itu dapat melakukan refleksi mendalam terhadap perbuatannya, mengenalpasti kelemahan dan sifat-sifat mazmumah dalam dirinya serta mengarahkan diri untuk memperbaiki perilaku dengan akhlak yang lebih baik. Artikel ini membahaskan kaedah psikoterapi Islam berasaskan amalan Al-khalwah menurut perspektif ilmu tasawuf. Diharapkan agar artikel ini menyumbang nilai tambah dalam elemen pembangunan al-Qalb menerusi kaedah psikoterapi Islam ialah dengan cara rawat jiwa dan rohani berasaskan amalan al-khalwah kerana ia merupakan satu sistem terapi kerohanian yang digunakan bagi tujuan mendekat diri kepada Allah SWT dalam disiplin ilmu tasawuf. Penelitian ini juga dapat memberikan konsep baru tentang psikoterapi Islam dengan cara menerapkan prinsip-prinsip al-Khalwah dalam jati diri seseorang sehingga ia menjadi amalan yang mampu memberi kesan dalam membangunkan al-Qalb disamping meningkatkan hubungan spiritual dengan Allah SWT. Namun tidak dinafikan bahwa disiplin ilmu tasawuf dapat melahirkan pelbagai aspek merangkumi aspek spritual, fizikal, emosi dan juga mental. Kesemua aspek ini dilihat sebagai saling berkaitan antara satu sama lain, umpamanya persoalan pembersihan jiwa yang berhubungrapat dengan perolehan marifatullah, pemurnian akhlak ketenangan jiwa dan kecekapan fikiran (zarrina, 2021).

### **Psikoterapi Islam**

Penghayatan merupakan perlaksanaan agama di dalam kehidupan dari sudut akidah, ibadah dan akhlak berdasarkan kefahaman terhadap Islam (Mohamad Abu Bakar 2005). Kurang penghayatan kepada agama menyebabkan sukar untuk mencapai kebahagiaan hidup. Oleh yang demikian, melihat amalan dan penghayatan mempunyai kaitan dengan psikoterapi. Pembinaan terapi ini membawa masyarakat kearah penghayatan untuk keluar daripada masalah yang dihadapi bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Penghayatan dalam amalan penting bagi membentuk keperibadian yang mengikut al-Qur'an dan al-Hadith dan menghadapi kehidupan yang mencabar serta mengawal sifat peribadi yang negatif. Dengan mengerjakan amalan yang baik dapat mengatasi perasaan kebimbangan yang wujud dalam kecelaruan mental (al-Ghazali 1986).

Dalam kajian ini psikoterapi Islam menjadi asas utama dengan menggunakan aspek keagamaan sebagai objek dan alat utama. Krisis kejiwaan dan ketandusan spiritual manusia di era globalisasi dapat diatasi jika manusia kembali kepada agama dan mengamalkan ajaran-ajaran agama. Kesedaran terhadap keperluan beragama semakin meningkat di kalangan masyarakat disebabkan faktor krisis jiwa. Para psikologi terutamanya psikologi Muslim mahupun ulama mula melihat bahawa konsep dan teori yang telah dibawa oleh para pemikir Barat mempunyai kelemahan tersendiri kerana hampir kesemua teori Barat berbentuk saintifik dan mengabaikan entiti minda dan ruh yang diambil berat oleh agama. Oleh itu, dirasakan satu keperluan yang besar dalam bidang psikologi khususnya psikoterapi untuk menerapkan peranan ilmu keagamaan dalam pemulihan dan pembangunan jiwa serta spiritual bagi mempengaruhi tindakan, perilaku dan keputusan seseorang individu yang bermasalah agar mereka dapat meningkatkan gaya hidup yang sihat, menyediakan harapan dan memberi makna diri serta keyakinan dalam kehidupan mereka.

Kandungan ajaran Islam seperti iman, ibadah, dan tasawuf didapati memiliki metodologi yang sistematik bagi mewujudkan kesihatan mental. Sebagai contoh, penghayatan akidah Islam mampu mempengaruhi serta memberi kesan kepada seseorang. Apabila kandungan ajaran Islam boleh membantu mewujudkan Kesihatan mental, maka ia adalah sebagai langkah awal yang semulajadi dalam usaha membentuk metode psikoterapi. Psikoterapi Islam merupakan suatu bidang yang

sudah banyak disusun, disebarluaskan bahkan dijadikan sebagai penyelidikan oleh para pengkaji kontemporari. Namun begitu, ia kelihatan masih baru di Malaysia, dan memerlukan penyelidikan yang lebih meluas. Antara penyelidikan yang pernah dijalankan adalah seperti *Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental* oleh Hairunnas (2006), *Kaedah Psikoterapi Islam Berasaskan Konsep Maqamat Abu Talib al-Makki* oleh Sharifah Basirah dan Che Zarrina (2015) dan *Rawatan Psikoterapi Islam dan Psikoterapi Alternatif dalam Menangani Isu Penyalahgunaan Dadah di Medan* oleh Wirman (2015), Mohd Syukri, Che Zarrina, Syed Mohammad Hilmi (2018).

Islam sebagai agama yang mengandungi nilai-nilai spiritual yang tinggi, didapati boleh menyelesaikan masalah-masalah psikologi manusia. Kandungan ajaran islam seperti iman, ibadah, dan tasawuf didapati memiliki metodologi yang sistematik bagi mewujudkan kesihatan mental. Apabila kandungan ajaran Islam boleh membantu mewujudkan kesihatan mental, maka ia adalah sebagai langkah awal yang semulajadi dalam usaha membentuk metode psikoterapi. Oleh kerana metode pemulihan yang akan digunakan dalam metode ini adalah bersumberkan syariat islam maka metodenya boleh disebut sebagai Psikoterapi Islam (Khairunnas Rajab 2006).

Menurutnya lagi, psikoterapi Islam adalah usaha Islamisasi sains (Islamization of knowledge). Metode yang diguna adalah melalui pencerahan dan aplikasi nilai-nilai al-Qur'an dan al-Sunnah. Kandungan al-Quran mahupun al-Sunnah yang diambil adalah kandungan yang berkaitan dengan masalah iman, ibadah, dan tasawuf. Kapasiti iman, ibadah, dan tasawuf mempunyai nilai spiritual, yang boleh dijadikan sebagai metode psikoterapi. Psikoterapi seperti ini, boleh membuat psikologi manusia menjadi tenang, tenteram, selesa, dan secara disedari mahupun tidak, mampu mewujudkan kesihatan mental. Konsep psikoterapi Islam adalah suatu kajian baru, yang boleh dijadikan suatu metodologi psikoterapi bagi mewujudkan kesihatan mental, mencapai kebahagiaan, dan memperolehi ketenangan. Islam adalah agama Allah SWT, agama wahyu yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w, di mana ajarannya rasional serta dapat membantu umat manusia dalam mencapai kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan hidup.

Tujuan psikoterapi Islam ini adalah untuk mendapat keperibadian atau personaliti yang harmoni, sihat dan seimbang yang menjurus kepada pembentukan personaliti Islam yang menumpukan emosi dan pemikiran klien untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T. berdasarkan syariat Islam. Ia juga merupakan kekuatan emosional psikologi yang mengkaji manusia selaku subjek pengamal agama, daripada dimensi ritual iaitu ibadah, kepercayaan dan keyakinan iaitu iman, dan norma akhlak yang berlaku dalam komuniti manusia yang berkaitan dengan kesihatan mental atau berusaha mencari aspek psikologi yang tidak terlepas daripada aturan nilai spiritual Islam (Khamsiah Ismail 2008).

Al-Ghazali, Abu Talib al-Makki, Ibn Ata'Allah, al-Mawardi dan lain-lain ulama terdahulu banyak mendatangkan pelbagai cadangan bagi membantu rawatan jiwa. Hal ini menunjukkan masalah kejiwaan bukan suatu yang baru, bahkan ianya suatu masalah yang telah berlaku sejak dahulu lagi. Sebagai contoh, Abu Talib al-Makki membincangkan usaha untuk membangunkan kerohanian dan akhlak manusia yang dapat dikategorikan sebagai psikoterapi Islam dengan mendatangkan perbincangan mengenai peringkat dan maqamat tertentu seperti taubat, sabar, syukur dan lain-lain (Sharifah Basirah, Che Zarrina 2015).

Menurut Hairunas, psikoterapi Islam merupakan metod yang paling asas dalam mewujudkan kebahagiaan, kesihatan mental dan keperibadian Islam berasaskan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah. Para pendakwah dan pengkaji dapat membuat kajian lanjutan gangguan mental seperti kemurungan, neurosis, tekanan dan psikosis sebagai usaha memahami perilaku beragama individu dan masyarakat (Hairunas Rejab 2006). Cara-cara mengatasi gangguan-gangguan

kejiwaan dan teknik-teknik yang digunakan serta tahap-tahap pelaksanaan psikoterapi dengan menggunakan metode Sufistik (Untung Joko 2013). Antara contoh terapi sufistik ialah berzikir, solat, berselawat, bertafakkur dan lain-lain amalan yang mendekatkan diri kepada Allah (M Amin Syukur 2012).

### ***Al-Khalwah* Dalam Ilmu Tasawuf**

Menurut Imam Shafie *Rahimabullah*, bagi mereka yang ingin hati mereka dibukakan (hijab) oleh Allah SWT untuk menerima ilmu ladunni, maka penting bagi mereka untuk menjalankan amalan khalwah. Selain itu, mereka juga diwajibkan untuk mengurangi makan, menjauhi orang-orang bodoh, serta menjauhi sebahagian ulama yang mengikuti hawa nafsu dan yang tidak beradab dan tidak sopan (al-Nawawi, 1997). Menurut Ibn 'Ajibah ketika memberikan maksud *al-khalwah* ialah mengasingkan diri daripada manusia (Ibn 'Ajibah.1990). Manakala Syeikh Najm al-Din al-Kubra pula mendefinisikan *al-khalwah* iaitu hubungan langsung dari makhluk kepada pencipta (*al-Khaliq*) (al-Hakim.1965) dan Syeikh al-Jurjani pula menyebut sebagai bicara secara rohani dengan Allah SWT tanpa diketahui oleh seseorang ataupun malaikat. (al-Jurjani. 1985).

Pengertian *al-Khalwah* terbagi menjadi dua bahagian iaitu ia berlaku secara zahir dan batin. Menurut Muhammad Ibn Abdullah al-Khani (2005) bahawa *al-Khalwah* zahir merujuk pada situasi ketika seorang salik menjalani masa menyendiri di dalam rumah yang jauh dari keramaian dan kesibukan dengan tujuan mencapai tingkat yang memungkinkannya untuk mengeksplorasi alam Malakut dan tahap memandang ke alam Jabarut. Jika pancaindera yang bersifat jasmani mencapai tahap yang tinggi itu akan membantu pancaindera batin untuk mengeksplorasi tanda-tanda di alam Malakut dan dengan demikian membuka rahsia-rahsia di alam Jabarut. Manakala khalwah batin pula merupakan keadaan di mana individu memfokuskan fikirannya pada pengamatan akan rahsia-rahsia Allah SWT, sementara interaksi luarnya tetap berada dalam pergaulan dengan makhluk. Interaksi luar ini tidak mengganggu keadaan batin yang sedang mengalami musyahadah (pengamatan spiritual). Dari dua penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa khalwah zahir berfungsi sebagai pintu masuk menuju khalwah batin. Terdapat hubungan yang kuat dan saling melengkapi antara keduanya. Seolah-olah khalwah batin tidak dapat dicapai tanpa melalui proses khalwah zahir terlebih dahulu. Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa pencapaian individu dalam khalwah zahir akan membantu meningkatkan dimensi kerohaniannya dan pada gilirannya membolehkannya mencapai tingkat khalwah batin yang merupakan bentuk khalwah yang sebenar. (al-Khani.2005). Hal ini sesuai dengan ungkapan Ibn 'Ajibah (2005) yang menyatakan, "Bagaimana hati dapat menjadi sunyi dalam segala keadaan jika seseorang tidak mengasingkan diri." (Ibn. 'Ajibah.2005)

### **Kaedah Psikoterapi Islam Berasaskan Amalan *Al-Khalwah***

*Al-Khalwah* juga sinonim dengan perkataan *al-Uzlah*. Ibn 'Ajibah (2005) menerangkan maksud *al-Uzlah* ialah hati menyendiri dengan Allah SWT. Adapun *al-Uzlah* pada pandangan al-Jurjani bermaksud keluar dari pergaulan sesama makhluk dengan mengasingkan diri (al-Jurjani.1985). Menurut Syeikh Ibn 'Ataillah bahawa hati yang keras dapat dicairkan dengan *uzlah*. Kaedah ini dapat memberi manfaat dan membantu seseorang untuk lebih fokus hatinya serta mindanya bertafakkur tentang sifat-sifat Allah SWT (*Jalaluhu wa Jamaluhu*). Kata beliau dalam hikmah yang ke-12 :

مَا نَفَعَ الْقَلْبَ شَيْءٌ مِّثْلُ عُزْلَةٍ يَدْخُلُ بِهَا مَيْدَانَ فِكْرَةٍ

Maksudnya: "Tidak ada sesuatu yang dapat memberi manfaat kepada hati seperti uzlah di mana seseorang hamba masuk dengannya medan tafakkur" (Ibn 'Ataillah.2003)

Untuk memahami maksud beruzlah, Ibn `Ataillah dalam kitab *Miftah al-Falah wa Mishbah al-Arwah* ada menerangkan bahawa *al-uzlah* ialah mengasingkan diri manakala *al-khalwah* menyendiri diri. Kedua-dua istilah tersebut mempunyai dua konsep yang berbeza dalam konteks rohani. *Al-khalwah* merujuk pada menyendiri secara zahir dan batin dari keramaian untuk tujuan muhasabah dan proses memikirkan sesuatu perkara secara mendalam (*tafakkur*). Sementara, *al-uzlah* pula adalah proses sebelum menuju *al-khalwah* iaitu mengasingkan diri secara batin dari manusia, masyarakat atau kehidupan sosial untuk mendalami hubungan spiritual dengan Allah SWT. Kesan kedua-duanya ini mampu mempengaruhi psikologi, sosial dan spiritual manusia. (Ibn `Ataillah.2013)

Kata nama lain bagi kaedah merawat masalah jiwa dan kerohanian individu Muslim yang mengikut syarak ialah psikoterapi Islam. Dalam ilmu tasawuf, al-khalwah juga merupakan salah satu kaedah psikoterapi Islam yang melatih pembentukan kerohanian seseorang bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Untuk memperoleh impak positif melalui kaedah psikoterapi berasaskan amalan al-khalwah ini, seseorang perlu menjaga beberapa adab al-khalwah, antaranya :

Adab *al-khalwah* yang pertama ialah kurang bercakap atau berkata-kata : Jika seseorang dalam khalwah, sudah tentu tidak ada orang yang akan berbicara dengannya, maka ia terselamat daripada bencana lidahnya. Nabi SAW bersabda:

عن أنس بن مالك قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم "رحم الله امرأً تكلم فغنم أو سكت فسلم."

Maksudnya:

"Semoga Allah merahmati seseorang hamba yang diam, lalu ia terselamat atau seseorang yang berbicara, lalu ia mendapat keuntungan" (al-Nawawi.3492)

Kebanyakan manusia tidak akan terhindar dari bencana yang disebabkan oleh lidah kecuali mereka yang memberikan keutamaan amalan khalwah. Seorang salik yang mengutamakan khalwah daripada bergaul dengan orang lain, lebih memilih diam daripada berbicara dan mengutamakan puasa daripada makan berlebihan, maka salik tersebut telah mencapai tahap kemajuan yang berharga dalam perjalanan spiritualnya. Sebaliknya, seorang salik yang suka bergaul dengan manusia, banyak berbicara dan selalu dalam keadaan berlebihan dalam hal makan akan memberi kesan terhadap tahap kemajuannya dalam perjalanan spiritualnya yang masih belum sempurna. Keburukan dari berbicara yang berlebihan adalah kurangnya muhasabah diri, hilangnya ketakwaan, terlalu lama dalam dosa maksiat, catatan buruk yang akan dipaparkan di akhirat, banyak tuntutan hak dari manusia lain, terlibat dalam perlakuan yang zalim terhadap makhluk banyak kesaksian dari malaikat mencatat perbuatannya dan berpaling dari Allah SWT kerana percakapan yang tidak baik merupakan kunci dari dosa-dosa besar yang dilakukan melalui lidah. Percakapan yang buruk dapat menyebabkan kebohongan, penghinaan, fitnah, dan kesaksian palsu. Kebanyakan dosa anak Adam terletak pada lidah mereka dan manusia yang paling banyak dosanya di hari kiamat adalah mereka yang banyak berbicara tentang hal-hal yang sia-sia. (Ibn `Ajibah, 2013)

Adab al-khalwah yang kedua ialah menundukkan pandangan : Memelihara pandangan mata seseorang akan menyelamatkannya daripada bahaya pandangan mata, kerana seseorang yang berkhalwah atau mengasingkan dirinya daripada manusia, ia akan terselamat daripada memandang tingkah laku mereka juga terselamat daripada pengaruh keduniaan yang ada pada mereka sebagaimana firman Allah SWT :

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْهُمْ زَهْرَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ ۚ يَوْمَ يُرِزُّ رَبُّكَ حَيْرٌ وَأَبْطَىٰ

Maksudnya :

*“Dan janganlah engkau menunjukkan pandangan kedua matamu dengan keinginan kepada apa yang telah Kami berikan kepada beberapa golongan dari mereka yang kafir itu menikmatinya yang merupakan keindahan kehidupan dunia ini untuk Kami menguji mereka padanya; sedang limpah kurnia Tuhanmu di akhirat lebih baik dan lebih kekal”.* (Taha:131)

Maka dengan berkhalwah akan menghalang seseorang daripada memandang kemewahan dunia yang ada pada orang lain yang boleh menambahkan keinginan terhadapnya. Dan dapat menjauhkan diri daripada ingin bersaing dengan mereka dalam mencari keduniaan. Betapa pentingnya menghindari pandangan yang tidak bermanfaat kerana pandangan yang tidak bermanfaat dapat membangkitkan hawa nafsu. Individu yang sering memperhatikan hal-hal yang tidak bermanfaat akan terjebak dalam kegelisahan dan kecemasan yang berlanjutan. Mata, sebagai organ penglihatan menjadi penyebab kerosakan dan kebinasaan. Jika seseorang tidak menjaga penggunaan matanya dengan bijak, ia akan terperangkap dalam kebinasaan. Tidak diragukan lagi, pandangan yang terlalu banyak kepada hal-hal yang tidak bermanfaat akan menyebabkan hati berbelah bagi (Ibn `Ajibah, 2013).

Adab al-khalwah yang ketiga ialah menjaga hati : Seseorang itu apabila berada dalam al-Khalwahnya semestinya menjaga dan memelihara hati agar terhindar dari sikap berpura-pura, kepalsuan dan berbagai penyakit hati lainnya. Ketika seseorang bergaul dengan manusia akan muncul kecenderungan untuk berperilaku pura-pura dalam berinteraksi dengan mereka. Individu yang menunjukkan sikap pura-pura menunjukkan adanya sifat menunjuk-nunjuk atau riak dalam dirinya. Mereka yang mempunyai sikap tersebut akan mengalami kebinasaan yang sama seperti golongan riak.

Bagaimana kaedah untuk mencapai tahap *al-tabqiq* (haqiqat)? Salah satu cara adalah dengan tidak memandang ke arah manusia (makhhluk) kerana pandangan terhadap mereka dapat membawa kegelapan. Jika seseorang tidak mampu menghindari pandangan mereka, disarankan untuk tidak mendengarkan perkataan mereka kerana perkataan mereka dapat menyebabkan kerasnya hati. Jika seseorang itu juga tidak dapat menghindari berbicara dengan mereka, maka usahakan untuk tidak bergaul dengan mereka melalui cara khalwah. Impak dari pergaulan dengan mereka akan mengakibatkan kerugian, penyesalan dan jauh dari Allah SWT. Jika seseorang masih terpaksa bergaul dengan mereka kerana berada di tengah-tengah mereka, maka disarankan untuk tidak merasa senang terhadap mereka, kerana perasaan senang terhadap mereka akan mengakibatkan kebinasaan. (Ibn `Ajibah, 2013)

Hati seseorang itu akan cenderung kepada golongan yang binasa jika seseorang itu sibuk memerhatikan orang yang lalai leka, suka berbicara dengan orang yang jahil, suka bergaul dengan orang yang tidak beramal maka secara tidak disedari hatinya turut terkesan daripada sifat buruk tersebut malahan dibuai oleh angan-angan kosong rasa kemanisan ketaatan kepada Allah SWT, sedangkan pada hakikat hatinya jauh dari Allah SWT. Ahli mujahadah meletakkan asas yang sangat penting dalam bermujahadah untuk melatih kebersihan hati mereka. Apabila mereka ingin memelihara hati mereka daripada lintasan-lintasan yang buruk, mereka akan memelihara pandangan mereka daripada memandang perkara yang sia-sia iaitu perkara yang berkaitan tentang keduniaan semata-mata.

Adab al-khalwah yang keempat ialah bersifat zuhud : Amalan al-Khalwah dapat menghasilkan sifat zuhud terhadap dunia dan *qana`ah*, kerana sifat tersebut adalah satu kemuliaan dan

kesempurnaan bagi seorang hamba Allah. Sifat itu juga adalah menjadi sebab seseorang itu mendapat kasih sayang Allah SWT, kerana sabda Nabi SAW:

عن أبي العباس سهل بن سعد الساعدي رضي الله عنه قال : جاء رجلٌ إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقال: يا رسول الله، دلني على عملٍ إذا عملته أحبني الله وأحبنى الناس، فقال: (ازهد في الدنيا يحبك الله، وازهد فيما عند الناس يحبك الناس)

Maksudnya :

*“Zuhudlah terhadap dunia, nescaya Allah akan mengasihimu dan zuhudlah terhadap apa yang ada pada manusia, nescaya mereka akan menyukaimu”.* (HR Ibn Majah)

Sudah pasti seseorang yang tidak bergaul dan melihat manusia yang berkecenderungan kepada keduniaan serta berlumba-lumba untuk mendapatkannya sudah tentu ia akan terselamat daripada mengikut perangai mereka serta terselamat daripada sikap yang buruk dan akhlak yang hina. Hanya segelintir orang yang mampu mempertahankan diri dari pengaruh bergaul dengan golongan yang terikat pada kecintaan terhadap dunia. Orang yang mencintai dunia dan menikmatinya, hatinya telah mati secara spiritual. Bergaul dengan orang-orang yang hatinya telah mati akan menyebabkan hatinya juga akan mati. Sifat zuhud juga dapat memelihara diri dan agamanya daripada terdedah dengan kejahatan dan keburukan yang selalu ditempuhi ketika bergaul dengan orang ramai. Hawa nafsu memang suka dan gemar untuk campur urusan seumpama ini, seperti yang berlaku kepada pecinta keduniaan dan sikap yang suka berlumba-lumba untuk menunjukkan kebaikan diri. Sebahagian manusia yang menikmati dunia semahunya, sementara hamba Allah yang sebenar hanya mengambil sebagian kecil darinya. Ia dapat merasai kenikmatan dunia mahupun penderitaan darinya. Ia melihat dunia sebagai tipuan dan kebatilan belaka seperti air yang mengalir di permukaan wadah yang tidak bermakna. Dunia baginya hanya seperti bangkai yang tidak berharga, dikelilingi oleh anjing-anjing yang menarik perhatian orang-orang untuk melayani hawa nafsu mereka. Oleh itu, dengan menjauhkan diri dari kecintaan terhadap dunia, seseorang dapat menyelamatkan diri dari pengaruhnya. Namun, jika seseorang menginginkannya dengan penuh haloba, mereka akan menjadi mangsa hawa nafsu tersebut. (Ibn `Ajibah, 2013)

Adab al-khalwah yang kelima ialah suhbah orang yang soleh : Bersahabat dengan orang yang soleh akan memeliharanya daripada orang yang jahat. Bergaul dengan orang tidak hiraukan agama yang akan menyebabkan kejahatan yang melampau dan bahaya yang dahsyat. Terdapat hadis Nabi SAW bersabda:

مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ مَثَلُ الْعِطَّارِ إِنْ لَمْ يُصِيبْكَ مِنْهُ أَصَابَكَ رِيحُهُ وَمَثَلُ الْجَلِيسِ السَّوِّءِ مَثَلُ الْقَيْنِ إِنْ لَمْ يُحْرِقْكَ بِشَرِّهِ عَلِقَ بِكَ مِنْ رِيحِهِ

Maksudnya:

*“Umpama kawan yang jahat seperti tukang besi, jika tidak terkena percikan api tentu badannya berbau busuk”* (Ibn Hibban.579)

Seseorang yang bergaul atau bersahabat dengan orang yang jahat akan hina walaupun pada hakikat dirinya baik. Ramai orang yang tidak ikhlas dalam pergaulan sesama manusia, hindari persahabatan yang tidak mendapatkan redha daripada Allah SWT kerana ia merupakan musuh utama, hati menjadi keras dan menjauhkan diri dari Rahmat Allah SWT. Sebaliknya bergaul dan



bersahabat dengan orang yang berakhlak iaitu mereka yang suka membersihkan jiwanya, seperti khazanah yang tidak akan habis. Sekiranya Allah SWT mengkehendaki seseorang hambaNya mendapat kebaikan, nescaya akan dikurniakan (didekatkan) kepadanya sahabat yang hatinya bersih dan dijauhkan daripadanya orang yang buruk akhlaknya. Sesungguhnya, seseorang itu tidak peroleh kejayaan melainkan bersahabat dengan orang yang berjaya.

Adab al-khalwah yang keenam ialah memperbanyakkan zikrullah : Menerusi amalan al-khalwah ini seseorang itu berpeluang untuk beribadat dan berzikir serta berazam untuk beramal soleh bagi mencapai sifat hamba Allah yang bertaqwa. Maksud lain bagi khalwah ialah mengosongkan hati daripada makhluk, menumpukan hati dan pancaindera kepada Pencipta (Allah) serta berazam bersungguh-sungguh untuk istiqamah dengannya (zikrullah). Apabila seseorang itu berkhalwah ia berpeluang menghabiskan masanya untuk beribadat. Pada ketika itu, ia mampu menumpukan segala perhatian zahir dan batinnya untuk semata-mata beribadat kerana ketiadaan gangguan dan pengaruh yang menyibukkan dirinya selain beribadat. Merasai manis ketaatan dan mampu mengecapi kelazatan munajat (zikrullah) kerana suci hatinya. Pengalaman ini berlaku dan dilalui oleh para solihin yang menyatakan bahawa seseorang salik tidak akan diperakui kesahihan amalannya melainkan setelah melalui pengalaman khalwah yang ditempuhi dengan kemanisan, semangat dan kesungguhan yang tidak diperolehi melalui fizikal sebelumnya. Spritual dapat merasai ketenangan dalam keadaan bersendirian. Selain itu juga dapat merehatkan hati dan tubuh badan kerana apabila seseorang itu bergaul dengan orang ramai, hatinya akan cepat penat dengan karenah mereka. Badan juga penat dengan usaha untuk tunaikan hajat dan melayan permintaan mereka. Jika beroleh pahala sekalipun, ia telah rugi kerana terlepas pahala yang lebih besar dan penting iaitu khalwah. Amalan khalwah meninggalkan kesan baik pada tubuh disamping hatinya dapat rehat kerana tumpuan ingatan hatinya ketika beribadat hanya kepada Allah SWT tanpa ingatan selainNya. (Ibn `Ajibah, 2013)

Adab al-khalwah yang ketujuh ialah sentiasa berada di dalam muraqabatullah. Berupaya untuk beribadat dengan cara tafakkur (penghayatan) dan iktibar (pengajaran). Ia merupakan matlamat utama khalwah. Hadis menyebutkan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: فِكْرَةُ سَاعَةٍ خَيْرٌ مِنْ عِبَادَةِ سِتِّينَ سَنَةً

Maksudnya :

*“Fikrah (Tafakkur) penghayatan sejenak lebih baik daripada beribadat (tanpa penghayatan) enam puluh tahun”* (Al-Suyuti, Al-Dur Al-Manthur.4/406).

Menurut Ibn `Ajibah bahawa orang yang menjadikan berkata-katanya sebagai zikir, diamnya menjadi penghayatan, renungannya menjadi tauladan, memuliakan orang lain dengan melihat hina diri dan beramal untuk bekalan akhirat. Sesiapa yang mahukan kemuliaan di akhirat maka perbanyakkan tafakkur (penghayatan) kerana dengannya dapat memperoleh pelbagai rahsia hakikat sesuatu perkara, dapat membezakan dan menjelaskan sesuatu perkara yang benar dan salah, dapat mengenalpasti sekecil-kecil penyakit jiwa dan tipu dayanya, helah dunia, dapat mengetahui bentuk-bentuk tipu helah dunia supaya mampu mengelak daripadanya dan dapat membersihkan dari berbagai penyakit hati. Permulaan (*ahli al-bidayah*) bagi salik yang mula belajar mengenal Allah SWT menerusi amalan tafakkur ketika khalwahnya akan menyingkapkan hijab hati sehingga dapat menyaksikan sifat keagungan dan kesempurnaan Allah SWT melalui tafakkur terhadap ayat-ayat Allah SWT atau tanda-tanda kebesaran menerusi penciptaanNya. Selain itu juga akan dapat menghayati nikmat yang dikurniakan yang nyata mahupun yang tersirat. Natijahnya, seseorang itu akan beroleh pelbagai tahap kebahagiaan, hilang penyakit hati, terus istiqamah beramal dengan ketaatan kepada Allah SWT. Manakala bagi seseorang yang sudah

menjalani khalwah (*abli al-nibayah*), telah menjadi kebiasaan mereka sentiasa zikir dan tafakkur dalam hatinya walaupun badannya berada bersama dengan orang ramai kerana mereka telah dikurniakan Allah hatinya dapat *jam*' daripada *farq* iaitu tiada perbezaan bagi mereka sama ada diri mereka dalam keadaan tubuhnya bersendirian (khalwah) atau tubuhnya bersama dengan orang ramai. Mereka dapat menerima pelbagai kebaikan dengan penuh keredaan dan tidak mengambil kesempatan terhadap hak orang lain.

Kaedah psikoterapi Islam merawat jiwa dan kerohanian ini akan lebih berjaya jika dapat memenuhi beberapa kriteria. Menurut Syeikh Ibn `Ataillah (2013) ada menggambarkan beberapa kriteria yang penting ketika menjalani kaedah al-khalwah ini, antara kriteria utama ialah pemilihan tempat untuk melakukan *uzlah fi khalwah* tersebut (Ibn `Ataillah.2013) : **Pertama**, tinggi tempat khalwah sama dengan ukuran tegak seseorang secara vertikal dari ruang tersebut yang hanya cukup untuk membolehkan seseorang itu berdiri dengan selesa. **Kedua**, panjang tempat khalwah ukurannya sekira-kira boleh sujud secara horizontal dari ruang tersebut, yang hanya cukup untuk membolehkan seseorang itu sujud dengan selesa. **Ketiga**, lebar tempat khalwah ukurannya sekira-kira boleh duduk secara horizontal dari ruang tersebut yang hanya cukup untuk membolehkan seseorang itu untuk duduk dengan selesa. Selain itu, penting untuk dipastikan bahawa tempat *khalwah* terhindar dari kebisingan luaran agar seseorang itu dapat fokus pada zikrullah dan tafakkur. Oleh sebab itu, pemilihan lokasi sangat penting supaya jauh dari kesibukan, lalu lintas atau aktiviti manusia lainnya yang boleh mengganggu matlamat *uzlah*. (Ibn `Ataillah.2013)

Walaupun kaedah beruzlah ini diertikan amalan yang mengasingkan diri daripada masyarakat, keluarga dan kesibukan kerja, namun ia mempunyai tempoh masa yang tertentu seperti sepuluh hari, dua puluh hari, tiga puluh hari atau sebanyak-banyaknya empat puluh hari. Biasanya *uzlah* disertai dengan amalan *khalwah* iaitu duduk bersunyi diri dalam satu tempat tertentu bagi membolehkan seseorang beribadat tanpa apa-apa gangguan (Ibn `Ajibah.2005. Zarruq.2005).

## Penutup

Psikoterapi Islam berasaskan amalan al-khalwah mampu merawat penyakit mental, spiritual, moral dan fizikal berdasarkan metode yang digariskan oleh ulama sufiah. Kaedah ini mampu membentuk jati diri individu muslim, meningkatkan kepercayaan dan keyakinan diri melalui pemulihan kekuatan jiwa yang mempercepat proses penyembuhan berterusan. Namun langkah ini juga tertakluk kepada hidayah yang Allah SWT kurniakan kepada individu tersebut diikuti dengan himmah yang tinggi serta azam yang kuat dan bulat. Hal ini adalah kerana amalan al-khalwah ini sebahagian proses penyucian jiwa ini mampu membuahkann ketenangan dan kebahagiaan hidup seseorang di dunia mahupun di akhirat. Asas utama psikoterapi ini dicadangkan menjadi satu alternatif dalam merealisasikan konsep psikoterapi Islam. Hal ini adalah kerana dalam amalan al-khalwah terdapat amalan zikir dan tafakkur yang diamalkan merangkumi keseluruhan konsepnya meliputi teori, metode dan pendekatan praktikal atau amalan secara berterusan, konsisten lagi serius yang boleh memberi kesan positif dalam pembentukan personaliti dan spiritual ulul albab. Ini telah dibuktikan di dalam al-Quran dan Hadis serta dalam sejarah dunia Islam. Selain itu, amalan al-khalwah wajar dijadikan alternatif dalam merawat rohani masyarakat muslim. Di kala dunia menghadapi masalah kecelaruan dan kepincangan, setiap masalah yang timbul perlu diselesaikan daripada akar umbinya. Setiap pelakuan manusia adalah berasal daripada dorongan dalaman diri. Maka, untuk merawat kesan buruk yang terzahir daripada tingkah laku seseorang, rawatan intensif terhadap aspek rohani perlu dititik beratkan. Oleh itu, sebagai umat Islam perlulah melihat aspek psikologi dan psikoterapi ini melalui kaca mata agama Islam itu sendiri yang dilunasi oleh Al-Quran dan As-sunnah. Allah SWT menciptakan manusia dan jin melainkan untuk beribadah kepada-Nya.

## Rujukan

- Abd al-Haiy al-Kattani, 1982. *Fihris al-Fabaris*, Jilid 2. Dar al-Gharb al-Islami, Beirut.
- Abu Ḥamid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazali (1986). Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Ghazali, Rawḍah al-Ṭalibin wa 'Umdah al-Salikin. (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Baihaqi. 2003. *al-Syu'b al-Iman*. Maktabah al-Rusyd. Riyadh.
- Al-Jurjani, 'Ali Ibn Muhammad. 1405H. *al-Ta'rifat*. Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut
- Al-Khani, Muhammad ibn 'Abdullah. 2005. *al-Bahjah al-Saniyyah Fi Adab al-Tariqah al-'Aliyyah al-Khalidiyyah al-Naqshabandiyyah*. Istanbul: Maktabah al- Haqiqah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya ibn Sharaf. 1997. *al-Majmu' Syarh al-Mubazzab*. Dar al-fikr. Beirut.
- Che Zarrina Sa'ari (2016). Jurnal Program Zikrullah Dan Aktiviti Kerohanian Asas Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian (PP) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam, 6, 103.
- Che Zarrina Saa'ri dan Joni Tamkin Borhan (2008). Relationship Between Sufism and Islamic Psychospirituality” dlm. Akbar Husain et al. (ed) Horizon of Spiritual Psychology. India: Global Vision Publishing House.
- Dr. Hasan 'Azzuzi. 2001. *Al-Syeikh Ahmad bin 'Ajibah wa Manhajuh fi al-Tafsir, Wizarah al-Auqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah*, Ribat, Moroko.
- Drs. Untung Joko Basuki (2013). M. Pd. I, Psikoterapi Islam Melalui Metode Sufistik Mengatasi Gangguan Kejiwaan. (Laporan Penelitian, Yokyakarta, Fakultas Teknologi Industri Institut Sains dan Teknologi. AKPRIND.
- Hairunas Rejab (2006). Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental, Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya.
- Herman Alfari (2013). Makna Tafakkur Dalam Al-Quran. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Riau, Indonesia : Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Ibn 'Ajibah, Ahmad ibn Muhammad ibn 'Ajibah al-Hasaniy (t.th.), Iqaz al-Himam Fi Syarhal-Hikam, Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn 'Ajibah. 1999. *al-Babr al-Madid fi Tafsir al-Quran al-Majid*. Kaherah.
- Ibn 'Ajibah, 1990, *Fabrassa*, Darul Ghad al-Arabi. Kaherah.
- Ibn 'Ajibah, Ahmad Bin Muhammad Bin 'Ajibah al-Hasani. 2005. *Iqaz al-Himam fi Sharh al-Hikam*. Kaherah: Dar al-Khair. Beirut.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. 1379H. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Marifah. Beirut.
- Ibn Hibban. 1993. *Sahih Ibn Hibban*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Mohd Afifuddin Mohamad, dan Azizi Che Seman (2014). Penerapan Agama dalam Modul Psikospiritual dan Kesannya Terhadap Kesihatan Spiritual: Kajian Kes Kompleks Dar Assaadah Kuala Lumpur, Jurnal Syariah Malaysia.
- Khamsiah Ismail (2008). Islamic Spiritual Psychoteraphy : The Client's Role dlm. AkbarHusain et al. (ed.) Horizon of Spritual Psychology. India: Global Vision Publishing House.
- M Amin Syukur (2012), Sufi Healing : Terapi dalam Literatur Tasawuf.
- M. Hamdani Bakhran Adz-Dzaky (2001). Psikoterapi dan Kaunseling Islam. Yogyakarta: Fajar Pustaka.
- Mohd Syukri Zainal Abidin, Che Zarrina Sa'ari & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman (2018). Jurnal Pendekatan Psikoterapi Islam Terhadap Kanak-Kanak Muslim Autistik.
- Salasiah Hanin Hamjah (2016). Pendekatan Kaunseling Spiritual menurut Al-Ghazali. Kuala Lumpur: Mahkota Enterprise.
- Sharifah Basirah Syed Muhsin dan Che Zarrina Sa'ari (2015), Kaedah Psikoterapi Islam berdasarkan Konsep Maqamat Abu Talib al-Makki. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zarruq. Abu al-'Abbas Ahmad ibn Ahmad Bin Muhammad Bin 'Isa Zarruq al-Fasi. 2005. *Qawa'id al-Tasawwuf. Cetakan Kedua*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.

## BAB 12

### MEMBANGUN KEHARMONIAN SOSIAL MELALUI MEDIUM PENGUBATAN ISLAM RUQYAH SYARIYYAH: APLIKASI METODE DAKWAH AYAT 125 SURAH AN-NAHL DALAM KONTEKS KOMUNITI ORANG ASLI SELANGOR

Mohamad Haslan Mokhtar<sup>1</sup>, Syarul Azman Shaharuddin<sup>2</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>3</sup>,  
Zulkefli Aini<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>2</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>3</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>4</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

#### Pengenalan

Keharmonian sosial merupakan elemen penting dalam pembangunan masyarakat yang stabil dan sejahtera. Ia melibatkan interaksi yang selaras antara individu-individu dari pelbagai latar belakang, budaya, dan kepercayaan (Nazmi et. al., 2020). Di Malaysia, kepelbagaian etnik dan keagamaan merupakan ciri utama masyarakat, menjadikan pemeliharaan keharmonian sosial sebagai satu cabaran yang penting (Nur Farhana et. al., 2020)

Menurut Zulkifli Aini et. al. (2018), dalam konteks ini, agama sering berperanan sebagai pemangkin keharmonian sosial dengan menyediakan nilai-nilai yang mendorong toleransi, penghargaan terhadap perbezaan, dan saling menghormati antara ahli masyarakat. Dalam Islam, konsep dakwah atau penyampaian ajaran agama juga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan keharmonian sosial.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّهِمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya:

*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.*

Surah an-Nahl ayat 125 telah menyediakan panduan yang jelas dalam aspek penyampaian dakwah, dengan menekankan pendekatan yang lemah lembut dan bijaksana (Abdul Ghafar Don, 2010). Penerapan metode dakwah ini boleh dilakukan seperti melalui medium pengubatan Islam *Ruqyah Syariyyah*, yang bukan sahaja membantu dalam aspek kesihatan rohani, tetapi juga menyumbang kepada keharmonian sosial dalam masyarakat (Walit, 2020 & Mulyana, 2018)

Penulisan ini bertujuan untuk meneliti pembentukan keharmonian sosial melalui aplikasi metode dakwah ayat 125 dalam Surah an-Nahl, khususnya melalui medium pengubatan Islam *Ruqyah*

*Syariyyah*, bagi masyarakat Orang Asli di Selangor. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana pendekatan dakwah melalui medium pengubatan Islam *Ruqyah Syariyyah* dapat menyumbang kepada pemeliharaan keharmonian sosial dalam konteks masyarakat yang pelbagai budaya dan kepercayaan.

### **Pengubatan Islam Ruqyah Syariyyah**

Pengubatan Islam adalah satu bentuk perawatan yang menggunakan prinsip-prinsip dan ajaran Islam untuk menyembuhkan penyakit fizikal, mental, dan rohani. Ia merangkumi pelbagai bentuk rawatan, termasuk penggunaan ayat-ayat Al-Quran, doa-doa, dan amalan-amalan spiritual yang lain. Pengubatan Islam sering dianggap sebagai alternatif atau pelengkap kepada perubatan moden, dengan fokus pada keselarasan antara tubuh dan rohani serta keyakinan kepada kuasa penyembuhan dari Allah (Haron Din, 2011).

Salah satu metode pengubatan Islam yang paling menonjol adalah *Ruqyah Syariyyah*. *Ruqyah Syariyyah* merujuk kepada proses penyembuhan dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW. Metode ini telah digunakan sejak zaman Rasulullah SAW dan dianggap sebagai salah satu cara yang sah untuk mengusir gangguan jin, sihir, dan penyakit yang disebabkan oleh faktor spiritual (Haron Din, 2012). Menurut Haron Din (2012), *Ruqyah Syariyyah* melibatkan pembacaan ayat-ayat tertentu dari Al-Quran dengan niat untuk menyembuhkan penyakit dan memohon perlindungan daripada Allah.

*Ruqyah Syariyyah* tidak hanya fokus pada penyembuhan penyakit fizikal tetapi juga menangani masalah psikologi dan spiritual. Amalan ini melibatkan keyakinan yang kuat terhadap kuasa Allah dan keberkesanan ayat-ayat Al-Quran sebagai penawar segala penyakit. Kajian oleh Kabul Wibowo (2019) menunjukkan bahawa *Ruqyah Syariyyah* dapat meningkatkan ketenangan jiwa dan mengurangkan gejala-gejala tekanan dan kebimbangan. Selain itu, *Ruqyah Syariyyah* juga digunakan untuk memulihkan hubungan yang tegang dan meningkatkan keharmonian dalam masyarakat melalui proses spiritual yang mendalam.

Dalam konteks komuniti, *Ruqyah Syariyyah* memainkan peranan penting dalam menguatkan keimanan individu dan memupuk rasa kebersamaan. Pengamal *Ruqyah* sering bekerjasama dengan masyarakat untuk mengadakan sesi penyembuhan secara berkumpulan, yang bukan sahaja memberi manfaat kepada individu tetapi juga kepada komuniti secara keseluruhan. Sesi-sesi ini biasanya diadakan di masjid atau pusat komuniti, di mana orang ramai dapat berkumpul dan mendapat rawatan sambil mendengar ceramah agama yang memberi inspirasi (Walit, 2020). Ini bukan sahaja membantu dalam penyembuhan fizikal tetapi juga memperkuat ikatan sosial dan keagamaan dalam komuniti.

### **Pembentukan Keharmonian Sosial dalam Islam**

Pembentukan keharmonian sosial dalam Islam merupakan satu aspek penting yang menggariskan nilai-nilai keselamatan, keserasian, dan kesejahteraan dalam masyarakat. Prinsip-prinsip keadilan, kasih sayang, dan saling menghormati antara individu ditekankan dalam agama Islam untuk mencapai keharmonian sosial yang seimbang (Nazmi et. al., 2020). Keselarasan ini tercermin dalam ajaran Islam yang menekankan konsep ukhuwah (persaudaraan) di antara masyarakat, tanpa mengira perbezaan etnik, bangsa, atau kedudukan sosial. Dalam al-Quran surah al-Hujarat ayat ke-13, Allah SWT telah berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا ۖ وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَىٰ ۚ إِنَّ

اللَّهُ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya:

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”*

Selain daripada itu, Islam juga memberikan penekanan terhadap pentingnya menegakkan keadilan sosial dalam masyarakat (Mohammad Naqib et. al., 2018). Hal ini merujuk kepada perlaksanaan hukum-hukum yang adil dan seimbang bagi semua golongan tanpa mengira latar belakang atau kedudukan mereka dalam masyarakat. Justeru, dengan menegakkan keadilan sosial, keharmonian antara ahli masyarakat dapat terjaga dengan baik dan konflik dapat dihindari (Nazmi et. al., 2020).

Dakwah dalam Islam juga merupakan satu kaedah penting dalam membentuk keharmonian sosial (Aliasan, 2011). Surah an-Nahl ayat 125 menyeru umat Islam untuk berdakwah dengan cara yang bijaksana dan hikmah, yang mana melalui pendekatan yang bersahaja dan menginsafi, masyarakat dapat lebih terbuka terhadap nilai-nilai kebenaran dan kebaikan. Dengan itu, dakwah bukan hanya menjadi satu usaha untuk memperkukuhkan keimanan individu, tetapi juga untuk membentuk masyarakat yang harmoni dan saling memahami (Siti Hotiza et. al., 2022).

Selain daripada itu, Islam juga mengajar tentang pentingnya toleransi antara sesama manusia tanpa mengira latar belakang etnik atau kepercayaan. Konsep ukhuwah (persaudaraan) dalam Islam menggalakkan hubungan yang harmoni antara individu dan masyarakat. Rasulullah s.a.w. telah mengajar bahawa umat Islam adalah seperti satu badan yang apabila sebahagiannya sakit, seluruh badan akan merasakan kesakitan. Oleh itu, keharmonian sosial dalam Islam tidak hanya melibatkan hubungan antara individu Muslim, tetapi juga meluas kepada hubungan dengan masyarakat yang lain (Zulkifli Aini & Wan Nurul Anis, 2018).

Penekanan terhadap amalan akhlak yang mulia juga merupakan satu strategi dalam pembentukan keharmonian sosial dalam Islam. Islam menitikberatkan pentingnya memelihara hubungan baik dengan Allah SWT dan dengan sesama makhluk. Rasulullah s.a.w. bersabda, *"Aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia"*. (Al-Muwatta, 1614). Dengan memperbaiki akhlak individu, masyarakat akan dihayati dengan nilai-nilai seperti kasih sayang, kejujuran, dan keadilan, yang merupakan asas kepada keharmonian sosial dalam masyarakat. Saranan ini telah jelas disebutkan oleh Allah SWT dalam al-Quran surah an-Nahl ayat 90.

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi bantuan kepada kaum kerabat, dan melarang dari perbuatan keji, kemungkaran, dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepada kamu agar kamu dapat mengambil pelajaran”*

Berdasarkan ayat ini Islam telah menggariskan prinsip-prinsip yang penting dan memberi penekanan dalam kehidupan bermasyarakat seperti keadilan, kejujuran, kasih sayang dan kemaafan yang semuanya adalah asas kepada keharmonian sosial.

Melalui dakwah yang bijaksana, pengamalan *Ruqyah Syariyyah*, toleransi antara sesama manusia dan pemeraksanaan amalan akhlak yang mulia, Islam telah menyediakan kerangka yang holistik untuk membentuk keharmonian sosial dalam masyarakat. Dengan mengaplikasikan nilai-nilai ini

dalam medium penguatan Islam *Ruqyah Syariyyah* bagi masyarakat Orang Asli di Selangor, diharapkan dapat tercipta sebuah masyarakat yang aman, harmoni dan sejahtera.

### Masyarakat Orang Asli Di Selangor

Menurut laporan JAKOA negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan (2014), di negeri Selangor terdapat tiga suku kaum masyarakat Orang Asli yang mendiami negeri ini. Suku kaum Semai, Temuan dan Mah Meri. Suku kaum Mah Meri menetap di Pulau Carey, dalam daerah Klang. Manakala bagi suku kaum Temuan, mereka boleh didapati hampir di seluruh daerah di Selangor. Kaum Temuan dan Mah Meri merupakan dua suku kaum yang utama di negeri Selangor. Manakala bagi kaum Semai, mereka boleh didapati di Hulu Selangor dan mereka merupakan masyarakat Orang Asli minoriti di mana hanya terdapat dua buah perkampungan sahaja.

**Jadual 1: Statistik Kependudukan Masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor**

Bil	Daerah	Bilangan Kampung	Bilangan Penduduk	Bilangan Ketua Isi Rumah	Bilangan Ahli Isi Rumah
1.	Hulu Langat	9	2597		
2.	Hulu Selangor	16	4638		
3.	Selangor	15	3637		
4.	Kuala Langat	19	5810	6188	14,773
5.	Klang	3	397		
6.	Gombak	8	2317		
7.	Petaling	4	1565		
<b>JUMLAH:</b>		<b>74</b>	<b>20,961</b>	<b>6188</b>	<b>14,773</b>

Sumber: [www.data.gov.my](http://www.data.gov.my) (2022)

Berdasarkan Jadual 1, statistik kependudukan masyarakat Orang Asli (OA) di Negeri Selangor menunjukkan bahawa terdapat 74 kampung OA dengan jumlah penduduk keseluruhan sebanyak 20,961 orang. Daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi ialah Kuala Langat dengan 5,810 penduduk, diikuti oleh Hulu Selangor (4,638 penduduk) dan Sepang (3,637 penduduk). Hulu Langat memiliki bilangan kampung paling sedikit dengan hanya 9 kampung tetapi mempunyai jumlah penduduk yang signifikan iaitu 2,597 orang. Sebaliknya, Klang mempunyai jumlah kampung dan penduduk yang paling sedikit dengan 3 kampung dan 397 penduduk. Statistik ini mencerminkan taburan penduduk OA yang berbeza-beza di setiap daerah, dengan beberapa daerah menunjukkan populasi yang lebih padat berbanding yang lain.

Menurut [data.gov.my](http://data.gov.my) (2022), jumlah populasi masyarakat Orang Asli di Selangor mencapai 20,961 orang, di mana sejumlah tersebut iaitu 5,512 orang telah memeluk agama Islam. Dalam negeri Selangor, Ahmad Fauzi Sahar et. al., (2017) melaporkan terdapat 74 perkampungan Orang Asli yang diselia oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) tetapi hanya 44 daripadanya yang memiliki surau. Beberapa daripada masjid dan surau yang aktif di perkampungan Orang Asli termasuk KOA Ulu Kuang, KOA Ulu Batu, KOA Batu 12 Gombak, KOA Tongkah, KOA Pulau Kempas, KOA Bukit Serdang, KOA Kepau Laut, KOA Sungai Judah, KOA Kolam Air, KOA Sungai Pelek, KOA Rasau Hilir, KOA Desa Temuan, KOA Bukit Bandaraya, KOA Tun Abdul Razak, KOA Sungai Jang, KOA Broga, KOA Sungai Gabai, KOA Pangsun, KOA Sungai Lalang, dan sebagainya.



Menurut Abdul Ghafar Don et. al. (2014), di negeri Selangor pola agama Orang Asli dibahagikan kepada animisme iaitu sebanyak 70 peratus, Islam 15 peratus dan lain-lain agama iaitu Kristian, Hindu, Buddha adalah sebanyak 15 peratus. Berdasarkan pola ini didapati sebahagian besar masyarakat Orang Asli di negeri Selangor masih berpegang dengan kepercayaan animisme dalam kehidupan mereka (Che Nur Hasanah et. al., 2018).

Menurut Abdul Ghafar Don et. al. (2014), pengalaman beliau serta maklum balas dari pelbagai agensi agama menunjukkan bahawa tahap kefahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan Orang Asli muslim masih lemah. Kebanyakan dari mereka mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang muslim, termasuk ibadat seperti solat, puasa, akikah, dan korban. Ibadat-ibadat ini biasanya dilaksanakan hanya semasa upacara rasmi atau program di perkampungan Orang Asli. Ini menunjukkan keperluan untuk meningkatkan pemahaman dan amalan agama dalam kalangan masyarakat Orang Asli muslim.

Salah satu aspek penting dalam kehidupan Orang Asli di Selangor adalah hubungan mereka dengan alam sekitar. Mereka bergantung kepada sumber semula jadi untuk keperluan harian seperti makanan, ubat-ubatan, dan bahan binaan. Kajian-kajian yang dibuat menunjukkan bahawa amalan tradisional mereka dalam pemuliharaan hutan memberikan sumbangan besar kepada pemeliharaan biodiversiti di negeri ini (Haliza, 2018).

Pendidikan dan kesihatan adalah dua bidang yang memerlukan perhatian khusus dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Walaupun terdapat usaha kerajaan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan, masih terdapat cabaran seperti kemiskinan dan kekurangan kemudahan asas yang menghalang pencapaian pendidikan mereka. Menurut laporan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, kadar keciciran sekolah dalam kalangan Orang Asli adalah lebih tinggi berbanding dengan penduduk umum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Dari segi kesihatan, masyarakat Orang Asli sering berdepan dengan masalah kesihatan yang berkaitan dengan pemakanan dan penyakit berjangkit. Kerajaan negeri Selangor bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran dan akses kepada perkhidmatan kesihatan bagi komuniti ini. Laporan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan peningkatan dalam akses perkhidmatan kesihatan sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022).

Kesimpulannya, masyarakat Orang Asli di Selangor adalah sebahagian penting daripada warisan budaya negeri ini. Walaupun mereka menghadapi pelbagai cabaran, terdapat usaha berterusan oleh kerajaan dan pelbagai organisasi untuk meningkatkan kualiti hidup mereka. Penyelidikan dan program intervensi yang berterusan diperlukan untuk memastikan kemajuan yang lebih menyeluruh dalam bidang pendidikan, kesihatan, dan pemuliharaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Selangor.

### **Metode Dakwah Ayat 125 dalam Surah An-Nahl**

Surah an-Nahl ayat 125 adalah satu ayat yang penting dalam al-Quran yang memberikan panduan kepada umat Islam tentang bagaimana untuk berdakwah dengan bijak dan efektif (Ghafar Don, 2010). Dalam ayat ini Allah SWT menyuruh umat Nabi Muhammad SAW untuk berdakwah kepada mereka dengan hikmah dan pelbagai cara yang baik. Ayat ini memberi

penekanan kepada pentingnya pendekatan yang lembut, bijak, dan strategik dalam menyampaikan agama Islam kepada orang lain (Sufian Suri, 2022). Melalui pengamalan pengubatan Islam *Ruqyah Syariyyah* yang berlandaskan pembacaan ayat-ayat suci al-Quran, masyarakat Orang Asli di Selangor dapat didekati dengan penuh bijaksana dan berhikmah. Ini secara tidak langsung membuka jalan kepada pemahaman dan penerimaan yang lebih mendalam terhadap kepercayaan dan amalan tradisional mereka.

Pentingnya pendekatan yang lembut dan bijak dalam berdakwah yang disebutkan dalam ayat tersebut memberi pengajaran kepada umat Islam bahawa dakwah tidak semestinya melalui kaedah yang keras atau memaksakan pendapat. Sebaliknya, dakwah haruslah dilakukan dengan penuh hikmah, kesabaran, dan kesantunan untuk memenangi hati orang lain (Mariam & Marlon, 2014). Dalam konteks masyarakat Orang Asli di Selangor, di mana budaya dan kepercayaan tradisional mereka mungkin berbeza dengan Islam, pendekatan yang bersifat persuasif dan penyelarasan dengan budaya tempatan sangat penting.

Ruqyah Syariyyah adalah salah satu medium pengubatan Islam yang digunakan untuk merawat penyakit fizikal dan rohani dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW (Haron Din, 2011). Dalam konteks masyarakat Orang Asli di Selangor, pengamalan Ruqyah Syariyyah dapat menjadi *platform* untuk memperkenalkan ajaran Islam kepada mereka secara tidak langsung melalui pengalaman mereka dalam proses penyembuhan. Ini kerana penggunaan Ruqyah Syariyyah boleh memberikan manfaat yang nyata kepada masyarakat Orang Asli dalam merawat penyakit serta memberi mereka pengalaman yang positif dengan ajaran Islam.

Tambahan pula, dakwah melalui pengubatan Islam *Ruqyah Syariyyah*, pengamal dan perawat pengubatan Islam dapat mendekati masyarakat Orang Asli secara peribadi dan memberikan penjelasan tentang ajaran Islam dalam suasana yang santai dan mesra. Ini adalah selaras dengan ajaran dalam Surah an-Nahl ayat 125 yang menitikberatkan kepentingan untuk berdakwah dengan hikmah dan pelbagai cara yang baik. Pendekatan peribadi seperti ini dapat membantu membangun hubungan yang kuat antara pendakwah dengan masyarakat Orang Asli, serta memudahkan proses penyebaran dakwah yang lebih efektif (Ismail Naim & Ghafar Don, 2019).

Rujukan kepada ulama dan kitab-kitab rujukan Islam yang sahih juga penting dalam mengimplementasikan metode dakwah melalui Ruqyah Syariyyah. Dengan merujuk kepada sumber-sumber yang dipercayai, pendakwah dan pengamal pengubatan Islam dapat memastikan bahawa amalan *Ruqyah Syariyyah* dilakukan dengan betul dan mengikut ajaran Islam yang sebenar. Ini dapat membantu mengelakkan penyelewengan dalam pengamalan agama dan memastikan bahawa dakwah yang disampaikan adalah bersih dari unsur bid'ah atau kepercayaan yang salah (Haron Din, 2012).

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa Surah an-Nahl ayat 125 memberikan panduan yang penting kepada umat Islam tentang bagaimana untuk berdakwah dengan bijak dan efektif. Dalam konteks masyarakat Orang Asli di Selangor, penggunaan metode dakwah melalui medium pengubatan Islam *Ruqyah Syariyyah* dapat menjadi *platform* yang berkesan untuk memperkenalkan ajaran Islam kepada mereka secara bijaksana dan berkesan. Dengan pendekatan yang lembut, pengamalan *Ruqyah Syariyyah* dapat membantu membina keharmonian sosial antara umat Islam dan masyarakat Orang Asli serta memperkukuhkan hubungan yang baik antara keduanya.

## **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian yang digunakan dalam kertas kerja ini merangkumi pelbagai pendekatan bagi memahami pembentukan keharmonian sosial dengan mengimplementasikan metode dakwah dalam Surah an-Nahl ayat 125 melalui medium pengubatan Islam Ruqyah Syariyyah bagi masyarakat Orang Asli di Selangor. Pertama sekali, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Dalam kajian kes ini, pengkaji melakukan temubual mendalam dengan lima orang pendakwah yang terlibat secara langsung dalam pengubatan Islam. Menurut Merriam (1998), pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik untuk mendalami pemahaman informan terhadap fenomena yang dikaji.

Penggunaan soal selidik sebagai sumber data sokongan dalam kajian ini memberikan gambaran yang lebih meluas tentang persepsi dan pengalaman masyarakat terhadap pengubatan Islam Ruqyah Syariyyah. Ini sejajar dengan pandangan Creswell (2007) yang menyatakan bahawa soal selidik adalah *supplementary* yang berkesan bagi membantu pengkaji memahami sesuatu fenomena yang berlaku serta boleh menjadi bukti data sebenar yang dapat dilihat, dirasa, dan dipegang. Dalam masa yang sama, penggunaan soal selidik ini membolehkan analisis data yang terus tanpa perlu membuat transkripsi seperti dalam kaedah temu bual. Data sokongan dalam kajian ini diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada 94 responden dari kalangan masyarakat Orang Asli yang pernah menerima khidmat rawatan Islam.

Kajian ini dijalankan terhadap masyarakat Orang Asli yang tinggal di negeri Selangor dengan melibatkan daerah Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang. Pengkaji memutuskan untuk memilih perkampungan Orang Asli yang aktif dalam menjalankan program-program Islami seperti perkampungan Orang Asli Sungai Melut (Sepang), perkampungan Orang Asli Bukit Bangkong Kolam Air (Sepang), perkampungan Orang Asli Telok Tongkah (Kuala Langat), perkampungan Orang Asli Bukit Kemandol (Kuala Langat), perkampungan Orang Asli Kuala Pangson (Hulu Langat) dan perkampungan Orang Asli Sungai Gabai (Hulu Langat). Pemilihan lokasi ini didasarkan kepada tiga prinsip utama iaitu kawasan perkampungan yang didominasi oleh saudara baru Orang Asli. Kedua ialah, keaktifan penggerak masyarakat dalam menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan dan yang terakhir ialah penglibatan penggerak masyarakat dalam menyediakan rawatan Islam secara tidak formal, seperti menyediakan air penawar khas untuk kanak-kanak.

Dengan menggunakan pelbagai pendekatan metodologi ini, diharapkan kajian ini dapat memberikan pemahaman yang holistik dan mendalam tentang kesan serta keberkesanan penggunaan metode dakwah dalam Surah an-Nahl ayat 125 melalui medium pengubatan Islam Ruqyah Syariyyah dalam membentuk keharmonian sosial dalam masyarakat Orang Asli di Selangor.

## **Dapatan Kajian**

Dalam kajian ini, didapati bahawa penggunaan metode dakwah yang berdasarkan Surah an-Nahl ayat 125 telah membawa kesan yang signifikan terhadap masyarakat Orang Asli di Selangor. Penekanan terhadap ayat tersebut yang menggalakkan dakwah secara hikmah dan bijaksana telah memperluaskan pemahaman mereka terhadap ajaran Islam serta meningkatkan kefahaman akan konsep keharmonian sosial dalam agama Islam. Menurut Zulkifli Mohamad (2022), seperti yang disebutkan oleh al-Qurtubi dalam tafsirnya *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, ayat ini menyeru umat Islam untuk berdakwah dengan cara yang lemah lembut dan berhikmah tanpa fitnah dan kekerasan sesuai dengan situasi dan keadaan masyarakat yang berbeza-beza. Menurutnya lagi, orang-orang Islam perlu diberi peringatan sehingga hari kiamat, kerana ia merupakan ketetapan yang tegas terhadap orang-orang yang bermaksiat dalam kalangan orang-

orang yang mentauhidkan Allah SWT. Hal ini sejajar dengan pendekatan yang diambil dalam pengubatan Islam ruqyah syariyyah, di mana pesan-pesan agama disampaikan melalui medium pengubatan yang mengikut sunnah dan syariat Islam (Walit,2020).

Kajian ini juga menunjukkan bahawa metode dakwah dalam pengubatan Islam *ruqyah syariyyah* membuka peluang kepada pendakwah untuk menyampaikan nilai-nilai keagamaan kepada masyarakat Orang Asli secara lebih efektif. *Ruqyah syariyyah* tidak hanya digunakan sebagai rawatan penyakit rohani tetapi juga sebagai bentuk dakwah yang membantu masyarakat memahami Islam dengan lebih mendalam (Mulyana, 2018). Dengan pendekatan ini, nilai-nilai keagamaan dapat disampaikan secara teratur dan mudah difahami oleh masyarakat Orang Asli. Kenyataan ini dapat dilihat daripada temubual bersama informan-informan yang terlibat dalam kajian ini.

*“secara tak langsung ada, disamping kita merawat mereka, disamping kita berinteraksi dengan mereka, kita juga perlu selitkan bahawa kesembuhan dan kesihatan ini datangnya daripada Allah SWT” (Informan 4, 05:11, 2022)*

*“kesembuhan hak Allah, Allah yang sembuhkan bukan saya sembuhkan? Haa.. ya la, kita Cuma bantu ja, Allah yang tu kan, bagitau dekat dia” (Informan 5, 07:45, 2022)*

*“...yang memberi sembuh ni ialah kita punya tuhan. Allah yang memberi sembuh walaupun kita berusaha begitu begini kalau keizinan tanpa keizinan daripada Allah untuk sembuhkan kita, kita tak akan sembuh walaupun dia Muslim atau non-Muslim” (Informan 1, 05:37, 2022)*

Kenyataan yang disampaikan oleh informan-informan menunjukkan pemahaman yang mendalam mengenai hubungan antara usaha manusia dalam merawat kesihatan dengan kuasa dan kehendak Allah SWT. Mereka mengakui bahawa walaupun kita berusaha merawat orang yang sakit dan memberikan bantuan, kesembuhan sebenarnya datangnya dari Allah SWT. Ini menggariskan pentingnya pengakuan akan kuasa Ilahi dalam setiap aspek kehidupan manusia, termasuk dalam bidang kesihatan. Hal ini juga memupuk sikap rendah diri dan ketakwaan terhadap Allah SWT, yang mendorong manusia untuk mengakui keterbatasan mereka sendiri dan bergantung sepenuhnya kepada kehendak-Nya.

Pemahaman yang mendalam mengenai hubungan antara usaha manusia dalam merawat kesihatan dengan kuasa dan kehendak Allah SWT, seperti yang dinyatakan dalam kenyataan informan-informan, memberi landasan yang kukuh bagi pembangunan keharmonian sosial melalui medium pengubatan Islam, khususnya *ruqyah syariyyah*. Pengakuan bahawa kesembuhan sebenarnya datangnya dari Allah SWT mengajarkan manusia untuk menghormati kekuasaan-Nya dan untuk tidak mengandalkan kekuatan manusia semata-mata. Ini membantu mengurangkan kesombongan dan memupuk sikap rendah diri serta ketaatan terhadap ajaran agama.

Tambahan pula, penggunaan metode dakwah dalam Surah an-Nahl ayat 125 juga telah membantu memperkuat hubungan sosial antara masyarakat Orang Asli di Selangor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pesan-pesan yang disampaikan melalui medium *ruqyah syariyyah* tidak hanya memberi impak positif terhadap individu yang dirawat, tetapi juga terhadap komuniti secara keseluruhan. Hal ini sejajar dengan pandangan Al-Attas yang menggariskan pentingnya keharmonian sosial dalam Islam, di mana dakwah yang dibawa secara bijaksana dan hikmah akan

membawa kepada peningkatan kefahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai murni Islam, serta memperkukuhkan hubungan antara sesama manusia (Mastura & Wan Mohd Fazrul, 2021). Sebagai contoh, analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa wujudnya penerapan nilai-nilai akhlak islami sepertimana dalam kenyataan temubual bersama informan.

*“Kalau ada perempuan, ada suami sekali, kita pesan aa.. awak kena bawak pasangan, pakaian menutup aurat, jadi secara tak langsung dia melibat ouhh.. ini perubahan Islam. Kita pakai sarung tangan, lapik pakai sarung tangan aa.. kita mintak izin kat dia. Kita nak berubat pulak, jangan bilik tu tertutup, kena terbuka” (Informan 5, 20:36, 2022)*

Berdasarkan kenyataan informan di atas, terdapat beberapa aspek penting yang perlu diberi perhatian. Contohnya, semasa sesi rawatan adalah penting untuk mematuhi adab-adab Islam seperti:

- i. *Kebadiran Pasangan atau Ahli Keluarga Mahram*: Penting untuk membawa pasangan atau ahli keluarga yang dianggap mahram semasa sesi rawatan. Ini bertujuan untuk menjaga kesopanan dan keamanan semasa proses pengubatan.
- ii. *Menutup Aurat*: Perlu memastikan penutup aurat semasa sesi rawatan. Ini menunjukkan penghormatan terhadap ajaran Islam yang menekankan perlunya menutup aurat bagi wanita dan lelaki.
- iii. *Meminta Izin*: Sebelum melakukan rawatan, perlu meminta izin dari individu yang akan dirawat. Ini menunjukkan sikap hormat dan penghargaan terhadap individu yang akan menerima rawatan.
- iv. *Penggunaan Sarung Tangan*: Menggunakan sarung tangan semasa proses pengubatan adalah penting untuk menjaga kebersihan dan kebersihan proses rawatan.
- v. *Ruangan Terbuka*: Amalan membuka ruangan semasa sesi rawatan menunjukkan ketelusan dan kejujuran dalam proses pengubatan. Ini juga memberi rasa keselesaan kepada individu yang dirawat.

Dengan mengamalkan nilai-nilai akhlak Islami seperti yang disebutkan di atas, proses pengubatan Islam *ruqyah syariyyah* dapat membantu memelihara keharmonian sosial dalam masyarakat Orang Asli. Melalui pendekatan yang dipenuhi dengan rasa hormat, menjaga kebersihan dan kepatuhan kepada ajaran agama, orang Asli dapat memperoleh kepercayaan dalam proses pengubatan tersebut. Ini bukan sahaja menguatkan ikatan keagamaan dalam komuniti, tetapi juga memupuk rasa saling menghormati antara sesama anggota masyarakat. Dengan demikian, amalan ini tidak hanya membawa manfaat kesihatan fizikal dan mental, ironinya juga membina asas yang kukuh untuk keharmonian dan kesejahteraan sosial dalam masyarakat Orang Asli.

Menyedari hakikat di atas, penggunaan metode dakwah dalam Surah an-Nahl ayat 125 melalui medium pengubatan Islam *ruqyah syariyyah* telah membawa impak positif dalam pembentukan keharmonian sosial di kalangan masyarakat Orang Asli di Selangor. Hal ini membuktikan bahawa pendekatan dakwah yang berteraskan ajaran Islam dapat menjadi pemangkin kepada pemahaman agama yang lebih mendalam serta memperkukuhkan hubungan sosial dalam masyarakat (Nazmi et. al., 2020). Oleh itu, tindakan untuk terus menggalakkan penggunaan metode dakwah melalui medium pengubatan yang berlandaskan ayat-ayat suci Al-Quran merupakan langkah yang relevan dalam memperjuangkan keharmonian sosial dalam masyarakat.

## Perbincangan, Implikasi Dan Cadangan

Dalam konteks pembentukan keharmonian sosial dalam masyarakat Orang Asli di Selangor, implementasi metode dakwah dalam Surah an-Nahl ayat 125 melalui medium pengubatan Islam *ruqyah syariyyah* merupakan satu pendekatan yang berpotensi memberi impak positif. Dakwah melalui medium pengubatan Islam *ruqyah syariyyah* kepada masyarakat Orang Asli dapat diberi penghayatan yang lebih mendalam terhadap ajaran Islam serta pemahaman yang betul mengenai konsep kesembuhan dari perspektif agama. Kajian oleh Amiyati et. al., (2020) dan Albet Diantara (2019) mendapati bahawa terapi *ruqyah syariyyah* bukan sahaja memberi manfaat kepada individu yang mengalami masalah kesihatan bahkan juga berlakunya proses penambahan keyakinan terhadap agama Islam melalui penekanan mengenai tauhid dan nilai-nilai iman.

Bagi mencapai objektif pembentukan keharmonian sosial, penting untuk memahami konteks budaya dan kepercayaan masyarakat Orang Asli (Huzaimah & Che Zarina, 2005). Kajian oleh Abdul Ghafar Don (2010) menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang bersifat inklusif dan menghormati tradisi tempatan mampu mempercepatkan proses penerimaan dan penghayatan ajaran agama Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Oleh itu, dalam menyampaikan *ruqyah syariyyah*, perlu diambil kira nilai-nilai budaya serta tradisi masyarakat Orang Asli bagi memastikan pesanan dakwah dapat diterima dengan baik.

Implikasi penggunaan *ruqyah syariyyah* dalam masyarakat Orang Asli di Selangor juga melibatkan aspek kesejahteraan mental dan emosi. Kajian oleh Al-‘iden Azzis Abdul (2006) menunjukkan bahawa terapi *ruqyah syariyyah* dapat membantu individu mengatasi masalah emosi seperti kebimbangan dan kemurungan. Oleh itu, melalui pendekatan ini, diharapkan masyarakat Orang Asli dapat mencapai keharmonian dalam diri mereka sendiri, yang seterusnya akan memberi kesan positif kepada keharmonian sosial dalam komuniti mereka.

Sebagai cadangan untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan *ruqyah syariyyah* dalam pembentukan keharmonian sosial, perlu dilakukan kerjasama antara agensi kerajaan, NGO, dan tokoh-tokoh masyarakat Orang Asli. Kajian oleh Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2014), menunjukkan bahawa kerjasama antara agensi merupakan faktor penting dalam memastikan keberkesanan program-program pembangunan masyarakat. Dengan demikian, melalui kerjasama ini, usaha menyampaikan *ruqyah syariyyah* dapat dilaksanakan secara holistik dan berkesan bagi meningkatkan keharmonian sosial dalam masyarakat Orang Asli di Selangor.

## Penutup

Penggunaan metode dakwah berdasarkan Surah an-Nahl ayat 125 melalui pengubatan Islam *Ruqyah Syariyyah* telah terbukti menjadi pendekatan efektif dalam membentuk keharmonian sosial di kalangan masyarakat Orang Asli di Selangor. Pengubatan ini tidak hanya memberikan manfaat kesihatan rohani tetapi juga memperkukuhkan keimanan dan kepercayaan mereka terhadap ajaran Islam, dengan cara yang selaras dengan budaya dan kepercayaan tradisional mereka. Dengan demikian, ia berjaya menyatukan masyarakat Orang Asli dalam satu pemahaman yang lebih mendalam mengenai agama dan kehidupan sosial. Pendekatan ini juga mempromosikan nilai-nilai keamanan, toleransi, dan solidariti antara masyarakat Orang Asli dan masyarakat umum di Selangor. Ini menjadikannya langkah proaktif yang memperkukuhkan keharmonian sosial dari perspektif Islam, yang sangat penting dalam membina masyarakat yang aman dan bersatu.

## Rujukan

- Abdul Ghafar Don et. al. (2014). *Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan realiti kefabaman dan penghayatan Islam*. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Ghafar Don. (2010). *Relevansi dan Aplikasi Ayat 125, Surah al-Nabl dalam Konteks Dakwah Serantau*. Al-Hikmah 2: 127-134.
- Ahmad Fauzi, Mustafa Kamal, Mohd Hakim. (2018). Analisis Cabaran Aplikasi Metodologi Maw'izah al-Hasanah Dalam Dakwah. Prosiding Konvensyen Serantau Pengajian Islam Peringkat Antarabangsa Siri ke-4. 2018: 308-316.
- Albet Diantara. (2019). *Nilai Pendidikan Aqidah Dalam Praktek Ruqyah Syar'iyah Alhaq Bengkulu*. Prodi Pendidikan Agama Islam (PAI), Fakultas Tarbiyah & Tadris. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Bengkulu, Indonesia.
- Aliasan. (2011). Metode Dakwah Menurut al-Quran. Jurnal Wardah, No.23: 143-151
- Al-'iden Azzis Abdul bin Andullah. (2006). *Ruqiyah Mengobati Jasmani Dan Rohani Menurut Al-Quran dan Assunah*. Jakarta: Pustaka Iman Asy-Syifa'.
- Amiyati Khusnul Khotimah, Sabdo & Fathur Rohman. (2020). *Upaya Dakwah Jam'iyah Ruqyah ASWAJA di Kecamatan Bangunjero Tahun 2019-2020*.
- Che Nur Hasanah, C. H., Mariam, A. M., & Muhammad Yusuf Marlon, A. (2018). Persepsi masyarakat Orang Asli terhadap Islam di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor. 2(1), 1-14.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among*
- Haliza Abdul Rahman. (2018). *World View Masyarakat Orang Asli dan Pelestarian Alam Sekitar*. Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM) ke-7, 28-29 Julai 2018, Hotel Jayakarta, Lombok, Nusa Tenggara Indonesia.
- Haron Din, Dato', Dr. (2011). *Pengantar Pengubatan Islam. Jilid 1*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa' Berhad.
- Haron Din, Dato', Dr. (2012). *Ke Arab Memartabat dan Memperkasa Pengubatan Islam Sepanjang Hayat*. Kertas kerja utama yang dibentangkan dalam Kongres Pengubatan Islam Nusantara 2012, pada 1 & 2 Disember 2012 di Dewan Kuliah Utama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Huzaimah Ismail & Che Zarina Sa'ari. (2005). *Masyarakat Orang Asli Dan Pembangunan Insaniyah*. Jurnal CITU, 1 (2). pp. 67-82. ISSN 1823-6146.
- Ismail Naim Abdullah dan Abdul Ghafar Don. (2019). *Kepentingan Aspek Pengetahuan dan Kemahiran dalam Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli*. Al-Hikmah Journal of Islamic Dakwah, UKM.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2022). *Populasi Orang Asli di Selangor*. Kuala Lumpur: JAKOA.

- Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2014. *Aktiviti Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan Cabarannya*. Prosiding Bicara Dakwah kali ke 15: Pengurusan Dakwah Kontemporari. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kabul Wibowo. (2019). *Metode Dakwah dengan Pendekatan Ruqyah Syar'iyah Studi Kasus Pada Majelis Zikir al-Rasuli al-Mubammadiyah al-Haqmaliyati di Desa Bengbulang Kecamatan Karangpucung Kabupaten Cilacap*. KOMUNIKA: Jurnal Dakwah dan Komunikasi, 13(1), 33-41.
- Kementerian Kesehatan Malaysia. (2022). Laporan Akses Perkhidmatan Kesehatan bagi Komuniti Orang Asli. Putrajaya: Kementerian Kesehatan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Laporan Kadar Keciciran Sekolah dalam Kalangan Orang Asli. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mariam Abd. Majid & Marlon Pontino Guleng. (2014). *Masjid dan Metodologi Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia: Sorotan Awal*.
- Merriam, B. S. (2001). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. California: Josey – Bass Inco.
- Mastura Abd Wahab & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. (2021). *Konsep Agama, Islam, Ilmu dan Akhlak Oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dalam Islam: Fahaman Agama dan Asas Akhlak*. Article in Ulum Islamiyyah. August 2021. DOI: 10.33102/uji.vol33no2.388
- Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Anuar Ramli, Syamsul Azizul Marinsah, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abdul Razak, Muhammad Izzul Syami Zulkepli & Zulkepli, S. (2018). *Aplikasi Fiqh al-Ta'ayush yang Berorientasikan*
- Muliyana. (2018). *Pelaksanaan Bimbingan Rohani Islam melalui Ruqyah Syar'iyah di Pondok Sehat al-Wahida Kota Banjarmasin*. Universitas Islam Negeri (UIN) Antasari Banjarmasin, Indonesia.
- Nazmi, M., Khalli, M., Sintang, S., & Mainsah, S. A. (2020). Rahmatan Lil 'Alamin: Kerangka Konsep Keharmonian di Malaysia. *Sains Insani* 5 (2), 32-42.
- Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Jaffary Awang, Zul Azmi Yaakob & Shapiee, N.S. (2020). Memahami Agama Lain Asas Toleransi Beragama: Tujuan dan Syarat dari Perspektif Pemimpin Agama di Malaysia. *Akademika*, 90 (2), 165-179
- Siti Hotiza, Faizah binti Awad, Nurdin, Rahmawati, Fatira Wahidah. (2022). Interpretasi Metode Dakwah Dalam al-Quran Surah an-Nahl Ayat 125. *Gunung Djati Conference Series* 8 (2022): 1-23
- Sufian Suri. (2022). Tafsir Dakwah Q.S an-Nahl Ayat 125 dan Relevansinya Dengan Masyarakat. *12, no.2* (2022): 55-73
- Walit Nuril Anwarudin. (2020). *Strategi Dakwah Terapi Qurani Dalam Menanamkan Nilai-nilai Iman Kepada Pasien*. Jurusan Komunikasi & Penyiaran Islam, Fakultas Ushuluddin, Adab dan Dakwah Institut Agama Islam Negeri Ponorogo, Indonesia



Zulkifli Aini & Wan Nurul Anis Wan Ismail. (2018). Pengenalan Kepada Amalan Konsep Fiqh al-Ta'ayush. Zulkifli Aini, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani & Zainab Ismail (eds). Rahmah lil alamin: Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk Malaysia, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 21-35.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2022). *10 Pendakwah: Antara Sifat Yang Diperlukan*. <https://zulkifliabakri.com/pendakwah-antara-sifat-yang-diperlukan/>

**Laman Sesawang:**

[https://data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/kampung-orang-asli](https://data.gov.my/data/ms_MY/dataset/kampung-orang-asli)

<https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/>

## BAB 13

### PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP GOLONGAN AL-RIQĀB: ANALISIS BERSANDARKAN SURAH AN-NAHL AYAT 125

Syarul Azman Shaharuddin<sup>1</sup>, Nur Uswah Ahmad Fauzi<sup>1</sup>, Norsaleha Mohd Salleh<sup>1</sup>, Abur Hamdi Usman<sup>1</sup>, Alawiyah Tengah<sup>1</sup>, Aemy Elyani Mat Zain,<sup>1</sup> & Raden Saidatul Akmar Hasnan<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS)

#### Pengenalan

Asnaf al-riqāb mempunyai pelbagai makna yang telah dibahaskan oleh ulama dahulu dan ulama kini. Menurut ulama *mutaqaddimun*, al-riqāb dapat didefinisikan sebagai *kitabab* (hamba mukatab), hamba sahaya, dan menebus tawanan. Manakala, ulama *mutaakhirun* mendefinisikannya sebagai tawanan perang, orang Islam yang diculik, umat Islam yang dijajah, dan umat Islam yang dibelenggu (Azman Ab Rahman et al., 2016).

Menurut fatwa negeri Selangor yang telah diwartakan iaitu fatwa “Jenis Penerima Asnaf *al-riqāb* Negeri Selangor dan Apa-Apa Yang Berkaitan Dengannya” telah menyenaraikan golongan yang berhak menerima zakat melalui bahagian al-riqāb. Golongan itu ialah (1) Masalah sosial; mereka yang menghadapi masalah sosial seperti ketagihan dadah (penagih dan bekas penagih dadah), jenayah syariah (zina, judi, arak, khalwat, buang anak, mengandung luar nikah dan sebagainya), gaya hidup songsang (LGBT, pengkid, gigolo dan sebagainya), juvana dan penyakit kronik. (2) Masalah akidah ; mereka yang terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat serta usaha memurnikan akidah orang Islam yang terpesong (Rosele et al., 2021). Oleh itu, golongan asnaf al-riqāb ini hendaklah dibimbing agar mereka dapat bebas daripada masalah-masalah yang membelenggu mereka.

Terdapat beberapa kajian yang meneliti pendekatan dakwah dengan bersandarkan surah al-Nahl ayat 125. Salah satu kajian tersebut ialah Pendekatan Dakwah Bil Hikmah oleh Zikmal Fuad (2014), yang membincangkan manifestasi al-hikmah dalam dakwah, termasuk aspek seperti kemahiran memilih masa berkomunikasi atau berdiam, mencari titik persamaan antara pendakwah dengan mad'u, toleransi tanpa sibghah, dan penggunaan bahasa yang sesuai mengikut latar belakang mad'u dan situasi mereka. Seterusnya, hasil kajian oleh Fauzi et al. (2018) bertajuk Konsep Metode Mau'izah al-Hasanah dalam Dakwah: Satu Analisis menghuraikan matlamat, skop, dan aplikasi metode mau'izah al-hasanah dalam dakwah. Menurut kajian Zikmal Fuad dan Ade Masturi (2018), bertajuk Mujadalah dalam Perspektif al-Quran dan al-Hadis mendapati bahawa kepelbagaian makna mujadalah dalam al-Quran menunjukkan mujadalah dalam pendekatan dakwah merupakan kaedah yang tetap relevan untuk digunakan oleh para pendakwah. Tambahan pula, kajian oleh Ramizah Matussin dan Malik Thoha (2021) juga tentang Pendekatan Dakwah dalam Surah An-Nahl ke atas Remaja Bermasalah Sosial di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Kampong Belimbing Subok, Negara Brunei Darussalam mendapati bahawa elemen pelaksanaan dakwah di KRK turut bersandar surah an-Nahl ayat 125 dalam pendekatan dakwah yang digunakan.

Namun begitu, masih tiada kajian berkaitan pendekatan dakwah terhadap golongan al-riqāb . Oleh itu, makalah ini akan mengkaji pendekatan dakwah berdasarkan surah an-Nahl 16:125 serta menganalisisnya terhadap golongan al-riqāb .

## Tinjauan Literatur

### Definisi Dakwah

Dakwah secara etimologisnya berasal daripada bahasa arab iaitu daripada perkataan *da'a*, *yad'u*, iaitu bermaksud mengajak, menyuruh, memanggil. Justeru, dakwah bererti ajakan, seruan, dan panggilan kepada Islam (Nur, 2011). Asal kata dakwah terdapat dalam pelbagai bentuk (*fi'il* dan *isim*) dan terulang sebanyak 211 kali dalam Al-Quran. Secara terminologinya, "dakwah" bermaksud memberikan petunjuk dan hidayah kepada orang lain atau membawa mereka ke arah jalan dan keadaan yang baik. Dakwah juga bermaksud permohonan atau doa kepada Allah yang dijanjikan akan dipenuhi dengan melakukan semua perintah-Nya dan beriman pada-Nya. Dalam erti kata yang lain, ia untuk mengajar hamba-hamba-Nya untuk berharap kepada-Nya (Husna, 2021).

Berdasarkan kajian Zulkifli Abd Hamid et al. (2015) mengambil definisi dakwah sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr Yusuf al-Qardawi bahawa dakwah merupakan perbuatan mengajak kepada Islam, mengikuti petunjuk-Nya, mengukuhkan manhaj-Nya di muka bumi, beribadah kepada-Nya, memohon pertolongan dan taat hanya kepada-Nya, melepaskan diri dari semua ketaatan kepada selain-Nya, membenarkan apa yang dibenarkan oleh-Nya, menyalahkan apa yang disalahkan-Nya, menyeru kepada yang makruf, mencegah yang mungkar, dan berjihad di jalan Allah. Ringkasnya, dakwah ialah menyeru orang lain kepada Islam tanpa mengharapkan imbalan.

### Pengenalan kepada Golongan Al-riqāb

Dari segi bahasa, al-riqāb adalah kata jamak daripada perkataan tunggal (mufrad) al-raqabah, yang pada asalnya bermaksud *al-'unuq*, yang bermaksud tengkuk atau leher. Ia juga dikenali sebagai *raqabun*, *raqabatun*, dan *arqubun*. Kemudian digunakan sebagai kinayah untuk orang yang memilikinya. Apabila disebut *a'tiqu raqabah*, ia seolah-olah merujuk kepada *a'tiqu 'abdan aw amah*, yang bermaksud "aku membebaskan hamba" (Ibn al-Athīr, 1963; Ibn Manẓūr, 2015). Ini menunjukkan bahawa terdapat belenggu yang menghalang seseorang daripada bergerak sendiri, seperti yang dilakukan oleh haiwan peliharaan yang diikat lehernya. Selain itu, ia juga merujuk kepada hamba yang dikenakan perhambaan.

Dari sudut istilah pula, al-riqāb merujuk kepada hamba *al-mukātab*, iaitu hamba yang dibantu untuk mencapai kemerdekaannya. Dinamakan sedemikian kerana hamba tersebut menebus kemerdekaannya dengan membayar sejumlah wang yang belum dapat dimiliki, atau mungkin kerana menerima sedekah yang membebaskan mereka ('Abd al-Mun'im, t.th.). Pendapat Ibn 'Abbās dan al-Ḥasan menyatakan bahawa hamba boleh dimerdekakan dengan menggunakan harta zakat. Pendapat ini juga diterima oleh mazhab Imam Aḥmad, Mālik, dan Ishāq. Dengan kata lain, istilah *al-riqāb* lebih umum dan merangkumi mukātab dan yang lain. Harta zakat digunakan untuk membeli hamba, yang kemudian akan dimerdekakan (Ibn Kathīr, 1999). Oleh itu, merujuk kepada seseorang yang dijanjikan pembebasan oleh tuannya *al-riqāb* dengan syarat membayar sejumlah wang yang diperoleh daripada derma, zakat, dan sebagainya.

Terdapat pelbagai ciri-ciri golongan al-riqāb menurut ulama dahulu (*mutaqaddimun*) dan ulama kini (*muta'akbirun*), namun begitu, menurut negeri Selangor, al-riqāb ialah golongan yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah. Berikut ialah ciri-ciri mengikut kategori masalah al-riqāb (Azman Ab Rahman et al., 2016):

#### A. Masalah Sosial:

- i. Terbelenggu dengan dadah
  - ii. Terbelenggu dengan masalah jenayah syariah
  - iii. Terbelenggu dengan amalan salah laku Islam
  - iv. Terbelenggu dengan gaya hidup songsang
  - v. Terbelenggu dengan kes juvana
- B. Masalah Akidah:
- i. Terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat
  - ii. Memurnikan akidah orang Islam yang terpesong (orang yang berhasrat untuk murtad dan orang yang dalam proses istitabah).

Kesemua ciri-ciri golongan al-riqāb ini layak untuk mendapatkan wang zakat asnaf kerana berdasarkan kriteria bahawa mereka tidak mempunyai wang yang cukup dan disahkan rela untuk membebaskan dirinya daripada masalah yang dihadapi (Azman Ab Rahman et al., 2016).

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menerapkan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen dengan menggunakan data dari sumber primer dan sekunder untuk memperoleh informasi dalam proses pengumpulan data. Al-Qur'an dan al-Hadith dijadikan sebagai sumber yang utama dalam kajian ini. Di sisi lain, Analisis sekunder pula dijalankan dengan menggunakan bahan-bahan yang telah diterbitkan seperti buku, jurnal, artikel, situs web berita, dan kajian terdahulu untuk mengeksplorasi isu yang relevan. Dengan demikian, untuk memastikan akurasi dan ketepatan data, analisis kandungan dan dokumen dilakukan bagi mencapai tujuan kajian yang ditetapkan.

### **Pendekatan Dakwah kepada Golongan Al-Riqāb Bersandarkan Surah An-Nahl Ayat 125**

Menurut Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, mesej utama dalam dakwah yang ingin disampaikan hendaklah menitikkan keindahan Islam dan tidak dianggap ekstrim atau melampau (Nor Fazlina Abdul Rahim, 2020). Justeru, pendekatan yang digaris oleh Islam mestilah dijadikan panduan dan dasar dalam melaksanakan dakwah lebih-lebih lagi kepada golongan al-riqāb .

Antara pendekatan dakwah ialah pendekatan menurut Al-Quran iaitu dakwah dengan hikmah, memberi peringatan dengan baik dan berdebat dengan cara baik (Ramizah Matussin & Malik Thoha, 2021). Perkara ini disandarkan kepada surah an-Nahl 16:125 iaitu:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ...

Maksudnya:

*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. [an-Nahl (16) : 125]*

Menurut Imam al-Qurtubi (2007), maksud ayat di atas ialah perintah Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W untuk mengajak umat Islam untuk mentaati Allah S.W.T dengan syariat yang telah ditetapkan bagi makhluk-Nya iaitu Islam. Dakwah yang disampaikan mestilah dengan hikmah iaitu dengan wahyu Allah yang disampaikan kepada baginda dan kitab yang diturunkan kepada baginda. Selain itu, dakwah mestilah dengan 'pelajaran atau nasihat yang baik' iaitu peringatan yang disebut Allah dalam wahyu-Nya serta dengan cara berbantahlah dengan baik iaitu berdebat dengan cara paling baik dan memaafkan mereka yang mencabar kehormatan

baginda. Berikut ialah kupasan bagi setiap satu kaedah dalam surah an-Nahl [16] :125 secara terperinci:

### i. Pendekatan Dakwah Dengan Hikmah (الْحِكْمَةُ)

Menurut Imam al-Ghazali yang dipetik daripada Zulkifli Abd Hamid et al (2015), *al-hikmah* ialah suatu keadaan jiwa atau nafsu yang dengannya sesuatu yang tepat dapat dibezakan berbanding sesuatu yang salah dalam seluruh perbuatan hamba yang dipilih sendiri. Dalam Tafsir Ibnu Katsir, *al-hikmah* didefinisikan sebagai ketepatan dalam perkataan dan perbuatan serta menempatkan segala sesuatu pada tempatnya (Ramizah Matussin & Malik Thoha, 2021). Ringkasnya, berdakwah dengan hikmah ialah kaedah yang bijaksana yang boleh digunakan oleh para pendakwah untuk mendekati *mad'u* mereka.

Hikmah juga terbentuk dalam pelbagai gaya dan bentuk seperti gaya lembut dan tegas. Ali al-Murshid menjelaskan bahawa hikmah itu tidak selamanya bermaksud lembut, rahmat, kasih sayang, perkataan baik dan tenang kerana kekuatan yang mempengaruhi sasaran turut termasuk dalam hikmah (Ab. Aziz Mohd Din, 2005). Justeru, dapat difahami bahawa berhikmah dalam menyampaikan dakwah tidak bermaksud melalui cara yang lemah lembut, tegang, dan mengalah. Jika ini yang dimaksudkan dengan "berhikmah," maka maknanya menjadi merendahkan, meremehkan, dan lemah. Hikmah seharusnya menjadi kelembutan saat diperlukan, dan boleh menjadi kekerasan jika diperlukan pada waktunya. Namun, jika kita berusaha terlalu lembut saat seharusnya menggunakan kekerasan, ini bukanlah contoh hikmah, melainkan kelemahan. Demikian juga sebaliknya, jika menggunakan kekerasan saat seharusnya menggunakan kelembutan, itu merupakan kesalahan (Zikmal Fuad, 2014).

Dari segi syariah, dakwah dengan hikmah menuntut untuk *amar ma'ruf nabi mungkar* iaitu menyuruh atau mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Hal ini dapat memupuk sikap tolong-menolong dan mencipta keadaan hidup yang tenteram, aman dan nyaman. Selain itu, melaksanakan *amar ma'ruf nabi mungkar* menunjukkan bahawa manusia adalah makhluk sosial, bukannya individu yang egois dan bodoh yang tidak mengambil kira apa yang dilakukan oleh orang lain (Noer AH, 2021). Rasulullah S.A.W bersabda:

حَدَّثَنَا أَبُو سَعِيدٍ مَوْلَى بَنِي هَاشِمٍ ، حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ ، عَنْ عَمْرِو بْنِ أَبِي عَمْرٍو ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَحَدِ بَنِي عَبْدِ الْأَشْهَلِ ، عَنْ خُدَيْفَةَ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ ، لَتَأْمُرَنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ، أَوْ لَيَبْعَثَنَّ عَلَيْكُمْ قَوْمًا ، ثُمَّ تَدْعُونَهُ فَلَا يُسْتَجَابُ لَكُمْ

[al-Tirmidhi. 1996 . Abwāb al-Fitān, Bāb mā jāa fī al-Amri bi al-Ma'ruf wa al-Nahyi 'an al-Munkar, no hadis 2169].

Maksudnya:

"Telah menceritakan kepada kami Abu Sa'id, budak Bani Hasyim telah bercerita kepada kami Sulaiman bin Bilal dari 'Amru bin Abu 'Amru dari 'Abdullah bin 'Abdur Rahman, salah seorang dari Bani 'Abdul Asyhal dari Hudz'ayfab bin Al Yaman bahwa Nabi Shallallahu 'alaihi wa salam bersabda: "Demi Dzat yang jiwaku berada ditanganNya, hendaklah kalian memerintahkan kebaikan dan mencegah kemungkaran atau Allah akan mengirim suatu kaum pada kalian kemudian kalian berdoa kepadaNya lalu tidak dikabulkan".

Hadis di atas jelas menunjukkan penegasan untuk mencegah kemungkaran sesuai dengan keadaan kita masing-masing. Sekiranya kita mempunyai kekuatan dan kekuasaan, maka hendaklah mencegah kemungkaran itu menggunakan kekuasaan dan daya yang dimiliki.

Sebaliknya jika tidak mempunyai kekuasaan dan kekuatan, maka hendaklah menggunakan lisan untuk memberi nasihat dan bimbingan (Noer AH, 2021).

Sehubungan dengan itu, kaedah dakwah *bil hikmah* ini boleh diaplikasikan terhadap golongan *al-riqāb*. Hal ini kerana kategori golongan *al-riqāb* menurut negeri Selangor terbahagi kepada dua iaitu masalah sosial dan masalah akidah (Azman Ab Rahman et al., 2016). Masalah-masalah ini terjadi kerana kadang kala iman seorang muslim lemah kerana terbelenggu dengan hawa nafsunya dan terpedaya dengan pujukan syaitan sehingga terheret melakukan dosa (Abdul Karim Zaidan, 2002). Justeru, pengkaji percaya golongan *al-riqāb* dapat membebaskan diri mereka daripada cengkaman yang membelenggu diri mereka melalui dakwah *bil hikmah*.

Pengkaji turut pasti bahawa pendakwah perlu mempelajari cara untuk mendekati golongan *al-riqāb* yang mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza. Menurut Ramizah Matussin & Malik Thoha (2021), dalam kajian mereka terhadap remaja bermasalah sosial di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Kampong Belimbing Subok, Negara Brunei Darussalam menjelaskan bahawa para pendakwah hendaklah bijak mengambil pendekatan yang bersesuaian dengan melihat keadaan dan latar belakang *mad'u*. Majoriti responden kajian mereka beresepakatan bahawa bimbingan yang akan dijalankan adalah dengan melihat keadaan para remaja. Sekiranya keadaan mereka kurang baik, maka pembimbing akan menceritakan kisah dan jenaka terlebih dahulu untuk menarik minat dan mengambil hati mereka sebelum menjalankan bimbingan.

Pengkaji berpendapat bahawa pendekatan dengan hikmah penting agar mereka tidak berasa dihakimi, didiskriminasi dan dikecam oleh para pendakwah. Natijahnya, hasil dakwah yang dilakukan terhadap mereka akan berkesan dan turut menjadi titik tolak untuk mereka agar istiqamah dalam melakukan perubahan.

## ii. Pendekatan Dakwah Dengan Nasihat Yang Baik (المَوْعِظَةُ الْحَسَنَةُ)

Menurut Tafsir al Munir, perkataan *mau'izah al-basanah* merujuk kepada nasihat-nasihat dan pelajaran yang efektif dan berkesan dalam hati mereka (Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili, 2013). Ringkasnya, *mau'izah al-basanah* adalah memberikan nasihat yang baik kepada orang lain dan dianggap sebagai petunjuk menuju kebaikan dengan menggunakan bahasa yang baik yang sesuai dengan tingkat pemikiran *mad'u*, dan memiliki kemampuan untuk menyentuh dan mengikat perasaan *mad'u* terhadap kebaikan (Fauzi et al., 2018).

Antara pendekatan yang boleh dipraktikkan menggunakan *mau'izah al-basanah* ialah menyampaikan dakwah dengan menggunakan perkataan yang mudah difahami dan tidak rumit untuk mengelakkan kekeliruan kepada *mad'u* dan menarik minat mereka untuk terus mendengar dakwah yang disampaikan (Abuhuraira Abdurrahman, 2003) Seterusnya, memberi nasihat menggunakan perkataan yang baik dalam setiap ucapan kerana tabiat manusia itu pemalu dan baik hati serta cepat kembali kepada kebenaran (Abu Zaid, 2003). Rasulullah S.A.W turut berdakwah menggunakan kaedah nasihat yang baik ini. Baginda bersabda:

عن أبي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَوْصِنِي، قَالَ: «لَا تَغْضَبْ، فَرَدَّدَ مَرَارًا، قَالَ: لَا تَغْضَبْ»

[Al-Bukhāri.1996. Kitāb al-Adab, Bāb al-Hizr min al-Ghodob, no. 6116]

Maksudnya:

Daripada Abu Hurayrah meriwayatkan bahawa: Seorang lelaki berkata kepada Nabi SAW: “Sampaikanlah pesan kepadaku”, Baginda menjawab: “Jangan marah”. Kemudian lelaki tersebut mengulangi perkataannya. Nabi SAW tetap berkata: “Jangan marah.”

Menurut Kamal Amat Misra et al. (2019), respon Rasulullah S.A.W dalam hadis di atas jelas menunjukkan kaedah nasihat dan kepentingan pengendalian emosional. Selain itu, menurut Al-Bayanuni, beliau telah menyenaraikan beberapa bentuk kata-kata yang dapat dikategorikan sebagai nasihat yang baik (Ab. Aziz Mohd Din, 2005), iaitu:

- i. Kata-kata yang berterus-terang, tetapi dengan lembut dan halus
- ii. Suatu penjelasan yang lembut dan difahami
- iii. Suatu kiasan yang beradab
- iv. Bentuk cerita dan jenaka
- v. Mengingat nikmat-nikmat yang boleh membawa kepada kesyukuran
- vi. Penjelasan tentang pujian dan celaan dari Allah
- vii. Rangsangan baik dari Allah dan janji-janji buruk dari-Nya yang menakutkan
- viii. Penjelasan tentang janji-janji Allah dengan kemenangan dan kekuatan
- ix. Penerangan supaya tahan diuji dan sabar

Justeru, para pendakwah dapat menarik golongan *al-riqāb* ke arah kebaikan melalui nasihat yang baik. Hal ini kerana nasihat yang baik boleh masuk dengan mudah ke dalam hati nurani manusia dan bukan dengan menggunakan ugutan dan kekerasan, atau dengan menunjukkan kelemahan yang wujud. Ironinya, memberikan nasihat dengan lemah lembut akan lebih menunjukkan kesedihan, menjinakkan kebencian, dan pastinya memberikan banyak manfaat. Ini adalah untuk memastikan orang lain menerimanya dengan baik serta memberikan pelajaran yang logik apabila difikirkan dengan teliti (Husna, 2021).

Al-riqāb merupakan golongan yang mempunyai masalah terbelenggu dengan masalah sosial atau akidah. Justeru, mereka memerlukan pendekatan *mau'izah al-basanah* agar dapat membentuk jati diri yang kuat dan mentransformasikan diri mereka agar menjadi mukmin yang cemerlang dan diredhai Allah S.W.T. Menurut Ramizah Matussin & Malik Thoha (2021), dalam kajian mereka terhadap remaja bermasalah sosial di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Kampong Belimbing Subok, Negara Brunei Darussalam menjelaskan bahawa perasaan dan fikiran remaja tahanan tersebut masih di luar dan pembimbing perlulah berlemah lembut yang mempunyai ketegasan di dalamnya. Pembimbing juga tidak boleh berkasar berhadapan dengan mereka kerana akan menimbulkan perasaan benci dalam diri mereka.

Antara cadangan pengkaji kepada para pendakwah yang ingin menggunakan kaedah nasihat yang baik kepada golongan al-riqāb ialah:

(a) Mengingatkan mereka bahawa semua manusia adalah hamba Allah yang sama di hadapan-Nya dan tiada perbezaan antara mereka kecuali tahap ketaqwaan kepada Allah. Justeru, jika mereka meningkatkan tahap ketaqwaan mereka kepada Allah, sudah pasti mereka mendapat kedudukan istimewa di sisi Allah S.W.T.

(b) Menyampaikan nasihat dengan penuh kelembutan dan kebijaksanaan agar mereka tidak merasa dihina atau dihakimi. Hal ini penting supaya mereka dapat menerima segala nasihat dan dakwah yang disampaikan.

(c) Memberi contoh daripada kisah-kisah dalam Al-Quran atau teladan Rasulullah dan para sahabat baginda ketika sedang memberi nasihat. Hal ini secara tidak langsung dapat

memberi motivasi kepada golongan al-riqāb untuk bebaskan diri mereka daripada masalah yang membelenggu.

### iii. Pendekatan Debat yang Baik (وَجَادِلْهُمْ بِأَتْيِ هِيَ أَحْسَنُ)

Dakwah yang menggunakan kaedah perdebatan sebaik-baiknya tanpa tekanan yang zalim terhadap pihak lawan, tidak menghina dan memburuk-burukkan mereka kerana matlamat sebenar perdebatan adalah untuk memberi keyakinan dan mencapai kebenaran dan bukannya memenangi perdebatan (Sayyid Qutb, 2019).

Secara etimologi, perkataan "*Mujadalah*" berasal dari kata "*Jadala*" yang bermaksud "melilit". Jika kata "*Jadala*" ditambah dengan huruf alif pada huruf jim yang mengikuti *wazan Fa'ala*, maka "*Jadala*" dapat diertikan sebagai berdebat dan "*Mujadalah*" adalah perdebatan. Beberapa ulama mendefinisikan kata "*Jadala*" sebagai "menarik tali dan mengikatnya guna menguatkan sesuatu". Dengan kata lain, orang yang berdebat dapat diibaratkan sebagai seseorang yang menarik tali dengan ucapan yang meyakinkan lawannya, dengan cara menguatkan pendapatnya melalui argumentasi yang disampaikan (Alfiyah & Khiyaroh, 2022).

Beberapa prinsip ketika menyampaikan dakwah secara *al-mujadalah*. Antaranya ialah (Rahmatullah, 2016) :

- i. Tidak merendahkan atau menghina pihak lawan kerana tujuan perdebatan adalah bukan untuk mencari kemenangan tetapi menundukkan pihak lawan dengan kebenaran yang disampaikan
- ii. Tujuan perdebatan adalah untuk menunjukkan kebenaran yang sesuai diajarkan oleh Islam
- iii. Menghormati pihak lawan

Al-Quran mengajarkan umat Islam untuk merespon pandangan orang lain dengan cara yang terbaik, dengan tujuan mengundang dan mengajak orang kepada kebenaran, bukan untuk terlibat dalam berdebat atau adu mulut yang hanya memperkuat sikap keras kepala dan menimbulkan penentangan terhadap kebenaran. Membahas perbezaan pendapat dengan mereka yang berlawanan harus didasarkan pada prinsip kebenaran, keadilan, dan ketulusan, bukan dengan kecurangan, kebohongan, atau penghinaan. (Husna, 2021).

Abdul Karim Zaydan menjelaskan bahawa pendekatan *al-mujadalah bi al-lati hiya absan* bukanlah untuk mencari kemenangan. Menurut beliau, seorang pendakwah perlu berdebat dengan baik, menggunakan kata-kata yang sopan, berakhlak mulia, merendah diri, tenang, dan penuh kasih sayang. Selain itu, pendakwah tidak seharusnya meninggikan suara, tidak boleh marah, menghina, atau menggunakan kata-kata yang dapat menyinggung perasaan pendengar. Pendakwah seharusnya menggunakan bahasa yang sesuai dengan tingkatannya yang tinggi, dengan sikap yang lembut dan penyayang. Walaupun begitu, pendakwah harus menggunakan kata-kata yang meyakinkan dan mampu menjelaskan kebenaran. Jika sasaran dakwah tetap keras kepala, mengandalkan emosi, dan menolak kebenaran, pendakwah sebaiknya menghentikan perdebatan (Adli & Osman, 2022).

Menurut Imam Fakh al-Din al-Razi, beliau menjelaskan bahawa perdebatan dipilih sebagai salah satu pilihan kerana dalam masyarakat terdapat kelompok yang cenderung antagonis terhadap pendakwah dan hanya dapat dihadapi (dipatahkan hujahnya) melalui jalur perdebatan (Shahrān, 2020). Oleh itu, para pendakwah yang menggunakan kaedah perdebatan dalam menjawab



persoalan dan menangkis tanggapan mereka hendaklah merujuk garis panduan yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W.

Dalam konteks golongan al-riqāb , mereka yang sering ajak berdebat ialah mereka yang mempunyai masalah akidah iaitu golongan yang berkepercayaan atheisme dan agnostisme. Ringkasnya, golongan ateis merupakan golongan yang menolak agama secara terang-terangan menerusi kepercayaannya yang mengatakan “Tuhan itu tidak wujud” dan juga menggunakan ideologi-ideologi liberal yang hanya berpaksikan kepada logik akal dan pancaindera sahaja (Fuad, Ismail, & Salleh, 2023). Manakala agnostisme lazimnya digelar sebagai penganut fahaman “*Al-la adriyyal*” yang bermaksud “Saya tidak tahu”. Frasa “*La*” di hadapan perkataan yang merupakan frasa bahasa arab merujuk kepada maksud “Tidak tahu” (MAIWP, 2018). Ringkasnya, agnostik adalah mereka yang menafikan kewujudan kebenaran yang pasti dan boleh diketahui.

Menurut Ramizah Matussin & Malik Thoha (2021), dalam kajian mereka terhadap remaja bermasalah sosial di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Kampong Belimbing Subok, Negara Brunei Darussalam membuktikan majoriti remaja sosial di sana sering mengajukan soalan dan memberi pendapat. Hal ini menunjukkan bahawa isi kandungan yang disampaikan berkesan dan penerimaan para remaja yang positif.

Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa para pendakwah semestinya hendaklah menggunakan kaedah berdebat dengan baik sebagaimana diperintahkan oleh Allah S.W.T dalam surah an-Nahl ayat 125. Para pendakwah juga hendaklah tidak beremosional ketika berdebat agar tidak menimbulkan kesalahfahaman antara pendakwah dan orang yang didebat agar imej Islam sentiasa dipandang tinggi.

## Penutup

Demikian tiga pendekatan dakwah yang digariskan oleh Al-Quran sebagaimana termaktub dalam surah an-Nahl ayat 125 iaitu yang terdiri daripada pendekatan dakwah dengan hikmah, nasihat yang baik dan berdebat dengan cara yang baik. Pengkaji percaya bahawa jika digunakan pendekatan ini secara efektif dan diintergrasikan dengan pendekatan masa kini, sudah tentu dapat memberi kesan yang baik kepada golongan asnaf al-riqāb untuk kembali ke pangkal jalan.

## Penghargaan

Sekalung penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS) 2023. Kod Penyelidikan: SUK/GPNS/2023/TSE/04, Universiti Islam Selangor yang bertajuk Sistem Pengurusan Kualiti Islam Pengajian Akidah di Pusat Pemulihan, Negeri Selangor.

## Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Din. (2005). *Metodologi Dakwah* (Vol. 3). Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Karim Zaidan. (2002). *Islam & Dakwah* (S. Ayub & A. F. Omar, Eds.). Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abi Isa Muhammad Bin Isa Al-Tirmidhi. (1996). *Āl-Jāmi’u Al-Kabir* (1st Ed., Vol. 1). Dar Al-Gharb Al-Islami.
- Abu Zaid, A. M. (2003). *Pendakwah Masa Kini : Sikap Dan Pendekatan* (Usamah Bin Hussein, Ed.; Kedua). Rabitah Al-Alam Al-Islami, Makkah.
- Abuhuraira Abdurrahman. (2003). *Method Of Islamic Da’wah* (Pertama). Perniagaan Jahabersa.
- Adli, A., & Osman, K. (2022, July). Metodologi Dakwah Dalam Membentuk Sahsiah Diri Remaja. *Seminar Dakwah & Wabdah Al-Ummah* .  
<https://www.researchgate.net/publication/362538556>

- Alfiyah, A., & Khiyaroh, I. (2022). Teori Mujadalah Dalam Al-Qur'an Penerapan Metode Jidal (Debat) Dalam Konsep Dakwah. *Alamtara: Jurnal Komunikasi Dan Penyiaran Islam*, 6(2), 155–163. <https://doi.org/10.58518/Alamtara.V6i2.1154>
- Azman Ab Rahman, Arief Salleh Rosman, Ahmad Wifaq Mokhtar, Mohd Nasir Abdul Majid, Ahmad Najaa' Mokhtar, & Muhamad Firdaus Ab Rahman. (2016). *Kedudukan Asnaf Ar-Riqab Sebagai Penerima Zakat Di Malaysia* (1st Ed.). Penerbit Usim & Majlis Agama Islam Selangor.
- Dalinur M. Nur. (2015). Dakwah Teori, Definisi Dan Macamnya. *Wardah*, 12(2), 135–141. <https://doi.org/10.19109/Wardah.V12i2.233>
- Dr. Mohd. Farid Bin Mohd Shahrān. (2020, July 24). *Perdebatan Yang Baik Membawa Kemajuan*. Institute Of Islamic Understanding Malaysia. <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2020/07/24/perdebatan-yang-baik-membawa-kemajuan/>
- Fauzi, A., Shahar, M., Kamal, M., Misra, A., & Hakim Bin Arshad, M. (2018). Konsep Metode Mau C Izah Al-Hasanah Dalam Dakwah: Satu Analisis. In *Tenera Hotel. Bandar Baru Bangi.Selangor. Organized By Faculty Of Islamic Civilisation Studies. International Islamic*.
- Husna, N. (2021). Metode Dakwah Islam Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Selasar Kpi : Referensi Media Komunikasi Dan Dakwah*, 1(1). <https://ejournal.iainu-kebumen.ac.id/index.php/selasar/index>
- Imam Abi 'abd Allāh Muhammad Bin Isma'il Al-Bukhāri. (2002). *Sāhib Al-Bukhāri* (Vol. 1). Dar Ibn Kathir.
- Imam Al-Qurthubi. (2007). *Tafsir Al-Qurthubi* (M. I. Al-Hifnawi & M. H. Utsman, Eds.). Pustaka Azzam.
- Kamal Amat Misra, M., Hakim Arshad, M., Senin, N., Fauzi Mohd Shahar, A., Faqih Ibrahim, A., Kamal Bin Amat Misra, M., Hakim Bin Arshad, M., Binte Senin, N., & Fauzi Bin Mohd Shahar, A. (2019). Analisis Cabaran Aplikasi Metodologi Mau'izah Al-Hasanah Dalam Dakwah. *Jurnal 'Ulwan*, 4, 14–25.
- Noer Ah, Z. Z. (2021). Konsep Dakwah Bil Hikmah Dalam Perspektif Hadis. *Jurnal Holistic Al-Hadis*, 7(1), 15–27.
- Nor Fazlina Abdul Rahim. (2020, September 25). *Pendekatan Dakwah Ikut Arus Semasa Dan Persekitaran*. Bh Online.
- Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaili. (2013). *Tafsir Al Munir* (Achmad Yazid Ichsan & Muhammad Badri H, Eds.; Cetakan Pertama). Gema Insani.
- Rahmatullah, O. : (2016). *Analisis Penerapan Metode Dakwah Berdasarkan Karakteristik Mad'u Dalam Aktivitas Dakwah* (Vol. 2, Issue 1).
- Ramizah Matussin, S., & Malik Thoḥa, A. (2021). Pendekatan Dakwah Dalam Surah An-Nahl Ke Atas Remaja Bermasalah Sosial Di Kompleks Rumah Kebajikan (Krk) Kampong Belimbing Subok, Negara Brunei Darussalam. *Journal Of Islamic, Social, Economics And Development*, 6(6), 32–40.
- Rosele, M. I., Abdullah, L., & Ahmad Nadzri, A. (2021). Perluasan Konsep Al-Riqab Dalam Pengurusan Zakat: Satu Penilaian Fiqh. *Labuan E-Journal Of Muamalat And Society*, 15, 17–24.
- Sayyid Qutb. (2019). *Fi Zilal Al Quran*. <https://archive.org/details/fizilalquran1/fi%20zilal%20al-quran%201/mode/2up>
- Zikmal Fuad. (2014). Pendekatan Dakwah Bi Al-Hikmah. *International Research Management And Innovation Conference 2014 (Irmic2014)*, 542–547.
- Zulkifli Abd Hamid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Dr. Syarul Azman Shaharuddin, & Dr. Mariam Abd Majid. (2015). *Pengantar Ilmu Dakwah* (Z. Abd Hamid, M. Y. M. Abdullah, S. A. Shaharuddin, & M. Abd Majid, Eds.; Cetakan Pertama). Ibook Centre.

## **BAB 14**

### **PERBAHASAN TEODISI MENURUT SA'ID RAMADAN AL-BUTI**

Nurhanisah Senin<sup>1</sup>, Hamidun Mohamad Husin<sup>2</sup>, Nazneen Ismail<sup>2</sup>, Mustafa Kamal Amat Misra<sup>2</sup>,  
Norsaleha Mohd Salleh<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

#### **Pengenalan**

Perkataan teodisi berasal daripada Bahasa Yunani, terdiri daripada 'theo' yang bermaksud tuhan dan 'dike' yang bermaksud keadilan. Bagus (2002) menyatakan bahawa teodisi adalah ilmu yang mempertahankan kebaikan dan keadilan Tuhan sejajar dengan realiti kehidupan manusia yang penuh dengan kejahatan dan penderitaan. Istilah ini dipelopori oleh Leibniz sekitar tahun 1710, seorang ahli falsafah Jerman, dalam bukunya yang ditulis dalam Bahasa Perancis dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris oleh E.M. Huggard dengan judul *Theodicy: Essays on the Goodness of God, the Freedom of Man and the Origin of Evil* (Teodisi: Esei berkaitan Kebaikan Tuhan, Kebebasan Manusia dan Asal Usul Kejahatan). Esei tersebut bertujuan menunjukkan bahawa kejahatan dalam dunia tidak bercanggah dengan kebaikan Tuhan, dan walaupun terdapat banyak kejahatan, dunia ini adalah dunia yang terbaik dari segala kemungkinan. Perbahasan teodisi mencari penyelesaian hubungan antara kejahatan di dunia dan kebaikan Tuhan (Leahy, 1993) kerana secara logiknya terdapat pertentangan antara Tuhan yang sempurna dan pencipta kejahatan (McCloskey, 1974).

Teodisi adalah perbahasan dalam teologi dan falsafah yang cuba menyelesaikan masalah kejahatan dan bagaimana menyelaraskan kewujudan kejahatan dengan Tuhan yang sepenuhnya baik dan berkuasa mutlak. Alvin Plantinga (1974) mendefinisikan teodisi sebagai "jawapan kepada soalan mengapa Tuhan membenarkan kejahatan." Teodisi cuba membenarkan Tuhan sebagai respons terhadap masalah kejahatan yang kelihatan tidak konsisten dengan kewujudan Tuhan yang maha berkuasa dan penyayang. Takrifan lain teodisi adalah pembelaan terhadap kebaikan Tuhan dalam pandangan kewujudan kejahatan.

Persoalan tentang konsep keburukan yang dinisbahkan kepada Tuhan sering menjadi perdebatan dalam falsafah agama, baik dalam falsafah Islam mahupun di Barat. Perbahasan ini menjadi isu utama dalam agama-agama monoteistik kerana melibatkan persoalan kekuasaan dan kasih sayang Tuhan. Mereka beranggapan bahawa Tuhan wajib menghapuskan kejahatan kerana Tuhan itu sendiri Maha Baik. Konsep keadilan Tuhan cuba dijustifikasikan dalam memahami keburukan serta penderitaan yang berlaku pada makhluk (Ahmad Faizuddin Ramli et al., 2022). Persoalan-persoalan sebegini merupakan penentangan terhadap kewujudan agama oleh golongan yang menolak kewujudan agama. Keburukan di dunia seolah memberikan persepsi negatif terhadap identiti agama yang berteraskan kepada Tuhan yang Maha Baik dan Sempurna (Syafieh, 2019).

Menurut Hick (2004), sifat kecewa tertanam dalam diri manusia yang mempercayai bahawa Tuhan itu Maha Baik kerana mampu membenarkan kezaliman berlaku kepada hamba-Nya tanpa belas kasihan untuk menyelamatkannya. Perbahasan teodisi mencari titik penyelesaian hubungan

antara kejahatan di dunia dan kebaikan Tuhan (Leahy, 1993) kerana secara logiknya terdapat pertentangan antara Tuhan yang sempurna dan pencipta kejahatan (McCloskey, 1974). Banyak kekeliruan daripada golongan ateis dalam usaha memahami konsep keadilan Tuhan dan kewujudan kejahatan. Falsafah teodisi berkait dengan teori St. Augustine dan Irenaeus. John Hick (2010) membezakan kedua-dua pendekatan teodisi ini dalam bukunya, *Evil and The God of Love*.

Menurut Syah (2022), teodisi adalah satu konsep untuk membela keadilan Tuhan yang menentukan bencana dan memberi kesakitan kepada manusia. Epicurus (341-270 S.M), seorang ahli falsafah pada era Hellenistik, membincangkan hal ini dan mengaitkan Tuhan dan penderitaan manusia di dunia. Pertama, Tuhan Maha Baik tetapi tidak berkuasa, sehingga Dia tidak dapat mengatasi penderitaan. Kedua, Tuhan Maha Kuasa namun tidak Maha Baik, sehingga Dia tidak menghilangkan penderitaan manusia. Ketiga, Tuhan Maha Baik tetapi tidak Maha Kuasa, menyebabkan kejahatan dan penderitaan tetap wujud. Persoalan yang dijawab dalam perbincangan teodisi adalah mengapa Tuhan yang baik membenarkan keburukan berlaku? John Hick dalam *An Interpretation of Religion* menyatakan, "We do indeed have to ask ourselves whether it is possible to think of this world as the work of an omnipotent creator who is motivated by limitless love ... this is indeed the most serious challenge that there is to theistic faith." (Hick 2004, 118) Maksudnya: Kita seharusnya bertanya samada wajar dunia ini adalah hasil pencipta yang Maha Kuasa yang terdorong dengan cinta tanpa sempadan ... ianya pasti merupakan cabaran besar bagi kepercayaan yang mempercayai kewujudan Tuhan." Kenyataan Hick menunjukkan bagaimana seorang yang mempercayai Tuhan sebagai penuh kasih sayang dan berkuasa dapat membenarkan kezaliman berlaku kepada hamba-Nya tanpa belas kasihan untuk menyelamatkannya.

Dalam memahami konsep teodisi beberapa kajian lepas telah membincangkan kaedah-kaedah memahami konsep teodisi seperti yang telah dibahaskan oleh al-Ghazali (Nurhanisah, 2022) Izz al-Din (Wan Fazrul, 2023), Ibn 'Ataillah (Bagus Nurwahyu, 2023) dan Said Nursi (Maftukhin, 2018; Rouzati, 2018; Tubanur Yesilhark Ozkan, 2015). Kajian-kajian ini menunjukkan bagaimana cendekiawan Islam pada setiap zaman membincangkan tentang persoalan keadilan Tuhan untuk meluruskan kefahaman masyarakat agar tidak menyimpang daripada landasan kebenaran. Justeru, kertas kerja ini diharapkan menjadi kesinambungan kepada kajian-kajian lepas yang bertujuan membincangkan konsep teodisi menurut Syaikh Sa'id Ramadan al-Buti dalam memahami keadilan Tuhan menurut perspektif Islam. Kaedah-kaedah yang dikongsikan oleh al-Buti dalam kitab *al-Insan wa 'Adalah Allah fi al-Ard* boleh menjadi panduan kepada masyarakat Islam apabila berhadapan dengan kesulitan dalam kehidupan dan khususnya kepada golongan yang mempunyai keraguan terhadap keadilan Tuhan dan seterusnya lebih dahsyat lagi meragui kewujudan Tuhan.

### **Latarbelakang Ringkas Sa'id Ramadan al-Buti**

Imam Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti merupakan salah seorang tokoh pemikir Islam yang terkemuka berasal daripada Syria. Dilahirkan pada tahun 1929 di Ayn Dewar di Utara Syria, Syaikh al-Buti berpindah ke Damsyik pada usia empat tahun dengan ayahnya, Mulla Ramadan al-Buti. Ayahnya merupakan seorang ulama yang dihormati dan disegani. Beliau memainkan peranan besar dalam pendidikan awal al-Buti (Mahdi Lock, 2021).

Pada tahun 1953, al-Buti menyambung pengajian di Fakulti Syariah di Universiti al-Azhar, Mesir dan bergraduasi dengan ijazah kelas pertama pada tahun 1955. Kemudian pada tahun 1958, beliau menjadi guru di sekolah menengah di Homs dan seterusnya dilantik menjadi pensyarah di Fakulti Syariah di Universiti Damsyik pada tahun 1961. Beliau menerima ijazah doktor falsafah pada tahun 1965 daripada Universiti al-Azhar dan seterusnya dilantik menjadi penolong

professor dan professor penuh. Beliau juga pernah ditaklifkan menjadi dekan dan ketua program Usuluddin dan perbandingan agama (Mahdi Lock, 2021).

Ketokohan Syeikh Saifid Ramadan al-Buti jelas dimanifestasikan menerusi penulisannya yang menjangkau sehingga 60 buku dalam pelbagai disiplin agama termasuk tafsir, fiqh, akidah dan pemikiran Islam. Antara yang paling menonjol adalah *Fiqh al-Sirah*, *Kubra al-Yaqiniyyat* dan syarah kepada *al-Hikam* Ibn 'Ataillah al-Sakandari. Beliau sangat aktif mengajar di masjid-masjid di Damsyik khususnya di Masjid al-Iman selain menjadi imam Solat Jumaat dan penyampai khutbah di Masjid Besar Umayyah. Beliau merupakan seorang cendekiawan Islam yang dihormati kerana keilmuannya dan pandangannya yang wasatiyyah. Beliau sering tampil di tv dan radio dalam menyampaikan pengajian di pelbagai negara dalam usaha menyebarkan Islam yang seimbang dan sentiasa mengajak kepada kesatuan ummah dalam penyampaiannya (Muhammad Habib Himami).

Pada 21 Mac 2013, Imam al-Buti dibunuh dalam serangan bom di Masjid al-Iman ketika beliau sedang menyampaikan kuliah tafsir. Beliau dikebumikan bersebelahan dengan Salahuddin al-Ayyubi di perkuburan Bab al-Saghir di Damsyik. Warisan al-Buti tetap hidup melalui karya-karyanya dan pengaruhnya yang luas dalam dunia Islam. Beliau dihormati sebagai salah seorang ulama besar pada abad ke-20 dan awal abad ke-21. Pandangan-pandangannya sentiasa menjadi rujukan umat Islam seluruh dunia dalam memahami Islam serta solusi dalam berhadapan dengan cabaran-cabaran pemikiran moden masa kini (Mahdi Lock, 2021).

### **Pengenalan Kitab *al-Insan wa 'Adalah Allah fi al-Ard***

Menurut al-Buti di dalam mukaddimah buku *al-Insan wa 'Adalah Allah fi al-Ard*, tujuan buku ini ditulis adalah untuk menjawab persoalan keadilan Allah dalam kalangan umat Islam pada hari ini khususnya dalam kalangan belia. Krisis-krisis kehidupan yang berlaku ditambah lagi dengan imej agama Islam yang dipandang negatif oleh pihak Barat menyebabkan persoalan berkaitan keadilan Allah sering menjadi persoalan dan tanda tanya. Syekh al-Buti pernah ditanya 'Di manakah keadilan Allah?'. Menurutnya, persoalan ini muncul akibat daripada kekeliruan yang ditimbulkan oleh golongan sekular untuk menimbulkan keraguan terhadap agama ataupun ianya disebabkan oleh trauma yang dihadapi oleh seseorang dalam kehidupannya. Trauma yang dihadapi boleh disebabkan oleh pengalaman pahit serta kesakitan yang dihadapi menyebabkan seseorang membangkitkan persoalan ini (al-Buti, 2021).

Buku ini walaupun ditulis ringkas, namun ianya padat dalam memberikan solusi kepada pembaca khususnya mereka yang sedang mengalami keraguan dalam keimanan mereka terhadap Allah disebabkan apa yang berlaku pada dirinya mahupun apa yang berlaku di sekelilingnya. Seorang Muslim harus memahami kaedah untuk meletakkan kejadian yang berlaku itu pada kedudukannya yang sebenar serta cara mengatasinya dengan mengikut acuan Islam sebenar (Muhammad Habib Himami).

Al-Buti mendapati isu ini menjadi satu persoalan yang berlegar dalam minda kebanyakan golongan intelek dan terpelajar. Al-Buti sengaja menuliskan buku ini secara ringkas dengan bertujuan untuk menarik golongan muda membacanya yang sering mencari bahan bacaan yang ringkas dan mudah untuk difahami. Menurutnya, golongan muda lebih cenderung untuk mencari solusi dengan cara yang cepat dan mudah walaupun berkaitan dengan hal teologi dan falsafah. Justeru, buku ini ditulis dengan ringkas namun ianya padat dengan jawapan yang tepat untuk menjawab persoalan-persoalan yang timbul di benak fikiran mereka yang sedang dalam keraguan (Muhammad Habib Himami).

Al-Buti menganggap buku ini sebagai pintu kepada golongan *freethinker* yang untuk menyedari akan kepentingan perbahasan isu keadilan Tuhan dan apabila selesai membacanya sekiranya terdapat lagi persoalan dia akan mempunyai keinginan yang besar untuk membuat kajian lanjutan (al-Buti, 2021).

Di dalam penulisan buku ini, al-Buti menyebutkan dua golongan yang menjadi sasaran audien. Pertama, masyarakat umum yang beriman kepada Allah, rasul dan hari kiamat tetapi tidak mempunyai pengetahuan yang secukupnya untuk menjaga akidah mereka daripada persoalan-persoalan yang menggugat keimanan. Adapun kumpulan audien yang kedua adalah golongan minoriti yang telah terpengaruh pemikiran mereka dengan ideologi penafian Tuhan akibat daripada peristiwa kehidupan yang mereka lalui. Terdapat juga kemungkinan seseorang individu tersebut mempunyai masalah psikologi yang terpendam dalam diri yang menyebabkan dia mempunyai persepsi yang negatif terhadap agama. Kedua-dua golongan ini kemungkinan berada di antara simpang keimanan dan simpang ateisme yang membawa kepada penafian ketuhanan. Justeru, buku ini ditujukan al-Buti kepada kedua-dua golongan ini dengan harapan mereka dapat kembali kepada akidah yang sebenar (al-Buti, 2021).

Adapun, menurut al-Buti, terdapat satu lagi golongan yang menjadikan penafian kepada Allah dan agama sebagai satu kegemaran mereka yang telah berakar umbi dalam diri mereka mengajak manusia sekeliling kepada penafian kepada Tuhan. Perbincangan seperti yang wujud dalam penulisan buku al-Buti menurutnya pasti tidak akan memuaskan mereka tidak kira sejauh mana hujah logik akal yang dipersembahkan kerana mereka ini adalah seperti golongan yang disebutkan Allah:

وَلَوْ فَتَحْنَا عَلَيْهِم بَابًا مِّنَ السَّمَاءِ فَظَلُّوا فِيهِ يَعْرُجُونَ لَقَالُوا إِنَّمَا سُكَّرَتْ أَبْصَارُنَا بَلْ نَحْنُ قَوْمٌ مَّسْحُورُونَ

Maksudnya:

*Dan kalau Kami bukakan kepada mereka mana-mana pintu langit, kemudian mereka dapat naik melalui pintu itu (pada siang hari yang membolehkan mereka menyaksikan segala kenyataan yang ada).T entulah mereka akan (mengingkari kenyataan yang benar itu dengan) berkata: "Hanya mata kami telah disilapkan penglihatannya bahkan kami adalah kaum yang telah disihirkan (oleh Muhammad). (Surah al-Hijr 15: 14-15)*

Buku *al-Insan wa 'Adalah Allah fi al-Ard* telah berjaya disempurkan oleh al-Buti pada tarikh 10 Zulqaedah 1391H bersamaan dengan 27 Disember 1971M (al-Buti, 2021).

### **Teodisi Menurut Sa'id Ramadan al-Buti**

Dalam membahaskan persoalan keadilan Tuhan, al-Buti mendapati mereka yang sering mempersoalkan tentang isu ini adalah terdiri daripada golongan yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan dan sering mempergunakan persoalan ini untuk menafikan kewujudan Tuhan. Bagi golongan ini, mereka sering menganggap agama sebagai sesuatu yang bertentangan dengan logik akal sehingga membawa kepada penafian keberadaan Tuhan. Mereka membina prinsip-prinsip logik atas dasar penolakan mereka supaya ianya kelihatan sebagai satu perbahasan yang bersifat intelektual. Sedangkan hipotesis-hipotesis yang dibina adalah berdasarkan kepada sandaran hawa nafsu mereka semata-mata. Golongan ini menurut al-Buti berpura-pura tidak melihat hakikat yang wujud di hadapan mereka dan mereka berlegar-legar pada satu pusingan yang tiada penghujungnya.

Kefahaman terhadap apa yang berlaku kepada diri seseorang dan keadaan sekeliling, memerlukan individu tersebut untuk meyakini akan kewujudan Tuhan dan risalah yang dibawa oleh Nabi.

Tanpa kepercayaan terhadap kewujudan Tuhan, persoalan-persoalan kehidupan seseorang pasti tidak akan dapat diungkap kerana di situ terletaknya hikmah Tuhan dalam mengatur kehidupan makhlukNya yang perlu diyakini oleh setiap Muslim. Justeru, menurut al-Buti, golongan yang benar-benar ingkar terhadap kewujudan Tuhan tidak perlu diberikan ruang diskusi kepada mereka kerana setiap hujah yang diberikan kepada akan dipatahkan oleh golongan kesan daripada sikap mereka yang menolak Tuhan.

Namun begitu, sekiranya wujud di sekeliling mereka yang masih mempunyai keimanan kepada Tuhan walaupun sedikit, namun mereka terpengaruh dengan pemikiran-pemikiran sekular dan humanistik yang menolak ketuhanan, mereka masih boleh diselamatkan. Kekeliruan mereka haruslah dijawab dengan kaedah yang ringkas tetapi padat. Jawapan-jawapan ini bukanlah bertujuan untuk menutup mulut golongan ateis tegar tetapi ia adalah untuk mereka yang secara jujur cuba untuk mencari jawapan daripada persoalan-persoalan yang diutarakan oleh golongan sekular itu.

Dalam pemerihalhan teodisi, al-Buti pertama sekali menerangkan tentang maksud sebenar musibah. Menurut al-Buti, manusia secara umumnya memahami ujian sebagai satu kekurangan pada aspek fizikal ataupun material yang dihadapi oleh seseorang. Contohnya, seseorang yang dipotong kakinya, matanya buta atau seseorang yang dijangkiti dengan penyakit dianggap sebagai satu musibah.

Sebaliknya, musibah bukanlah apa yang dilihat daripada mata terhadap apa yang berlaku pada luaran seseorang. Musibah atau dugaan adalah apa yang masuk ke dalam jiwa seseorang sehingga hatinya menanggung kepahitan dan keperitannya. Ianya menyinggung jiwa dalaman seseorang sehingga manusia tidak dapat melihatnya dengan pancaindera yang zahir. Dugaan ditimpakan kepada seseorang dengan cara yang lebih luas dan di luar pemikiran manusia. Tidak ada seorang pun manusia yang akan terlepas daripada dugaan (al-Buti, 2021). Sebaliknya, kesusahan yang menimpa seseorang memperlihatkan tanda kebaikan Allah kepada hambaNya kerana ia merupakan peluang untuk meningkatkan keimanan seseorang. Seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah,

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُصِبْ مِنْهُ

Maksudnya:

*Barangsiapa yang Allah kehendaki kebaikan baginya, Dia akan memberinya ujian. (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Marda, Bab ma ja'a fi kaffarah al-marad, hadis no 5645)*

Asas kesilapan pada perkara ini adalah apabila kita melihat seorang buta atau pekak berjalan di luar dan ia menyentuh perasaan kita dan kita bersimpati dengan situasinya. Kita beranggapan orang yang buta dan pekak tadi mengalami kesedihan dalam hati mereka. Dan sebaliknya apabila kita melihat seorang yang kaya menaiki kereta mewah dan hidupnya kaya, kita dengan yakin mempercayai dalam hatinya dia adalah seorang yang gembira. Kita hampir yakin akan keadaan dalaman mereka sedangkan kita tidak dapat melihat hati mereka. Pada hakikatnya kayu ukur yang kita sandarkan tersebut, bukanlah satu indikasi yang utuh. Sebab kegembiraan dan kesedihan pada hakikatnya bukanlah terletak pada apa yang zahir dan ini merupakan satu kesalahan besar apabila meletakkan keadaan hati dan jiwa seseorang pada apa yang terzahir daripadanya. Adapun, kesusahan yang menimpa seseorang pada hakikatnya bukanlah kesan daripada musibah yang menimpa diri tersebut. Akan tetapi ia adalah hasil daripada jiwa yang tidak mampu untuk mengakomodasi musibah tersebut dan bangkit daripadanya.

Menurut al-Buti, kegembiraan dan rasa cukup hanya boleh diperolehi apabila seseorang meyakini kewujudan Allah. Setiap individu perlu mengetahui realiti kewujudan manusia menurut yang telah ditetapkan oleh Allah, identitinya, kehidupannya, asal usulnya dan tanggungjawabnya. Setelah mengetahui perkara ini barulah setiap individu memahami bahawa dia adalah hamba yang dimiliki oleh Allah. Tugas sebagai seorang hamba adalah menerima segala perintah dengan taat dan patuh serta tidak memberontak terhadap Allah apabila musibah menimpa (al-Buti, 2021).

Secara logiknya, sebagai seorang hamba yang bergantung kepada penciptanya yang merupakan pemiliknya, tidak layak bagi seorang hamba untuk meletakkan apa yang adil bagi Tuhan. Tuhan sebagai pemilik seharusnya boleh memperlakukan apa sahaja yang diinginkan kepada hambaNya. Seorang pemilik boleh melakukan apa yang diinginkan dengan barang yang dimilikinya menurut kepada hikmah yang diperolehinya. Tiada sesiapa yang layak untuk masuk campur atau meragui dengan apa yang dilakukan oleh pemilik kepada barang yang dimilikinya. Justeru, ianya menjadi justifikasi kepada perbuatan Allah terhadap hambaNya. Apa sahaja yang berlaku adalah sebahagian daripada tujuan Allah untuk memberikan makna kehambaan manusia terhadap Tuhannya (al-Buti, 2021).

Ketidakadilan merujuk kepada situasi seseorang melakukan sesuatu terhadap hak milik orang lain tanpa keizinan pemiliknya. Justeru bagaimana ia boleh dinisbahkan kepada Allah yang merupakan pemilik mutlak kepada segala sesuatu yang wujud di dunia ini? Sekiranya sifat adil itu dinisbahkan kepada Tuhan, makna keadilan itu merujuk kepada keadilan Tuhan terhadap hambaNya yang akan terzahir di hari akhirat kelak dengan ganjaran baik bagi mereka yang melakukan kebaikan dan ganjaran buruk bagi mereka yang berbuat kejahatan (al-Buti, 2021).

Justeru boleh disimpulkan bahawa manusia tidak boleh meletakkan kewajiban ke atas Tuhan untuk melakukan sesebuah perkara ke atas makhluknya. Begitu juga, dalam memahami kebaikan dan kejahatan ia dilihat sebagai sesuatu yang relatif sekiranya mengikut pandangan manusia. Tuhan yang meletakkan samada sesuatu itu baik sekiranya ia bertepatan dengan syariat dan ianya dianggap jahat sekiranya ia bertentangan dengan syariat. Kejahatan, yang Allah Maha Tinggi daripadanya, adalah apa yang telah ditetapkanNya sebagai kejahatan. Kesempurnaan yang telah ditetapkan ke atas Allah adalah apa yang Allah telah tetapkan sebagai kesempurnaan. Justeru, apa sahaja yang Tuhan lakukan kepada hambaNya dianggap sebagai satu kesempurnaan dan terpisah daripada kejahatan mahupun kezalimana (al-Buti, 2018).

Persoalan yang lazim dipersoal adalah mengapa Tuhan menginginkan wujudnya kebaikan dan kejahatan, kesenangan dan kesakitan apabila Tuhan mampu untuk memberikan kesenangan dan kebaikan sahaja dan menghilangkan segala kesusahan? Menurut al-Buti, Tuhan ingin menjadikan manusia sebagai manifestasi kemuliaan Tuhan dan keagungan Tuhan dalam menciptakan manusia sebagai makhluk yang mempunyai akal. Dengan memahami konsep kehambaan yang sepenuhnya dengan hati yang ikhlas sebagai asas kehidupan, barulah manusia dapat mengharmonikan dirinya dengan realiti kehidupan melalui penyerahan diri secara sukarela kepada apa sahaja yang telah ditetapkan oleh Allah dengan mencari hikmah atas setiap apa yang berlaku. Perkara ini tidak dapat diperolehi kecuali manusia mempunyai akal yang sihat yang kemudiannya dapat menimbulkan rasa pengharapan dan takut. Selagi mana manusia mempunyai tanggungjawab dalam kehidupannya, sudah pasti kehidupannya akan diwarnai dengan kebahagiaan dan kesusahan serta kesenangan dan kesakitan. Sebarang ketidakpuasan hati terhadap perkara tersebut menunjukkan seseorang belum lagi secara sukarela menerima tanggungjawab yang telah diberikan Tuhan ke atasnya (al-Buti, 2021).

Sekiranya lanjutan daripada ini, manusia cuba pula mempersoalkan ‘mengapa Tuhan menjadikannya sebagai hamba dan tidak memberikan kekuasaan penuh ke atas dirinya supaya dia



boleh melakukan apa sahaja?'. Maka menurut al-Buti, logik akal yang waras tidak dapat memberikan jawapan kepada persoalan tersebut dan persoalan tersebut perlu disoal terus kepada Tuhan yang mencipta.

Manusia perlu mengetahui ujian pada hakikatnya bukanlah kesusahan dalam bentuk kemiskinan fizikal dan kesakitan semata-mata, namun ujian juga datang dalam bentuk kenikmatan di mana seseorang perlu mensyukuri setiap nikmat yang diperolehinya.

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَبَلَّوْكُمْ بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً ۗ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

Maksudnya:

*Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kami lah kamu semua akan dikembalikan. (Surah al-Anbiya' 21: 35)*

Sebahagian manusia mungkin mempersoalkan bagaimana orang yang kaya hidup dalam kemewahan dianggap sebagai satu ujian yang menyusahkan dirinya? Ujian bagi orang kaya yang sebenar adalah perintah baginya untuk mensyukuri segala nikmat yang telah dikurniakan kepadanya. Kesyukuran itu bukan dimanifestasikan dengan lisan sahaja tetapi dengan memastikan setiap daripada nikmat yang diperolehi digunakan dalam lingkungan yang diharuskan oleh Allah sebagai pemilik dan pemberi segala nikmat. Justeru, hal keadaan seperti itu juga adalah dianggap sebagai satu ujian. Allah telah memerihalkan di dalam al-Quran surah Saba' 34: 13 hanya sedikit sahaja daripada kalangan hambaNya yang bersyukur.

وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ الشَّاكِرُونَ

Maksudnya:

*Dan sedikit sekali dari hamba-hamba-Ku yang berterima kasih. (Surah Saba' 34: 13)*

Hal ini menunjukkan ujian untuk bersyukur itu bukan semudah seperti yang manusia sangkakan. Sebaliknya bagi mereka yang melalui kehidupan yang susah seperti hidup miskin, mereka tidak mempunyai pilihan lain kecuali untuk bersabar.

Mungkin juga menjadi persoalan manusia mengapa mereka yang tidak beriman diberikan segala kenikmatan manakala mereka yang beriman dibelenggu dengan kesusahan dalam kehidupan? Menurut al-Buti (2021), persoalan ini sepatutnya tidak dipersoalkan atas dua faktor utama.

Pertama, limpahan kebaikan serta kesenangan dunia bukanlah menjadi kayu ukur kebahagiaan manusia pada serta keredaan Allah. Ia juga bukanlah kayu ukur kepada kebahagiaan dan kejayaan sesebuah bangsa yang Allah redai walaupun pada hari ini bangsa yang tidak Allah redai ini yang sedang menikmati kehidupan yang senang dan mewah. Namun, ianya hanyalah bersifat sementara manakala balasan azab di akhirat kepada merekalah yang bersifat kekal. Seperti firman Allah,

لَا يَعْزَتُكَ تَقَلُّبُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي الْبَلَدِ مَتَّعٌ قَلِيلٌ ۗ ثُمَّ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمِهَادُ

Maksudnya:

*Janganlah sekali-kali kamu tepedaya oleh kebebasan orang-orang kafir bergerak di dalam negeri. Itu hanyalah kesenangan sementara, kemudian tempat tinggal mereka ialah Jahannam; dan Jahannam itu adalah tempat yang seburuk-buruknya. (Surah Ali Imran 3: 196-197)*

Dalam ayat lain, Allah turut menekankan,

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ مِّلِّيَهُمْ خَيْرٌ لِّأَنفُسِهِمْ إِنَّمَا مِّلِّيَهُمْ لِيَزِدَّادُوا إِثْمًا وَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ

Maksudnya:

*Dan jangan sekali-kali orang-orang kafir menyangka bahawa Kami membiarkan (mereka hidup lama) itu baik bagi diri mereka; kerana sesungguhnya Kami biarkan mereka hanyalah supaya mereka bertambah dosa (di dunia), dan mereka pula beroleh azab seksa yang menghina (di akhirat kelak). (Surah Ali 'Imran 3: 178)*

Rasulullah SAW sendiri banyak melalui susah payah dalam kehidupan, sehingga dapur rumahnya pernah tidak berasap (tidak mempunyai makanan untuk dimasak) selama tiga bulan. Faktor yang kedua adalah, muslim pada hari ini tidak seperti Muslim yang terdahulu yang diberikan Allah kelebihan untuk memegang kekuasaan kerana perilaku mereka yang bertentangan dengan syariat seperti yang disebutkan dalam Surah al-Nur 24: 55.

Dalam menawarkan solusi akhir dalam memahami teodisi, al-Buti menekankan pentingnya kesedaran manusia terhadap kasih sayang Tuhan yang mengatasi segalanya. Segala kekurangan yang wujud dalam kehidupan dunia ini tidak dapat dibandingkan dengan kenikmatan yang melimpah ruah yang telah dikurniakan Tuhan kepada hambaNya. Apabila seseorang individu dapat merasakan kasih sayang Tuhan, justeru individu tersebut tidak akan dapat membezakan antara kesakitan yang dihadapinya mahupun kenikmatan yang diperolehinya kerana kedua-duanya dianggap sebagai manifestasi hikmah dan iradah Tuhan serta kasih sayang Tuhan terhadapnya.

Secara keseluruhannya, al-Buti meletakkan dua kesimpulan penting dalam memahami keadilan Tuhan. Pertama, manusia perlu mengenal dan memahami hakikat dirinya sebelum perkara lain dan kemudiannya ia pasti akan menyedari bahawa ia adalah hamba Allah dan tertakluk kepada hukum Allah. Al-Buti menekankan pentingnya menyedari realiti manusia sebelum yang lainnya dan kedudukan manusia sebagai hamba Allah. Ini bermakna manusia harus memahami dan menerima kedudukan mereka dalam skema penciptaan Tuhan, yang mana mereka adalah makhluk yang bergantung sepenuhnya kepada kehendak dan ketentuan Tuhan. Kesedaran ini membantu manusia untuk menerima dan memahami bahawa segala kejadian, baik atau buruk, adalah sebahagian dari kehendak Allah yang mempunyai tujuan yang lebih besar dan lebih baik yang mungkin tidak difahami oleh manusia pada masa itu.

Kedua, manusia perlu sedar kehidupan yang dilalui hari ini hanyalah sebahagian kecil sahaja daripada penciptaan Allah yang besar dan sempurna. Pandangan ini menyarankan bahawa kehidupan duniawi harus dilihat dalam konteks keseluruhan yang lebih luas, termasuk kehidupan akhirat. Dengan memahami bahawa kehidupan dunia adalah sementara dan hanya sebahagian daripada keseluruhan perjalanan manusia, individu dapat melihat penderitaan dan kejahatan sebagai ujian atau sebagai sebahagian dari rencana ilahi yang lebih besar yang bertujuan untuk kebaikan akhir yang sempurna.

### Penutup

Secara keseluruhannya, teodisi merupakan antara isu utama yang dibahasakan dalam falsafah agama berkaitan dengan konsep keadilan Tuhan. Perbahasan ini sangat relevan dalam memahami bagaimana Tuhan yang Maha Adil dan Maha Baik dapat mengizinkan kejadian buruk menimpa manusia. Hasil kajian menunjukkan bahawa al-Buti menawarkan dua pendekatan utama untuk memahami keadilan Allah. Pertama, al-Buti menekankan pentingnya menyedari realiti manusia sebelum yang lainnya dan kedudukan manusia sebagai hamba Allah. Kedua, al-Buti menggariskan bahawa kehidupan manusia di dunia ini hanyalah satu bahagian kecil daripada penceritaan yang besar dan sempurna. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa pemahaman yang mendalam dan benar mengenai teodisi, seperti yang dijelaskan oleh al-Buti, dapat membantu individu dalam mengembangkan perspektif yang lebih seimbang dan matang tentang keadilan

Tuhan, serta memperkuat iman mereka dalam menghadapi segala bentuk ujian dan penderitaan di dunia. Implikasi dari pemahaman yang benar mengenai konsep teodisi ini sangat penting untuk kesejahteraan akidah seseorang. Dengan memahami konsep keadilan Tuhan dalam konteks qada' dan qadar, seseorang dapat memperkuat iman mereka dan menerima ketentuan Tuhan dengan ikhlas. Pemahaman ini juga membantu individu untuk tidak terjebak dalam keraguan atau keputusasaan ketika menghadapi kejahatan atau penderitaan, kerana mereka menyadari bahwa semua ini adalah bagian dari rencana Tuhan yang bijaksana dan adil.

### **Penghargaan**

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian Geran Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Selangor di bawah projek bertajuk 'Elemen Teodisi dalam Pemikiran Ateis di Selangor'. Kod Projek: 2023/P/GPIU/GPM-007.

### **Rujukan**

- Ahmad Faizuddin Ramli, Muhammad Ridhwan, S., Norazlan, H., & Siti, A. (2022). Understanding The Atheism Phenomenon Through The Lived Experiences of Muslims: An Overview of Malaysian Atheists. *HTS Teologiese Studies/Theological Studies*, 78(1), 1-8.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadhan. (2018). *Keyakinan Hakiki*. Putrajaya: JAKIM.
- Al-Buti, Sa'id Ramadan. (2021). *Man and Allah's Justice on Earth*. Mahdi Lock (trans). Singapore: Nawa Books.
- Bagus Nurwahyu Akhmad Faridatullah, Radea Yuli Ahmad Hambali, Maman Lukmanul Hakim and Yoshy Hendra Hardiyana Syah (2023) "Ibn Athaillah's Theodicy Thoughts About Ugliness", *al-Afkar, Journal For Islamic Studies*, 6(3), pp. 546-561
- Bagus, L. (2002). *Kamus Filsafat*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Hick, J. (2004). *An Interpretation of Religion*. New Haven: Yale University Press.
- Hick, J. (2010). *Evil and the God of Love*. New York: Palgrave Macmillan.
- Leahy, Louis. (1993). *Filsafat Ketuhanan Kontemporer*. Yogyakarta: Kanisius.
- Leibniz, Gottfried Wilhelm. (2009). *Theodicy*. New York: Cosimo.
- Maftukhin. (2018). Pemikiran Teodisi Said Nursi Tentang Bencana Alam: Perpaduan Pemikiran al-Ghazali dan al-Rumi. *Jurnal Peradaban Islam*, 14(2), 241-262.
- McCloskey, H. J. (1974). "The Morality of Punishment of the 'Moral' Criminal". Dlm *Punishment and Human Rights*. Cambridge: Schenkman Pub. Co.
- Muhammad Habib Himami. T.t. *Hikmah al-Khaliq fi 'Adlihi bayna al-Khalaiq: Mukhtasar li kitab al-Insan wa 'Adalah Allah fi al-Ard*.
- Nasrin Rouzati, (2015). *Trial and Tribulation in the Qur'an: A Mystical Theodicy*, Berlin: Gerlach Press.
- Nurhanisah Senin, Mustafa Kamal Amat Misra. (2022). Teodisi Menurut Imam al-Ghazali. *Kelestarian Pengajian Islam di Malaysia*. Melaka: KUIM. 98-102.
- Nurhanisah Senin. (2022). Memahami Teodisi dalam Perspektif Islam. *Isu-isu Kontemporari dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin*. KUIS. 114-120.
- Plantinga, A. (1974). *God, Freedom, and Evil*. Grand Rapids, MI: Eerdmans.
- Rouzati, Nasrin. (2018). Evil and Human Suffering in Islamic Thought—Towards a Mystical Theodicy. *Religions*. 9 (47).
- Syafieh. (2019). Kejahatan Dan Campur Tangan Tuhan. *LENTERA*, 1(1), 69-84.
- Syah, Y. H. H. (2022). Pemikiran Teodisi Ibn Arabi Tentang Keburukan. *Jurnal Aqidah dan Filsafat Islam*, 7(1), 61-85.
- Tubanur Yesilhark Ozkan. (2015). *A Muslim Response to Evil: Said Nursi on the Theodicy*. London and New York: Routledge.

Wan Razali, W. M. F. A. . (2023). Panduan Peranan Para Ibu Bapa dalam Pendidikan Teodisi Islam: Beberapa Pedoman daripada Kitab Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Miḥān oleh Al-'Izz Ibn 'Abd Al-Salām (577-660H): A Guide on Parental Roles in the Islamic Theodicy Education: Some Lessons from Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Miḥān by Al-'Izz Ibn 'Abd Al-Salām (577-660H). *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 2(2), 85–107.

## BAB 15

### ELEMEN ETIKA KERJA ISLAM DALAM ORGANISASI : SATU SOROTAN

Norsyahila Asikin Azmi<sup>1</sup>, Halim Mokhtar<sup>2</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>2</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>3</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

#### Pengenalan

Pelaksanaan etika kerja Islam merupakan satu keperluan dalam sesebuah organisasi bagi memastikan segala operasi berjalan lancar. Dalam Islam pekerjaan itu bukanlah sesuatu yang asing daripada agama namun ia dianggap sebagai perbuatan yang baik dengan pahala sebagai ganjarannya. Islam melihat kerja sebagai suatu ibadah, bukan sekadar untuk kepuasan diri dan mencari rezeki semata-mata. Pekerjaan yang dilaksanakan mestilah mengikut segala batas-batas syariat yang telah ditetapkan. Pekerjaan yang baik akan memberikan impak yang baik kepada diri dan organisasi. Sebagai individu muslim, setiap pekerjaan yang dilakukan haruslah bermatlamatkan untuk mencari keredhaan Allah SWT.

#### Konsep Etika Kerja Islam

##### a- Pengenalan Etika dan Etika Kerja

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi Keempat, etika didefinisikan sebagai nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan dan lain-lain). Etika juga boleh diertikan sebagai perwatakan, tingkah laku dan sekumpulan prinsip moral yang mempengaruhi perlakuan individu (Dean & Peter J, 2002). Manakala menurut perspektif Islam etika ditakrifkan sebagai akhlak. Akhlak berasal daripada perkataan arab yang membawa maksud sifat semula jadi, tabiat, maruah, moral atau perlakuan seseorang individu (Mustakim, 2015). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan akhlak sebagai budi pekerti, kelakuan, moral, sikap dan tabiat manusia. Manakala, etika kerja pula merupakan nilai yang dipegang dan dilaksanakan oleh seseorang individu (Satriadi, 2017). Etika kerja ialah sikap seseorang dalam melaksanakan tugasnya untuk mencapai matlamat organisasi yang telah ditetapkan (Mustakim, 2015). Setiap pekerjaan memerlukan nilai etika kerja yang tersendiri bagi memastikan setiap pekerjaan yang dilakukan memberi hasil yang cemerlang.

##### b- Etika Kerja Barat

Teori etika kerja barat ini telah diperkenalkan melalui teori Max Weber (1864) dan teori ini dikenali sebagai *Protestan Work Ethic* (PWE). Etika kerja yang ditekankan dalam teori weber, antaranya ialah sentiasa berusaha dan bekerja keras, mematuhi segala peraturan yang ditetapkan, sentiasa melakukan pekerjaan kerana masa itu berharga, berbelanja sesuai keperluan, berdikari dan menggunakan wang sebaiknya kerana setiap harta atau wang itu boleh mendatangkan keberuntungan pada diri (Furnham, 1990 dan Raluca RUSU, 2018). Pengkaji dan penyelidik barat mengakui bahawa fahaman Individualisme merupakan asas kepada Pembangunan etika kerja dan masyarakat (Abbas Ali, 1987). Individualisme didefinisikan sebagai *grounded in the belief that individual are separate beings with personal difference that make him or her unique from their group* (Triandi, 1995 dan Alice; Silvia; Mariya, 2020). Sikap ini mempercayai bahwa matlamat dan hala tuju

individu lebih penting daripada berkumpul serta lebih mementingkan nilai, hak dan pencapaian diri sendiri.

### **c- Etika Kerja Islam**

Menurut Syukri dan Razali (2001) konsep etika kerja Islam adalah berkaitan dengan sistem atau nilai kepercayaan yang dititipkan daripada al-Quran dan al-Sunnah ke dalam aspek pekerjaan. Menurut Tasmara (2002), etika kerja Islam adalah upaya yang dilakukan secara bersungguh-sungguh dengan menggunakan seluruh tenaga, pikiran, dan doa untuk menempatkan dirinya sebagai hamba Allah dan bagian dari masyarakat. Menurut Hussain & Ahmad (2006), etika kerja Islam merupakan nilai dalam menunaikan kerja sebagai pekerja yang dianggap sebagai sebuah ibadah dengan mematuhi prinsip-prinsip peraturan dalam Islam dan bertujuan untuk mencapai keredhaan Allah. Hal ini juga dapat dikatakan bahwa hanya dengan bekerja manusia itu memanusiaikan dirinya. Menurut Miskawayh (2014), terdapat empat nilai utama yang membawa kepada kesempurnaan etika atau akhlak seseorang individu iaitu kebijaksanaan, keberanian, kesucian diriserta keadilan (Jamilah Ahmad, 2018). Pelaksanaan nilai etika kerja Islam adalah berpandukan daripada al-Quran dan as-Sunnah. Menurut pengkaji-pengkaji lepas yang menjalankan kajian berkaitan etika kerja Islam menyatakan bahawa etika kerja Islam mampu membantu dalam membezakan yang betul dengan yang salah serta menekankan pelaksanaan segala tingkah laku yang baik bagi membantu organisasi dan para pekerja untuk berjaya dan mengekalkannya di masa hadapan. Selain itu, para pekerja yang mengamalkan etika nilai etika kerja Islam mempunyai komitmen yang tinggi terhadap organisasi yang diwakilinya (Ali, 1992; Yousef, 2000; Rizk, 2008; Kumar & Raduan, 2010 dan Jamilah & Nasliza, 2018).

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah kajian yang berbentuk kualitatif. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian dokumen. Kajian dokumen adalah kaedah yang digunakan bagi mendapatkan maklumat melalui pembacaan dari dokumen-dokumen. Kaedah ini mempunyai dua sumber iaitu sumber primer dan sekunder. Melalui sumber primer rujukan adalah berdasarkan buku-buku berkaitan etika kerja islam yang dilaporkan di dalam artikel jurnal dan jurnal. Manakala rujukan untuk sumber sekunder pula adalah melalui buku, majalah, kertas kerja, latihan ilmiah, akhbar dan laman web.

## **Sumber Etika Kerja Islam**

Islam memiliki al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber rujukan yang jelas untuk dijadikan garis panduan dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Oleh itu sumber rujukan utama bagi amalan etika kerja islam adalah berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Islam turut mengakui akal dan rujukan para Khulafa Ar-Rasyidin dalam membuat sesuatu keputusan.

### **a- Dalil Naqli**

#### **1. Al-Quran**

Dalam Islam sesuatu sumber ditentukan melalui wahyu daripada al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah SAW. Kedua-dua sumber ini dijadikan panduan oleh umat Islam dalam kehidupan seharian berkaitan pelbagai aspek yang merangkumi prinsip-prinsip asas dalam Islam, peraturan serta undang-undang. Al-Quran merupakan firman Allah S.W.T yang diturunkan kepada Rasulullah S.A.W melalui malaikat Jibril dan ia diterima oleh umat manusia dari generasi ke generasi tanpa ada perubahan (Wan Rohani, 2012).

#### **2. Sunnah**

Sunnah dari segi bahasa dapat diertikan sebagai jalan, tabiat manakala dari segi istilah pula, sunnah umumnya diertikan sebagai setiap perkara yang datangnya daripada

Rasulullah S.A.W yang berbentuk perkataan, perbuatan ataupun taqir (Umma, 2015). Berdasarkan definisi ini, maka Sunnah terbahagi kepada tiga bahagian (Zuhri, Fatimah & Watni, 2014):

- a. Sunnah Qauliah iaitu setiap perkataan daripada Rasulullah S.A.W yang boleh dijadikan sebagai dalil dalam penetapan hukum syara'.
- b. Sunnah Fi'liyyah iaitu setiap perbuatan daripada Rasulullah S.A.W yang boleh dijadikan sebagai dalil dalam penetapan hukum syara'.
- c. Sunnah Taqririyyah iaitu setiap pengakuan atau persetujuan Rasulullah S.A.W terhadap perkataan atau perbuat sahabat,. Persetujuan tersebut adalah dalam bentuk mendiamkan diri atau tanpa menegah sesuatu perkara.

## **b- Dalil Aqli**

Akal merupakan anugerah Istimewa yang diberikan kepada manusia dan Islam mengakui akal dalam membuat keputusan selagi ia tidak melanggar syariat dan didasari oleh al-Quran dan as-Sunnah. Manusia diseru untuk sentiasa berfikir dan Allah menyukai orang yang sentiasa berfikir. Melalui pemerhatian, penelitian para ulama terhadap dalil-dalil yang terdapat dalam al-Quran dan as-Sunnah para pemikir islam dapat membangunkan pelbagai cabang ilmu termasuklah berkaitan sikap dan etika kerja.

### **Elemen Etika Kerja Islam**

Elemen etika kerja Islam yang dibincangkan dipilih antara yang terpenting dan berdasarkan kesesuaiannya kepada organisasi. (Muhammad Mustakim; 2015, Satriadai; 2015, Mohamad Khadafi; 2015, Zatil Hidayah; 2018).

#### **a- Matlamat Pekerjaan Adalah Mencari Redha**

Tujuan bekerja dalam Islam adalah satu bentuk ibadah untuk mencapai keredhaan Allah S.W.T. Niat yang betul akan membimbing dan sentiasa menyedarkan kita bahawa setiap tingkah laku yang kita amalkan akan dinilai dan dibalas dengan pahala atau dosa. Matlamat pekerjaan yang betul akan mewujudkan umat Islam yang berjaya dalam setiap bidang pekerjaan kerana mereka akan memahami keperluan untuk menguasai bidang falsafah, penyelidikan, sains dan teknologi. Pekerja yang mempunyai pemikiran seperti ini cenderung untuk menyelesaikan tugas mereka dengan lebih bersungguh-sungguh, menyedari tujuan sebenar mereka bekerja adalah kerana Allah s.w.t dan dapat memberikan yang terbaik kepada organisasi. Sepertimana difirmankan dalam surah al-A'laa ayat 16 hingga 17:

بَلْ تُؤْتِرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا (١٦) وَالْآخِرَةَ خَيْرٌ وَأَبْقَى (١٧)

Maksudnya:

*Tetapi kebanyakan kamu tidak melakukan yang demikian), bahkan kamu utamakan kehidupan dunia; (16) Padahal kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal (17)*

#### **b- Keimanan teras kesungguhan**

Iman adalah tunjang kehidupan seorang muslim. Tanpa iman, semua amal soleh seseorang tidak dikira. Dalam menerapkan etika kerja Islam kepada pengurusan, konsep akidah perlu diberi perhatian khusus. Ini disebabkan adanya kesedaran dalam diri walaupun manusia tidak dapat melihatnya, Allah mengetahui segala yang dilakukan. Individu yang mempunyai keimanan yang tinggi pasti akan melaksanakan tugasnya dengan bersungguh-sungguh dalam apa jua keadaan. Individu yang berusaha bersungguh-sungguh pasti akan menerima ganjaran yang besar daripada Allah SWT dan juga pihak organisasi. Ganjaran yang diberikan bukan sahaja menaikkan semangat selain berjaya memupuk persaingan yang sihat dalam kalangan pekerja.

**c- Amanah**

Sikap amanah dalam melaksanakan tugas sebagai pekerja haruslah dijadikan keutamaan kerana ia mempengaruhi kualiti keberhasilan kerja yang baik. Berdasarkan konteks ini, pekerja bertanggungjawab melakukan sesuatu pekerjaan dengan baik, menggunakan segala kemahiran dan keupayaan yang dimiliki bagi memastikan segala pekerjaan dilakukan tanpa sebarang kecuaiian, pelengahan dan penyelewengan. Sifat tidak amanah dalam diri pekerja mampu menjejaskan kualiti mutu kerja yang cemerlang.

**d- Kejujuran**

Kejujuran adalah perkara yang mempengaruhi sesuatu kerja apabila melibatkan pihak tertentu. Jika sesuatu tindakan tidak dilakukan dengan berhati-hati atau melalui saluran yang salah, kumpulan yang berhak tidak akan menerima bahagian yang sepatutnya. Allah S.W.T mengingatkan hambanya agar sentiasa melakukan kebaikan. Kejujuran dalam memberikan maklumat dan menyampaikan maklumat yang benar mampu membantu kelancaran operasi sesebuah organisasi. Sikap kejujuran yang dipupuk turut menjadikan setiap anggota pekerja melaksanakan tugas dengan betul kerana sedar bahawa mereka sentiasa diperhatikan.

**e- Syura**

Syura adalah konsep yang diperkenalkan oleh Islam. Syura boleh difahami sebagai pertemuan atau perbincangan. Syura adalah proses perbincangan pendapat para ahli dalam sesuatu permasalahan untuk mencapai penyelesaian yang terbaik. Syura juga memerlukan pemerhatian yang mendalam, tentang perbincangan sesuatu isu, dan perbincangan untuk mencapai keputusan yang bermanfaat kepada semua pihak. Bagi memastikan sesebuah organisasi dapat berkembang dengan baik, penglibatan semua pihak dalam menentukan keputusan sesuatu perkara adalah penting. Keputusan yang dicapai melalui perbincangan akan dapat menghasilkan keputusan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, untuk memastikan konsep syura ini mencapai matlamatnya, ahli syura yang mempunyai kuasa dalam membuat keputusan mestilah terdiri daripada kalangan yang benar-benar cekap dalam bidang tersebut.

**f- Kerjasama, Amar Maaruf Nahi Munkar.**

Sebuah kejayaan bukan sahaja diukur berdasarkan kepada pencapaian individu sebaliknya ia adalah hasil usaha dan kerjasama antara para pekerja dalam melaksanakan tugas yang telah ditetapkan oleh organisasi. Setiap individu turut berperanan sebagai pemantau atau pemerhati di antara satu sama lain bagi mengelakkan sebarang pelanggaran peraturan. Sikap kerjasama yang dipupuk dalam sesebuah organisasi mampu membentuk persekitaran kerja yang baik dan bertepatan dengan apa yang dianjurkan oleh Islam.

**g- Islah (Penambahbaikan).**

Proses penambahbaikan merupakan satu islah dalam pengurusan organisasi di mana pihak pengurusan berperanan dalam memastikan organisasi sentiasa bersedia menghadapi pelbagai cabaran-cabaran baru. Maklum balas para pekerja merupakan maklumat penting dalam merancang proses penambahbaikan yang sesuai. Maklum balas ini diperolehi melalui pelbagai kaedah, antaranya adalah mesyuarat-mesyuarat, majlis bersama jabatan, borang pengakuan serta kaji selidik yang dilakukan oleh pihak pengurusan organisasi. Proses penambahbaikan bertepatan dengan Islam yang sentiasa menyeru umatnya agar sentiasa berusaha menjadi lebih baik.



## Penutup

Konsep etika kerja bukanlah sesuatu yang baru melainkan adalah sifat dalam diri manusia itu sendiri yang merangkumi sikap yang baik. Amalan beretika ini mestilah diamalkan pada setiap masa agar mendatangkan hasil kerja yang lebih baik. Islam memberi penekanan berkaitan kepentingan etika dan perilaku yang betul dalam kehidupan. Jika penerapan etika Islam dapat dilakukan secara menyeluruh maka sudah pasti sesebuah organisasi dapat melaksanakan pekerjaan dengan sempurna yang bertujuan untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T dan bukan semata-mata untuk ganjaran daripada organisasi sahaja.

## Rujukan

- Abbas Ali. (1988). *Scaling An Islamic Work Ethic*. The Journal Of Social Psychology, 576.
- Ahmad Zuhri, F. W. (2014). *Ulumul Hadis*. Medan: CV. Manhaji.
- Alice W. Cheng, S. R. (2020). *Individualism Vs. Collectivism*. Journal The Wiley-Balckwell Encyclopedia Of Personality And Individual Differences, 3.
- Bakar, M. S. (2016 ). *Kesan Pengantara Ketakterlibatan Moral Dalam Hubungan Antara Individulisme-Kolektivisme, Penyalahgunaan Penyeliaan, Tekanan Penghasilan dan Penyimpangan Tingkah Laku Guru Kolej Vokasional*. 14.
- Farida, U. (2015). *Diskursus Sunnah Sebagai Sumber Hukum Ilam : Perspektif Ushuliyin Dan Mubadditsin*. Jurnal Pemikiran Hukum Dan Hukum Islam, 238.
- Furnham, A. (1990). *The Protestant Work Ethic And Vocational Prefrences* . Journal Organizational Behaviour Vol11(1), 33.
- Jamilah Ahmad, N. N. (June 2018). *Pengaplikasian Etika Kerja Islam Oleh Pengamal Perhubungan Awam Di Organisasi Berteraskan Islam Di Malaysia* . Global Journal Al-Thaqafah Vol 8 Issue 1, 93-105.
- Mokhtar, W. R. (2012). *Penggunaan Uslub Khabari Dalam Al-Quran : Kajian Terhadap Surah Yasin*. 5.
- Muhammad Mustakim Mohamed Noh, S. A. (2015). *Kajian Kes Perlaksanaan Etika Kerja Islam (EKI) Di Johor Corporation (Jcorp): Tumpuan Kepada Perlaksanaan Dan Faedahnya*. Jurnal Pengurusan 45, 105-118.
- Rofie, M. K. (2015). *Prinsip Etika Kerja Islam Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah: Satu Penilaian Terhadap Karya Penulis Etika Kerja Islam Di Malaysia*. 199-241.
- RUSU, R. (2018). *The Prrotestant Work Ethic And Attitude Towards Work*. Scientific Bulletin Vol XXIII, 114.
- Salam, B. (1997). *Etika Sosial, Asas Moral Dalam Kehidupan Manusia*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.
- Yusuf, Z. H. (2018). *Pelaksanaan Etika Kerja Islam Dalam Kalangan Guru Sekolah Agama Swasta : Kajian Kes Di Sekolah Islam Darul Ehsan Selangor*. 26-38.

## **BAB 16**

### **TERMINOLOGI FALSAFAH ISLAM DAN PERANANNYA DALAM MEMBANGUNKAN PERADABAN**

Norsaleha Mohd Salleh,<sup>1</sup> Kamal Azmi Abd Rahman,<sup>2</sup> Amar Ismat Mohd Nasir<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>2</sup> Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

#### **Pengenalan**

Perbincangan tentang falsafah Islam dalam mata pelajaran di universiti banyak berkisar tentang tokoh-tokoh falsafah Islam yang muncul pada zaman kegemilangan tamadun Islam. Kemunculan tokoh-tokoh falsafah Islam ini sentiasa dibincangkan bersama idea dan sumbangan mereka dalam pelbagai bidang disiplin ilmu seperti ilmu sains, matematik, perubatan, ilmu alam dan lain-lain. Falsafah Islam juga membincangkan idea dan pemikiran mereka terhadap alam, manusia dan kewujudan. Walaupun terdapat pandangan mereka yang tidak selari dengan kehendak syarak dan menerima kritikan keras daripada ulama fiqh, pemikiran dan sumbangan mereka dalam perkembangan ilmu pengetahuan dan tamadun masih menjadi perbincangan dan perbincangan sarjana sehingga hari ini.

Falsafah adalah cabang ilmu yang menarik untuk diterokai kerana mempunyai kepelbagaian pandangan dan sejarahnya yang diwarnai oleh tokoh-tokoh pemikir hebat. Ini merupakan ilmu yang mementingkan perbincangan logik dan rasional. Keutamaan yang diberikan terhadap logik dan rasional menyebabkan falsafah dikritik kerana banyak membincangkan isu-isu yang abstrak dan sukar difahami. Ilmu ini bagi pengkritik adalah ilmu yang bersifat teoretikal dan tidak mempunyai kekuatan praktikal. Walau apa pun pandangan atau kritikan yang diberikan terhadap falsafah, ilmu ini terus berkembang melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh tokoh-tokoh falsafah sehingga terbentuklah dialektika pemikiran falsafah. Terdapat ahli falsafah yang meneruskan tradisi pemikiran sebelumnya atau mengemukakan pemikiran lawan yang bertentangan atau pun membawa pandangan yang sederhana iaitu satu usaha untuk mengharmonikan dua aliran pemikiran yang saling bertentangan.

Semua pemikiran dan idea mempunyai hujah yang tersendiri dan perlu dilawan atau dikritik dengan hujah akal juga jika terdapat perselisihan. Dalam sejarah falsafah Islam, antara kritikan terhadap falsafah yang paling signifikan adalah kritikan yang dilakukan oleh al-Ghazali (1058-1111) di dalam Tahafut terhadap Ibn Sina (980-1037) dan mereka yang seangkatan dengannya yang berfikir pro-Yunani. Kritikan ini menurut sesetengah pengkaji telah melumpuhkan perkembangan falsafah aliran ini dalam dunia falsafah Islam. Kemudian terdapat lagi contoh-contoh yang lain seperti kritikan Ibn Taimiyah (1263-1328) terhadap al-Ghazali (1058-1111) dan kritikan Ibn Rushd (1126-1198) terhadap al-Ghazali (1058-1111). Semua usaha ini memperkayakan dan menjana sebuah perkembangan ilmu dalam dunia tamadun Islam terutama ilmu pemikiran dan falsafah Islam.

## Definisi Falsafah Islam

Falsafah berasal daripada perkataan Arab (فلسفة). Perkataan Arab ini pula menurut al-Farabi (870-950) berasal daripada perkataan Yunani yang ditranskripsikan menjadi *philosophia* (*philo* + *Sophia* = *philosophia*, bacaan failosofia). Ia membawa maksud hasil kecintaan kepada kebijaksanaan atau kecintaan kepada kebenaran atau kecintaan kepada hikmah. Dalam Bahasa Yunani, ahli atau pakar dalam ilmu ini dikenali sebagai *philosophe* (bacaan faylasuf). Kata akar kedua-dua perkataan ini ialah *philosophein* yang bermaksud mencintai kebenaran. Perkataan ini muncul pada kurun ke-6SM (Gutas, 2001). Dalam bahasa Arab, istilah ahli falsafah jelas daripada perkataan *philosophe* kerana ia dikenali sebagai faylasuf (فيلسوف) atau versi jamaknya falasifah. Dalam Bahasa Latin falsafah dieja sebagai *philosophei* yang diinggeriskan menjadi *philosophy* (Shaharir, 2000). Pada zaman ketamadunan Islam (610-1924) ahli falsafah juga dikenali sebagai hakim atau versi jamaknya hukama' yang berasal daripada perkataan hikmah (حكمة).

Tiada suatu definisi yang dapat diterima umum tentang falsafah Islam (Shaharir, 2000). Walaupun begitu, maksud yang paling tepat untuk menjelaskan maksud falsafah Islam adalah falsafah dan pemikiran yang lahir dalam kebudayaan dan ketamadunan Islam. Ini disebabkan terdapat beberapa aliran utama yang boleh diklasifikasikan dalam pembentukan falsafah Islam sebagai kerangka pemikiran falsafah yang lahir dan berkembang mengikut acuan Islam sehingga membangunkan tamadunya sendiri (Lange, 2009). Kebanyakan pengkaji mengelaskan aliran tersebut kepada aliran Peripatetik atau *Masha'iyah* iaitu aliran yang mengikuti secara meluas tradisi falsafah Yunani, sementara aliran Suffisme atau Tasawwuf menggunakan asas-asas ilmu yang bersifat *zawq* dalam pembentukan idea utama mereka (Gutas, 2001; Shaharir, 2000).

Terdapat dalam kalangan mereka yang mendakwa bahawa falsafah Islam mengekalkan penumpuan mereka terhadap al-Quran al-Karim dan teks-teks cendekiawan Muslim yang signifikan (Nasr, 1996). Sepanjang sejarahnya, falsafah Islam cuba untuk memahami hakikat tentang Kitab Suci dan juga alam ciptaan. Kejatuhan falsafah Peripatetik dalam dunia Islam tidak bermaksud kejatuhan falsafah Islam sebaliknya ilmu falsafah terus berkembang dalam bentuknya yang berbeza. Walaupun terdapat kritikan bahawa falsafah tidak dibincangkan sewajarnya dalam kalangan cendekiawan Muslim disebabkan mereka mempunyai panduan sempurna bukan sahaja dalam tindakan tetapi juga dalam pembinaan ilmu melalui al-Quran al-Karim, namun masih terdapat sebab yang tertentu untuk membahaskan falsafah Islam berdasarkan kepada asas-asas agama (Shaharir, 2000).

Salah satu perbincangan yang penting dan menarik dalam falsafah Islam adalah tentang kontroversi menjelaskan tentang apakah itu falsafah Islam. Pendapat ini menyatakan bahawa falsafah Islam adalah falsafah yang dihasilkan oleh Muslim sahaja kerana ahli falsafah Muslim tidak membincangkan tentang isu-isu Islam dalam penulisan falsafah mereka (Nasr, 1996). Perkara ini tertolak kerana terdapat ramai ahli falsafah yang bukan Islam juga yang membincangkan secara jelas tentang falsafah Islam. Penulis-penulis dan penterjemah buku falsafah pada abad pertengahan seperti Hunayn bin Ishak (830-910) dan lain-lain adalah antara ahli falsafah bukan Islam yang menyumbang kepada perkembangan dan pembentukan falsafah.

Selain itu, wujud juga perdebatan yang menyatakan falsafah Islam tidak wujud, tetapi yang wujud adalah falsafah Arab. Ini disebabkan elemen Arab adalah elemen yang paling dominan dalam pembentukan falsafah Islam jika dibandingkan dengan elemen dan tradisi bukan Arab (Shaharir, 2000). Tambahan lagi medium kebanyakan penulisan falsafah Islam ditulis dalam Bahasa Arab dan elemen kebangsaan Arab dalam bentuk pemikiran. Kesedaran dan keinginan orang Arab untuk mendapatkan ilmu dan mengkaji bidang pemikiran menjadi faktor penting dalam memajukan bidang ilmu dan perkembangan intelektual dalam kalangan masyarakat Islam (Nasr,

1996). Walau bagaimanapun, masih tidak tepat untuk menyatakan bahawa falsafah Islam adalah Falsafah Arab kerana falsafah Islam dan penulisannya ditulis tidak hanya ditulis dalam Bahasa Arab tetapi terdapat juga ditulis dalam bahasa lain terutamanya dalam Bahasa Parsi. Sebagai contoh, karya *al-Najat* oleh Ibn Sina dan *Kimīyā-yi Sa'adat* oleh al-Ghazali.

Tambahan pula, falsafah Islam bukan sekadar produk yang terhasil daripada kebudayaan dan tradisi Arab sebaliknya ia telah dibentuk oleh pelbagai budaya dan tradisi (Shaharir, 2000; Lange, 2001). Perluasan wilayah Islam dan penaklukan wilayah-wilayah yang berhampiran menjadikan falsafah Islam semakin berkembang dan berpengaruh. Walaupun begitu, kerangka pemikiran falsafah Yunani sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap pembentukan falsafah Islam (Gutas, 2001). Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa perkataan falsafah dalam Bahasa Arab berasal daripada perkataan Yunani iaitu *philosophia* – merujuk kepada falsafah yang berasaskan akal dan bukan wahyu (Shaharir, 2000). Namun idea ini bukan didokong oleh semua pemikir atau ahli falsafah Islam (Gutas, 2001).

Menurut Shaharir (2000), definisi falsafah Islam banyak dipengaruhi oleh bidang-bidang kajian falsafah yang menjadi tumpuan dan fokus ahli falsafah Islam pada zaman tamadun Islam (610-1924). Sebagai contohnya ialah al-Kindi (796-873) membahagikan falsafah kepada tiga cabang kajian iaitu sains fizik, sains matematik dan sains ketuhanan. Beliau menegaskan falsafah sebagai ilmu termulia dan terbaik yang tidak wajar ditinggalkan oleh mereka yang berfikir kerana ilmu ini membicarakan tentang semua perkara yang berguna, cara memperolehnya dan cara menjauhi perkara-perkara yang merugikan.

Al-Farabi (870-950) menegaskan falsafah sebagai ilmu yang membincangkan tentang kewujudan yang tidak bercanggah dengan agama, bahkan sama-sama memuja kebenaran yang bertujuan untuk mengetahui tentang Yang Maha Esa. Berbeza dengan al-Kindi, al-Farabi membahagikan falsafah kepada dua bidang; iaitu teori (meliputi matematik, fizik dan metafizik) serta amali (berkaitan ilmu etika atau ilmu akhlak). Ibn Sina (980-1037) juga telah membahagikan falsafah kepada teori dan amali. Ini selari dengan pandangan al-Farabi di mana kedua-dua bahagian ini dikaitkan dengan Islam termasuk kajian tentang kewujudan (hakikat wujud).

Al-Ghazali (1059-1111) pula seorang ahli falsafah yang telah menggelar sebahagian ahli falsafah lain sebagai zindiq kerana menyeleweng daripada landasan Islam yang sebenar. Ini kerana menurut beliau, falsafah mempunyai manfaat dan pada masa yang sama juga mempunyai mudarat. Kritikan beliau bukanlah terhadap keseluruhan ilmu falsafah tetapi pada bahagian yang telah dinyatakan di dalam penulisannya terutama di dalam *Tahāfut*. Bahagian yang bermasalah ini tertumpu kepada perbincangan metafizik ahli falsafah yang telah dibentangkan oleh al-Fārābī dan Ibn Sīnā. Baginya, metafizik tersebut didasari oleh Neo-Platonisme yang mana bukan sahaja boleh menyesatkan malahan boleh membawa kepada kekufuran. Manakala cabang ilmu falsafah yang lain seperti matematik, logik, fizik, politik dan etika adalah diharuskan.

Ibn Rushd (1126-1198) menegaskan falsafah ialah penyelidikan tentang alam wujud dan memandangnya sebagai jalan untuk menemui Yang Maha Pencipta segala ciptaan. Beliau menentang kuat pendirian al-Ghazali dan berhujah bahawa falsafah tidak bertentangan dengan agama, malah ia memantapkan, mengukuhkan dan menjelaskan hal-hal yang berkaitan agama. Ada pihak yang mendakwa Ibn Rushd meletakkan falsafah mengatasi agama di mana agama untuk orang awam sedangkan falsafah untuk mendapat kebenaran lebih mendalam. Ibn Tufayl (1110-1185) menegaskan tujuan falsafah ialah untuk kebahagiaan dan kebenaran melalui jalan berfikir. Ikhwan al-Safa (927-975) berpendapat ahli falsafah ialah orang yang mencintai ilmu,

mengetahui hakikat wujud, membina teori dan amal serta sesuai dengan kehidupan dunia dan akhirat.

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh tokoh-tokoh falsafah Islam ini dapat disimpulkan falsafah Islam ialah satu metodologi pemikiran yang menghasilkan idea dan buah fikiran yang diadunkan daripada pandangan syara', akal rasional dan bukti-bukti empirikal. Falsafah Islam tidak menolak pandangan rasional ahli falsafah Yunani, malah mengukuhkan lagi pandangan tersebut dengan pandangan syara' daripada al-Quran dan al-Sunnah. Manakala idea dan pemikiran falsafah Yunani yang bertentangan dengan syara', mereka tinggalkan atau membawa idea tersebut untuk menjadi wacana baru mengasah daya pemikiran umat Islam.

### **Keputusan Falsafah Islam**

Terdapat dua pandangan utama mengenai kepentingan dan keperluan ilmu falsafah dalam memahami kebenaran terutamanya yang berkaitan dengan agama. Golongan pertama ialah mereka yang menyokong penggunaan ilmu falsafah dalam menentukan kebenaran dan melihat ilmu ini adalah penting. Mereka bersetuju dengan kenyataan al-Kindi (796-873) mengenai ilmu falsafah iaitu tiada pertentangan antara agama dan falsafah seperti yang didakwa oleh golongan yang menentang penggunaan falsafah (Smith, 2022). Ilmu falsafah mampu memberikan muslim khususnya dan manusia amnya suatu kebenaran dengan menggunakan metode yang berbeza dan tidak seperti yang digunakan oleh kelompok muslim sebelumnya. Kepercayaan kepada Wahyu dan kemutlakkannya adalah bermanfaat kepada mereka yang inginkan sesuatu kepercayaan yang mudah tetapi kurang berkesan kepada mereka yang berfikir dan sentiasa melihat hikmah kepada sesuatu (Yusof, 2019). Pada mereka, falsafah mampu memberi kepuasan kepada mereka dalam hal tersebut dan menambah kepercayaan mereka kepada kebenaran agama (Hassan, 2021). Selain itu, falsafah sentiasa menggalakkan penggunaan proses taakulan dan pemikiran logik merupakan senjata berguna dalam mempertahankan agama (al-Kindi, 2023). Dalam erti kata lain, ilmu falsafah adalah medium yang paling berguna dalam usaha berdakwah dan mempertahankan agama daripada serangan golongan bukan Islam. Serangan-serangan ini banyak dilakukan kepada doktrin kepercayaan agama dalam bentuk pemikiran logik tidak akan mampu dipertahankan Muslim dengan hanya berdasarkan kepada ketundukan kepada Wahyu (Ahmad, 2020).

Golongan kedua pula adalah mereka yang mempunyai pandangan bertentangan dengan golongan pertama iaitu mereka yang menolak penggunaan falsafah dalam agama dan penentuan terhadap kebenaran (Smith, 2022). Mereka melihat sejarah ilmu falsafah itu sendiri merupakan sesuatu yang asing dalam Islam. Falsafah jika dilihat dari segi sejarah asal-usulnya sebelum dibawa oleh ahli falsafah Muslim ke dalam Islam adalah berasal daripada Yunani yang beragama pagan dan dipenuhi dengan kepelbagaian kepercayaan mitos dan dongengan. Mereka juga memberikan dalil bahawa Islam itu sudah lengkap disampaikan oleh Nabi SAW sebelum kewafatan-Nya. Oleh itu, falsafah atau ilmu sains Yunani dilihat tidak perlu dan tidak signifikan lagi dalam agama kerana segala-galanya telah diberikan oleh wahyu dan kenabian. Dalil utama kepada penolakan golongan ini terhadap ilmu falsafah ialah terdapat pertentangan yang ketara antara falsafah dan Islam kerana ilmu falsafah itu didasari oleh falsafah neo-platonik. Falsafah neo-platonik ini bersetuju dengan pandangan Aristotle tentang keabadian alam serta kebenaran adalah berdasarkan dalil akal dan bukan Wahyu. Oleh itu, falsafah seperti ini bukan suatu dalil alternatif untuk kebenaran dan memahami agama sebaliknya ilmu ini merupakan lawan kepada sistem yang dianjurkan agama (Hassan, 2021).

Seperti yang dinyatakan di atas terdapat dua golongan yang saling bertentangan pendapat mengenai kepentingan dan keperluan ilmu falsafah. Oleh itu, usaha untuk mendamaikan kedua-dua golongan ini dan mencari jalan tengah melalui titik persamaan yang ada mungkin bermanfaat

supaya boleh meminimumkan perselisihan dan kekeliruan. Ilmu falsafah merupakan suatu alat yang dianggap perlu untuk mempertahankan kepercayaan agama seperti yang dilakukan oleh golongan Mukhtazilah (Ahmad, 2020). Islam telah memberikan ruang terhadap perkembangan ilmu falsafah namun peranan falsafah adalah sebagai alat dan bukan matlamat. Falsafah Islam dapat memperkukuh kedudukan Islam dan memperkuat bukti kewujudan Tuhan. Sebagaimana Islam meraikan kepelbagaian jalan menuju Allah, maka jalan berfikir yang dibawa oleh falsafah adalah satu daripadanya. Oleh dengan itu, jika didapati falsafah yang didasari oleh pemikiran bebas, tidak terpandu akan menjerumuskan kepada kekeliruan dan kesesatan (Hassan, 2021).

Berhubungan dengan fikir dan berfalsafah, Islam meletakkan akal manusia pada kedudukan yang sangat mulia bahkan ini yang menjadikan manusia berbeza dengan makhluk yang lain. Syarat taklif dalam Islam juga adalah berakal, dan taklif untuk manusia adalah khalifah menjaga bumi dan memakmurkannya diberikan kepada makhluk yang berakal sahaja. Maka, penggunaan akal adalah dituntut dalam Islam dan salah satu jalan caranya adalah melalui berfalsafah. Akan tetapi, falsafah dan pemikiran yang tidak dipandu akan memberikan kesan buruk kepada individu dan boleh membawa mereka ke lembah kesesatan. Kisah yang telah dirakamkan oleh al-Quran tentang keingkaran Iblis untuk tunduk kepada Nabi Adam AS adalah bertunjangkan kepada hujah rasional semata-mata. Dalam kehidupan moden, falsafah dan pemikiran membawa kepada lahirnya pelbagai ideologi seperti sekularisme, sosialisme, kapitalisme dan lain-lain yang saling bertentangan antara satu sama lain. Ideologi-ideologi ini bertujuan untuk menggantikan peranan agama dalam memandu hidup manusia dan menjawab persoalan-persoalan kehidupan.

Kesimpulannya, ilmu falsafah adalah ilmu yang bermanfaat bagi Muslim. Ia menggalakkan manusia berfikir mencari kebenaran dan menghasilkan idea dan ilmu baru bagi memenuhi tuntutan fardhu kifayah. Keupayaan manusia meneroka menggunakan akal fikiran merupakan anugerah Allah SWT kepada hambaNya. Namun begitu, manusia juga perlu mengakui keterbatasan fungsi akal fikiran dan keperluan manusia kepada petunjuk Allah melalui wahyu untuk mendapatkan kebenaran yang hakiki, terutama perkara-perkara samiyat dan ghaibiyat yang tidak boleh dicapai oleh akal fikiran. Oleh kerana itu, jika ditelusuri sejarah tamadun Islam dan ketokohnya, kebanyakan ahli falsafah Islam ialah mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan tentang agama, menghafal al-Quran al-Karim, mempelajari usul fiqh dan tauhid. Asas-asas agama inilah yang memandu mereka apabila meneroka pbagai ilmu pengetahuan yang berasaskan kepada empirikal dan rasional.

## **Kedudukan Falsafah Islam Dalam Disiplin Ilmu**

### **i- Falsafah dan Hikmah**

Falsafah adalah perkataan Yunani yang telah diArabkan yang menunjukkan makna suka dan cintakan kebenaran. Manakala hikmah adalah perkataan al-Quran al-Karim yang menggambarkan kebijaksanaan, kebenaran, hikmah Allah SWT, ilmu, Kitab al-Quran al-Karim dan Sunnah Rasulullah SAW. Penulis sejarah Islam seperti al-Qifti (1172-1248), Ibn Abi Usaybiah (1203-1270), al-Sijistani (912-985), Ibn Nadim (998), Ibn Sina (980-1037), al-Suhrawardi (1154-1191) dan lain-lain menggunakan perkataan hikmah dan hukama' bagi menggambarkan kebijaksanaan, idea dan pemikiran falsafah dan tokoh-tokoh falsafah Islam pada zaman tu. Falsafah dianggap sebagai ilmu tentang kewujudan, insan dan alam, makakala konsep yang lebih meluas tentang disiplin ini menggunakan terminologi hikmah. Ibn Sina (980-1037) antara sarjana awal yang menggunakan perkataan hikmah dan hukama' yang merujuk kepada ahli falsafah dalam kitab beliau yang bertajuk 'Uyun al-Hikmah yang membahaskan tentang tabieyyat,

mantiq dan ilahiyat. Begitu juga al-Qifti (1172-1248) menerangkan tentang biodata tokoh-tokoh falsafah pada zaman itu dalam kitab beliau yang bertajuk *Tarikh al-Hukama'*.

Menurut sarjana Islam, para hukama' adalah mereka yang dikurniakan kebijaksanaan dalam menghasilkan idea dan buah fikiran yang menyumbang kepada pembangunan peradaban ketika itu. Tokoh-tokoh falsafah seperti al-Kindi (801-873), al-Farabi (872-950), Ibn Sina (980-1037), Ibn Bajjah (1080-1138), Ibn Tufail (1105-1185), Ibn Rushd (1126-1198) dan lain-lain disenaraikan dalam kitab *Tarikh al-Hukama'* (al-Qifti, 1958). Malah perbincangan dan perbincangan yang melibatkan idea dan pemikiran oleh tokoh-tokoh ini disebut sebagai hikmah. Dalam konteks yang lain, hikmah merupakan barang milik orang mukmin yang hilang. Di mana sahaja hikmah itu dijumpai, orang mukmin itu lebih berhak mendapatkannya. Begitu jugalah dengan ilmu pengetahuan. Ilmu adalah milik Allah SWT yang telah dikurniakan kepada manusia, seawal penciptaan Nabi Adam AS. Ia adalah hikmah yang dikurniakan Allah kepada manusia.

Kebanjiran ilmu pengetahuan seperti kimia, fizik, matematik, sastera, astronomi, geografi, geometri, pertanian, penternakan dan lain-lain pada zaman kegemilangan tamadun Islam adalah hasil daripada perkembangan ilmu yang turun temurun semenjak zaman Nabi Adam AS. Dakwaan yang mengatakan semua ilmu bermula semenjak zaman Yunani adalah tidak benar. Ini dibuktikan dengan peninggalan teknologi klasik seperti Piramid di Mesir yang wujud pada tahun 2650 SM dan Taman Tergantung Babylon di Iraq (600SM) menunjukkan kepada perkembangan ilmu pengetahuan manusia yang sentiasa bergerak. Sebab itulah, sarjana Islam pada zaman klasik lebih cenderung menggunakan istilah hikmah berbanding perkataan falsafah. Namun begitu, apabila berlaku perpindahan ilmu pengetahuan daripada Timur kepada Barat, perkataan falsafah mula digunakan secara meluas dan diterima sebagai satu disiplin dalam ilmu pengetahuan.

## **ii- Akal dan Wahyu**

Kebanyakan pengkaji Barat menjadikan isu akal dan wahyu sebagai isu utama yang digambarkan sebagaimana pertentangan antara kota Athens dan Jerusalem, atau pertembungan antara falsafah dan agama. Walaupun begitu perumpamaan yang diberikan, ia sebenarnya masih belum dapat menggambarkan deskripsi sebenar, adakah benar berlaku pertembungan antara akal dan wahyu. Isu ini mendapat perhatian terutama dalam perbincangan falsafah Islam bahkan isu ini masih terus berjalan sehingga ke hari ini di dalam dunia Islam.

Timbul persoalan; jika wahyu telah memberitahu segalanya kepada mereka yang beriman tentang apa yang sepatutnya mereka ketahui, kenapa masih perlu membincangkan isu yang sama dengan menggunakan akal? Terdapat beberapa jawapan telah diberikan melalui pertanyaan ini. Pertama, bahasa al-Quran al-Karim bukan bahasa yang disampaikan kepada Muslim sahaja, tetapi kepada semua orang yang boleh membaca dan memahaminya. Ia diturunkan untuk semua manusia. Al-Quran al-Karim juga secara konsisten mengajak pembacanya untuk mengambil peduli pembuktian rasional terhadap Islam sebagai agama, dan juga meletakkan nilai yang tinggi kepada akal yang ada pada manusia. Melalui akal, manusia menjadi mulia daripada makhluk ciptaan yang lain. Sudah tentunya akal mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam kehidupan manusia. Walaupun begitu, ini tidak bermakna tiada langsung peranan iman, tidak juga bermaksud bahawa iman tidak penting dalam peringkat mengenal Tuhan. Namun al-Quran al-Karim memberikan pernyataan kebenaran dalam bentuk rasional - tanda-tanda dan bukti-bukti. Ini sudah tentunya tidak bermaksud akal digunakan secara bebas seperti yang difahami oleh pemikir moden, tetapi sebuah pendekatan yang meletakkan akal bebas pada kedudukan yang tinggi terutama sekali dalam pembentukan sebuah pemikiran dan falsafah.

Terdapat perbezaan yang mendasar antara akal dan wahyu yang boleh juga merujuk kepada pertentangan antara agama dan falsafah. Agama berpijak pada Wahyu sedang falsafah berpijak pada akal. Teologi bertolak daripada Wahyu dan kesedaran tentang akan adanya Tuhan manakala falsafah bertolak daripada akal fikiran dan kesedaran akan wujud sendiri. Teologi bersifat sebagai orang yang sudah mencapai kebenaran, sedang falsafah bertindak sebagai orang yang sedang mencari kebenaran. Oleh yang demikian, dalam sejarah falsafah Islam, ahli falsafah akan memandang teologi Islam sebagai tanda kemerosotan intelek dan seorang ahli teologi Islam akan melihat ahli falsafah sebagai seorang yang sedang bermain-main dengan barang suci. Ahli falsafah akan melihat ahli teologi tidak mematuhi aturan berfikir dalam falsafah walaupun dalam pendalilan mereka berbaur hujah-hujah falsafah dan rasional. Ahli teologi Islam berpandangan bahawa falsafah adalah berbahaya kepada agama. Menurut mereka agama sudah lengkap dan ajaran Islam perlu difahami daripada apa yang diwariskan oleh Nabi dan golongan awal Islam.

Nabi Muhammad SAW adalah Nabi yang terakhir. Ini menunjukkan bermula pada era Baginda SAW sehingga akhir, tiada lagi utusan Allah yang boleh mendakwa mendapat wahyu. Umat Islam bergantung sepenuhnya terhadap pentafsiran yang benar daripada ayat-ayat Ilahi sama ada dalam bentuk tekstual iaitu al-Quran al-Karim dan Hadis atau dalam bentuk fizikal iaitu alam ciptaan. Titik berhentinya kenabian memberikan maksud, manusia pada era selepas zaman kenabian akan menggunakan akal untuk memahami hakikat alam semulajadi bagi sesuatu kejadian. Akal tersebut dipandu oleh prinsip-prinsip asas dalam Islam melalui al-Quran al-Karim dan Hadis Rasulullah SAW.

Seperti mana yang difirmankan dalam al-Quran al-Karim Surah al-Fussilat ayat 53:

سُرِّيهِمْ ءَايَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ  
عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

Maksudnya;

*«Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Belumlah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumlah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?» [Fussilat: 53]*

Ayat di atas menunjukkan kepentingan peranan akal dalam memahami wahyu Tuhan. Tidak berlaku isu pertentangan dan pertembungan antara akal dan wahyu seperti dakwaan sesetengah pihak. Falsafah Islam menerima fungsi akal yang memainkan peranannya untuk menjelaskan tentang kenabian atau wahyu. Terdapat asas yang harmoni antara akal dan wahyu. Dalam perbahasan falsafah Islam, kedua-duanya juga tidak menunjukkan sebarang ketidakserasian. Bagi pandangan ahli falsafah, akal dan wahyu, agama dan falsafah atau rasional adalah harmoni dan tidak bertentangan antara satu sama lain.

Sejarah perbahasan akal dan wahyu boleh dilihat dalam tradisi kumpulan mutakallimin atau ahli teologi Islam. Perdebatan adalah sebuah wacana yang menarik dalam tradisi keilmuan Islam bahkan sampai ke hari ini perdebatan akal wahyu masih berlangsung dalam kalangan ulama dan ahli pemikir Islam. Perdebatan dalam kalangan ahli mutakallamin dan ahli falsafah Islam adalah suatu perdebatan yang sangat signifikan memandangkan metode dan pendekatan ahli kalam dan ahli falsafah adalah pendekatan rasional iaitu usaha untuk membuktikan dan memperkuat keyakinan agama dalam bentuk dalam bentuk logik dan rasional. Walaupun seseorang ahli



falsafah mungkin berpendirian atau menggunakan metode nassiyah atau tekstual, mereka masih menggunakan pendekatan rasional untuk mendepankan idea-idea mereka.

Wahyu dalam perbahasan ini adalah merujuk kepada al-Quran al-Karim dan Hadis Sahih. Al-Quran al-Karim adalah Kitab suci yang tiada keraguan padanya sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 5;

أَلَمْ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ  
وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ  
أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya;

*Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang Yang (hendak) bertaqwa; Iaitu orang-orang Yang beriman kepada perkara-perkara Yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki Yang Kami berikan kepada mereka. dan juga orang-orang Yang beriman kepada Kitab "Al-Quran" Yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab-kitab Yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya. (al-Baqarah, 2:5)*

Al-Quran al-Karim adalah firman Allah yang telah disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW. Wahyu Ilahi hakikatnya bukan sekadar menegaskan tentang keyakinan atau yang berkaitan dengan kepercayaan tetapi dalam pemahaman yang lebih luas, Wahyu adalah blueprint bagaimana manusia harus menjalani kehidupannya. Selain itu, wahyu juga merujuk kepada Hadis yang disampaikan oleh Nabi SAW dalam bentuk perkataan, perbuatan atau taqirir. Nabi SAW seperti yang disebutkan di dalam al-Quran al-Karim tidak akan membicarakan sesuatu melainkan ia adalah wahyu Allah. Firman Allah SWT dalam surah al-Najm ayat 3-4;

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Maksudnya;

*dan ia tidak memperkatakan (sesuatu Yang berhubung Dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala Yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu Yang diwahyukan kepadanya (Surah al-Najm 3-4)*

Akal tidak seperti wahyu yang mempunyai maksud dan peranannya yang disepakati umum. Perbahasan tentang akal tidak pernah berhenti dan masih berterusan dalam kalangan pemikir sehingga ke hari ini. Perbahasan-perbahasan tersebut adalah berkitan tentang apakah hakikat akal? Apakah ilmu diperolehi daripada akal atau hati (qalb)? Bagaimana fungsi akal dalam menjelaskan doktrin-doktrin agama? dan sebagainya. Akal kebiasaanya disamakan dengan kecerdasan yang berlawanan dengan kebodohan. Persoalan antara akal dan wahyu adalah bagi menjawab persoalan-persoalan yang rumit seperti bagaimana akal dapat menjawab persoalan-persoalan yang berada di luar jangkannya? Jika akal itu terbatas, di manakah ia seharusnya

berhenti? Apakah akal mampu membahas perkara-perkara yang diluar jangkauannya? Adakah akal dapat memperoleh kebenaran yang serupa dengan Wahyu jika tiada Wahyu? Adakah kedua-duanya mempunyai kedudukan yang sama kerana kedua-duanya datang daripada sumber yang sama, Tuhan? Haruskah akal tunduk kepada Wahyu jika terdapat pertentangan antara keduanya? Sejauh mana akal dapat mengetahui dan mentafsir hal-hal yang berkaitan dengan urusan keagamaan? Dan jika akal mampu mengetahui dan mentafsir urusan keagamaan apa pula peranan Wahyu? Hal-hal ini banyak dibincangkan oleh ahli falsafah dan juga oleh ahli ilmu kalam sebelumnya dalam sejarah tradisi keilmuan Islam.

Ibn Taimiyyah menjelaskan bahawa akal tidak akan bertentangan dengan Wahyu (agama). Jika akal menampakkan kejelasan pemikirannya dan juga sebaliknya selama wahyu itu benar dalam naqalnya, kedua-duanya akan bertemu sesuai dengan tabiatnya, iaitu akal sebagai makhluk Allah dan agama sebagai Wahyu Allah, dan kedua-duanya merupakan petunjuk bagi manusia. Jika akal dan wahyu saling berlawanan, maka hal itu disebabkan oleh adanya apa yang dinamakan oleh akal sebagai wahm (keraguan) atau pengingkaran, atau apa yang dinamakan oleh agama sebagai perubahan dalam naqalnya atau pentakwilan yang dicampur dengan maksud dan tujuan yang tertentu.

### iii- Falsafah dalam Quran

Membahaskan berkaitan dengan falsafah dalam al-Quran al-Karim mempunyai kaitan dengan perbincangan hubungan akal dan wahyu kerana falsafah banyak menggunakan metodologi rasional dan akal manakala al-Quran al-Karim adalah wahyu yang diturunkan Allah SWT kepada manusia. Al-Quran al-Karim menunjukkan wahyu dan akal adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Al-Quran al-Karim mengiktiraf peranan akal dalam menentukan hal-hal yang berkaitan dengan kebenaran. Kedua-dua wahyu dan akal datang dari sumber yang satu, iaitu Allah SWT. Kedua-duanya mempunyai peranan yang sama; untuk menjelaskan ajaran Islam dan membuktikan kebenarannya. Akal yang sesuai dengan fitrah kemanusiaan adalah akal yang sejalan dengan petunjuk al-Quran al-Karim.

Dalam Islam, akal atau falsafah tidak dibiarkan berjalan bebas tanpa arah. Ia harus dipelihara dengan petunjuk daripada al-Quran al-Karim dan Sunnah Nabawiah. Allah SWT menyeru manusia untuk melihat penciptaan langit dan bumi bagi menambah pengetahuan akal dan bertambah juga pengetahuannya tentang Pencipta. Firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd, ayat 3;

وَهُوَ الَّذِي مَدَّ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْهَارًا وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ جَعَلَ فِيهَا رِزْقَيْنِ  
أَثْنَيْنِ يُغِشِي اللَّيْلَ النَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya;

*dan Dia lah Yang menjadikan bumi terbentang luas, dan menjadikan padanya gunung-ganang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, ia jadikan padanya pasangan: dua-dua. ia juga melindungi siang Dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum Yang (mahu) berfikir. (al-Ra'd: 3)*

Allah SWT juga telah menampelak orang yang ingkar kerana tidak menggunakan akal dan pancaindera dengan sewajarnya melalui ayat 17-20 Surah al-Ghasiah;

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ

Maksudnya;

*(Mengapa mereka Yang kafir masih mengingkari akhirat) tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta Bagaimana ia diciptakan? dan keadaan langit Bagaimana ia ditinggikan binaannya.? dan keadaan gunung-ganang Bagaimana ia ditegakkan? dan keadaan bumi Bagaimana ia dihamparkan? (al-Ghasyiah: 17-20)*

Allah SWT juga menegaskan secara rasional tentang akidah tauhid, mustahil bagi alam untuk ditadbir kecuali oleh Tuhan yang satu. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbia' ayat 22;

لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا فَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ

Maksudnya;

*Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan Yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran keduanya. maka (bertaubidlah kamu kepada Allah Dengan menegaskan): Maha suci Allah, Tuhan Yang mempunyai Arasy, dari apa Yang mereka sifatkan. (al-Anbia': 22)*

Allah SWT juga menegaskan tentang keperluan ketaatan dan keimanan manusia kepada perkara ghaib dan kekuasaan Ilahi. Keimanan kepada perkara ghaib adalah seperti beriman tentang Hari Kebangkitan, Syurga dan Neraka, Hisab, iman kepada Malaikat dan lain-lain perkara sam'iyat. Ia menunjukkan bahawa terdapat perkara yang tidak dapat ditanggapi oleh falsafah dan akal manusia tetapi penjelasannya terdapat di dalam al-Quran al-Karim yang perlu diimani. Contohnya bagaimana Allah SWT menceritakan tentang kelahiran Nabi Isa AS yang menunjukkan kepada kekuasaan Allah SWT menjadikan sesuatu diluar kebiasaan fikir manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Imran ayat 59;

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ آدَمَ خَلَقَهُ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ كُن فَيَكُونُ

Maksudnya;

*Sesungguhnya Perbandingan (kejadian) Nabi Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia. (Al'imran: 59)*

Oleh yang demikian, tiada isu pertembungan akal dengan wahyu. Malah wahyu memberi penjelasan kepada akal terhadap perkara yang di luar kuasa akal untuk mendapatkan maklumat benar yang datang daripada Tuhan, Pencipta alam. Al-Quran al-Karim menjelaskan orang-orang yang beriman kepada Allah SWT adalah orang yang berakal dengan merenung kepada ayat-ayat atau tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Manakala orang yang sesat adalah mereka yang tidak menggunakan akal dan lebih hina daripada binatang.

#### iv- Elemen Yunani Dalam Falsafah Islam

Ninian Smart (2008) berpendapat falsafah Islam adalah satu cabang ilmu yang bebas mengambil masa yang agak lama untuk terbentuk kerana falsafah Islam adalah hasil pertembungan di antara budaya Islam dan elemen tradisi Yunani. Falsafah Islam adalah kesan yang terhasil daripada pertembungan tersebut. Peradaban Yunani telah menarik perhatian intelektual Muslim sesudah berlaku gerakan penterjemahan pada era khalifah al-Mansur sehingga ke puncaknya pada masa pemerintahan al-Ma'mun. Pengaruh pemikiran Yunani tidak hanya

kepada ahli-ahli falsafah Islam seperti al-Kindi, Ibn Sina dan Ibn Rushd malahan turut sama mempengaruhi ilmu teologi atau ilmu kalam. Ahli-ahli falsafah Islam telah mengambil falsafah Yunani dan berusaha untuk mengharmonikan dengan ajaran Islam. Tiga ahli falsafah Yunani yang terkenal dalam dunia Arab ialah Plato (423-348), Aristotle (384-322) dan Plotinus (204-270). Manakala di antara ketiga-tiganya, Aristotle yang paling berkaliber dan dominan.

Oleh yang demikian, elemen falsafah Yunani mempunyai pengaruh dalam pembentukan falsafah Islam. Kebanyakan idea datang daripada tradisi Yunani mempengaruhi pemikiran dan idea ahli falsafah Islam. Namun begitu, tidak tepat untuk menyatakan bahawa falsafah Islam adalah sama dengan falsafah Yunani atau suatu bentuk pengulangan semula pemikiran tokoh pemikir Yunani. Ini disebabkan oleh perkataan hikmah yang lebih banyak digunakan dalam teks Bahasa Arab yang merujuk kepada falsafah, juga memberi maksud bijaksana (wisdom) mempunyai konotasi yang lebih menyeluruh dalam Islam berbanding falsafah. Oleh yang demikian, adalah tidak tepat jika hanya menekankan aspek Yunani semata-mata dalam membahaskan sejarah perkembangan falsafah Islam. Apatah lagi jika dilihat pada perbahasan tokoh falsafah Islam yang banyak menulis dan merujuk kepada nusus al-Quran al-Karim atau Hadis Rasulullah SAW.

Kelahiran tokoh-tokoh pemikir di Parsi dan India seperti Mulla Sadra dan al-Suhrawardi menyambung tradisi falsafah Islam dalam bentuk yang berbeza walaupun tanpa pengaruh peripatetik dari pemikiran Yunani. Hal ini menjelaskan bahawa pemikiran falsafah Islam bukan semata-mata dipengaruhi oleh elemen Yunani. Walaupun banyak perselisihan pandangan dalam kalangan ilmuan Islam tentang kedudukan Wahyu dan akal, namun kesemua mereka sepakat bahawa wahyu mempunyai peranannya yang signifikan dalam membentuk pemikiran falsafah Islam. Oleh yang demikian, falsafah Islam adalah falsafah yang bersumberkan kepada kenabian yang diadun bersama wahyu, akal, empirikal dan pengalaman umat yang lepas. Hal ini tidak sama dengan tradisi pemikiran Yunani yang didasari oleh akal dan logik semata-mata. Elemen-elemen Yunani yang dibangunkan bersama pemikiran Islam juga tertakluk kepada penilaian kritis daripada tokoh-tokoh falsafah Muslim. Oleh itu, walaupun terdapat pengaruh logik Yunani, ia tidak lagi dalam bentuknya yang asal sebaliknya dalam bentuk adunan baharu dan unik serta disesuaikan dengan cara pemikiran Islam yang telah berjaya mencipta kegemilangan tamadun Islam.

## **Elemen Dalam Falsafah Islam**

### **i- Epistemologi**

Epistemologi ilmu atau teori pengetahuan ialah bidang falsafah yang berurusan dengan cara memperoleh pengetahuan falsafah dan ukuran kebenaran (pengetahuan) falsafah dari apa yang telah difikirkan. Secara etimologi perkataan Epistemologi berasal dari bahasa Yunani iaitu: Episteme yang bermaksud pengetahuan dan perkataan Logos bermaksud teori, pikiran, ilmu. Epistemologi juga dimaksudkan sebagai teori tentang pengetahuan (*theory of knowledge*), atau teori mengenai hakikat ilmu pengetahuan atau ilmu falsafah tentang pengetahuan (Hassan, 2021).

Masalah utama dalam perbahasan epistemologi adalah bagaimana cara memperoleh pengetahuan. Sebenarnya seseorang dikatakan berpengetahuan apabila telah menjawab pertanyaan menggunakan proses yang betul dan sumber yang betul. Ini bermakna epistemologi dapat menggambarkan manusia mencintai pengetahuan dan usaha mencari kebenaran berlaku. Hal ini menyebabkan ungkapan epistemologi sangat penting untuk menggambarkan manusia berpengetahuan iaitu dengan jalan menjawab dan menyelesaikan masalah-masalah yang dipertanyakan. Makna pengetahuan dalam epistemologi adalah nilai tahu manusia tentang sesuatu sehingga ia dapat membezakan antara satu ilmu dengan ilmu yang lainnya.

Dalam epistemologi, proses terjadinya pengetahuan menjadi masalah yang paling mendasar kerana hal ini akan mewarnai pemikiran seseorang. Pandangan yang sederhana dalam memikirkan proses terjadinya pengetahuan sama ada melalui pengalaman (fizikal dan batin) atau bukan melalui pengalaman. Epistemologi ilmu merupakan sumber utama dalam membentuk falsafah dan tasawur peradaban. Setiap peradaban mempunyai epistemologi sendiri yang menghasilkan falsafah peradaban. Oleh itu, epistemologi adalah satu cabang falsafah yang turut membahaskan isu-isu berkaitan tabiat ilmu manusia seperti persoalan tentang; Apakah itu ilmu? Apakah sumber-sumber ilmu? Apakah sifat utama ilmu, jalan memperoleh ilmu, batas-batas ilmu, kebarangkalian memperoleh ilmu dan lain-lain. Epistemologi ilmu berkait rapat dengan falsafah wujud atau ontologi yang dikenali sebagai agama monoteisme dan theocentric menyatakan bahawa Allah itu wujud dan berkuasa. Tiada makhluk lain yang boleh mencapai martabat keTuhanan. Begitu juga Allah tidak bersatu (*bulul wa ittihad*) dengan mana-mana zat makhluk. Berdasarkan epistemologi ilmu menyatakan bahawa kebenaran (*al-haqq*) itu wujud dan tunggal, di mana kebenaran tersebut adalah bersumberkan daripada Tuhan. Ilmu dan kebenaran itu juga mampu dicerap dan diperolehi dengan metodologi yang betul.

Ini berbeza dengan pegangan sofis dan nihilis yang mendakwa ilmu itu mustahil diketahui secara hakikat. Dalam perbahasan sumber ilmu pula, Islam tidak menghadkan sumber ilmu pada sumber-sumber empirikal (berdasarkan kajian dan pengalaman) atau rasional (logik akal) semata-mata (Ali, 2023). Dalam Islam, sumber ilmu yang amat penting ialah khabar yang benar (*al-khabar al-sadiq*). Khabar yang benar merangkumi wahyu dan semua khabar yang disampaikan oleh mereka yang berautoriti dan pakar, samada lisan mahu pun bertulis. Khabar yang paling autentik dan muktamad adalah al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawi. Maka, sesetengah pengetahuan yang tidak mampu dicapai oleh akal dan kajian manusia, ia hanya boleh diperolehi melalui wahyu Allah SWT samada Kitab-Nya dan rasul-Nya. Malahan, segala perbahasan metafizik yang merentasi perkara fizikal yang boleh dikaji dan difikirkan oleh manusia juga telah diajar oleh Rasul SAW. serta termaktub dalam wahyu.

## ii- **Aksiologi**

Aksiologi berasal daripada Bahasa Yunani, daripada perkataan *axios* yang bererti nilai dan *logos* pula bermakna teori atau ilmu. Menurut Kamus Indonesia, aksiologi adalah kegunaan ilmu pengetahuan bagi kehidupan manusia dan kajian tentang nilai-nilai khususnya etika (Smith, 2022). Aksiologi adalah kajian tentang nilai, di mana tujuan mempelajarinya adalah untuk menjawab pertanyaan yang berkaitan dengan dua aspek utama, iaitu etika dan estetika (Jones, 2021). Contoh seperti pertanyaan tentang apa yang pada akhirnya baik, buruk, benar, dan salah, itu dikatakan berkaitan dengan etika. Manakala pertanyaan tentang apa yang harus dianggap seni, apa yang indah, itu berkaitan dengan estetika (Brown, 2023).

Etika sosial atau falsafah moral adalah cabang falsafah yang “melibatkan sistematisasi, mempertahankan, dan merekomendasikan konsep perilaku benar dan salah” (Morris, 2022). Ini menunjukkan etika berusaha menyelesaikan pertanyaan tentang moral manusia dengan mendefinisikan konsep-konsep seperti baik dan jahat, benar dan salah, kebajikan dan keburukan, keadilan dan kejahatan. Sebagai bidang kajian intelektual, falsafah moral berkaitan dengan bidang psikologi moral, etika deskriptif, dan teori nilai.

Nilai estetika adalah cabang falsafah yang berkait dengan sifat keindahan dan rasa, serta falsafah seni. Ini menguji nilai-nilai subjektif dan sensori-emosional, atau kadang-kadang disebut penilaian sentimen dan rasa (Johnson, 2023). Estetika meliputi sumber alami dan buatan yang berasal dari pengalaman dan penilaian estetika. Mempertimbangkan apa yang terjadi dalam fikiran kita ketika

kita terlibat dengan objek atau lingkungan estetika seperti dalam melihat seni visual, mendengarkan musik, membaca puisi, mengalami permainan, menjelajahi alam, dan sebagainya. Falsafah seni secara khusus mempelajari bagaimana seniman membayangkan, menciptakan, dan menampilkan karya seni, serta bagaimana orang menggunakan, menikmati, dan mengkritik seni mereka (Williams, 2022). Penjelasan ini berkaitan dengan bagaimana perasaan seseorang tentang seni secara umum, mengapa mereka menyukai beberapa karya seni dan bukan yang lain, dan bagaimana seni dapat memengaruhi suasana hati atau bahkan keyakinan kita.

### iii- **Ontologi**

Pengertian ontologi secara etimologinya berasal dari Bahasa Yunani. Ia terdiri dari dua kata: *ontos* yang bermaksud ada atau wujud dan *logos* yang berarti kajian atau ilmu tentang. Oleh itu, ontologi bermaksud ilmu atau kajian tentang benda wujud atau ada (Smith, 2020). Dalam ilmu ontologi terdapat beberapa aliran ontologi terkenal yang berupaya menjelaskan hakikat realiti seperti: monisme, dualisme, pluralisme, materialisme, idealisme, nihilisme, dan agnotisisme (Moris, 2021). Ontologi juga membincangkan tentang realiti *supernatural*, iaitu aliran mistisisme (Taylor, 2022). Manakala pengertian ontologi secara terminologi pula membawa maksud ilmu yang mempelajari tentang sesuatu yang benar-benar ada (wujud) dan adanya (kewujudannya) itu benar. Teori tersebut membahas mengenai kebenaran yang ada atau hakikat dari kewujudan. Kesepakatan para ilmuwan mengenai ontologi membentuk latar belakang bagi cara mereka berteori (Brown, 2022). Terdapat pelbagai perbincangan tentang maksud ontologi dalam kalangan sarjana atau ahli falsafah. Menurut Aristotle (384-322) ontologi adalah pembahasan tentang benda wujud dan keadaan wujud yang mengalami perubahan.

### iv- **Logik**

Istilah logik berasal dari perkataan Yunani iaitu *logos*. Ia bermaksud fikiran, idea, hujah, alasan atau prinsip (Baron, 2023). Secara amnya, perkataan logik itu sesuatu yang boleh difahami oleh akal manusia selepas dikemukakan bukti dan hujah samada berbentuk empirikal, nusus syariah atau hujah akal. Logik juga difahami sebagai satu cara untuk mempelajari satu-satu prinsip bagi membezakan hujah itu betul atau salah melalui kaedah penghujahan dan pemberian bukti yang benar (Lutz & Huitt, 2022).

Pemikiran secara logik ialah cara seseorang melihat sesuatu dan daya usaha untuk mengenal pasti apa yang salah dan apa yang betul mengikut logiknya. Edward de Bono (Kahneman, 2022). (1933-2021) berpendapat logik ialah satu cara menjana maklumat daripada sesuatu keadaan . Maklumat yang dijana ialah sesuatu yang benar dan diterima akal. Oleh itu pemikiran logik ialah suatu proses pemikiran yang cuba mencari maklumat, ilmu, data dan fakta mengenai kebenaran sesuatu perkara. Ia juga bermaksud alasan yang dikemukakan untuk mengukuhkan sesuatu keadaan kebenaran yang boleh diterima oleh akal. Kebanyakan pemikiran yang betul dari segi logik akal terbukti salah jika dilihat dari sudut realiti alam dan kehidupan sebenarnya (Baehr, 2021). Logik tentang sesuatu perkara dari segi akal manusia semata-mata juga disebut sebagai logik matematik manakala logik berdasarkan realiti alam sebenarnya juga disebut sebagai logik natural atau logik alam (Baron, 2023). Ilmu logik sangat berguna dalam pembentangan hujahan iaitu apabila seseorang hendak mencari kesimpulan atau deduktif serta untuk mempertahankan hujah tentang sesuatu idea, cadangan dan pandangan. Malahan logic juga digunakan apabila hendak mencari sebab dan akibat tentang sesuatu perkara dengan perkara lain dan satu peristiwa dengan peristiwa yang lain (Tennant, 2023).

## **Peranan Falsafah Islam Dalam Pembangunan Peradaban**

Falsafah Islam mempunyai peranan penting dalam pembangunan peradaban dengan menawarkan kerangka intelektual yang menyeluruh. Pada teras peradaban ini, kerangka ontologi yang mendasarinya adalah prinsip *al-tawhid* yang mengkategorikan kewujudan dalam kerangka perkaitan antara satu sama lain walaupun wujud beberapa perbezaan. Konsep *tawhidik* ini meletakkan asas kepada memahami tabiat kewujudan, kedudukan manusia dalam rangkaian kewujudan serta peranan yang perlu dimainkan dalam kewujudan. Dengan mengiktiraf kewujudan Tuhan dan manusia sebagai wakil Tuhan yang diamanahkan untuk memakmurkan alam, maka peradaban yang dibangunkan akan menzahirkan perspektif yang berbeza. Penafian kewujudan Tuhan dan interaksi antara-Nya dengan makhluk menyebabkan peradaban dan ketamadunan yang dibina bersifat material dan sekular.

Dalam kerangka epistemologi pula, kesepaduan antara wahyu dan akal merupakan teras dalam peradaban Islam. Wahyu merupakan sumber utama hikmah ketuhanan, manakala akal digunakan untuk memahami, mentafsir, dan menerapkan hikmah ini dalam urusan kehidupan. Hubungkait dan keharmonian antara wahyu dan akal ini telah menjadi ciri penting kepada peradaban Islam. Islam tidak memisahkan antara kedua-dua sumber ini antara satu sama lain seperti yang berlaku dalam beberapa aliran pemikiran Barat moden yang ada seperti empirisisme dan rasionalisme yang mengkhususkan saluran ilmu kepada satu-satu saluran dan menafikan saluran yang lain. Kesemua sumber ini selari antara satu sama lain dan tidak berlaku pertentangan antara sumber-sumber yang pelbagai ini. Hasilnya, peradaban Islam yang dibentuk akan meraikan kemajuan material dalam masa yang sama mementingkan keluhuran rohani dan ketinggian ibadah kepada Allah SWT. Perkara ini jelas pada tradisi intelektual Islam yang mencapai kemajuan saintifik dan ilmu dengan penghasilan bidang-bidang ilmu dan teknologi.

Tambahan pula, falsafah Islam amat mementingkan kehidupan yang baik dan kebahagiaan manusia dalam kerangka aksiologi. Ini digambarkan dengan kehidupan yang bermakna dan memenuhi sebagai matlamat utama, yang boleh dicapai melalui kesepaduan wahyu dan akal. Etika Islam, yang diperoleh daripada perintah al-Quran, ajaran kenabian serta hasil akal manusia, menyediakan kompas moral untuk individu dan masyarakat. Kerangka aksiologi ini menggambarkan hasil kerangka ontologi dan epistemologi yang digunakan dengan tepat. Apabila diaplikasikan dengan tepat, kehidupan yang baik dan kebahagiaan akan terzahir. Ini berbeza dengan tamadun Barat yang sinonim dengan kesengsaraan dan kesempitan hidup yang disebabkan kerangka ontologi material dan epistemologi empirikal.

## **Penutup**

Falsafah (khususnya falsafah Islam) merupakan salah satu daripada cabang ilmu dalam Islam yang penuh dengan warna-warni. Ia bukan sekadar garis masa peristiwa dalam sejarah tetapi mempunyai makna dan pengajaran. Oleh kerana itu, falsafah Islam sama ada dibahaskan dari aspek sejarah perkembangannya atau pun idea pemikiran tokoh-tokohnya, ia wajar dibaca oleh semua ahli akademik dan pelajar. Perbincangan sejarah falsafah dan dialektik pemikiran falsafah Islam bermula dengan pengaruh hellenisme dan peripetitik sehingga kepada falsafah illuminationisme termasuk juga idea-idea yang lebih kontemporari seperti modenisme dan pasca-modenisme sudah tentu dapat meluaskan spektrum sesuatu cabang ilmu. Dalam erti kata yang lain, seseorang sarjana akan dapat memahami aspek meta ilmunya iaitu bukan sekadar perbincangan deskriptif tetapi mampu menganalisis punca dan kesan bagi sesuatu perselisihan pandangan sekaligus mengenalpasti tren dan menjangka perkembangan ilmu tersebut pada masa hadapan. Oleh itu, pemahaman tentang falsafah Islam yang bermula dengan aspek paling asas iaitu berkenaan dengan terminologi falsafah Islam itu sendiri sudah tentunya sebuah kebijaksanaan yang diperlukan dalam pembinaan semula sebuah tamadun Islam kini.

## Rujukan

al-Quran al-Karim

- Ahmad, F. (2020). *Islamic Responses to Greek Philosophy*. London. Routledge.
- Abdullah, A.R. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-Konsep Asas Dan Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Baehr, J. (2021). *The thinking about thinking: Philosophy and logic*. London. Routledge.
- Baron, J. (2023). *Thinking and decision-making: A guide to logic and reasoning*. Oxford UK. Oxford University Press.
- Brown, J. (2022). *Ontology and metaphysics: New perspectives*. UK. Routledge.
- al-Ghazālī. (2016). *al-Iqtisād fī al-ʿItiqād*. Jeddah: Dār Al-Minhāj.
- Gutas, G. (2001). *Avicenna and the Aristotelian tradition: Introduction to reading Avicenna's philosophical works*. Brill.
- Hassan, M. (2021). *Philosophy in Islam: A Historical Overview*. Oxford, UK. Oxford University Press.
- Ibn Sīnā (t,th). *al-Ishārāt wa al-Tanbihāt*, Edited Sulayman Dunya, Cairo. Dār al Ma`ārif.
- Jones, A. (2021). *Theories of value and aesthetics*. UK. Cambridge University Press
- Kahneman, D. (2022). *Noise: A flaw in human judgment*. New York. Little, Brown and Company.
- al-Kindī. (2023). *The Role of Philosophy in Islamic Thought*. Cairo. Islamic University Press.
- Lange, C. (2009). *The classical tradition of Islamic philosophy*. London. Routledge.
- Lutz, C., & Huitt, W. (2022). *Critical thinking and logic: An introduction*. Springer.
- Morris, T. (2021). *Theories of ontology: Historical and contemporary*. UK. Cambridge University Press
- Nasr, S. H. (1996). *Islamic philosophy from its origin to the present: Philosophy in the land of prophecy*. SUNY Press.
- al-Qifti, Abu al-Faraj Muhammad ibn (1958). *Tarikh al-Hukama'*. (G. M. Wickens, Ed.). New York. The Philosophical Library.
- Ibn Sīnā (t,th). *al-Ishārāt wa al-Tanbihāt*, Edited Sulayman Dunya, Cairo. Dār al Ma`ārif.
- Shaharir, A. (2000). *Pengantar Falsafah Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smith, J. (2022). *Philosophy and Religion: Historical Perspectives*. Cambridge University Press. Cambridge, UK.
- Smith, L. (2020). *Introduction to ontology: A comprehensive guide*. UK. Oxford University Press.
- Taylor, E. (2022). *Mysticism and ontology: Exploring the supernatural*. New York. Palgrave Macmillan.
- Tennant, M. (2023). *Philosophical logic and modern logic*. UK. Cambridge University Press.
- Williams, P. (2022). *Philosophy of art and aesthetics*. Springer.
- Yusof, N. (2019). *The Impact of Greek Philosophy on Islamic Theology*. Brill Publishers. Leiden, Netherlands.



## **BAB 17**

### **PERANAN KOMUNIKASI IBU BAPA DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK ANAK-ANAK**

Noraini Mohamad, Safinah Ismail & Nazneen Ismail

Universiti Islam Selangor (UIS)

#### **Pengenalan**

Komunikasi ibu bapa memainkan peranan penting dalam pendidikan akhlak anak-anak. Penggunaan komunikasi yang tepat boleh mencapai matlamat yang sebenar dan mampu memberi kesan yang positif. Justeru ibu bapa perlu memilih komunikasi yang sesuai sama ada komunikasi langsung atau tidak langsung ketika bersama anak-anak bagi memberi kesan yang terbaik kepada keperibadian dan pembentukan akhlak anak-anak.

#### **Bentuk Komunikasi Ibu Bapa**

Terdapat dua bentuk komunikasi yang boleh digunakan oleh ibu bapa iaitu komunikasi verbal dan komunikasi non verbal. Komunikasi verbal boleh difahami sebagai komunikasi lisan yang melibatkan percakapan untuk menyampaikan mesej, manakala komunikasi non verbal pula boleh difahami sebagai penggunaan bukan dalam bentuk perkataan ketika berbicara dengan penerima. Ia juga disifatkan sebagai bentuk komunikasi yang sangat penting dalam perhubungan sosial manusia dan banyak dipengaruhi oleh budaya setempat (Jamiah et al. 2013), penggunaan media serta melalui pembangunan komuniti (Zulkefli Aini & Solehuddin Suyurno, 2016).

Ibu bapa kebiasaannya banyak menggunakan bentuk komunikasi secara verbal terhadap anak-anak. Ia disebabkan oleh pendidikan awal yang disampaikan oleh ibu bapa adalah melalui perkataan atau percakapan untuk memberi peringatan dan nasihat kepada anak-anak. Ibu bapa menyampaikan komunikasi secara verbal bertujuan untuk menjelaskan kebenaran dan kemungkaran serta menyentuh perasaan dan emosi anak sehingga terdorong untuk menjauhi kemungkaran (Soleh, 2015). Abdul Mua'ti (2001) menyenaraikan lima aspek amalan komunikasi verbal yang berkesan dalam keluarga iaitu konsep sapa dan memberi salam, menegur kesilapan, memuji dan menghargai, menggunakan nada suara yang baik serta memberi dan menerima pendapat ahli keluarga.

Komunikasi non verbal pula boleh difahami sebagai komunikasi bukan lisan. Hinde (1972) menjelaskan, komunikasi non verbal (komunikasi bukan lisan) melibatkan semua perbuatan atau tindak tanduk seseorang individu kecuali perkataannya. Mohd Baharuddin & Mohd Khairie (2003) menjelaskan kemahiran komunikasi bukan lisan penting kerana ia dapat menafsir emosi, tingkah laku serta penampilan identiti seseorang. Calero (2009) menyatakan, komunikasi tanpa lisan boleh dilihat melalui gaya sentuhan, pergerakan tubuh badan seperti mimik muka dan bibir lebih memberi kesan dalam komunikasi harian. Ia juga dikenali sebagai *silence language* iaitu tingkah laku seseorang lebih memberi kesan daripada perkataan yang dizahirkan (Henry, 2010).

Kedua-dua bentuk komunikasi ini saling memerlukan antara satu sama lain. Kajian Jamiah et al. (2013) mendapati ibu bapa perlu mengaplikasikan kedua-dua bentuk komunikasi ini dalam usaha mewujudkan keluarga yang sejahtera. Mereka menggunakan komunikasi verbal dalam memberi arahan, bimbingan dan membentuk hubungan, manakala komunikasi non-verbal pula digunakan dalam kerja berpasukan, menunjukkan kasih sayang dan memenuhi keperluan anak-anak mereka. Justeru ibu bapa perlu bijak memilih komunikasi yang sesuai dalam pendidikan anak-anak sama ada melibatkan komunikasi verbal atau non verbal. Ibu bapa perlu mempunyai kemahiran komunikasi apabila berkomunikasi dengan anak-anak kerana ia akan membawa kesan dalam kehidupan sosial institusi kekeluargaan tersebut (Paizah 1991; Robiah 2003).

Pemilihan dan penentuan bentuk komunikasi yang sesuai berperanan dalam pendidikan anak-anak. Antaranya pendidikan melalui kebiasaan dibentuk melalui verbal dan non verbal seperti latihan untuk mendirikan solat. Pendidikan solat dimulai pada usia tujuh tahun dan dijadikan satu kelaziman sehingga mencapai usia sepuluh tahun. Pendidikan berterusan dan berulang-ulang ini digunakan dalam menanamkan ibadah serta akhlak dalam diri anak-anak. Justeru, bagi membiasakan anak-anak melalui rutin atau nilai murni ia perlu dimulakan seawal usia enam bulan. Pengulangan ini dilakukan dalam pelbagai bentuk merangkumi peringatan, dorongan dan galakan, contoh teladan dan sebagainya (Soleh, 2015). Pendekatan pendidikan berbentuk hukuman juga dilakukan dalam bentuk verbal dan non verbal. Hukuman perlu dikenakan sesuai dengan kesalahan yang dilakukan dan tahap umur anak. Tidak semua kesalahan perlu dihukum melalui pukulan atau sentuhan fizikal. Ia perlu didahului dengan nasihat, amaran dan penjelasan kenapa hukuman dikenakan. Hukuman juga perlu dijalankan dalam keadaan ibu bapa tenang dan bukan dengan perasaan marah kepada anak (Soleh, 2015).

Penggunaan media amat penting dalam berkomunikasi dengan anak-anak kerana ia mempunyai pengaruh yang signifikan dalam kehidupan hari ini (Eva Maghfiroh 2016). Media adalah suatu alat komunikasi yang menggunakan media cetak, media elektronik dan media baharu. Tahun 1980-an, media hanya bergantung kepada penggunaan media cetak dan media elektronik sahaja seperti televisyen dan radio. Namun mutakhir ini dunia telah menyaksikan transformasi yang begitu pesat daripada penggunaan media tradisional kepada media baharu seperti internet dan permainan video, kemunculan televisyen digital, penerbitan dalam talian, perisian komputer dan rangkaian media sosial seperti facebook, blog, twitter dan sebagainya (Faradillah Iqmar Omar et al. 2015).

Selain itu, ibu bapa juga perlu banyak menggunakan pendekatan komunikasi non verbal atau dalam istilah dakwahnya disebut sebagai *dakwah bi al-hal* bagi mempertingkatkan kualiti hidup anak-anak dari pelbagai sudut melibatkan akidah, ibadah dan akhlak, selain kemahiran, motivasi dan sebagainya kerana seseorang lebih mudah terpengaruh dengan apa yang mereka lihat berbanding apa yang mereka dengar (Zulkefli Aini & Solehuddin Suyurno, 2016).

### **Konsep Pembentukan Akhlak dalam Islam**

Perkataan akhlak berasal daripada perkataan '*al-akblaqu*' iaitu kata jamak daripada perkataan '*al-khuluqu*' bererti tabiat, kelakuan, perangai, tingkah laku dan adat kebiasaan. Perkataan ini pula adalah pecahan perkataan '*al-khalqu*' yang bererti ciptaan yang dibayangkan oleh al-Quran. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Sajdah,

Maksudnya:

*"Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya, dan dimulakan-Nya kejadian manusia berasal daripada tanah."*

(al-Sajdah: 7)

Perkataan 'al-khalqu' juga boleh ditakrifkan sebagai kejadian yang indah dan baik. Apabila dirujuk kepada kejadian manusia, ia bermaksud struktur tubuh yang badannya yang indah dan seimbang. Keindahan ini termasuk dalam istilah 'al-khuluq' atau 'al-akhlaq' (Haron Din, 2003). Jika dirujuk kepada kejadian alam semesta, ia juga membawa erti kejadian atau ciptaan yang indah, tersusun rapi, menurut undang-undang yang tepat.

Menurut Ibn Manzur (2010) dalam Lisan al-Arab mengatakan bahawa perkataan akhlak berasal daripada bahasa Arab, Khuluq. Begitu juga yang terdapat dalam kamus al-Munjid yang mengatakan khuluq adalah bermaksud budi pekerti, perangai, tingkah laku atau tabiat. Menurut al-Ghazali dalam Ihya' Ulum al-Din, akhlak merupakan suatu keadaan yang sehati di dalam diri serta melahirkan tingkah laku secara spontan tanpa perlu merenung dan berfikir, manakala Ibn Miskawayh, ahli falsafah Islam yang terkenal mentakrifkan akhlak itu sebagai keadaan jiwa yang mendorong ke arah melahirkan perbuatan tanpa pemikiran dan penelitian. Al-Zaidan merumuskan akhlak sebagai beberapa nilai atau sifat yang sehati dalam diri dan menjadi neraca atau kayu ukur bagi manusia melihat baik atau buruk sesuatu perbuatan seterusnya menentukan sama ada mahu melakukannya atau sebaliknya (Noraini et.al, 2021).

Menurut Dr. Abdul Karim Zaidan (2011), pada dasarnya akhlak boleh dibentuk dan diubah malah boleh dipilih antara akhlak yang baik dan akhlak yang tidak baik. Ia berdasarkan kepada asas bahawa Allah SWT telah memerintahkan kita supaya memiliki akhlak yang baik dan melarang kita memiliki akhlak yang buruk. Firman Allah SWT:

Maksudnya:

*“Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya. Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa. Sesungguhnya berjaya lah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih- itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).”*

(al-Shams: 7-10)

Menurut kupasan yang dibuat oleh Abdul Karim Zaidan (2011), beliau menyifatkan akhlak boleh dibentuk melalui beberapa cara, antaranya ialah mengekang dan tidak terlalu menurut kehendaknya. Ia boleh dilakukan apabila seseorang menghadapi situasi yang boleh mendatangkan kemarahan, ia boleh bertindak dengan mengekang kemarahan tersebut. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

Maksudnya:

*“Seorang lelaki berkata kepada Nabi SAW, nasihatkanlah saya. Nabi SAW bersabda; Jangan marah. Lalu lelaki tadi mengulangi soalnya beberapa kali, namun nabi SAW tetap menjawab; Jangan marah”.*

(HR al-Bukhari)

Berdasarkan maksud hadis tersebut, maksud tegahan dalam sabda Baginda SAW ialah tegahan daripada menurut kehendak marah. Tegahan ini bukan ditujukan kepada sifat marah itu sendiri kerana ia adalah tabiat manusia yang tidak mungkin dapat dihakis dan dibuang sama sekali. Apa yang perlu dilakukan ialah membetulkan sifat marah, bukan membuangnya sama sekali kerana ini

tidak mungkin berlaku. Apa yang boleh dilakukan ialah mengawal, memendam dan tidak menurut kehendaknya. Selain itu, tegahan ini juga bermaksud mendidik manusia supaya membuang unsur tidak baik yang boleh merosakkan akhlak, seterusnya menghalakan akhlak ini ke arah yang diredai oleh syariat Islam. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya:

*“Orang-orang yang menahan kemarahannya”.*

(Ali-Imran: 134)

### **Peranan Komunikasi Ibu Bapa terhadap Anak-anak**

Ibu bapa seharusnya perlu memahami kepentingan komunikasi berkesan untuk anak-anak. Melalui pemahaman tersebut, mereka perlu mempelajari dan memahami komunikasi yang sesuai untuk dilontarkan kepada anak-anak mereka. Abu Saufi (1995) menyifatkan ibu bapa adalah sebagai ‘lembaga pendidikan’ terhadap anak-anak bagi memastikan mereka menjadi seorang yang mempunyai keperibadian yang baik dan berakhlak mulia.

Peranan komunikasi ibu bapa terhadap anak boleh dilihat dari pelbagai aspek. Aspek yang pertama adalah komunikasi yang mampu menjalin hubungan. Siti Aishah (2013) menyatakan bahawa komunikasi yang baik mampu meningkatkan kemahiran sosial dalam kalangan anak-anak, selain ia juga mendorong meningkatkan semangat daya saing serta mengeratkan hubungan sesama rakan. Muslimah (2016) menunjukkan dengan komunikasi, seseorang individu sedang mengekspresikan dirinya, mengembangkan keperibadiannya serta membentuk satu jaringan sosial bersama individu yang lain. Ini kerana, setiap sudut dan ruang yang ada dalam kehidupan seharian manusia melibatkan proses komunikasi sama ada secara lisan mahupun sebaliknya (Ahmad Kamil, 1995).

Aspek yang kedua melibatkan kesihatan. Kajian Jamiah et, al (2013) menyatakan bahawa komunikasi ibu dan anak mampu mencegah penyakit kanser. Ini kerana komunikasi anak mampu mempengaruhi ibunya sendiri semasa proses komunikasi berlaku. Kajian tersebut menyatakan, anak perempuan mampu mempengaruhi ibunya supaya mengadakan pemeriksaan ujian iaitu mamogram bagi mengenalpasti penyakit kanser payu dara di peringkat awal. Contoh lain lagi seperti pengambilan rokok dan penyalahgunaan dadah. Jamiah et, al (2013) menyarankan supaya ibu bapa lebih bersifat cakna terhadap isu semasa bertujuan untuk membendung anak-anak dari terlibat dengan gejala negatif. Menurutnya lagi, komunikasi akan menjadi kurang berkesan apabila anak-anak sudah terlibat dengan tingkah laku sedemikian.

Ketiga adalah dari aspek penyelesaian konflik. Pola kerjasama keluarga mempunyai hubungan rapat dengan komunikasi dalam menyelesaikan konflik (Aziyah, 2013). Komunikasi dan pengurusan konflik yang baik merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kesejahteraan keluarga (Fadillah 2016; Che Hasniza Che Noh & Fatimah Yusoooff, 2011). Sebaliknya, kegagalan dalam penyampaian dan penerimaan mesej semasa proses komunikasi akan memberi kesan kepada salah faham, kontroversi dan konflik. Istilah ini dinamakan sebagai “*communication breakdown*” (Noraini, 2012). Ini kerana komunikasi ibu bapa dan anak-anak dalam keluarga bersifat kompleks dan sensitif dari semasa ke semasa (Jamiah et al, 2013).

Keempat ialah pembentukan akhlak anak-anak. Pembentukan akhlak bermula sejak kelahiran anak. Bertepatan dengan pepatah melayu yang sering kita dengar ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’. Ibu bapa adalah insan pertama berperanan mendidik anak-anak (Mohamad Johdi et al, 2009; Rijaluddin, 2014). Kepentingan komunikasi bukan lisan yang ditunjukkan oleh ibu bapa

memberi kesan kepada emosi anak-anak. Ini kerana, ibu yang mesra dan menyokong anak-anak telah membentuk tingkah laku anak-anak bersifat ekspresif dan asertif, manakala ibu bapa yang suka menghukum anak-anak akan membentuk tingkah laku anak-anak yang pasif dan provokatif (Trees, 1999). Malah, anak yang tidak mempunyai hubungan baik dengan keluarga didapati cenderung untuk terdedah kepada masalah delinkuen dan mengambil alkohol sebelum usia 16 tahun (Sofie Vanassche et al. 2013).

Muhammad Jamaluddin (2013) menghuraikan bahawa al-Ghazali berpesan dalam kitabnya Ihya' Ulumuddin, bahawa akhlak anak-anak lahir daripada didikan ibu bapa. Anak-anak yang terbiasa dengan amalan baik sejak dari kecil akan membesar dengan kebaikan, sebaliknya anak-anak yang terbiasa dengan amalan yang tidak baik, sudah tentu mereka juga akan terpengaruh dengan perkara tersebut. Justeru ibu bapa perlu menjaga akhlak dan tingkah laku anak-anak sejak dari kecil malah perlu mendidik mereka dengan nilai yang mahmudah secara konsisten. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya manusia dan batu (berbala) neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”* (al- Tahrir: 6)

Sayyid Qutb (2000) menjelaskan bahawa dalam ayat ini Allah SWT mengingatkan manusia mengenai kepentingan dalam membentuk keluarga Muslim. Didikan terhadap isteri dan anak-anak sangat penting supaya dapat membina sebuah keluarga yang mengamalkan konsep amar makruf nahi mungkar. Ayat ini juga menggambarkan bahawa ibu bapa memegang amanah dan tanggungjawab yang besar dalam memastikan didikan agama diberikan secukupnya dalam kehidupan anak-anak, seterusnya dapat melahirkan generasi yang bertakwa dan beriman kepada Allah SWT.

Kelima ialah aspek kemajuan dan pencapaian akademik anak-anak. Sidek Baba (2009) menjelaskan ibu bapa adalah pendidik pertama di rumah dan mereka perlu mengambil perhatian yang serius dalam urusan mendidik anak-anak. Walaupun anak-anak akan memasuki fasa persekolahan dan bergaul bersama komuniti lain, namun keluarga masih tetap menjadi institusi utama untuk anak-anak belajar tentang kehidupan. Murihah et. al, (2015) menjelaskan tanpa pengaruh dan didikan ibu bapa, proses pendidikan anak-anak akan terbantut. Dapatan kajian Zulkifli Abd Hamid et. al, (2011) menunjukkan sebanyak 74.5% penglibatan ibu bapa memberi kesan kepada akademik anak-anak. Kajian ini membuktikan komunikasi ibu bapa berperanan meneruskan kesinambungan pembelajaran anak-anak di sekolah. Ia boleh dilakukan dengan melibatkan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak melalui kerjasama daripada pihak sekolah (Bempechat, 1992).

Selain itu, komunikasi ibu bapa juga membantu dalam mengasah kemahiran berbahasa anak, melatih kematangan anak dalam berfikir, mendedahkan kepada anak kemahiran bersosial, membina keperibadian anak, memperkayakan pengalaman anak, membina keyakinan diri anak, mengurangkan konflik dalaman mereka, memberi peluang kepada ibu bapa untuk mengenali anak lebih dekat, menghindarkan diri daripada sikap pengecut (Khalid, 2009).

### **Pendekatan Komunikasi Berkesan Ibu Bapa terhadap Anak-anak**

Kajian Barnes dan Olson (1985) menunjukkan hubungan dalam keluarga menjadi baik adalah kerana hasil didikan dan kaedah komunikasi baik yang diamalkan dalam kalangan ibu bapa

terhadap anak-anak. Hal ini penting kerana komunikasi dilihat sebagai penghubung utama antara ibu bapa dan anak-anak dalam proses menyelesaikan masalah, perbincangan isu serta mampu menjadikan hubungan dalam keluarga lebih akrab dan dekat (Che Hasniza & Fatimah, 2011).

Tambahan pula, ibu bapa merupakan individu paling dekat dalam kehidupan anak-anak dalam sesebuah institusi keluarga (Rohner et al, 2001). Malah, sebahagian besar masa yang diperuntukkan dalam kehidupan harian adalah bersama keluarga (Anuar & Norhaidawati, 2016). Mayyadah (2016) menjelaskan ibu bapa bukan hanya berperanan sebagai ketua yang menguruskan sebuah keluarga, malah mereka adalah pendakwah dalam membentuk anak-anak. Terdapat lima pendekatan komunikasi berkesan yang boleh digunakan oleh ibu bapa terhadap anak-anak.

i. Penggunaan Nada Suara

Samsuddin (1993) menjelaskan setiap individu mempunyai kualiti suara masing-masing. Beliau menjelaskan dalam kajian linguistik, suara dibahagikan kepada dua komponen iaitu nada suara dan vokal. Nada suara diwakili oleh tempo, kawalan dan kualiti suara manakala vokal pula diwakili suara yang tiada kaitan dengan struktur bahasa seperti ketawa dan tangisan. Abdul Mua'ti (2001) menjelaskan nada suara yang lemah lembut serta lunak ketika berkomunikasi mampu menyentuh perasaan dan memberi kesan mendalam berbanding nada yang tinggi dan kasar.

ii. Pemilihan Bahasa

Pearson (2002) menyatakan bahasa ialah kod simbol, huruf dan perkataan yang disusun dalam membentuk ayat dan perkataan. Bahasa mempunyai ciri-ciri yang istimewa dalam membentuk ayat supaya ia menjadi makna dan perkataan yang sesuai. Kajian tersebut menyatakan, ciri-ciri bahasa yang dihuraikan merangkumi bunyi, makna dan pilihan perkataan yang baik serta jelas dalam menyampaikan sesuatu mesej kepada individu lain (Mohd Baharudin & Mohd Khairie, 2009). Namun begitu, kebanyakan individu merasakan bahasa sebagai simbol yang tidak penting dan memandang remeh terhadap penggunaannya (Sillars, 1988) sedangkan penggunaan gaya bahasa, kosa kata, penggunaan tatabahasa yang betul menjadi penentu kepada kejayaan proses komunikasi (Syofia Ulfah et al, 2015).

Ini kerana pertuturan kata serta bahasa akan memberi kesan kepada perasaan individu seperti mampu membakar semangat seseorang mahupun sebaliknya (Fauziah, 2010). Jumali et. al (2012) menjelaskan bahasa berperanan sebagai alat dalam komunikasi supaya maksud dan mesej yang disampaikan itu dapat difahami dengan jelas. Bahasa penting disebabkan oleh tiga perkara iaitu melahirkan buah fikiran dan menghantar idea yang tepat, menjalin hubungan baik dengan individu lain serta memberikan imej yang positif tentang diri melalui penggunaan dan pemilihan bahasa yang dibuat (Ahmad Kamil, 1992; Azlina, 2015).

Begitu juga dalam konteks kehidupan berkeluarga, ibu bapa disarankan agar memilih dan menggunakan perkataan yang positif seperti tidak menyentuh perasaan anak-anak sehingga menyebabkan berlaku kekecewaan dan pemberontakan dalam kalangan anak-anak. Syed Qutb (1985) menyatakan, ia sebagai *kalimah thayyibah* iaitu menyebut perkataan-perkataan yang baik. Penggunaan bahasa yang negatif akan menimbulkan perasaan seperti merajuk, kecil hati, salah faham, kebencian serta kurang keyakinan diri dalam kalangan ahli keluarga (Abdul Mua'ti, 2001).

Selain itu dari aspek pendidikan, kajian Machado (2016) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang menguasai kemahiran membaca dan menulis adalah hasil pembelajaran awal melalui bahasa yang didengar dalam kehidupan sosial keluarga. Catts et. al (2012) menjelaskan pengalaman bahasa kanak-kanak akan memberi kesan kepada proses pembelajaran mereka di peringkat yang lebih

tinggi. Tambahnya lagi, perkembangan bahasa menjadi faktor utama kepada perkembangan literasi dan akademik anak-anak.

iii. Penggunaan Unsur Puji-Pujian

Ibu bapa yang selalu memuji anak-anak akan menimbulkan tahap keyakinan diri yang tinggi dalam diri anak-anak. Ini bermaksud, kata pujian yang dilontarkan oleh ibu bapa akan menimbulkan perasaan menghargai diri sendiri dalam jiwa anak-anak (Abdul Mua'ti, 2001). Unsur puji-pujian yang dihuraikan ialah dengan menggunakan bahasa positif. Menurutny, bahasa positif mampu membawa unsur semangat dalam diri seseorang. Contohnya, ibu bapa yang menggunakan perkataan comel anak bertuah, bagus dan pandai akan membentuk personaliti positif terhadap anak-anak tersebut.

Walau bagaimanapun, Mohammed Zin & Mohd Taib (2012) mengkategorikan terdapat tiga pujian yang perlu dielakkan dalam berkomunikasi. Antaranya ialah pujian yang mempunyai unsur putar belit. Dalam erti kata lain pujian yang mempunyai tujuan tertentu. Kedua ialah pujian yang diberikan semata-mata untuk menyukakan tanpa mempunyai matlamat yang jelas dan ketiga ialah pujian yang menunjukkan seseorang itu hanya memenuhi tuntutan supaya orang lain gembira. Ketiga-tiga pujian ini disifatkan sebagai pujian tidak ikhlas.

iv. Humor dalam Komunikasi

Ross (1999) menjelaskan humor ialah alat untuk menarik perhatian orang lain sehingga menyebabkan individu tertawa dan tersenyum. Abdullah & Ainon (2005) menjelaskan humor adalah lawak atau sesuatu yang bersifat lucu. Humor boleh membuatkan individu lain lebih suka dan dekat dengan seseorang. Namun begitu, humor tidak sesuai digunakan dalam keadaan sedih, serius mahupun melibatkan isu-isu sensitif.

v. Memberi Kebebasan Anak Menyuarakan Pendapat

Yusof Boon (2008) menjelaskan jika ibu bapa memberikan ruang untuk anak-anak bersuara, secara tidak langsung mereka akan rasa dihargai dan ini dapat membentuk konsep sendiri anak-anak. Abdur Rahman (1993) menyenaraikan sepuluh faktor yang mempengaruhi hubungan interaksi sesama manusia yang menjadikan ia lebih erat dan berkesan. Ia merangkumi keadilan ('adl), berbuat baik dalam hubungan (ihsan), dilarang berdusta dalam percakapan (kadhbu), sabar dalam menerima dan memberi pendapat, rendah diri (tawadhu'), mematuhi janji terhadap apa yang dikatakan (wa'ad), bersikap terbuka terhadap orang lain (ithar), tidak fitnah atau merendahkan percakapan orang lain dan memuaskan kedua belah pihak tanpa ada salah faham semasa berkomunikasi. Walau bagaimanapun, Khalid Abdul Rahman menyatakan dalam institusi kekeluargaan perlunya peraturan dan didikan awal bagi mendorong tingkah laku, peranan dan kewajipan mereka sebagai anak-anak.

## **Penutup**

Melalui penulisan ini, dapat dirumuskan bahawa peranan komunikasi ibu bapa sangat penting dalam pembentukan akhlak dan jati diri anak-anak. Anak-anak perlu didedahkan dengan pelbagai bentuk komunikasi melibatkan komunikasi secara verbal dan non verbal bagi membentuk akhlak yang mahmudah dan jati diri yang hebat dari pelbagai aspek. Justeru ibu bapa perlu bersiap sedia dengan pelbagai ilmu dan kepakaran untuk mendekati anak-anak sekali gus mendidik mereka agar menjadi insan yang teguh akidahnya, sempurna ibadahnya dan tinggi nilai akhlaknya. Anak-anak yang terhasil melalui didikan yang sedemikian sudah pasti mempunyai jati diri yang mantap dan teguh serta lebih bersedia menghadapi liku-liku dan cabaran dunia hari ini.

## **Rujukan**

- Abdul Muati @ Zamri Ahmad. (2001). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdur Rahman O. Olayiwola. (1993). *Interersonal Communication, Human Interaction and Societal Relationships in Islam*. *Africa Media Review*. African Council For Communication Education. 7(3): 91-103.
- Abu Saufi. (1995). *Tanggungjawab Ibu Bapa Muslim*. Batu Caves: Percetakan Ihsan.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2005). *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh*. Penang: PTS Professional Publishing and Distributions Sdn. Bhd.
- Ahmad Kamil Mohamed. (1992). *Kejayaan Berkomunikasi Dalam Era Masyarakat Informasi*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Ahmad Kamil Mohamed. (1995). *Keunggulan Berkomunikasi Menjadi Komunikator Unggul Dalam Era Masyarakat Informasi*. Kuala Lumpur: DTP Enterprise Sdn. Bhd.
- Al-Zaidan, Abdul Karim. (2011). *Usul al-Da'wah*. Kaherah: Dar al-Wafa'
- Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd Noor. (2016). *Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-Anak Jalanan di Chow Kit Kuala Lumpur*. 1-21.
- Aziyah Abu Bakar. (2019). *Komunikasi Keluarga dan Pengurusan konflik: Dari Persepektif Remaja Melayu*. Vol. 17 No. 1 (2015): *Malaysian Journal of Media Studies*.
- Azlina Kamaruddin. 2015. *Komunikasi dan Seni Pemujukan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Barnes, H.L. & Olson, D.H. (1985). *Parent-Adolescent Communication And The Circumplex Model*. *Child Development*. 56: 438-477.
- Bempechat, J. (1992). *The Role Of Parent Involvement In Their Children's Academic Achievement*.
- Calero, Henry H. (2009). *The Power Of Non Verbal Communication*. Petaling Jaya: Golden Books Centre Sdn Bhd.
- Catts, Kamhi & Adolf. (2012). *Language and Reading Disabilites*. Boston M.A: Pearson Education, Inc.
- Che Hasniza & Fatimah Yusoooff. (2011). *Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu Di Terengganu*. *Jurnal Hadhari* 3, No 2, 45-62
- Eva Maghfiroh. (2016). *Dakwah Interaktif Melalui Media*. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi Islam*. 2(1): 34-48.
- Fadillah Ismail. (2016). *Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga*. *Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia-11 (PERKEM KE-11)*. Putrajaya: 27-28 Julai 2018.
- Faradillah Iqmar Omar, Hazlin Falina Rosli, Nur Zakira Afnee Zakaria, & N. N. D. A. (2015). *Hubungan Penggunaan Media Sosial Dan Penerimaan Mesej Dakwah*. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2nd ICoMM)* : 181–191.
- Fauziah Wan Jaafar. (2010). *Kata Diucap Perasaan Dijaga*. Ampang: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.
- Haron Din. (2003). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd.
- Henry, H.C. (2009). *The Power Of Non-Verbal Communication*. Petaling Jaya: Golden Books Centre Sdn. Bhd.



- Hinde, R.A. (1972). *Non-Verbal Communication*. London: Cambridge Universiti Press.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Mukarram. (2010). *Lisan al-Arab*. Dar. Al-Sadir. Beirut.
- Jamiah H. Manap et al. (2013). Parenting Role Model: The Professional Virtues of Malaysian Exemplary Mother (Ibu Mithāli). *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 21 (S): 173-187.
- Khalid. 2009.
- Machado, J. M. (2016). *Early childhood experiences in language arts*. Cengage Learning
- Mayyadah. (2016). *Inspirasi Parenting dari Al-Quran*. Jakarta: Kompleks Gramdia.
- Mohamad Johdi Salleh, Che Noraini Hashim, Ismail Hassanaen & Amir Hasan Dawi. (2009). Status Sosio Ekonomi Dan Komitmen Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Penilaian Menengah Rendah, Malaysia. *Kertas Kerja Pembentangan Pendidikan*. 21-24 May 2009.
- Mohammed Zin Nordin & Mohd Taib Ariffin. (2012). *Kemahiran Komunikasi*. Selangor: Emeritus Publications.
- Mohd Baharuddin Othman & Mohd Khairie Ahmad. (2009). *Pengantar Komunikasi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Jamaluddin al-Qasimi al-Dimashqi. (2013). *Mutiara Ihya' Uluuddin Imam al-Ghazali*. Shah Alam: Illusion Network.
- Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah & Aref Salleh Rosman. (2015). Identifikasi Peranan Ibu Bapa dalam Memastikan Kelangsungan Pendidikan Tahfiz Anak-Anak. *Kertas Kerja Pembentangan Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (IsPen 2015)*, KUIS.
- Muslimah Anas. (2016). Etika Komunikasi Dalam Perspektif Islam.. *Jurnal Sosial Budaya*. 13(2): 115-125.
- Noraini Ismail. (2012). *Islam dan Komunikasi*. Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).
- Noraini Mohamad, Siti Zaleha Ibrahim & Siti Rashidah Abd Razak. (2021). *Pengantar Akhlak. Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*.
- Paizah Ismail. (1991). *Asas Pembinaan Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Mahir Publications Sdn. Bhd.
- Pearson, J.C & Nelson, P.E. (2000). *An Introduction To Human Communication Understanding and Sharing*. United States: Mc Graw Hill Higher Education.
- Rijaluddin Yahya. (2014). *Tafsir Maudhu'iy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robiah K. Hamzah. (2003). *Teknik dan Strategi Membimbing Remaja Kaedah Komunikasi Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Rohner, R.P & Veneziano R.A. (2001). The Important of Father Love. *History & Contemporary Evidence. American Psychological Association*. 5 (4): 382-405.
- Ross, A. (1999). *The Language Of Humor*. London: TJ International.
- Samsuddin A. Rahim. (1993). *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Quran*. Yusoff Zaky(terj.). Jil 1. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Sidek Baba. (2009). *Acuan Minda*. Kuala Lumpur: Alaf 21.
- Sillar, S. (1988). *Succes in Communication*. Suffol: John Murray.
- Siti Aishah Yusoff. (2013). *Keluarga, Pengikat kasih Ibu, Anak*. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20130425/ke\\_01/Pengikat-kasih-ibu-anak#ixzz4zbbJ9Ij1](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20130425/ke_01/Pengikat-kasih-ibu-anak#ixzz4zbbJ9Ij1)
- Sofie Vanassche, An Katrien Sodermans, Koen Matthijs & Gray Swicegood. (2013). The Effects of Family Type, Family Relationships and Parental Role Models on Delinquency and Alcohol Use Among Flemish Adolescents. *J Child Fam Study*, 23:128–143.

- Soleh Ali Idris. (2015). *Manhaj al-Quran fi Tarbiyyah al-Ussrah al-Muslimah*. Sarjana Jabatan Tafsir dan Ulum al-Quran. Universiti Sains dan Teknologi Sudan.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamad & Jamaludin Badusah. (2015). *Komunikasi Interpersonal Teori dan Amali*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Trees, A. (1999). *Nonverbal Communication And The Support Process: Sensitivity And Support Seeking In Interaction Between Mothers And Young Adult Children*. Tesis Phd. University Of Washington.
- Yusof Boon. (2008). *Petua Menjadi Ibu Bapa Cemerlang*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Zulkefli Aini & S. Suyurno. (2016). *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Abd Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail. (2011). Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Jurnal Pendidikan Islam dan Arab*. 3(2); 31-40.

## **BAB 18**

### **PEMIKIRAN POLITIK IBNU TAIMIYYAH: KONSEP KESEIMBANGAN**

Muhammad Faiz Mukmin,<sup>1</sup> Hamzah Omar,<sup>2</sup> Wan Fakhru Razi Wan Mohamad,<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>2</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>3</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

#### **Pengenalan**

Pemikiran politik Islam mempunyai sejarah yang panjang dan kaya, bermula dari zaman Nabi Muhammad SAW hingga ke hari ini. Ia telah berkembang melalui pelbagai fasa sejarah, termasuk zaman Khulafa' ar-Rasyidin, Umayyah, Abbasiyah, dan seterusnya (Lambton, 1981). Dalam konteks ini, para ulama dan pemikir Islam telah memainkan peranan penting dalam membentuk wacana politik Islam, membincangkan isu-isu seperti kepimpinan, keadilan, dan hubungan antara pemerintah dan rakyat (Rosenthal, 1958).

Ibnu Taimiyyah (1263-1328 M) muncul sebagai salah satu pemikir yang paling berpengaruh dalam sejarah politik Islam. Hidup pada zaman yang penuh pergolakan politik dan ancaman luar, pemikiran Ibnu Taimiyyah telah memberi impak yang besar terhadap pemahaman politik Islam (Anjum, 2012). Beliau dikenali kerana kritikkannya terhadap pemerintahan yang tidak adil dan penekanannya terhadap pentingnya syariah dalam pemerintahan (Michot, 2014).

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran politik Ibnu Taimiyyah, dengan fokus khusus kepada konsep keseimbangan yang beliau ketengahkan. Tujuan utamanya adalah untuk memahami bagaimana Ibnu Taimiyyah mengaplikasikan prinsip keseimbangan dalam konteks politik dan pemerintahan, serta mengkaji relevansi pemikirannya dalam konteks politik semasa.

Dalam dunia Islam kontemporari yang sering dilanda konflik politik dan ketidakstabilan sehingga sukar mencapai kebahagiaan hidup maka pemikiran Ibnu Taimiyyah tentang keseimbangan dalam politik menawarkan perspektif yang menarik dan mungkin relevan. Konsep keseimbangan ini boleh memberikan panduan dalam menangani isu-isu seperti hubungan antara agama dan negara, hak individu dan kepentingan masyarakat, serta batasan kuasa pemerintah (March, 2010). Memahami pemikiran Ibnu Taimiyyah boleh membantu dalam mencari penyelesaian terhadap cabaran politik semasa dalam dunia Islam.

#### **Biografi Ibnu Taimiyyah**

Ibnu Taimiyyah dilahirkan pada tahun 1263 M di Harran, Syria, dalam keluarga ulama terkenal. Bapanya, Abdul Halim ibn Abdus Salam, adalah seorang ahli fiqh Hanbali yang terkemuka (Laoust, 1939). Keluarganya berhijrah ke Damascus akibat serangan Mongol. Di sana, Ibnu Taimiyyah menerima pendidikan yang menyeluruh dalam pelbagai bidang ilmu Islam, termasuk tafsir, hadith, fiqh, dan teologi (Michot, 2014).

Ibnu Taimiyyah hidup pada zaman yang penuh pergolakan. Dunia Islam sedang menghadapi ancaman luaran dari tentera Salib dan Mongol, serta cabaran dalaman seperti perpecahan politik dan kemerosotan moral (Rapoport & Ahmed, 2010). Kerajaan Mamluk yang memerintah Mesir dan Syria pada masa itu sering berhadapan dengan ancaman serangan dan konflik dalaman (Amitai, 2007).

Ibnu Taimiyyah mempunyai hubungan yang kompleks dengan pemerintah Mamluk. Beliau sering memberikan nasihat kepada para sultan dan pegawai tinggi, tetapi juga mengkritik mereka apabila beliau merasakan mereka telah menyimpang dari ajaran Islam. Ini menyebabkan beliau menghadapi pelbagai cabaran, termasuk pemenjaraan beberapa kali (Bori, 2003).

Ketika tentera Mongol menyerang Syria pada tahun 1300 M, Ibnu Taimiyyah memainkan peranan penting dalam menggalakkan perlawanan. Beliau mengeluarkan fatwa yang menggalakkan umat Islam untuk berjihad menentang Mongol, walaupun mereka telah memeluk Islam, kerana mereka masih mengamalkan undang-undang bukan Islam (Aigle, 2007).

### **Karya-Karya Utama Ibnu Taimiyyah Berkaitan Politik**

Ibnu Taimiyyah menghasilkan banyak karya yang membincangkan isu-isu politik dan pemerintahan. Antara karya-karya utamanya termasuk:

i. "*Al-Siyasah al-Shar'iyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'iyah*"

ii. "*Al-Hisbah fi al-Islam*"

iii. "*Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah*"

Karya-karya ini membincangkan pelbagai aspek pemerintahan Islam, termasuk tanggungjawab pemerintah, hak-hak rakyat, dan pentingnya menegakkan syariah (Anjum, 2012).

### **Konsep Keseimbangan dalam Pemikiran Politik Ibnu Taimiyyah**

Ibnu Taimiyyah memahami keseimbangan (*wasatiyyah*) sebagai prinsip penting dalam Islam yang mencerminkan kesederhanaan dan keadilan. Beliau melihat keseimbangan bukan sebagai kompromi antara dua ekstrem, tetapi sebagai pencapaian keadilan yang sebenar berdasarkan prinsip-prinsip syariah (Kamali, 2015). Dalam konteks politik, keseimbangan ini melibatkan pengharmonian antara pelbagai kepentingan dan tuntutan dalam masyarakat.

Dasar konsep keseimbangan Ibnu Taimiyyah adalah pada ajaran Al-Quran dan Sunnah. Beliau merujuk kepada ayat-ayat Al-Quran seperti Surah Al-Baqarah ayat 143 yang menyebut umat Islam sebagai "ummatan wasatan" (umat pertengahan). Beliau juga mengambil inspirasi dari praktikal Nabi Muhammad SAW dan Khulafa' ar-Rasyidin dalam menguruskan urusan negara (Memon, 1976).

Ibnu Taimiyyah menekankan pentingnya melaksanakan syariah dalam pemerintahan, tetapi pada masa yang sama mengakui keperluan untuk mempertimbangkan realiti politik semasa. Beliau berpendapat bahawa penerapan syariah harus dilakukan secara bijaksana dan berperingkat, dengan mempertimbangkan keadaan dan kemampuan masyarakat (Al-Matroudi, 2006).

Dalam pemikiran Ibnu Taimiyyah, terdapat penekanan pada keseimbangan antara hak-hak individu dan kepentingan masyarakat secara keseluruhan. Beliau berpendapat bahawa pemerintah harus melindungi hak-hak individu, tetapi individu juga mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat (Anjum, 2012).

Ibnu Taimiyyah menekankan bahawa pemerintah mempunyai kewajipan untuk menegakkan keadilan dan melindungi rakyat, manakala rakyat mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi

pemerintah selagi mereka tidak menyuruh kepada kemaksiatan. Beliau juga menekankan pentingnya nasihat dan kritikan yang konstruktif kepada pemerintah (Qamaruddin Khan, 1988).

Dalam karyanya "*Al-Siyasah al-Shar'iyah*", Ibnu Taimiyyah membincangkan bagaimana pemerintah harus mengimbangi antara ketegasan dalam menegakkan hukum dan belas kasihan terhadap rakyat. Beliau juga menekankan kepentingan musyawarah dalam pemerintahan sebagai cara untuk mencapai keseimbangan antara pelbagai pandangan dan kepentingan (Laoust, 1939).

Dalam "*Al-Hisbah fi al-Islam*", Ibnu Taimiyyah membincangkan peranan institusi hisbah dalam mengimbangi antara kebebasan ekonomi individu dan keperluan untuk mengawal selia pasaran demi kepentingan umum (Cook, 2000).

### **Analisis Konsep Keseimbangan Ibnu Taimiyyah**

Pemikiran Ibnu Taimiyyah tentang keseimbangan dalam politik mempunyai beberapa kekuatan dan keunikan:

- i. Pendekatan holistik: Ibnu Taimiyyah mengintegrasikan ajaran agama dengan realiti politik, menciptakan pendekatan yang komprehensif terhadap pemerintahan (Anjum, 2012).
- ii. Pragmatisme: Beliau mengakui keperluan untuk menyesuaikan penerapan syariah dengan konteks sosial-politik semasa (Al-Matroudi, 2006).
- iii. Penekanan pada keadilan: Konsep keseimbangan Ibnu Taimiyyah menekankan pentingnya keadilan sebagai asas pemerintahan yang baik (Memon, 1976).

Untuk memahami keunikan pemikiran Ibnu Taimiyyah, kita boleh membandingkannya dengan pemikir-pemikir Islam lain:

- i. Al-Mawardi: Berbeza dengan pendekatan lebih formalistik Al-Mawardi, Ibnu Taimiyyah lebih menekankan substansi daripada bentuk dalam pemerintahan (Black, 2011).
- ii. Al-Ghazali: Walaupun kedua-duanya menekankan etika dalam pemerintahan, Ibnu Taimiyyah lebih aktif dalam menggalakkan penglibatan politik ulama (Hillenbrand, 1988).
- iii. Ibn Khaldun: Berbanding dengan pendekatan lebih sosiologikal Ibn Khaldun, Ibnu Taimiyyah lebih fokus pada aspek normatif pemerintahan Islam (Rosenthal, 1958).

Walaupun perbincangan konsep ini dilihat baik, namun beberapa kritikan telah diutarakan terhadap pemikiran Ibnu Taimiyyah:

- i. Idealistik: Sesetengah pengkritik berpendapat bahawa konsep keseimbangan Ibnu Taimiyyah terlalu idealistik dan sukar dilaksanakan dalam realiti politik (Michot, 2014).
- ii. Literalis: Ada yang mengkritik pendekatan Ibnu Taimiyyah sebagai terlalu literal dalam memahami teks agama, yang boleh membawa kepada kekakuan dalam pemikiran politik (Rapoport & Ahmed, 2010).
- iii. Berpotensi autoritarian: Sesetengah sarjana berpendapat penekanan Ibnu Taimiyyah terhadap kekuasaan pemerintah boleh disalahgunakan untuk membenarkan pemerintahan yang bersifat authoritarian (March, 2010).

### **Kewajaran Pemikiran Ibnu Taimiyyah Dalam Konteks Politik Semasa**

Menurut penulis, pemikiran Ibnu Taimiyyah masih relevan dalam konteks politik semasa. Konsep keseimbangan Ibnu Taimiyyah boleh menyumbang kepada perbincangan tentang

reformasi pemerintahan di negara-negara Islam (Nabhani, 2006). Pemikirannya tentang integrasi syariah dan politik boleh memberi panduan dalam perbahasan semasa tentang hubungan agama dan negara (Osman, 2010). Pendekatan keseimbangan Ibnu Taimiyyah boleh digunakan untuk menangani isu-isu ekstremisme dan radikalisme dalam masyarakat Islam kontemporari (Michot, 2014).

### **Penutup**

Pemikiran politik Ibnu Taimiyyah adalah suatu pencapaian intelektual yang signifikan dalam sejarah politik Islam. Dengan latar belakang pendidikan yang mendalam dan pengalaman hidup dalam zaman yang penuh konflik, beliau memberikan pandangan yang holistik dan pragmatis mengenai pemerintahan Islam. Ibnu Taimiyyah menekankan pentingnya keadilan dan keseimbangan dalam pemerintahan, serta hubungan harmoni antara pemerintah dan rakyat. Konsep keseimbangannya didasarkan pada ajaran Al-Quran dan Sunnah, dan beliau meyakini penerapan syariah harus dilakukan dengan bijaksana dan sesuai dengan konteks sosial-politik semasa.

Kekuatan utama pemikiran Ibnu Taimiyyah terletak pada pendekatan integrasi, yang menggabungkan prinsip-prinsip syariah dengan realiti politik. Beliau menekankan perlunya keseimbangan antara hak individu dan kepentingan masyarakat, serta antara kekuasaan pemerintah dan kebebasan rakyat. Walaupun pemikiran beliau sering dikritik sebagai idealistik dan literal, pendekatan ini tetap relevan dalam konteks dunia Islam kontemporari yang menghadapi pelbagai cabaran politik dan sosial.

Pemikiran Ibnu Taimiyyah menawarkan panduan yang sangat bernilai untuk menangani isu-isu seperti ekstremisme, radikalisme, dan hubungan antara agama dan negara. Dengan menekankan pentingnya keadilan, keseimbangan, dan integrasi syariah dalam pemerintahan, konsep-konsep beliau dapat memberikan penyelesaian yang efisien terhadap masalah-masalah politik semasa di dunia Islam. Kajian terhadap pemikiran Ibnu Taimiyyah bukan sahaja membantu memahami sejarah politik Islam, tetapi juga memberikan kita wawasan yang berguna untuk pembaharuan dan pengembangan politik Islam pada masa kini.

### **Rujukan**

- Aigle, D. (2007). The Mongol Invasions of Bilād al-Shām by Ghāzān Khān and Ibn Taymiyah's Three "Anti-Mongol" Fatwas. *Mamluk Studies Review*, 11(2), 89-120.
- Al-Matroudi, A. H. I. (2006). *The Hanbali School of Law and Ibn Taymiyyah: Conflict or Conciliation*. Routledge.
- Amitai, R. (2007). The Mamluk Institution, or One Thousand Years of Military Slavery in the Islamic World. In C. L. Brown & P. D. Morgan (Eds.), *Arming Slaves: From Classical Times to the Modern Age* (pp. 40-78). Yale University Press.
- Anjum, O. (2012). *Politics, Law, and Community in Islamic Thought: The Taymiyyan Moment*. Cambridge University Press.
- Black, A. (2011). *The History of Islamic Political Thought: From the Prophet to the Present*. Edinburgh University Press.
- Bori, C. (2003). Ibn Taymiyya wa-Jamā'atuhu: Authority, Conflict and Consensus in Ibn Taymiyya's Circle. In Y. Rapoport & S. Ahmed (Eds.), *Ibn Taymiyya and His Times* (pp. 23-52). Oxford University Press.
- Cook, M. (2000). *Commanding Right and Forbidding Wrong in Islamic Thought*. Cambridge University Press.
- Hillenbrand, C. (1988). Islamic Orthodoxy or Realpolitik? Al-Ghazālī's Views on Government. *Iran*, 26, 81-94.

- Kamali, M. H. (2015). *The Middle Path of Moderation in Islam: The Qur'anic Principle of Wasatiyyah*. Oxford University Press.
- Lambton, A. K. S. (1981). *State and Government in Medieval Islam*. Oxford University Press.
- Laoust, H. (1939). *Essai sur les doctrines sociales et politiques de Taki-d-Din Ahmad b. Taimiya*. Institut Français d'Archéologie Orientale.
- March, A. F. (2010). Taking People as They Are: Islam as a "Realistic Utopia" in the Political Theory of Sayyid Qutb. *American Political Science Review*, 104(1), 189-207.
- Memon, M. U. (1976). *Ibn Taimiya's Struggle Against Popular Religion*. Mouton.
- Michot, Y. (2014). *Ibn Taymiyya: Against Extremisms*. Dar al-Bouraq.
- Nabhani, T. (2006). *The System of Islam*. Al-Khilafah Publications.
- Osman, F. (2010). *Shari'a in Contemporary Society: The Dynamics of Change in Islamic Law*. Pelican Publishing.
- Qamaruddin Khan. (1988). *The Political Thought of Ibn Taymiyah*. Adam Publishers.
- Rapoport, Y., & Ahmed, S. (Eds.). (2010). *Ibn Taymiyya and His Times*. Oxford University Press.
- Rosenthal, E. I. J. (1958). *Political Thought in Medieval Islam: An Introductory Outline*. Cambridge University Press.

## **BAB 19**

### **TAHAP PENGETAHUAN AQIDAH DI KALANGAN MUALAF DAN FAKTOR KEMBALI MURTAD. KAJIAN DI DAERAH KLUANG**

Siti Umiyati binti Mas'od<sup>1</sup>; Dr Abdul Basit bin Samat @ Darawiz<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Universiti Teknologi Malaysia ( UTM )

<sup>2</sup> Universiti Teknologi Malaysia ( UTM )

#### **Pengenalan**

Agama Islam telah memberikan harapan kepada komuniti saudara baru muslim untuk merasai nikmat di dalam agama Islam. Seorang mualaf yang baru mengenali agama Islam yang di panggil mualaf atau lebih mesra sebagai saudara baru. Mereka ialah dari bangsa yang lain antaranya ialah bangsa India, China, Kadazan dan dari pelbagai kelompok masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Mualaf ini biasanya bermaksud seseorang yang dipujuk hati mereka untuk mendekati agama Islam yang syumul tanpa ada paksaan dari mana- mana pihak dan dapat menerima agama Islam dengan lapang dada dan hati yang terbuka. Mualaf juga yang di panggil saudara baru hendaklah diberikan keutamaan dan perhatian yang sewajarnya dalam Islam kerana saudara baru merupakan orang-orang yang berjaya dipujuk hatinya dengan harapan dan pergantungan terhadap Islam.

Pemelukkan agama Islam oleh saudara baru ini telah memberikan harapan kepada mereka yang tidak dilahirkan sebagai seorang muslim dan telah diterapkan ke dalam agama tradisi mereka sebelum memeluk agama Islam. Komuniti saudara Islam yang berbangsa Cina sering menceritakan pengalaman kehidupan baharu yang berlaku. Aspek – aspek ini terdiri daripada hubungan inter etnik dan intra etnik khususnya yang berkait dengan kehidupan seharian.(Wang 2005).

Tempoh awal pengislaman, mualaf biasanya berhadapan dengan pelbagai masalah dalam mencari kebenaran dan mengamalkan ajaran Islam. Selain dari mendapat pelbagai tekanan dalam memeluk islam mereka daripada sudut keluarga dan masyarakat mereka sendiri, mualaf juga belum dapat menyesuaikan kehidupan diri dengan cabaran dunia baru dan ia menimbulkan pelbagai tekanan dan ia memerlukan seseorang yang dapat menyayanginya dan membimbingnya secara berterusan. Samsiah dan Kamarul Azmi Jasmi (2013). Mualaf ini juga perlu dibimbing secara individu atau berkelompok dengan kaedah – kaedah tersendiri melalui pelbagai pendekatan pelbagai kaedah dakwah.

#### **Konsep Pengetahuan Dan Amalan Beragama Islam.**

Konsep pengetahuan dalam beragama Islam membawa maksud mengenai pengetahuan cara keislaman yang sebenar dalam seluruh kehidupan. Islam pula bermaksud sebagai tauhid ,



kepercayaan ,tunduk, patuh kepada perintah Allah dan juga larangannya tanpa bantahan melalui ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Al-Qardhawi telah menyatakan bahawa konsep pengetahuan agama Islam yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad adalah menyeluruh berdasarkan dengan pengertian dalam menghayati agama dalam setiap aspek kehidupan yang menjadikan akidah sebagai panduan hidup dan ibadah pula sebagai amalan dalam kehidupan dan syariah pula sebagai peraturan dan pertimbangan dalam setiap kehidupan dan akhlak pula sebagai etika dalam kehidupan. ( Muhammad Zuhdi,2006).


Konsep pengetahuan dalam amalan ini juga akan membawa kepada halatuju kehidupan muslim sebenar dan tepat bagi mencapai matlamat yang benar dan mengambil kira diri manusia melibatkan kepada aspek, jasmani,rohani, intelektual dan juga emosi , bersumberkan kepada agama Islam dalam semua aspek kehidupan. ( Dr Syahrul Azman, Ismail, 2016). Dalam kajian-kajian rintis yang lepas ada menyatakan bahawa tahap pengetahuan yang diamalkan dalam amalan beragama Islam di kalangan saudara baru muslim ini adalah masih rendah dan keadaan pengetahuan mereka yang masih kurang faham dan di tahap yang lemah tentang perkara-perkara asas seperti di dalam akidah dan syariah. Oleh itu kajian ini adalah untuk merintis dan menganalisa tentang topik-topik tahap pengetahuan dalam agama Islam di dalam akidah syariah dan juga beberapa perkara lain yang penting. Dalam kajian rintis yang dilakukan pada saudara baru muslim ini kebanyakan data yang diperolehi adalah daripada sumber Jabatan Agama Islam yang berada di Negeri Johor dan difokuskan kepada Daerah Kluang sahaja. Komuniti muallaf di Daerah Kluang ini adalah meliputi pelbagai bangsa, peringkat usia dan pendidikan, latar belakang pendidikan dan pekerjaan yang berbeza.

Berdasarkan data daripada Jabatan Agama Islam di Negeri Johor ialah, saudara baru yang paling ramai memeluk agama Islam seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1 ialah :

**Jadual 1 : Peratus pemelukkan agama Islam saudara baru.**

<b>Bil</b>	<b>Kaum</b>	<b>Peratus</b>
1.	Cina	85%
2.	India	65%
3.	Iban	10%
4.	Kaum Orang Asal	10%
5.	Kaum – Kaum Lain	10%

Jadual 1, menunjukkan jumlah peratusan dalam pemelukkan agama Islam bagi saudara baru yang telah diambil datanya daripada Jabatan Agama Islam di Negeri Johor bermula daripada kaum cina yang menunjukkan peratusan yang sangat tinggi iaitu sebanyak 85% dan diikuti dengan kaum India sebanyak 65% dan peratusan bagi kaum yang lain pula ialah sebanyak 10%.



### Elemen Pengetahuan Dalam Amalan Beragama Islam.

Elemen – elemen pengetahuan dalam amalan beragama Islam yang telah dibentuk bagi terus mengukuhkan keimanan yang asas dalam agama melalui modul agama Islam yang telah diajar oleh pendakwah untuk para mualaf dalam mengaplikasikan amalan beragama Islam secara berterusan kepada para saudara baru atau mualaf ini supaya mereka boleh terus memahami dan beristiqamah dalam menjalani kehidupan di dalam Islam.

Banyak pendekatan yang boleh dilakukan untuk menyantuni mereka dengan Islam adalah dengan menggunakan kaedah dakwah. Dakwah merupakan suatu ajakkan atau pujukkan untuk mendekatkan diri ke jalan Allah SWT. Dakwah juga adalah untuk menyebarkan agama Islam di bumi ini selaras dengan perintah Allah SWT. Abdul Karim Zaidan (2011). Dakwah adalah tarikan yang sangat besar dan ia akan menjadi cukup menarik yang merangkumi tugas para pendakwah (da'ie) isi pendakwaan (maudhu), metodologi dakwah (manhaj al- dakwah) dan yang menjadi penerima dakwah (mad'u). Cara pendekatan dakwah ada pelbagai cara yang bijaksana dan juga yang berhikmah. Surah Yusuf ayat 33 : Bermaksud “ Serulah ke jalan Tuhanmu ( Wahai Muhammad ) dengan jalan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbasahlah dengan mereka yang engkau serukan. ” Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang mengetahui akan orang yang sesat ini dari jalanNya, dan Dialah jua yang memberikan taufiq dan hidayah kepada hamba-hamba yang dikehendakinya.

Dalam konteks Islam itu sendiri, modul pendidikan yang telah dibina adalah lebih kepada penguatamaan aplikasi dan pengetahuan agama Islam yang mengutamakan akidah Tauhid kepada Allah itu sendiri. Pengetahuan agama Islam dalam kehidupan adalah menjadi yang paling utama dan sinonim dengan menjadikan Islam sebagai Ad-din atau lebih kepada yang mudah untuk dihayati dan difahami oleh golongan mualaf dan ia menjadikan cara hidup yang dapat menuntut

setiap makhluknya supaya menghayati dan mengamalkan secara menyeluruh sebagai seorang Muslim (rafiza,2015).

Kajian yang pernah dijalankan oleh pengkaji – pengkaji lain yang telah mengkaji sebelum ini, telah mendapati bahawa kesan daripada komunikasi diantara saudara baru atau muafiq ini secara harmoni bersama masyarakat Islam telah banyak membuka ruang dan peluang kepada setiap saudara baru ini mendalami agama Islam. Organisasi dakwah seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri, Pertubuhan bukan kerajaan seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan juga Institusi Pengajian Tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah banyak membuat kajian untuk membantu saudara baru ini untuk menyesuaikan dengan kehidupan mereka yang baru selepas mereka memeluk agama Islam.

Perkara anisme yang mereka anuti ini tidak menghalang mereka berinteraksi dengan masyarakat luar termasuklah orang Islam dan institusi agama Islam malah sikap mereka yang terbuka ini telah mengerakkan usaha untuk mengintegrasikan agama Islam kepada mereka dan juga memperkenalkan agama Islam terhadap komuniti mereka dalam masyarakat ke arus perdana. Ma'rof Redzuan dan Abdul Razak (2008).

### **Faktor Pengetahuan Terhadap Akidah.**

Akidah yang berasal daripada kata dasar 'akada' yang bermakna simpulan atau ikatan dan dari istilahnya pula ialah bermaksud keyakinan dan mempunyai sifat-sifat yang khusus terhadap Allah SWT, para malaikat, kitab-kitabnya, para Rasul, hari akhirat serta beriman kepada ketentuannya dan juga pada takdir yang baik atau buruk. (Syed Sabiq,2011). Akidah juga bermaksud sebagai membenarkan sesuatu yang diyakini secara jazam (putus) tanpa syak dan ragu dan kepentingan untuk menanam akidah dalam jiwa dengan pendekatan tarbiah yang paling unggul kerana ia menguatkan hati dan jiwa manusia yang berpegang pada tali Allah. Oleh itu muafiq ini perlu diberi pendedahan yang penting dan kefahaman yang jelas melalui pengajaran akidah supaya dapat menambah tahap pengetahuan dan menambah ilmu kefahaman kepada muafiq supaya tidak terpesong dengan ajaran yang salah.

Kajian mendapati bahawa topik akidah dalam bab keimanan kepada Allah SWT merupakan topik yang sering ditanya oleh muafiq ini. Persoalan akidah kepada Allah merupakan topik yang sering diajukan kepada guru bagi lebih memahami ajaran Islam dari sudut akidah. Topik yang biasa ialah kewujudan Allah, kekuasaanNya dan sifat – sifat kesempurnaan Allah. Kewujudan Allah sering di kaitkan dengan penciptaan di sebalik sesuatu di sekeliling manusia yang membawa pelbagai contoh seperti langit dan bumi dan ia ditunjukkan secara jelas bahawa supaya dapat menangkis keraguan dan dapat meningkatkan keyakinan terhadap kewujudan Allah SWT.

### **Faktor Kembali Murtad.**

Di Negeri Johor juga, kajian telah menunjukkan bahawa jumlah pengislaman yang berlaku dalam kalangan orang Cina, India dan kaum yang lain adalah seramai 19,761 (2014). Kajian menunjukkan bilangan mereka yang memeluk agama Islam agak perlahan sekitar 27.6% (JAKIM,2015). Kajian juga menunjukkan bahawa kualiti mereka sebagai muslim juga berada

ditahap yang rendah dan tahap kurang berkualiti adalah kerana mereka sebagai muslim hanya sekadar nama atau pun dari faktor perkahwinan sahaja. Dalam kajian yang dilakukan ada dikalangan mereka telah murtad kembali disebabkan oleh beberapa faktor yang telah dikenal pasti.

### **Kejahilan Mengenal Tuhan.**

Kajian juga menunjukkan bahawa penempatan bagi saudara muslim baru ini juga mempengaruhi sosio budaya masyarakat saudara baru terutamanya dari segi kegiatan ekonomi seharian, sistem kemasyarakatan, kepercayaan dan amalan ritual, sistem norma, adat dan pantang larang, Bahasa dan sistem norma kehidupan mereka. Sistem norma kehidupan mereka juga mempengaruhi pola tingkah laku kehidupan, pemikiran dan nilai dan aktiviti masyarakat yang dijalankan di dalam masyarakat saudara baru muslim. Dalam konteks kepercayaan pula dan amalan ritual masyarakat mereka umumnya mereka telah mempercayai amalan datuk nenek moyang mereka mengenai suatu kuasa yang terdiri daripada makhluk – makhluk ghaib dan kurang pergantungan kepada Allah.

Kebanyakan mereka sebelum ini mempercayai kuasa pencipta alam dan sistem ketuhanan yang ada di alam ini. Mereka juga mempercayai bahawa adanya penjaga kebajikan manusia, pengawal tingkah laku manusia ketika ia berhubung dengan alam. Pantang larang dan adat tertentu yang berkaitan dengan kuasa alam yang mereka percayai ini ada hubungkait dengan pemelukkan mereka ke dalam agama Islam. Selain itu mereka juga mempercayai kuasa luar biasa yang ada pada roh nenek moyang yang telah meninggal dunia dan manusia yang masih hidup juga mempunyai hubungan dengan kuasa makhluk ghaib.

Kepercayaan animism yang mereka anuti sejak kecil terlalu menebal sehingga menyukarkan mereka untuk menghayati ajaran agama Islam. Menurut Zulkifli et al (2018), menyatakan keadaan ini juga disebabkan pendakwah tidak menekankan aspek kemahiran dalam mengenalpasti topik-topik penting yang menjadi kebiasaan dalam proses komunikasi antara pendakwah dan saudara baru ini. Disamping itu juga keadaan ini juga disebabkan kedangkalan ilmu pengetahuan dan penghayatan mereka yang sangat rendah terhadap ajaran Islam.

### **Faktor Percintaan, Perkahwinan Dan Perceraian.**

Faktor percintaan menjadi faktor yang banyak menyumbang kepada gejala murtad dimana ramai anak remaja masa kini terjebak dengan amalan percintaan berlainan agama sehingga tiada kawalan sehingga mereka terjebak dengan gejala murtad. Sama ada yang tidak beragama Islam masuk Islam atau yang Islam murtad masuk agama lain hanya semata-mata kerana cinta. Apabila hilang rasa cinta, maka tidak kukuh ikatan kasih sayang diantara mereka dan mereka akan kembali kepada agama asal mereka kerana tidak kukuh imannya kerana ia masuk Islam hanya kerana faktor percintaan. Ramai anak muda menjadi mangsa murtad dan mengikut agama yang lain kerana kekurangan ilmu dan kedangkalan dalam bidang agama. Oleh itu pihak JAKIM telah memberikan tumpuan kepada usaha dalam memperkukuhkan akidah agar setiap muallaf ini dapat diberikan tumpuan agar dapat memperkukuhkan akidah dan pegangan keimanan mereka melalui membudayakan ilmu dan terbiyah yang komprehensif dan berkesan.

Selain itu isu dalam kegagalan rumahtangga juga dan isu perceraian juga berlaku menyebabkan banyak berlaku pengistiharan murtad kembali kerana sikap curang dan tidak bertanggungjawab daripada pasangan kepada mualaf yang mereka kahwini menyebabkan mereka kembali ke agama asal mereka. Pasangan juga tidak menunjukkan tatacara kehidupan yang sebenar di dalam beragama Islam sehinggakan pasangan mualaf ini sama tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar yang sepatutnya pasangannya mengajarnya, malah pasangan tidak menitik beratkan tentang pengajaran yang sebenar di dalam Islam.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ( JAKIM ) sangat menekankan tentang isu murtad kembali bagi mualaf yang tidak kuat pegangan imannya dan ia juga boleh disebabkan oleh masalah percintaan, perkahwinan dan juga masalah perceraian yang berlaku dikalangan pasangan mereka. Perkara ini menimbulkan isu murtad kembali kerana melalui pegangan yang kurang kukuh akan menyebabkan mualaf ini merasa kecewa dan berputus harap dengan takdir Allah.

JAKIM telah melaksanakan program seperti penerapan dan penghayatan nilai Islam kepada golongan sasar iaitu anak yatim yang dari ibu bapa yang mualaf , orang kurang upaya (OKU) yang mualaf , warga emas, warga gelandangan yang mualaf dengan memberikan bantuan kepada mereka dengan bantuan yang sepatutnya supaya hati dan Iman mereka kukuh selepas memeluk agama Islam. JAKIM juga telah melaksanakan program menyantuni orang-orang asli , mualaf dengan membuat progra – program ziarah ke kampung – kampung mereka di luar bandar dan menyampaikan bantuan zakat yang dikhususkan kepada mereka.

Selain itu JAKIM juga telah mengarahkan pihak kelas pengajian Takmir untuk turut memainkan peranan dan memberikan sumbangan dakwah yang berterusan kepada mualaf ini supaya dapat memantapkan lagi pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah mereka dan juga bagi menghindari perasaan rasa terpinggir dan rasa keseorangan di dalam Jemaah umat Islam dalam menghadapi masalah dan ujian. Jabatan mufti juga turut menjalankan program “ Majlis Pengisytiharan Taubat (Istitabah) dimana mualaf yang didapati terbabit dengan kesalahan akidah dan murtad agar kembali kepada ajaran agama Islam yang sebenarnya”.

### **Desakkan Keluarga.**

Kontroversi desakan daripada keluarga sering terjadi diantara mualaf dan Islam, kerana sering kali dipaparkan mengenai ketegangan yang berlaku diantara saudara baru dengan ahli keluarga mereka dan juga menjadi keclaruan dalam komuniti mereka. Di lema yang dihadapi oleh mualaf ini apabila berhadapan dengan keluarga mereka sendiri yang biasanya penuh dengan kontroversi dimana ada dikalangan mereka yang berhadapan dengan keluarga yang bersikap aerasif dan tidak menerima perubahan mualaf ini terhadap perubahan yang biasa dalam kehidupan mereka kepada kehidupan agama Islam. Kebanyakan mualaf ini biasanya terpaksa bersikap berpura-pura apabila berhadapan dengan keluarga semata- mata untuk menjaga keislaman mereka. Banyak cabaran yang terpaksa mualaf ini hadapi untuk melindungi keislaman mereka daripada keluarga mereka sendiri dan jiran – jiran di sekeliling mereka. Golongan yang memilih Islam sebagai agama baru biasanya

Para mualaf ini menghadapi cabaran dan desakkan daripada keluarga mereka adalah disebabkan berlaku ketidakfahaman, tiada penghayatan dan pengamalan terhadap agama Islam yang kuat dan

keluarga mereka merasakan bahawa agama mereka lebih baik dari agama Islam. Golongan mualaf ini sangat tertekan kerana berlaku kecelaruan pada perasaan sayang kepada keluarga mereka dan merasa takut di buang keluarga jika memeluk agama Islam. Bagi mereka yang kuat imannya dan kefahamannya serta telah menghayati Islam dengan baik maka mualaf ini tidak merasa susah dan malu dalam beragama Islam kerana mereka telah kuat dan percaya bahawa Islam adalah agama yang terbaik dan benar dan membawa rahmat kepada manusia.

Desakkan keluarga juga menyumbang kepada faktor kembali murtad kerana kebanyakan mualaf ini masih lagi bergantung dengan keluarga. Sikap kebergantungan kepada kedua ibubapa untuk meneruskan kehidupan dalam segala aspek terutamanya kewangan dan keperluan hidup. Perbelanjaan yang masih dikawal oleh kedua ibubapa dan segala gerak geri diperhatikan oleh keluarga mnyebabkan berlaku murtad kembali.

### **Pengaruh Media Massa Sebagai Agen Penyebaran.**

Media massa juga menjadi salah satu punca yang besar selain memberikan contoh kepada pelbagai budaya gaya hidup yang bebas dan menjurus untuk kembali kepada gejala murtad kembali. Mualaf ini akan merasakan kehidupan semasa sebelum memeluk agama islam adalah lebih bebas dan lebih senang dan gembira berbanding apabila berada di dalam agama Islam, merasa susah kerana tidak boleh membuat sebarang tanpa di lampirkan dengan Islam. Semua ada peraturan yang perlu dipatuhi dan tidak boleh membuat sesuka hati seperti minum arak , memakan daging khinzir dan sebagainya. Banyak kumpulan – kumpulan yang memperjuangkan kebebasan beragama yang telah menggunakan media massa dengan sewenang – wenangnya untuk meyokong komuniti yang murtad yang telah dipelopori oleh mubalir - mubalir Kristian yang memasukkan dakwah mereka kepada mualaf ini supaya hak untuk meninggalkan Islam secara terbuka atau sembunyi- sembunyi . Selain itu media massa ini juga telah digunakan untuk memburukkan agama Islam dengan membuat page – page di laman sosial seperti di facebook dan di you tube yang menyatakan tentang hak- hak kebebasan untuk beragama dan pada waktu yang sama mereka memburuk-burukkan agama Islam dengan idea – idea penindasan, keganasan dalam kehidupan beragama Islam.

Dalam Surah al – Baqarah ayat : 256

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ  
لَا انفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

Maksudnya:

*Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui*

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan bentuk kaedah kuantitatif yang menggunakan borang edaran soal selidik yang mengandungi elemen akidah dan juga elemen faktor kembali murtad para muallaf sebagai responden yang telah diambil data mereka melalui Jabatan Agama Johor bagi daerah Kluang sahaja. Responden yang diambil kajian ialah seramai 30 orang dan terdapat lelaki 20 dan perempuan 10. Soal kaji selidik telah di edarkan kepada mereka semasa kelas Fardu Ain yang telah di jalankan oleh pihak Jabatan Agama Islam Daerah Kluang. Terdapat 3 bahagian dalam soal selidik iaitu Bahagian A, B, dan C di mana bahagian A ia menyentuh tentang maklumat demografi responden dan dikaitkan dengan faktor kembali murtad. Bahagian B pula menyentuh mengenai objektif kajian yang dijalankan iaitu Tahap Pengetahuan Akidah Dikalangan Muallaf terhadap aspek akidah dan dikaitkan dengan faktor kembali murtad dan seterusnya pada Bahagian C pula ialah Tahap Pengetahuan berdasarkan kepada Akidah dan dikaitkan juga dengan faktor kembali murtad. Pemilihan sampel ini adalah sangat baik atau sesuai dalam kajian kuantitatif kerana sampel yang dipilih mempunyai maklumat yang ingin diketahui oleh pengkaji dan dapat mengenal pasti faktor berlakunya kembali murtad

### Dapatan Kajian

Dalam bahagian dapatan kajian ini, pengkaji telah menganalisis dalam soal selidik sebelum mengedarkan kepada responden yang telah disasarkan. Terdapat 3 bahagian dalam soal selidik ini iaitu Bahagian a, B dan C. Bahagian A ialah tentang maklumat demografi responden, Bahagian B pula ialah mengenai Tahap Pengetahuan Akidah Muallaf terhadap aspek akidah. Dan seterusnya pada bahagian C pula ialah Faktor Kembali Murtad muallaf kepada agama asal. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan bilangan sampel adalah seramai 30 orang muallaf di Daerah Kluang dan menggunakan borang soal selidik berskala Likert 5 yang diedarkan melalui kertas ujian kaji selidik. Selanjutnya borang soal selidik dianalisis menggunakan peratus, min dan Tahap Min bagi melihat tahap pengetahuan akidah dikalangan muallaf.

Jadual 1 : Bilangan Lelaki dan Perempuan yang memeluk Agama Islam mengikut tahun bagi daerah Kluang.

TAHUN	1999		2000		2021		2022		2023		2024		JUMLAH
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
JANTINA / BANGSA													
CINA	16	8	19	8	17	9	11	9	12	10	12	9	140
INDIA	2	2	11	4	10	3	4	3	7	1	7	2	56
IBAN	7	3	8	8	3	9	3	2	2	2	3	6	56
KAUM ORANG ASAL	4	3	1	3	2	2	2	2	1	2	1	1	24
KAUM LAIN - LAIN	23	18	30	33	10	15	18	27	15	14	11	12	226
JUMLAH	52	34	69	56	42	38	38	43	37	29	34	30	502

Sumber : Jabatan Agama Negeri Johor Daerah Kluang.

Jadual 1 menunjukkan bilangan lelaki dan wanita golongan muallaf yang telah memeluk agama Islam. Ia menunjukkan jumlah peningkatan pada setiap tahun, dan ini menunjukkan bahawa

golongan mualaf ini sebenarnya telah meningkat dari sehari ke sehari dan menunjukkan perkembangan yang positif kepada ummat Islam.

Jadual 2 : Demografi Responden yang dikaji .

Bil.	Kategori	Perkara	Kekerapan	%
1.	Jantina	Lelaki	20	63.2
		Perempuan	10	36.8
2.	Daerah	Kluang	30	100.0
3.	Tempoh Memeluk Islam	1-5 tahun	10	14.4
		6-10 tahun	6	15.8
		11 tahun ke atas	14	69.8
4	Bangsa	Cina	15	39.1
		India	5	4.5
		Iban	3	9.8
		Kaum Orang Asal	3	18.0
		Kaum-Kaum Lain	4	28.6
5	Umur	10-20	2	0.8
		21-30	6	12.8
		31- 40	10	19.5
		41-50	10	40.6
		51 ke atas	2	26.3
6	Pekerjaan	Tidak bekerja	8	54.1
		Kakitangan Kerajaan	3	2.3
		Kakitangan Swasta	12	11.3
		Bekerja Sendiri	7	32.3
7	Pendapatan Bulanan	Kurang 1000	11	69.9
		1001 -1500	2	21.1
		1501-2000	3	3
		2001-3000	5	3
		3001-5000	5	1.5
		5001 – ke atas	4	1.5
8.	Tahap Pendidikan	SRP / PMR /PT3	5	18.8
		SPM	21	38.3
		STPM / DIPLOMA	1	10.5
		IJAZAH	2	3.1
		MA/PHD	1	1.5
		Tidak didapati di atas	0	27.8
9.	Taraf Perkahwinan	Bujang	5	5.3
		Berkahwin	18	82
		Duda	3	2.2
		Janda	4	10.5
10.	Bilangan Anak	1-2 orang	20	82
		3-5 orang	2	2.2
		Lebih daripada 5	3	5.3
		Tiada anak	5	10.5

Seterusnya kajian yang dijalankan ini adalah daripada teknik daripada pengumpulan data melalui edaran borang soal selidik telah dilakukan semakan pakar. Pengkaji mengedarkan borang soal



selidik kepada responden bagi memperolehi maklumbalas. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A: Maklumat Demografi Responden, bahagian B ialah Tahap Pengetahuan mualaf dan bahagian C pula ialah Faktor kembali murtad.

Latar Belakang Demografi Responden Responden terdiri daripada 20 orang lelaki (63.2%) dan wanita seramai 10 orang (36.8%) dan kebanyakan daripada responden ini tinggal dan menetap di daerah Kluang. Adapun dilihat dari segi tempoh memeluk agama Islam pula, kelompok yang memeluk agama Islam melebihi 11 tahun ke atas merupakan jumlah yang terbesar iaitu 69.8%, diikuti kelompok yang memeluk agama Islam 6-10 tahun sebanyak 15.8% dan kelompok yang memeluk Islam 1-5 tahun pula berjumlah 14.4.%. Manakala dari segi bangsa pula, kelompok Cina merupakan kelompok yang terbesar iaitu 39.1%, diikuti dari kaum orang asal sebanyak 18%, bukan kaum – kaum lain sebanyak 28.6 %, Iban 9.8%, India 4.5% .

Berasaskan kategori usia responden pula didapati kelompok yang berumur 41-50 merupakan kelompok yang terbesar meliputi 40.6%. Apabila ditinjau dari aspek pekerjaan, maka majoriti daripada responden tidak bekerja meliputi 54.1%, hanya 2.4% sahaja responden yang bekerja dalam sektor kerajaan, 11.3% daripada mereka pula bekerja dalam sektor swasta manakala 32.3% adalah yang bekerja sendiri. Majoriti responden mempunyai pendapatan kurang daripada 1000 sebulan iaitu sebanyak 69.9% manakala kelompok yang memperolehi pendapat RM 1001-1500 pula adalah sebanyak 21.1%. Peratus juga menunjukkan mualaf yang mempunyai pendapatan yang tinggi adalah kecil sahaja apabila mereka menunjukkan RM 3001-5000 hanya 1.5% dan pendapatan yang melebihi RM 5001 juga 1.5%. Manakala tinjauan dari aspek pendidikan pula mendapati majoriti responden menerima pendidikan tertinggi pada peringkat SPM iaitu sebanyak 38.3%. Sebanyak 82% daripada responden telah berkahwin, 5.3% masih bujang, 2.3% adalah duda dan 10.5% adalah janda. Kebanyakan responden memiliki anak 1-2 orang sebanyak 40.6%, 3- 5 orang anak sebanyak 42.1%, 16.5% lebih daripada 5 orang anak dan hanya 10.4% yang tidak memiliki anak. Ini dijelaskan sebagaimana dalam jadual yang di atas.

**Jadual 3. Taburan Tahap Pengetahuan Akidah Di kalangan Mualaf .**

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	Tahap Min
		(STS)	(TS)	(TP)	(S)	(SS)		
		%	%	%	%	%		
B1	Pegangan agama yang kuat perlu ada dalam diri seorang Muslim.	2 6.7%	1 3.3%	2 6.7%	8 26.7%	17 56.6%	4.23	Sangat Tinggi

B2	Saya mengetahui tentang dosa dan pahala.	0 0%	0 0%	0 0%	10 34.5%	20 65.5%	4.5	Sangat Tinggi
B3	Saya mengetahui dan mempercayai akan kewujudan Allah.	1 3.3%	0 0%	0 0%	6 20%	23 76.7%	4.7	Sangat Tinggi
B4	Allah mengetahui setiap perbuatan yang manusia lakukan.	0 0%	0 0%	0 0%	3 10%	27 90%	4.9	Sangat Tinggi
B5	Saya percaya kepada takdir Allah.	0 0%	0 0%	0 0%	7 23.3%	23 76.7%	4.75	Sangat Tinggi
B6	Saya sentiasa bersangka baik kepada Allah diatas setiap takdir qada' dan qadar adalah salah satu pegangan kepada akidah.	0 0%	0 0%	0 0%	9% 30%	21 70%	4.7	Sangat Tinggi
B7	Saya menerima dan reda diatas setiap ujian dan dugaan yang diberi oleh Allah.	0 0%	0 0%	2 6.7%	10 33.3%	18 60%	4.53	Sangat Tinggi
B8	Saya sentiasa belajar amalan – amalan kearah kebaikan.	0 0%	0 0%	1 3.4%	10 33.3%	19 63.3%	4.6	Sangat Tinggi
B9	Saya sentiasa mengamalkan sikap berlapang dada diatas segala amalan kearah kebaikan.	0 0%	0 0%	2 6.8%	8 27.6%	20 65.6%	4.43	Sangat Tinggi

**Jumlah min keseluruhan**

**4.59 Sangat Tinggi**

Jadual 3 , menunjukkan bahawa setiap nilai min mengenai tahap pengetahuan akidah pengetahuan akidah golongan mualaf di Daerah Kluang bagi setiap item berada ditahap tinggi, sederhana dan rendah. Data menunjukkan nilai min yang paling tinggi ialah B4 ( Allah mengetahui setiap yang manusia lakukan) iaitu min 4.9. Manakala nilai min yang paling rendah adalah pada soalan B1 ( Pegangan agama yang kuat perlu ada dalam diri seorang Muslim) iaitu min 4.23. Namun begitu soalan B1 ini masih dikategorikan sangat tinggi mengikut nilai min. Hal ini menunjukkan bahawa mungkin kerana pelbagai tahap pengetahuan dalam pembelajaran ilmu Islam terhadap golongan mualaf ini masih baru dan masih lagi asing bagi mereka. Pegangan agama islam ini masih lagi dalam tempoh pemulihan dan bimbingan dari pihak yang berwajib.

**Jadual 4 . Taburan Tahap Amalan Akidah Mualaf.**

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	Tahap Min
		(STS)	(TS)	(TP)	(S)	(SS)		
		%	%	%	%	%		
B10	Saya mempercayai bahawa tiada Tuhan selain Allah	0 0%	0 0%	2 3.4%	4 13.8%	24 82.8%	4.63	Sangat Tinggi
B11	Beriman kepada Allah adalah Rukun Iman yang pertama.	0 0%	0 0%	2 6.6%	3 10%	25 83.4%	4.76	Sangat Tinggi
B12	Malaikat Jibril yang menyampaikan wahyu kepada Nabi Muhammad.	0 0%	0 0%	0 0%	5 16.6%	25 83.4%	4.83	Sangat Tinggi
B13	Saya mengamalkan Rukun Iman dalam kehidupan	0 0%	0 0%	0 0%	5 16.6%	25 83.4%	4.83	Sangat Tinggi
B14	Saya percaya akan tiba waktu hari Kiamat berlaku	0 0%	0 0%	0 0%	4 13.8%	26 86.7%	4.86	Sangat Tinggi

B15	Qada' adalah suatu perkara yang telah ditentukan kepada seseorang.	2 6.6%	0 0%	0 0%	3 10%	25 83.4%	4.63	Sangat Tinggi
B16	Solat lima waktu wajib dilaksanakan.	0 0%	0 0%	0 0%	6 20%	24 80%	4.93	Sangat Tinggi
B17	Zakat wajib dilakukan bagi yang mampu.	0 0%	0 0%	0 0%	5 16.6%	25 83.3%	4.16	Sangat Tinggi
B18	Ibadah haji boleh dilakukan pada yang mampu.	0 0%	0 0%	0 0%	4 13.8%	26 86.7%	4.73	Sangat Tinggi
B19	Saya berpuasa di bulan Ramadhan.	0 0%	0 0%	0 0%	2 6.6%	28 93.3%	4.86	Sangat Tinggi
B20	Mengucap dua kalimah syahadah adalah pengakuan sebagai orang muslim.	0 0%	0 0%	0 0%	6 20%	24 24%	4.93	Sangat Tinggi
<b>Jumlah min keseluruhan</b>							<b>4.69</b>	<b>Sangat Tinggi</b>

Jadual 4, menunjukkan tahap amalan dalam kalangan mualaf di Daerah Kluang. Berdasarkan kepada data kajian yang diperolehi, nilai min yang paling tinggi ialah pada soalan B20 (Mengucap dua kalimah syahadah adalah pengakuan sebagai orang muslim) dengan nilai min sebanyak 4.93. Manakala min yang paling rendah sekali ialah B17( zakat wajib dilakukan bagi yang mampu) iaitu nilai min sebanyak 4.16 . Terdapat jurang tahap kefahaman bagi setiap responden ini kerana mungkin mereka keliru ketika menjawab soalan kaji selidik.

**Jadual 5 : Taburan Desakkan Keluarga Golongan Mualaf yang menyebabkan kembali murtad.**

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap Min</b>
		<b>(STS)</b>	<b>(TS)</b>	<b>(TP)</b>	<b>(S)</b>	<b>(SS)</b>		
		<b>%</b>	<b>%</b>	<b>%</b>	<b>%</b>	<b>%</b>		
B21	Sikap pemuluan oleh keluarga kandung	0 0%	0 0%	0 0%	6 20%	24 80%	4.8	Sangat Tinggi
B22	Tidak mengakui anak kandung oleh ibu bapa	3 10%	2 6.7%	1 3.3%	5 16.7%	19 63.3%	4.16	Sangat Tinggi
B23	Terputusnya hubungan kekeluargaan	0 0%	9 30%	0 0%	0 0%	21 70%	4.7	Sangat Tinggi
B24	Terputusnya bantuan kewangan dan sumber pendapatan	0 0%	0 0%	0 0%	3 10%	27 90%	4.9	Sangat Tinggi
B25	Pernah dikurung dalam rumah	0 0%	0 0%	1 3.3%	4 13.8%	24 82.8%	4.63	Sangat Tinggi
B26	Pernah dipukul kerana tidak keluar dari Islam	3 10%	2 6.7%	1 3.3%	5 16.7%	19 63.3%	4.16	Sangat Tinggi
B27	Disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam	0 0%	0 0%	0 0%	6 20%	24 80%	4.8	Sangat Tinggi
B28	Diugut untuk dibunuh	0 0%	0 0%	1 3.3%	4 13.8%	24 82.8%	4.63	Sangat Tinggi
B29	Hilang pewarisan harta pusaka	0	0	0	2	28	4.93	Sangat Tinggi

		0%	0%	0%	6.7%	93.3%		
B30	Dilabel sebagai masuk Melayu dan anak derhaka	0	0	0	2	28	4.93	Sangat Tinggi
		0%	0%	0%	6.7%	93.3%		
<b>Jumlah min keseluruhan</b>							<b>4.63</b>	<b>Sangat Tinggi</b>

Jadual 5 , menunjukkan taburan desakkan dari keluarga dalam kalangan mualaf di Daerah Kluang. Berdasarkan kepada data kajian yang diperolehi, nilai min yang paling tinggi ialah pada soalan B30 ( hilang warisan keluarga) dengan nilai min sebanyak 4.93. Manakala min yang paling rendah sekali ialah B22 ( tidak mengaku anak kandung) iaitu nilai min sebanyak 4.16 . Data ini menunjukkan bahawa mualaf ini sebenarnya menghadapi isu masalah dengan keluarga yang sangat tinggi dan ia merupakan satu tekanan yang sering diamali oleh mualaf.

**Jadual 6 : Taburan Kejahilan mengenal Allah golongan mualaf menyebabkan kembali murtad.**

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	Tahap Min
		(STS)	(TS)	(TP)	(S)	(SS)		
		%	%	%	%	%		
B31	Saya mencari Allah dengan menggunakan akal fikiran.	0	0	0	2	28	4.93	Sangat Tinggi
		0%	0%	0%	6.7%	93.3%		
B32	Saya faham dengan penerangan ilmu akidah yang disampaikan oleh pendakwah.	3	2	1	5	19	4.16	Sangat Tinggi
		10%	6.7%	3.3%	16.7%	63.3%		
B33	Saya diberi bimbingan dengan ilmu yang berasaskan al-quran.	2	0	0	3	25	4.63	Sangat Tinggi
		6.7%	0%	0%	10%	83.3%		

B34	Saya diberi bimbingan tentang hukum tajwid di dalam al-Quran yang betul.	2 6.7%	0 0%	0 0%	3 10%	25 83.3%	4.63	Sangat Tinggi
B35	Saya diberi bimbingan mengenai Nabi dan Rasul.	0 0%	0 0%	1 3.4%	4 13.8%	24 82.8%	4.63	Sangat Tinggi
B36	Saya diberi bimbingan mengenai hukum feqah yang betul seperti taharah dan istinja yang betul.	0 0%	0 0%	2 6.6%	3 10%	25 83.4%	4.76	Sangat Tinggi
B37	Saya diberi bimbingan mengenai akhlak yang betul dan terpuji.	3 10%	2 6.7%	1 3.3%	5 16.7%	19 63.3%	4.16	Sangat Tinggi
B38	Saya diberi bimbingan cara untuk bersolat , berpuasa ,berzakat , dan sebagainya.	0 0%	0 0%	0 0%	2 6.7%	28 93.3%	4.93	Sangat Tinggi
B39	Saya diajar supaya tidak membuat maksiat seperti minum arak , berzina dan sebagainya.	0 0%	0 0%	0 0%	6 20%	24 80%	4.8	Sangat Tinggi
B40	Saya diajar mengenai zikir – zikir yzng mendekatkan diri kepada Allah.	0 0%	0 0%	0 0%	2 6.7%	28 93.3%	4.93	Sangat Tinggi
<b>Jumlah min keseluruhan</b>							<b>4.69</b>	<b>Sangat</b>

## **Tinggi**

Jadual 6 , menunjukkan taburan daripada kejahilan dalam mengenal Allah bagi muafak di Daerah Kluang. Berdasarkan kepada data kajian yang diperolehi, nilai min yang paling tinggi ialah pada soalan B31 ( saya mencari Allah dengan menggunakan akal fikiran ) dengan nilai min sebanyak 4.93. Manakala min yang paling rendah sekali ialah B32 ( saya faham dengan penerangan ilmu akidah yang disampaikan oleh pendakwah ) iaitu nilai min sebanyak 4.16 . Data ini menunjukkan bahawa muafak ini menghadapi isu kejahilan dalam mengenal Allah yang sangat tinggi dan ia perlu diambil berat oleh pendakwah kerana para muafak ini masih lagi dalam proses pembelajaran dan bimbingan.

## **Penutup**

Tahap pengetahuan aqidah ini menjadi satu perkara yang sangat penting untuk kita menilai sejauhmana keadaan para muafak ini dan seterusnya dapat dibimbing ke arah yang sebenar menurut Islam. Ia boleh mengesan punca kepada kekeliruan , kelemahan, kesusahan dan faktor – faktor yang boleh membawa kepada kembali ke agama asal iaitu murtad. Isu kembali murtad di kalangan muafak adalah sesuatu yang perlu ditangani secara konsisten dan teratur. Semua agensi yang berkaitan dengan muafak ini perlu berganding bahu bersama dengan masyarakat untuk bersama-sama dalam membanteras masalah permohonan kembali murtad dikalangan muafak. Dengan adanya usaha bersepadu daripada semua pihak dalam membanteras gejala isu kembali murtad ini, ia dapat menyelamatkan akidah ummat Islam di negara kita dan dapat menyelamatkan institusi keislaman negara kita.

## **Rujukan**

Al-Quran al- Karim

Abd al- Karim Zaydan.(1976). Usul al- Da'wah. Baghdad. Matba'ah al-Azim.

Abd Ghafar Don, Hailan Hj. Salomon.(2010). Dakwah kepada Non- Muslim di Malaysia : Konsep , Pendekatan dan Cabaran. Jurnal al- Hikmah (vol.1,jil1).

Anuar Puteh. (1999). Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur. Bahagian pertama. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah& Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anuar Puteh. (1999). Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur. Bahagian ke dua . Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asmawati Suhid.(2009). Pendidikan Akhlak dan Adab Islam. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Kasim, A.Y. Hamid S. A. & Jemali, M (2017). Pengajaran Akidah dalam kalangan muafak di Institusi Dakwah Islamiyah PERKIM . Jurnal Perspektif : Islam : Special Issue 1,1(1), 89-100.

Mahmood Zuhdi. (2005). Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam pelajar- pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mahmood Zuhdi. (2011), Peribadi Muslim. Selangor : power press & Design Sdn Bhd.

Mustapha, R. (2017), Reka Bentuk Model Integeriti Akademik Berasaskan Penghayatan Rohani. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Nur Atirah .( 2009). Keperluan Memahami Psikologi saudara Muslim. Jurnal Hadis.



## BAB 20

### APLIKASI ELEMEN HIFZ AL-NAFS DALAM INOVASI MAKANAN HALAL DI MALAYSIA

Ain Khadeeja Zainuzzaman,<sup>1</sup> Sumayyah Abdul Aziz,<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

#### Pengenalan

Umat Islam dituntut untuk memakan makanan yang halal serta tidak mendatangkan mudarat kepada badan manusia. Makanan merupakan suatu keperluan asas bagi manusia untuk meneruskan kehidupan. Pemeliharaan nyawa merupakan asas bagi menjaga kepentingan masalah serta menjauhi kemudaratan bagi seluruh umat Islam. Manusia bertanggungjawab ke atas diri mereka dalam menjaga nyawa daripada sebarang ancaman dan bahaya yang boleh membawa kepada bahaya dan kerosakan. Sejalan dengan kemajuan teknologi dan inovasi, makanan telah melalui sebuah fasa yang mendorong manusia untuk berfikir ke arah inovatif dengan menghasilkan pelbagai bentuk makanan halal berinovasi dan moden. Meskipun begitu, pematuhan terhadap pemeliharaan nyawa perlulah diberi penekanan dalam aspek pembuatan makanan bermula daripada bahan mentah hingga sampai kepada konsumen. Perbincangan elemen hifz al-nafs dibincangkan secara meluas dalam salah satu perbahasan dalam ilmu maqasid al-daruriyyah. Perbahasan mengenai pemeliharaan nyawa perlulah dibincang dalam skop yang lebih luas iaitu dalam konteks kualiti makanan, keselamatan makanan, dan sekuriti makanan.

#### Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif kepustakaan. Data-data kajian diperoleh melalui pembacaan daripada sumber yang sahih seperti kitab rujukan asal, artikel, jurnal, tesis, dan laman sesawang rasmi agensi terlibat. Manakala, data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah induktif dan deduktif.

#### Hifz Al-Nafs Dalam Perbahasan Maqasid

Pemeliharaan nyawa merupakan salah satu perbahasan skop yang cukup meluas dalam kalangan ulama' maqasid. Nyawa merupakan amanah yang diberikan oleh Allah SWT untuk dijaga dengan sebaiknya sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksudnya:

*Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman, " Dan janganlah kamu membunuh orang yang diharamkan Allah (membunuhnya), kecuali dengan suatu (alasan) yang benar."*

Ayat tersebut menggamnbarkan bahawa Allah telah memerintahkan manusia untuk memelihara nyawa manusia dengan sebaiknya selagi mana individu tersebut tidak mempunyai alasan yang

kukuh untuk dibunuh. Islam telah menetapkan beberapa garis panduan bagi menentukan status halal ataupun haram bagi sesuatu makanan. Relevan bagi garis panduan ini adalah bagi menjaga kelima-lima aspek maqasid yang utama iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta (Hipni, 2020). Pengaplikasian prinsip maqasid al-shari'ah fokusnya dalam sudut perspektif al-daruriyyah al-khams dalam konteks perbincangan makanan halal dinilai begitu signifikan bagi menghasilkan suatu komuniti Islam yang cakna dan prihatin dengan pengambilan makanan yang berstatus halal. Dalam konteks kajian ini, elemen hifz al-nafs akan dikupas secara mendalam mengenai pengaplikasian elemen tersebut dalam penghasilan makanan halal berinovasi.

Manusia memerlukan makanan untuk meneruskan kehidupan bagi menjalankan aktiviti harian. Makanan yang diambil mestilah mempunyai khasiat, berkualiti serta selamat. Setiap individu dilarang mendedahkan dirinya kepada kebinasaan serta tidak mendatangkan kebinasaan terhadap orang lain (Wahbah al-Zuhaili, 1986). Konsep pemeliharaan nyawa saling berkait rapat dengan makanan. Hal ini kerana, makanan merupakan salah satu sumber asas dalam kehidupan manusia. Badan yang shiat bermula daripada pemakanan yang sihat dan seimbang. Apa jua bahan yang boleh menjejaskan nyawa manusia perlulah dielakkan daripada dimasukkan ke dalam badan. Sebagai umat Islam yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT, mengutamakan keselamatan diri daripada sebarang kebinasaan adalah penting untuk mengelakkan dari sebarang mafsadah.

### **Elemen Pemeliharaan Nyawa (Hifz al-Nafs) dalam Pensijilan Halal Malaysia**

Salah satu prinsip maqasid al-daruriyyah al-khams adalah pemeliharaan nyawa yang merupakan elemen penting untuk diterapkan dalam kehidupan manusia. Malaysia sebagai salah satu negara yang mengambil berat aspek kesihatan makanan telah menghasilkan sistem kawalan yang khusus seperti Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS 2020) yang memperincikan secara khusus mengenai keperluan umum sistem jaminan halal (HAS) bagi industri besar dan sederhana, keperluan umum sistem kawalan halal dalaman (IHCS) bagi industri kecil dan mikro, dan keperluan khusus sistem jaminan halal dan sistem kawalan halal dalaman berdasarkan skim pensijilan industri tersebut.

Terdapat pelbagai usaha dapat dilaksanakan bagi memastikan kesihatan manusia dan menjaga keselamatan makanan adalah salah satu cara untuk memelihara kesihatan tubuh. Keracunan makanan berpunca daripada sistem kawalan makanan yang lemah boleh mendorong kepada penyakit seperti sakit perut, cirit-birit, muntah, loya dan demam yang boleh membawa kepada dehidrasi dan kematian berpunca daripada bakteria seperti salmonella dan escherichia coli (e-coli).

Pengaplikasian elemen hifz al-Nafs dalam Sistem Pengurusan Halal Malaysia MHMS 2020 (Sistem Pengurusan Halal Malaysia, 2020) dapat dikenal pasti melalui penubuhan keperluan umum sistem jaminan halal (HAS) dalam aspek pengurusan kawalan bahan mentah. Sistem kawalan bahan mentah memainkan peranan yang sangat penting dalam aspek menentukan tahap keselamatan makanan. Sebagai contoh, sumber bahan mentah seperti daging yang tidak diklasifikasikan sumbernya boleh mendatangkan syubhah yang boleh mendorong kepada keraguan dalam aspek keselamatan pengurusan penyembelihan daging tersebut.

Penerapan elemen pemeliharaan nyawa juga bukanlah dinilai dari sudut syariah semata-mata, namun ianya merangkumi aspek yang lebih dinamik iaitu merangkumi skop analisis lain yang perlu dinilai oleh pihak yang berwibawa seperti ahli sains dan pembantu makmal. Dalam konteks analisis halal, sistem jaminan halal (HAS) telah menggariskan panduan yang khusus bagi pihak

syarikat atau pemohon sijil halal untuk melalui proses analisis makmal bagi mengelakkan dari sebarang penggunaan bahan yang mempunyai unsur kimia yang berbahaya seperti pengspesian daging yang melibatkan pemerhatian DNA dan kandungan alkohol. Malah, terdapat beberapa kemungkinan yang lain seperti sifat fizikal haiwan daripada kulit dan bulu yang perlu dibawa sampelnya kepada makmal kerana ianya tidak dapat dinilai melalui pandangan mata kasar semata-mata. Manakala, sistem kebolehesanan (*traceability*) yang digariskan dalam sistem kawalan halal dalaman (IHCS) bagi tujuan kawalan minima untuk mengekalkan jaminan halal mampu memastikan proses daripada bahan mentah sehingga sampai kepada pengguna (*farm to fork*) dapat dikesan secara jelas.

## **Pemeliharaan Nyawa dalam Inovasi Makanan Halal**

Inovasi merujuk kepada tingkah laku kreatif dan berisiko yang diambil oleh firma perniagaan sehingga mencetus perubahan tertentu, samada pada produk, proses, struktur organisasi dan cara kerja, bertujuan meningkatkan prestasi atau keberkesanan organisasi (Suraiya& Ahmad Rafli, 2013). Menurut Batista, Inovasi daripada teknologi-teknologi baru digalakkan bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan seperti kejuruteraan genetik (*genetic engineering*), radiasi makanan dan pembungkusan atmosfera diubahsuai, dihasilkan bagi meningkatkan hasil pengeluaran pertanian, memanjangkan tempoh hayat serta meningkatkan kualiti makanan.

Inovasi makanan adalah perlu kerana dijangkakan setiap entiti perniagaan yang mahu kekal dalam pasaran dan terus bertumbuh harus melakukan inovasi tertentu sama ada pada produk, servis, proses, pentadbiran, pemasaran dan pasaran (Suraiya Ishak., et. al, 2015). Manakala, industri inovasi halal berpotensi untuk menghasilkan nilai baru yang memuaskan sebagai respon kepada pertumbuhan potensi halal produk dan perkhidmatan (Sharifah Zannierah Syed Marzuki et al., 2018). Menurut beliau lagi, impak kepada kesedaran mengenai keselamatan makanan mampu membuatkan mereka yang bukan beragama Islam juga akan menyumbang kepada kejayaan kepada makanan halal (Ibid, 2018).

Segala bentuk makanan yang dimasukkan ke dalam badan manusia boleh mempegaruhi tahap kesihatan seseorang individu sama ada daripada aspek kesihatan luaran dan mental. Islam sebagai agama yang dipaksakan dengan hukum yang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia dalam kehidupan di dunia dan akhirat telah menggariskan panduan yang khusus dalam memilih makanan (Razidah Othman Jalaludin, et.al, 2018). Manakala, dalam konteks inovasi dan teknologi produk makanan, aplikasi dimensi daruriyyat al-khams tidak sekadar tertakluk kepada dimensi yang dinyatakan oleh ulama' silam iaitu menjaga dan melindungi, bahkan turut mengaplikasikan dimensi ulama' kontemporari yang disandarkan kepada realiti semasa. Pemeliharaan agama, hifz al-Nafs dalam penghasilan makanan berinovasi perlu merangkumi keyakinan keselamatan pengguna, dari segi fizikal dan kesihatan. Selain itu, produk yang berinovatif mesti memenuhi keperluan pemakanan manusia dan tidak memudaratkan kesihatan pengguna serta mempertimbangkan aspek kesihatan yang mungkin timbul daripada pengambilannya (Sumayyah Abdul Aziz et al., 2024).

Sejajar dengan peralihan masa, keperluan terhadap makanan berinovasi mengalami fasa peningkatan yang drastik. Ini didorong oleh faktor permintaan makanan yang berkualiti iaitu makanan yang telah melalui proses yang teliti, penyediaan makanan yang bersih, serta proses pengilangan yang selamat (Herman Shah Anuar et al., 2018). Keadaan ini mendorong kepada peningkatan penghasilan makanan berinovasi dalam kalangan pengeluar makanan bagi memenuhi permintaan pengguna. Meskipun peralihan fasa makaanan mendatangkan pelbagai impak positif dari sudut ekonomi negara, penelitian terhadap penghasilan makanan berinovasi mestilah

dipandang serius agar pemeliharaan nyawa manusia dapat dilindungi secara optimum dari sebarang mafsadah yang boleh mengancam nyawa. Bagi menghasilkan makanan inovasi yang halal, penghasilan makanan bermula daripada bahan mentah perlulah dikawal dengan sebaiknya.

Bahan makanan yang bersumberkan daging ataupun *non-vegan* seperti gelatin digunakan secara meluas dalam penghasilan makanan pastri, manisan, dan tenusu kerana mampu menghasilkan tekstur yang lebih menarik untuk dimakan. Dalam sektor farmaseutikal pula, gelatin digunakan secara meluas dalam penghasilan kapsul yang berbentuk gel (Prager, 2018). Gelatin merupakan suatu bahan yang dihasilkan daripada ekstrak kolagen haiwan sama ada daripada tulang ataupun kulit. Malah, terdapat juga gelatin yang bersumberkan tulang haiwan dan ikan (Hassan et al., 2020). Oleh yang demikian, pengusaha makanan perlu komited dalam menghasilkan makanan yang bebas daripada penggunaan gelatin yang bebas daripada unsur haiwan yang muharramat seperti babi yang digunakan secara meluas di luar negara. Selain itu, bahan makanan yang memudaratkan seperti aditif makanan dan pengawet makanan yang mengandungi kandungan kimia yang terlalu tinggi. Meskipun penggunaannya digunakan secara meluas dalam penghasilan makanan, ini tidak menjamin bahawa bahan tersebut adalah selamat. Antara aditif makanan yang biasa dijumpai dalam makanan termasuklah butylated hydroxy anisole, butylated hydroxytoluene, dan calcium propionate.

Aditif makanan digunakan dalam pelbagai bentuk makanan kerana terdapat pelbagai manfaat yang dapat dihasilkan ke atas makanan seperti pengemulsi, penstabil makanan, dan rasa yang menarik. Namun, kesannya terhadap kesihatan seperti penyakit kulit, kesukaran bernafas, dan gangguan pencernaan boleh terjejas sekiranya kandungan yang digunakan adalah dalam kuantiti yang banyak serta tidak terkawal (Kate Onissiphorou, 2023). Sistem kod penomboran pada makanan yang diperkenalkan bagi tujuan pengelasan kategori aditif makanan diperkenalkan oleh Jawatankuasa Alimenter Kodeks. Kod penomboran ini merupakan sebuah sistem unik yang digunakan pada aditif makanan.

**Jadual 1: Sistem kod *E-Number* mengikut kelas aditif makanan**

Kod E-Number	Kelas Aditif
E100 – E199	Pewarna
E200 – E299	Pengawet
E300 – E399	Antioksidan, pengawal keasidan
E400 – E499	Kondisioner makanan (pemekat, penstabil, pengemulsi)
E500 – E599	Pengawal keasidan, anti-caking
E600 – E699	Penambah perisa
E700 – E799	Antimikrob
E900 – E999	Lain-lain jujukan (Glazing agent, pemanis)
E1000 – E1999	Kimia tambahan

Sumber: *Codex Alimentarius International Food Standards*, 2023.

Pengeluar makanan perlu bijak dalam mencari alternatif yang lebih selamat bagi mengelakkan daripada penggunaan aditif makanan yang berasaskan kimia. Serbuk perasa cendawan merupakan salah satu alternatif yang terbaik bagi menggantikan perasa makanan berasaskan kimia. Malah, inovasi perasa makanan berasaskan cendawan ini merupakan pilihan yang lebih selamat dan sihat serta mudah dicernakan (Belyaeva et al., 2022). Terdapat juga beberapa inovasi makanan yang dihasilkan bagi tujuan membendung penggunaan bahan muharramat seperti gelatin yang berasaskan tumbuhan (*plant based gelatin*). Inovasi gelatin berasaskan kacang dapat memenuhi

keperluan individu yang hanya memakan tumbuhan (*vegan*) dan pengguna muslim serta menampung permintaan gelatin yang semakin meningkat (Stephen Daniells, 2023). Ini secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan terhadap gelatin yang bersumberkan haiwan yang lebih diragui status halalannya.

Seterusnya, makanan yang mengalami perubahan secara genetik (GMO) perlu diberi penelitian secara khusus. Meskipun makanan terubahsuai genetik mempunyai pelbagai kontroversi dalam kalangan pengguna, kesan kemajuan teknologi ini mampu menjadi alternatif yang terbaik dalam penjagaan ekosistem. Sebagai contoh, penghasilan sayuran tahan serangga menggunakan kaedah pengubahan genetik mampu mengurangkan penggunaan racun serangga. Ini mampu mendorong kepada pengurangan bahan kimia dalam penghasilan sayur-sayuran serta penjagaan ekosistem yang lebih baik. Malah, petani turut mendapati bahawa hasil pengeluaran sayur-sayuran semakin bertambah dengan menggunakan kaedah pengubah suai genetik ini (Nations, 2001).

Buah-buahan dan sayur-sayuran yang disuntik menggunakan genetik khinzir adalah haram meskipun produk akhir yang dihasilkan tidak memberi sebarang kesan terhadap luaran bagi produk akhir buah-buahan dan sayur-sayuran tersebut. Sekiranya penggunaan genetik ini tidak diberikan pelabelan (Ashraf et al. 2018) dan pengelasan yang sewajarnya, pengguna Islam tidak akan mampu membezakan sama ada produk tersebut dikategorikan halal atau haram menggunakan mata kasar.

Pengeluar makanan yang menggunakan kaedah terubah suai genetik disarankan supaya menambah baik dalam konteks perundangan teknologi ini bagi tujuan mengelakkan daripada menyebabkan kemudaratan yang tidak diinginkan kepada manusia dan alam sekitar. Malah, semua aplikasi GMO hendaklah dilabel untuk memastikan bahawa tujuan maqasid al-Shari'ah adalah dilindungi daripada sebarang bentuk pelanggaran (Siti Hafsyah Idris et al., 2020). Oleh yang demikian, dalam proses menghasilkan makanan berinovasi, aspek penggunaan bahan muharramat perlu diberi penekanan secara mendalam meskipun perlu melibatkan kajian makmal yang teliti bagi tujuan pemeliharaan nyawa daripada sumber yang merbahaya yang dapat mendatangkan kerosakan ke atas badan manusia.

## **Hubungan Keselamatan Makanan dan Pemeliharaan Nyawa**

Keselamatan makanan telah menjadi suatu fenomena yang besar bagi penduduk di dunia. Manakala, 25 peratus daripada mereka adalah beragama Islam. Oleh yang demikian, kepentingan dalam menjaga keselamatan makanan menjadi fokus utama yang perlu diberi perhatian dan fokus kerana keselamatan makanan saling berkait rapat dengan kebersihan dan kesucian yang menjadi sebahagian daripada aspek perbincangan halalan tayyiba. Keselamatan makanan merangkumi kebersihan pengendali makanan, pakaian, peralatan, dan premis bagi tempat makanan tersebut dikendalikan. Ini bertujuan mengelakkan daripada terdapatnya risiko keracunan makanan dan pencemaran silang yang boleh membawa mudarat kepada pengguna. Keselamatan makanan bukan sekadar melindungi makanan ketika proses makanan tersebut dihasilkan, malah ianya juga bertujuan untuk menambah baik kesihatan pengguna dan menyediakan nutrisi yang seimbang.

Terdapat 5 elemen yang perlu dipertimbangkan dalam membincangkan perbahasan mengenai keselamatan makanan iaitu makanan yang bersih, makanan yang tidak memudaratkan kesihatan, makanan yang segar, makanan yang berkhasiat, dan makanan yang tidak berisiko tinggi (Musfirah Syahida Mohamad et al., 2015). Kelima-lima elemen tersebut perlu dinilai bagi menjaga mafsadah serta memenuhi elemen pemeliharaan nyawa. Makanan yang bersih dalam konteks penyediaan bahan mentah seperti daging perlu mematuhi prosedur yang khusus dalam penyediaannya. Sebagai contoh, daging masih dikira sebagai mentah sekiranya tidak mengenai haba atau proses

pemanasan yang dapat membebaskan daripada bahan kimia serta bakteria yang boleh membahayakan manusia (Mahdi Fakhar et al., 2016).

Lambakan makanan produk makanan yang mempunyai bahan yang tinggi kandungan kimia yang berisiko kepada kesihatan perlu diambil pada kadar yang minimum bagi mengelakkan manusia daripada terdedahnya kepada bahaya yang boleh mendatangkan kemudaratan. Menurut kajian di *National Institutes of Health*, Amerika Syarikat mendapati bahawa pengambilan makanan berproses, makanan ringan, dan makanan segera boleh mendorong kerosakan kepada mental yang memerlukan kepada rawatan psikiatrik dan kesihatan mental (Joel Fuhrman, 2018). Kecanggihan teknologi dan inovasi mendorong manusia untuk diubahsuai kepada suatu bentuk makanan yang lebih menarik. Namun begitu, perubahan tersebut perlu mengekalkan kandungan nutrisi supaya tidak menjejaskan kesegaran makanan tersebut. Sebagai contoh, buah-buahan segar yang dipikkan menjadi minuman yang berjus telah kehilangan kandungan serat yang sangat bermanfaat untuk pencernaan manusia. Manakala, bagi makanan yang mengalami proses masakan yang terlalu lama seperti sayur-sayuran dapat menghilangkan kandungan air yang berada di dalam sayuran tersebut (Joanne L. Slavin & Beate Lloyd, 2012). Oleh yang demikian, galakan supaya memakan makanan secara segar adalah amat penting bagi mengekalkan kandungan nutrisi dan vitamin baik yang berada dalam makan tersebut.

Bagi seorang individu Muslim, makanan bukan sekadar untuk memberikan tenaga bagi meneruskan kehidupan. Namun, makanan juga merupakan sebahagian daripada langkah untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan iaitu dengan memilih makanan yang berkhasiat. Makanan yang berkhasiat merangkumi makanan yang mempunyai kandungan yang diperlukan oleh manusia seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang tinggi vitamin, mineral, dan serat. Sejarah dengan kecanggihan teknologi dan perkembangan inovasi, makanan yang sihat dapat diperolehi melalui pelbagai cara yang lebih menarik dan kreatif. Salah satu contoh inovasi makanan yang pernah dijalankan oleh pengusaha tempatan adalah sayuran rangup. Sayuran yang dihasilkan bukan sekadar mampu menjana pendapatan, malah dapat menggalakkan manusia untuk memakan sayur-sayuran yang berkhasiat untuk tubuh badan (Intan Suhana Che Omar, 2022).

Setiap makanan yang terdedah kepada pembiakan bakteria serta tidak menjalani kaedah masakan yang khusus lebih cenderung untuk tergolong dalam kategori makanan yang berisiko. Antara makanan yang dikategorikan sebagai makanan berisiko termasuklah daging dan ayam masak, produk makanan berasaskan telur mentah seperti mayonis dan produk tenusu (Tash Blythe, 2018). Pengendalian makanan yang efisien adalah sangat penting bagi memelihara nyawa manusia daripada terdedah risiko makanan yang terdedah dengan bakteria yang berbahaya seperti salmonella, e-coli, dan listeria. Pengguna perlu bijak dalam memilih makanan yang berisiko terdedah dengan bakteria tersebut dengan cara memerhati cara pembungkusan makanan tersebut, metode masakan yang digunakan dalam menghasilkan makanan tersebut, cara penyediaan makanan tersebut, dan cara penyimpanan makanan yang dihasilkan oleh pengeluar makanan tersebut bagi membendung dan mencegah daripada sebarang risiko terhadap pengguna (Tracy, 2023).

Pemahaman terhadap keselamatan makanan, sekuriti makanan, dan kualiti makanan mampu diterapkan dalam konteks pemeliharaan nyawa yang merupakan salah satu cabang perbahasan yang mendalam dalam ilmu maqasid al-daruriyyah. Terdapat pelbagai metode dan kaedah yang boleh diguna dalam usaha membendung daripada sebarang mafsadah. Salah satu daripada elemen yang boleh diaplikasikan adalah kelima-lima elemen tersebut sebagaimana yang telah dibahaskan. Keselamatan makanan bukan sekadar menilai dari sudut luaran sesuatu produk makanan yang dihasilkan. Malah, daripada penyediaan bahan mentah sehingga terhasilnya produk yang akan

dikonsum oleh pengguna perlu melalui proses yang teliti dan teratur bagi memastikan matlamat pemeliharaan nyawa dapat dicapai. Islam amat menggalakkan umatnya untuk terus maju dan berdaya saing sejajar dengan peredaran masa. Namun, perubahan dan penambah baikan dari sudut inovasi makanan haruslah bersandarkan pematuhan yang ditetapkan oleh syarak serta tidak tersasar daripada matlamat utama maqasid al-khams iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Pengaplikasian elemen pemeliharaan nyawa (hifz al-nafs) dalam konteks penghasilan makanan berinovasi adalah relevean serta menepati dengan kecanggihan teknologi dan sains. Diharapkan agar pemeraksanaan maqasid al-syari'ah dalam konteks penghasilan makanan halal dapat dijadikan sebagai garis panduan kepada masyarakat khususnya bagi pemain industri halal di Malaysia.

## Rujukan

- Al-Quran Karim.
- Ashraf, A., Abd Rahman, F., & Abdullah, N. (2018). *Poultry Feed In Malaysia: An Insight Into The Halalan Toyyiban Issues*. In: N. Muhammad Hashim, N. Md Sharif, S. Mahamood, H. Fathullah Harun, M. Shahrudin, & A. Bhari (Eds.), *Proceedings of the 3rd international halal conference (INHAC 2016)*. Singapore: Springer.
- Belyaeva, M. A., Gajour, A. A., Koroleva, E. I., O.K. Bezotosova, & Eremin, A. E. (2022). *Introduction Of Innovative Ways of Drying Mushrooms. Introduction of Innovative Ways of Drying Mushrooms, 1052(1), 012038–012038*. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/1052/1/012038>
- Hashim, K., Mohammad, N., & Kamis, M. S. (2022). *Kepentingan Memahami Konsep Halalan Tayyiban dalam Aspek Keselamatan Makanan di Kalangan Mahasiswa Muslim: Pandangan daripada Perspektif Maqasid Syariah Memelihara Nyawa: The Importance of Understanding the Concept of Halalan Tayyiban in Food Safety among Muslim Students: A View from the Maqasid Shariah Preserving of Life*. *Journal of Management and Muamalah, 12(2), 1–11*. Dirujuk pada 19 Jun, 2024, daripada: <https://jmm.kuis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/126/102>
- Hassan, N., Ahmad, T., M. Zain, N., & Ashaari, A. (2020). *A Novel Chemometrics Method for Halal Authentication of Gelatin in Food Products*. *Sains Malaysiana, 49(09), 2083–2089*. <https://doi.org/10.17576/jsm-2020-4909-06>
- Herman Shah Anuar, Mohamad Farizal Rajemi, & Faisal Zulhumadi. (2018). *Ipr: Halal Innovation Products In Malaysian Manufacturing Industry. International Journal of Business, Economics and Law, 17(3)*. <https://www.ijbel.com/wp-content/uploads/2019/01/ECON-76.pdf>
- Hipni, M. (2020). *Strengthening Maqasid Sharia in Halal Food*. In *Google Books*. Fakultas Keislaman Universitas Trunojoyo Madura. <https://books.google.com/books?hl=en&lr=&id=WRE8EAAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA114&dq=halal+maqasid&ots=ZD41adjl4V&sig=n6UPaP8tBZgojVp9WoliabwbvUI>
- Intan Suhana Che Omar. (2022, June 2). *Inovasi Sayur Rangup Galak Amalan Pemakanan Sihat*. Utusan Malaysia. [https://www.utusan.com.my/gaya/2022/06/inovasi-sayur-rangup-galak-amalan-pemakanan-sihat/#google\\_vignette](https://www.utusan.com.my/gaya/2022/06/inovasi-sayur-rangup-galak-amalan-pemakanan-sihat/#google_vignette)
- JAKIM. (2011). *Halal Assurance System*. Department of Islamic Development Malaysia Guidelines for Halal Assurance Management System of Malaysia Halal Certification. <https://www.halal.gov.my/v4/images/pdf/halalassurancesystem.pdf>
- Joanne L. Slavin, & Beate Lloyd. (2012). *Health Benefits of Fruits and Vegetables*. *Advances in Nutrition, 3(4), 506–516*. <https://doi.org/10.3945/an.112.002154>
- Joel Fuhrman. (2018). *The Hidden Dangers of Fast and Processed Food*. *American Journal of Lifestyle Medicine, 12(5), 375–381*. National Library of Medicine. <https://doi.org/10.1177/1559827618766483>
- Kate Onissiphorou. (2023, March 22). *The Effects of Food Additives & Preservatives | The Science Blog*. ReAgent. <https://www.reagent.co.uk/blog/the-effects-of-food-additives-and-preservatives/>
- Mahdi Fakhra, Morteza Darabinia, & Mahboobe Montazeri. (2016). *Some Islamic Pattern in Relation to Food and Water Hygiene*. *The Turkish Online Journal of Design, Art and Communication, 6(AGSE), 2104–2108*. <https://doi.org/10.7456/1060agse/088>
- Musfirah Syahida Mohamad, Saadan Man, & Mohd Anuar Ramli. (2015). *Keselamatan Makanan Menurut Perspektif Islam: Kajian Terhadap Pengambilan Makanan Berisiko*. *Jurnal Fiqh, 12(1), 1–28*. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol12no1.1>

- Nations, F. and A. O. of the U. (2001). *Genetically Modified Organisms, Consumers, Food Safety and the Environment*. In Google Books. Food & Agriculture Org. [https://www.google.com.my/books/edition/Genetically\\_Modified\\_Organisms\\_Consumers/RauFwcnk3nkC?hl=en&gbpv=1&dq=genetically+modified+for+food+security&printsec=frontcover](https://www.google.com.my/books/edition/Genetically_Modified_Organisms_Consumers/RauFwcnk3nkC?hl=en&gbpv=1&dq=genetically+modified+for+food+security&printsec=frontcover)
- Othman Jaludin, R., Man, S., & Baharuddin, M. (2018). *Halal Issues in Biotechnology Applications Against Selected Pharmaceutical Products* [Isu-Isu Halal dalam Aplikasi Bioteknologi Terhadap Produk Farmasentikal Terpilih. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. 19, 74-90. <https://doi.org/10.37231/jimk.2018.19.0.284> .
- Prager, G. (2018). *Practical Pharmaceutical Engineering*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Sistem Pengurusan Halal Malaysia. (2020). *Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2020*. Portal Rasmi JAKIM. <http://myehalal.halal.gov.my/portal-halal/v1/pdf/panduan/MHMS2020.pdf>
- Siti Hafsyah Idris, Abu Bakar Abdul Majeed, & Lee Wei Chang. (2020). *Beyond Halal: Maqasid al-Shari'ah to Assess Bioethical Issues Arising from Genetically Modified Crops*. *Science and Engineering Ethics*. <https://doi.org/10.1007/s11948-020-00177-6>
- Stephen Daniells. (2023, July 21). *Alberta scientists discover high-protein, plant-based alternative to gelatin*. Nutraingredients-Usa.com. <https://www.nutraingredients-usa.com/Article/2023/07/21/Novel-high-protein-plant-based-alternative-to-gelatin-discovered>
- Sumayyah Abdul Aziz, Sakinah Harith, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Nizaita Omar, Wan Anwar Fahmi Wan Mohamad, Ismahafezi Ismail, & Ain Khadeeja Zainuzzaman. (2024). *Halal Foodstuff Innovation: A Review from The Perspective of Maqasid al- Daruriyyah*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (E-ISSN: 2600-9080), 7(2), 141–153. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/489/404> .
- Suraiya Ishak & Ahmad Rafli Che Omar (2013), " *Do Small Firms Possess Innovative Behavior? Evidence from Malaysia*," *Journal of Innovation Management in Small and Medium Enterprises* Vol. 2013.
- Suraiya Ishak, Abd Hair Awang , Mohd Yusof Hussain , Ahmad Rafli Che Omar , Sarmila Md Sum , Suhana Saad, Zaimah Ramli & Azima Abdul Manaf. (2015). *Penelitian Tingkah Laku Inovasi Firma Makanan Halal Kecil di Malaysia: Satu Analisis Tentatif*. *Malaysian Journal of Society and Space* 11 issue 2 (64 - 76) 64 © 2015, ISSN 2180-2491.
- Tash Blythe. (2018, February 28). *High Risk Foods - Safety Guidance*. The Hub High Speed Training. <https://www.highspeedtraining.co.uk/hub/what-are-high-risk-foods/> .
- Tracy. (2023, February 3). *What are High Risk Foods?* Food Hygiene Company. <https://www.foodhygienecompany.co.uk/food-hygiene/what-are-high-risk-foods/>
- Wahbah al-Zuhaili: *Fiqh al-Islam wa Adilatuhu* ,cet. ke-1 (Damaskus: Dar al-Fikr, 1986).



## **BAB 21**

### **SUMBANGAN UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS) TERHADAP DAKWAH KEPADA ETNIK ORANG ASLI**

Halim Mokhtar<sup>1</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>2</sup> & Abdul Haiy Mahmud<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>3</sup> Sunway College (SCKL), Petaling Jaya, Selangor

#### **Pengenalan**

Masyarakat Orang Asli adalah dikategorikan sebagai kaum bumiputera di negara ini. Mereka adalah kaum minoriti. Kerajaan telah memberikan perhatian khusus dalam menjaga hal ehwal mereka dengan meletakkan Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA) sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk mengurus dan membangunkan komuniti ini. Mengikut Akta 134 (Akta Orang Asli) mendefinisikan Orang Asli seperti berikut:

- i. Mana-mana orang yang bapanya ialah daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu;
- ii. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau
- iii. Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli

Mengikut bancian tahun 2023 bilangan Orang Asli ialah 209,575 orang (<https://data.gov.my/ms-MY/dashboard/orang-asli>, 2023). Dari segi taburan penempatan masyarakat Orang Asli 38% di kawasan pedalaman, 61% di kawasan pinggir dan 1% di kawasan bandar. Mereka terdiri daripada tiga suku bangsa iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Tiap-tiap tiga suku bangsa ini pula dipecahkan kepada enam suku kaum yang mana mereka bertutur dalam pelbagai bahasa selain daripada dialek Melayu tempatan (JAKOA 2011).

Masyarakat Orang Asli sememangnya kaya dengan pelbagai kebudayaan dan kesenian. Kehidupan mereka penuh dengan mistik dan kepercayaan kepada alam sekeliling. Seni ukiran kayu di antara aktiviti seni yang masih dipelihara sehingga kini. Seni ukiran kayu merupakan satu aktiviti untuk mengisi masa lapang dan turut digunakan semasa upacara ritual. Daripada 18 suku kaum masyarakat Orang Asli yang terdapat di negara ini, hanya suku kaum Mah Meri dan Jah Hut yang mendominasi seni ukiran kayu khususnya ukiran patung dan topeng (Norasmah & Husnorhafiza, 2011).

### **Sosio Ekonomi**

Taburan masyarakat Orang Asli yang banyaknya terletak di kawasan luar bandar dan pedalaman telah menghasilkan satu persekitaran yang tersendiri dan unik, malah perkara ini turut memberi kesan pada aktiviti seharian mereka. Pada aspek ekonomi, masyarakat Orang Asli mengamalkan aktiviti pertanian, yang mana ianya berbentuk kepada pertanian sara diri, pengumpulan hasil hutan dan juga aktiviti berburu.

Menurut Er Ah Choy et. al (2010), bermacam-macam kajian telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu lagi dan mereka telah mengeluarkan beberapa pendapat dan pandangan yang tersendiri. Antara pendapat dan juga pandangan yang diletakkan di dalam kajian Er Ah Choy et. al ialah cara hidup masyarakat Orang Asli telah dianggap sebagai 'primitif' dengan hanya berteraskan ekonomi 'cukup hidup' tanpa melibatkan ekonomi pasaran (Ramle Abdullah, 1993). Antara kajian lain yang dimasukkan ialah kajian Gomes (1986), di mana kajian yang dijalankan ke atas suku kaum Semaq Beri mendapati bahawa rata-rata masyarakat Orang Asli mengamalkan aktiviti ekonomi yang hampir sama. Beliau telah mengkategorikan kegiatan ekonomi Orang Asli kepada dua bahagian iaitu aktiviti berasaskan wang seperti menoreh getah, mencari rotan, mencari kayu gaharu dan lain-lain lagi. Manakala aktiviti yang kedua adalah aktiviti berasaskan sara diri seperti memancing, memburu binatang dan pertanian. Secara kebiasaannya, kedua-dua aktiviti ini dijalankan secara berasingan dan ada kalanya mengikuti musim, pasaran dan juga kecenderungan mereka sendiri.

Masyarakat Orang Asli yang berada di luar bandar dan pedalaman sering kali menjadikan persekitaran mereka sebagai salah satu sumber bagi dalam menjalani kehidupan seharian, terutamanya sumber hutan. Sumber hutan yang sering diperolehi adalah seperti sayuran hutan, petai, pucuk paku, pucuk ubi dan sebagainya. Kebanyakan masyarakat Orang Asli hanya mencari sumber yang berdekatan dengan persekitaran mereka sahaja. Malah, ada juga terdapat dikalangan masyarakat Orang Asli yang bercucuk tanam bagi menampung keperluan mereka seperti ubi kayu, sayuran kampung dan sebagainya. Malah, ada diantara masyarakat Orang Asli yang menjadikan sumber hutan sebagai salah satu sumber pendapatan dengan menjualnya di pasar yang berhampiran sebagai salah satu sumber pendapatan tambahan (Er Ah Choy et. al, 2010).

Sesuai dengan peredaran, menggambarkan setiap perubahan yang berlaku di dalam dunia ini. Dari sekecil-kecil perkara sehinggalah sebesar-besar perkara. Begitulah juga dengan perubahan yang dialami oleh masyarakat Orang Asli. Bersesuaian dengan perubahan yang berlaku, Orang Asli telah mula sedar akan peri pentingnya pembangunan terhadap mereka. Antara pembangunan yang dijalankan adalah seperti aspek kemudahan, keperluan asas dan infrastruktur seperti jalan raya dan ekonomi yang melibatkan penggunaan wang.

JAKOA atau dahulunya dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) merupakan satu badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan Orang Asli. Antara perkara yang diuruskan oleh JHEOA adalah pembangunan terhadap masyarakat Orang Asli. Di bawah pemantauan dan pemerhatian JAKOA, mereka telah banyak membantu masyarakat Orang Asli bukan sahaja di dalam ekonomi, bahkan turut juga membantu di dalam pendidikan, kesihatan dan lain-lain lagi. Perkara ini boleh dilihat dalam empat objektif yang telah digariskan oleh pihak JHEOA sebagaimana di bawah (JHEOA 1996a):

- i. Membasmi kemiskinan dalam kalangan Orang Asli menjelang tahun 2020.
- ii. Mengurangkan jurang perbezaan pendapatan, pendidikan, kesihatan dan akses kepada kemudahan-kemudahan asas antara masyarakat Orang Asli dan masyarakat umum di Malaysia.
- iii. Meningkatkan keupayaan, keyakinan diri, ketabahan, keterampilan dan imej, disiplin, daya tahan dan daya saing masyarakat Orang Asli serta menghapuskan segala bentuk pandangan dan tanggapan negative serta penyisihan oleh masyarakat umum ke atas masyarakat Orang Asli.
- iv. Meningkatkan tahap kesihatan Orang Asli dan menghapuskan segala jenis penyakit.

Masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor masih mengamalkan ekonomi tradisional seperti mencari hasil hutan dan kraftangan, namun pihak JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan menyediakan peluang ekonomi moden kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor melalui program-program seperti membina ruang niaga bagi usahawan Orang Asli, program Ladang Masyarakat dan pelbagai lagi. Ini adalah untuk memastikan bahawa Orang Asli tidak ketinggalan dalam arus pembangunan perdana.

**Jadual 1** Projek-projek ekonomi bagi masyarakat Orang Asli Negeri Selangor

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Perbelanjaan 2015 (RM)</b>	<b>Bilangan (Peserta/Unit)</b>
1	Pembinaan Ruang Niaga	63,984.00	2
2	Program Pengembangan Usahawan	66,222.90	5
3	Projek Ladang Masyarakat	80,000.00	80
4	Program Peningkatan Pendapatan	80,000.00	38

**JUMLAH** **209,206.90** **125**

**Sumber:** JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Selain itu, JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan turut komited dalam membangunkan infrastruktur dan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli seluruh Negeri Selangor seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 2** Projek-projek pembangunan bagi masyarakat Orang Asli Negeri Selangor

Bil	Program	Perbelanjaan 2015 (RM)	Bilangan (Unit)
1	Program Bantuan Rumah – Bina Baru	240,775.00	26
2	Program Bantuan Rumah – Baik Pulih	2,121,300.00	51
3	Projek Infrastruktur	80,921.50	5
4	Baik Pulih Balai Rawatan	271,749.72	16
5	Baik Pulih Tabika JAKOA-KEMAS	1,346,314.60	22
<b>JUMLAH</b>		<b>4,061,060.82</b>	<b>120</b>

**Sumber:** JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan

Sekiranya dilihat berdasarkan objektif-objektif yang telah digariskan oleh pihak JAKOA, akan dapati bahawa pihak JAKOA sangat mengambil berat dalam membentuk pembangunan buat masyarakat Orang Asli di Malaysia. Jikalau diperhatikan dari objektif di atas, pihak JAKOA telah banyak membantu dalam pembangunan Orang Asli seperti pembinaan Hospital Orang Asli di Gombak, pembinaan Masjid KOA Bawong di Sg Siput, Perak, penghantaran para pelajar dan mahasiswa di kalangan Orang Asli di institusi pelajaran yang terdapat di dalam dan juga luar negara, menjadi penjawat awam secara tetap dan lain-lain lagi (Ab Aziz bin Mohd Zin, 2015).

### Kepercayaan Dan Keagamaan Orang Asli

Secara umum, masyarakat Orang Asli percaya kepada suatu kuasa ghaib dan meanggap bahawa kuasa ghaib tersebut sebagai pencipta alam di dunia ini. Sekiranya dilihat dari sudut konteks hubungan dengan manusia, kuasa ghaib ini menjaga kebajikan dan tingkah laku manusia dalam hubungan dengan alam, tumbuhan dan binatang melalui peraturan-peraturan tertentu. Sekiranya mereka melanggar peraturan yang telah ditetapkan, suatu hukuman akan dijatuhkan melalui bencana alam seperti ribut, banjir, kemarau yang berpanjangan dan gempa bumi.

Ini dikuatkan lagi dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Syed Abdurahman bin Syed Hussin (2010) majoriti Orang Asli di Malaysia berpegang kuat kepada kepercayaan animisme yang diwarisi sejak turun temurun. Ini dipengaruhi oleh suasana persekitaran yang menjadi

sebagai asas kepercayaan mereka. Keadaan kawasan seperti gunung-ganang, sungai, batu-batu besar, pokok-pokok besar, lembah, hujan, guruh, ribut dan lain-lain lagi sangat memberikan implikasi yang mendalam kepada amalan kehidupan dan sistem kepercayaan Orang Asli. Namun demikian, tidak dinafikan juga akan perbezaan yang terdapat di dalam sistem kepercayaan di antara etnik utama masyarakat Orang Asli yang dikeranakan ketaataan terhadap ketua, asas kepercayaan atau tafsiran terhadap makhluk yang berbeza-beza mahupun perkembangan persekitaran semasa. Keperibadian yang baik yang perlu dipupuk dan dipengaruhi oleh moral, adab, moral dan etika yang menunjukkan prinsip etika dalam kehidupan kita. Oleh itu, pemimpin yang memindahkan organisasi dalam prinsip etika menyerlahkan tahap keyakinan mereka terhadap pentadbiran mereka (Abdul Haiy et. al, 2022). Pemimpin yang bijaksana disebabkan banyak pengalaman adalah amat penting dan pemimpin yang bijaksana dapat mengukur kekuatannya (Halim et. al, 2023).

Orang Asli juga percaya bahawa di dalam alam ini terdapat tuhan atau kuasa tertinggi yang menguasai dan mengawal perjalanan kehidupan seharian. Mereka percaya bahawa kuasa ghaib, kuasa luar biasa dan roh-roh boleh mendatangkan kebaikan dan keburukkan (Halim & Zulkefli, 2014). Mengikuti kepercayaan animisme Orang Asli, setiap amalan yang dilakukan akan adanya pantang larang, adat dan upacara dalam kehidupan seharian (Ramle Abdullah, 2014). Ini kerana setiap perkara yang mereka percaya berdasarkan kejadian yang berlaku di dalam kehidupan dan dikawal oleh objek-objek yang dipercayai mempunyai semangat tertentu. Berdasarkan implikasi dari kepercayaan yang dipegang, Orang Asli amat menekankan hubungan baik dengan alam sehingga adanya adat dan pantang larang dalam sesuatu perkara. Sebagai contoh, amalan masyarakat Orang Asli suku Semelai percaya bahawa sebelum mengambil sesuatu tumbuhan, mereka perlulah mendapat keizinan daripada semangat tumbuhan berkenaan.

Menurut Ramle Abdullah (2014), kepercayaan Orang Asli terhadap makhluk luar biasa terbahagi kepada dua. Pertama, merujuk kepada roh-roh nenek moyang yang telah meninggal dunia. Kedua, merujuk kepada manusia yang masih hidup, akan tetapi memiliki sifat-sifat istimewa terutama dalam konteks hubungan dengan kuasa supernatural. Mereka ini dikenali sebagai bomoh, *bala'* (*orang bala*) dan pawang.

Bagi masyarakat Orang Asli Negrito, animisme merupakan asas kepercayaan yang penting pada sistem kepercayaan mereka. Mereka juga percaya kepada dewa yang banyak serta kewujudan makhluk, unsur atau dimensi *supernatural* yang mempunyai pelbagai keistimewaan. Makhluk-makhluk ini dinamakan sebagai 'orang hidup' kerana mereka ini tidak akan mati berbanding manusia biasa.

Orang Asli Senoi menjadikan animisme sebagai sebahagian besar asas kepercayaan. Di antara kepercayaan animisme yang menjadi pegangan Orang Asli Senoi ialah kepercayaan terhadap *nyaniik*, iaitu penunggu atau keramat yang mendiami pokok atau batu besar. *Nyaniik* merupakan penunggu yang dipercayai memberikan ancaman kepada mereka kerana sapaan, teguran atau kemarahan *nyaniik* akan menghasilkan suatu bencana di kawasan mereka. Mereka juga percaya bahawa matahari merupakan makhluk jahat kerana kepanasan yang dikeluarkannya

sering menyusahkan manusia. Manakala bulan dipercayai mempunyai sikap yang penyayang kerana cahayanya itu sering kali membantu manusia pada waktu malam.

Bagi Melayu-Proto, kepercayaan yang dipegang mereka juga seperti mana yang dipegang oleh Negrito dan Senoi, iaitu berasaskan kepercayaan animisme. Namun demikian, hanya sebilangan sahaja yang mempercayai akan kewujudan Tuhan. Masyarakat Melayu-Proto percaya bahawa kewujudan tuhan itu dalam dua bentuk, iaitu Tuhan Dunia Atas dan Tuhan Dunia Bawah. Mereka juga percaya terhadap kuasa dan semangat yang tidak dapat dilihat dengan pancaindera. Oleh itu, mereka telah menyediakan seorang ahli agama yang dipercayai mampu untuk menghubungkan dengan kuasa ghaib tersebut. Ahli agama ini dikenali dengan panggilan pawang, bomoh dan *poayang*. Selain dianggap sebagai ahli agama, mereka juga turut dikenali sebagai ahli perubatan di kalangan Orang Asli. Selain kepercayaan kepada Tuhan dan kekuasaan pawang, Orang Asli juga turut percaya kepada keramat, iaitu perantara antara manusia dengan Tuhan.

Sekiranya dilihat, masyarakat Orang Asli Melayu-Proto mempunyai hubungan dari sudut kepercayaan dan adat yang hampir sama dengan kaum Melayu. Akan tetapi, mereka tidak memiliki sebarang upacara penyembahan khusus bagi mendekati diri kepada tuhan. Kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa hanya pawang atau *poayang* sahaja yang mengetahui bagaimana untuk menyembah kedua-dua tuhan tersebut. Mereka menggunakan jampi serapah semasa mengubati atau pemulihan semangat seseorang atau upacara yang lain. Perkara ini dianggap sebagai satu upacara penyembahan atau ritual.

Pada masa kini, kepercayaan animisme dikalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia tidak bersifat menyeluruh. Ini kerana terdapat sebahagian dikalangan masyarakat Orang Asli menganut agama Islam, Kristian, Buddha dan Bahai. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan (1994), di dapati sebanyak 1708 orang dari etnik Negrito menganut agama Islam, ini bersamaan 57.5 peratus. Manakala bakinya iaitu seramai 1264 orang atau 42.5% masih lagi mempercayai animisme. Bagi etnik Senoi, seramai 5799 orang yang menganut agama Islam, 4755 orang menganut agama Kristian, 998 orang menganut agama Bahai, 60 orang menganut agama Buddha dan 37828 orang masih kekal dengan kepercayaan animisme.

### **Penerimaan Masyarakat Orang Asli Terhadap Dakwah**

Majoriti Orang Asli masih lagi menganut agama animisme atau agama yang dianuti secara turun temurun dari nenek moyang. Orang Asli yang menerima dakwah dan menganut agama Islam hanyalah sekitar 8% sahaja. Ini secara jelas menunjukkan bahawa perkembangan dakwah Islamiah berdasarkan peratusan penganut sangat tidak memberangsangkan (Halim & Zulkefli, 2014).

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi dakwah Islamiah ialah faktor ekonomi (Halim & Zulkefli, 2014). Kenyataan ini juga ditambah oleh Abdullah Muhammad Zain (1996), di mana beliau menyatakan bahawa perkara ini merupakan satu masalah besar yang menghalang gerakan

dakwah Islamiah di kalangan Orang Asli. Perkara ini ditambah lagi dengan sikap terhutang budi kepada orang Cina yang menjalankan perniagaan dan terpengaruh dengan gaya hidup mereka yang suka berjudi sehingga menjadi antara faktor yang menghalang gerakan dakwah.

Faktor lain yang mempengaruhi di dalam halangan ini ialah faktor pendidikan, di mana kebanyakan Orang Asli masih lagi mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Perkara ini disokong dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh (Halim & Zulkefli, 2014) iaitu taraf pendidikan yang rendah ini memberi kesan kepada sikap mereka untuk berfikir secara rasional dan menerima suatu perkara yang baharu. Ini menyumbang kepada pembentukan fikiran yang jumud dan kedangkalan ilmu pengetahuan sehingga menjadi penyebab kepada penghalang bagi Orang Asli untuk menerima dakwah. Sekaligus membuatkan mereka tidak berminat dengan program-program yang bercorak keilmuan.

Di samping itu juga faktor kepimpinan orang asli turut memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk kepercayaan bersama komuniti Orang Asli. Dalam kebanyakan komuniti Orang Asli, secara tradisinya belum ada struktur kepimpinan yang formal dalam bentuk apa sekalipun. Kebanyakan komuniti Orang Asli adalah bersifat egalitarian (kesamarataan) di mana secara umumnya tidak ada ahli komuniti yang melebihi atau mampu mengarah orang lain. Menurut Ma'rof et al., (2008) menyatakan pemimpin orang asli kekurangan pendedahan dan pendidikan dalam bidang-bidang pentadbiran dan kepimpinan moden. Kepimpinan dalam kerohanian dalam masyarakat Orang Asli adalah satu peranan yang sangat penting dan kompleks. Ini melibatkan peranan Tok Batin Orang Asli yang bertanggungjawab terhadap aspek penting dalam kehidupan rohani dan budaya masyarakat mereka. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu berkaitan kepimpinan kerohanian Orang Asli seperti pengekal tradisi, pengaruh agama-agama luar dan perbezaan pengetahuan (Muhammad Yusuf Marlon et. al, 2023).

### **Sumbangan Universiti Islam Selangor (UIS) Terhadap Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli**

Dalam merancang perjalanan dakwah kepada masyarakat Orang Asli, pihak UIS telah menganjurkan beberapa program dan aktiviti khusus saban tahun bagi mendekati sasaran dakwah masyarakat Orang Asli. Antara program-program yang dijalankan adalah seperti berikut:

#### **1. Simposium Islam di Perkampungan Masyarakat Orang Asli**

Pihak Universiti Islam Selangor melalui program mahasiswa sering melaksanakan program simposium dengan kerjasama pihak Penggerak Masyarakat Orang Asli dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) bagi menjayakan program tersebut.

## **2. Program Sunnatun**

Pihak Universiti Islam Selangor telah memainkan peranannya dalam program menjayakan program menjaga kesihatan seperti Sunnatun iaitu program yang diadakan sempena cuti sekolah di Sungai Lalang, Hulu Langat dan Kampung Orang Asli Pantos, Kuala Lipis dengan kerjasama daripada beberapa pihak. Berkhatan dilaksanakan untuk kanak-kanak Orang Asli dengan menghimpunkan mereka di satu tempat yang sesuai seperti Balai Raya atau Surau di perkampungan Orang Asli yang terpilih.

## **3. Kembara Mahabbah**

Pihak Universiti Islam Selangor telah mengadakan Kembara Mahabbah dengan kerjasama pihak Islamic Outreach ABIM Kelantan di kampung Orang Asli Pos Brooke. Program Mahabbah diadakan sebanyak tiga siri dengan mengadakan aktiviti seperti “Keluarga Angkat, Pemeriksaan Kesihatan, Ceramah Agama, Motivasi Pelajar Orang Asli, Acara sukaneka dan sebagainya.

## **4. Kursus Pemantapan Akidah dan Kefahaman Islam**

Pihak Universiti Islam Selangor mengadakan kursus ini adalah bagi memberikan kefahaman dan pemantapan akidah kepada golongan saudara baru dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

## **5. Program Ziarah Dakwah dan Ramah Mesra**

Pihak Universiti Islam Selangor dengan melalui program mahasiswa/i sering mengadakan program ziarah dakwah dan ramah mesra bagi mendekati sasaran dakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Pendekatan yang digunakan pada program ini berkonsepkan ziarah dan memahami budaya masyarakat Orang Asli. Melalui konsep yang digunakan, mesej dan risalah Islam dapat disampaikan melalui dakwah bil hal yang menggambarkan ajaran Islam yang mesra dan mampu menawan hati golongan sasaran.

## **6. Ekspedisi Ziarah Mahasiswa/i ke Perkampungan Orang Asli**

Program yang berkonsepkan kembara berkumpulan dengan penglibatan mahasiswa/i dan UIS yang diketuai oleh Pengarah program dan pensyarah UIS sebagai penasihat program. Ini bertujuan bagi memberikan pendedahan kepada para pelajar-pelajar akan cara hidup masyarakat Orang Asli serta memberikan peluang kepada mereka untuk mendekati golongan ini.

## **7. Penubuhan Pusat Kajian Etnik Orang Asli, UIS**

Pihak Universiti Islam Selangor telah meluluskan penubuhan pusat ini pada 17 Januari 2024. Komitmen Naib Cansoler Universiti Islam Selangor YBhg Dato’ Profesor Dr Mohd Farid Ravi



Abdullah terhadap keutamaan penubuhan pusat ini sebagai manifestasi kesungguhan UIS terhadap perkembangan dakwah Etnik Orang Asli. Pusat ini telah dipimpin diketuai oleh Dr. Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, selaku Pengarah Pusat dari Jabatan Pengajian Dakwah dan Usuluddin (JDUS) dan beberapa orang ahli akademik dari FPPI dan luar fakulti/Universiti untuk lantikan sebagai felo Pusat. Lima objektif utama penubuhan pusat ini iaitu pertama membudayakan penyelidikan dalam kalangan pemikir-pemikir Islam dalam menyediakan asas yang kukuh terhadap perkembangan ilmu serta tamadun Islam khususnya dalam konteks etnik Orang Asli Nusantara, kedua, mewujudkan jaringan intelektual dalam kalangan pemikir Islam demi mengangkat imej universiti dan negara, ketiga, menganalisis perkembangan dan pembangunan dakwah masyarakat Orang Asli Nusantara, keempat, menjadi wadah penjanaan dana penyelidikan dari disiplin ilmu Dakwah mengenai masyarakat Orang Asli Nusantara dan kelima, mewujudkan pusat pangkalan data berkaitan dengan isu-isu semasa dakwah masyarakat Orang Asli Nusantara. Pusat ini akan menjadi pusat rujukan dan latihan bagi melahirkan sarjana penyelidik dan pendakwah khusus dalam isu-isu yang berkaitan dengan dakwah masyarakat Orang Asli Nusantara.

### **KESIMPULAN**

Masyarakat Orang Asli merupakan sebuah masyarakat yang telah lama mendiami Semenanjung Malaysia. Secara tidak langsung, mereka juga merupakan sasaran dakwah bagi Unit Dakwah Orang Asli. Unit tersebut merupakan satu unit di bawah JAKIM yang bertanggungjawab bukan sahaja dalam pelaksanaan dakwah, akan tetapi mereka juga sebagai satu unit yang akan memandu dan membimbing masyarakat Orang Asli dalam kehidupan harian dan menjaga kebajikan Orang Asli. Pelbagai metode dan pelaksanaan telah dilakukan dalam menarik masyarakat Orang Asli untuk memeluk agama Islam, di samping pelbagai cabaran juga dihadapi sepanjang perjalanan dakwah tersebut. Sesuai dengan peredaran zaman, kini telah adanya masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam berkat di atas usaha daripada para pendakwah dan pertolongan dari pelbagai pihak. Usaha dakwah terhadap etnik Orang Asli terus rancak berkembang dan segala usaha dipergiatkan untuk memastikan perjalanan dakwah sentiasa diteruskan.

## Rujukan

<https://data.gov.my/ms-MY/dashboard/orang-asli>, 2023.

- Ab Aziz bin Mohd Zin. (2015). Sasaran Dakwah Non-Muslim di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang, Gombak, Selangor. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdullah, M. Y. M., Mokhtar, H., Misra, M. K. A., Aini, Z., & Mahmud, A. H. (2023). Kaedah Fuzzy Delphi: Reka Bentuk Pembangunan Model Kepimpinan Kerohanian Tok Batin dalam Kelestarian Pembangunan Komuniti Orang Asli Muslim. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(2), 142-157.
- Er Ah Choy, Zalina & Joy Jacqueline Pereira (2010). Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli : Kajian Kes Di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor Malaysia. *Jurnal Melayu* (5) 2012.
- Halim Mokhtar & Zulkefli Aini (2014) Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli Di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran Dan Permasalahan. In A. Puteh, & A. I. Mokhtar (Eds.), Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'Wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli Dan Pribumi UKM.
- Mahmod, A. H., Abdullah, M. Y. M., Mokhtar, H., Misra, M. K. A., & Aini, Z. H. (2022). Falsafah Kepimpinan Menurut Islam: Satu Tinjauan. *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah Dan Usuluddin (Siri 3)*, 68.
- Mokhtar, H., Abdullah, M. Y. M., Misra, M. K. A., Aini, Z., Mahmud, A. H & Shahabuddin, M. F. R. (2023). Komponen Kepimpinan Dimensi *Al-Aql* Dari Perspektif Kepimpinan Islam. In *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah Dan Usuluddin Siri 4: 2023*. Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI).
- Norasmah, O. & Husnorhafiza, H. (2011). Cabaran dan Kelestarian Hidup Masyarakat Orang Asli dalam Kerjaya Keusahawanan. In Norasmah Hj. Othman, Halimatun Harun & Radin Siti Aishah Radin A Rahman (Eds.), *Keusahawanan Pemangkin Kecemerlangan Negara dan Kelestarian Hidup* (pp. 213-232). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ramlee Abdullah (2014). *Orang Asli: Pembangunan dan Transformasi*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin
- Syed Abdurahman bin Syed Hussin. (2010). *Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan*. Kelantan: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Cawangan Nilam Puri.



## BLURB

Buku Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin (siri 5) ini menjadi keperluan dan pelengkap kepada pembaca dalam mendapatkan perkembangan terkini berkaitan dakwah dan usuluddin. Kandungan buku ini menarik kerana mengupas pelbagai isu dan kajian terkini merangkumi aspek dakwah tanpa menafikan peranan Usuluddin yang menjadi teras dalam akidah Islam. Diharapkan buku ini menjadi nilai tambah kepada para pembaca tanpa mengira latarbelakang dan pendidikan.

**AEMY ELYANI MAT ZAIN**, pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, UIS. Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah Peradaban Islam UKM dalam bidang Dakwah dan Perbandingan Agama. Bidang kepakaran; dialog antara agama, tema dan metodologi perbandingan agama dalam menyampaikan dakwah.

**MUHAMMAD FAIZ MUKMIN ABDUL MUTALIB**, pensyarah di Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS). Berkelulusan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Usuluddin di University of Qurawiyiyen Morocco, juga mempunyai Ijazah Sarjana (M.A) Usuluddin dan Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

